

83

KUMPULAN  
FOKUS SUBKY LATIF  
ISU 1977



KUMPULAN  
FOKUS SUBKY LATIF  
ISU 1977

Subky Latif

88888

ISBN 978-623-95442-0-0

BERHULU  
SUBKY LATIF  
PENERBITAN  
MIRGALAH

SYARIKAT PERNIAGAAN DESA,  
47, JALAN RAJA MUDA,  
KUALA LUMPUR.

© Subky Latif

Cetakan Pertama 1984

320-9595

SUE

333959

Dicetak Oleh PUSTAKA PENDIDIKAN IMI SDN. BHD.

Dengan Ingatan Hormat  
kepada  
Pak Khir Johari,  
Pengasas dan pelopor Watan

• • • •

## KANDUNGAN

|   |     |
|---|-----|
| Buruk baik Hussein Onn ke Kongres Berjaya .....               | 1   |
| UMNO Parit Buntar tolak Ghazali Jawi .....                    | 5   |
| Orang harapan Albar .....                                     | 11  |
| Barisan: Gagasan A. Rahman Yaakub .....                       | 17  |
| Peluang DAP di Perak .....                                    | 21  |
| Orang Datuk Hussein di Sabah .....                            | 25  |
| Membesarkan Perkara Kecil .....                               | 31  |
| Datuk Harun dengan Bank Bumiputera .....                      | 37  |
| Kalau seorang UMNO seringgit sebulan derma .....              | 41  |
| Sakit orang politik .....                                     | 47  |
| Ketua Pemuda PAS Perak .....                                  | 51  |
| USNO bagi orang Sabah .....                                   | 57  |
| Guling mengguling dalam UMNO .....                            | 62  |
| Ahli-ahli USNO mula sedar .....                               | 67  |
| Azam ahli-ahli USNO .....                                     | 71  |
| Sabah bagi Asia Tenggara .....                                | 76  |
| Kisah kumpulan tak bei politik .....                          | 81  |
| Adakah Tunku datang? .....                                    |     |
| Antara khidmat dan mencari rezeki .....                       | 91  |
| Munculnya Samy Vellu di tengah MIC .....                      | 96  |
| Perlumbaan merebut pengaruh Melayu .....                      | 101 |
| Perak mencari pimpinan .....                                  | 106 |
| Kegagalan PAS di bawah Asri .....                             | 112 |
| Tiba-tiba Marcos hendak Sabah .....                           | 117 |
| Antara PEKEMAS Tan Chee Khoon & PEKEMAS Ahmad Boestamam ..... | 122 |
| Ghani Ali juga sasaran Ghafar? .....                          | 127 |
| Apa dosa Abdul Ghani Ali .....                                | 132 |
| Asri ambil semua tanggungjawab .....                          | 137 |
| Yang memungkinkan Datuk Nasir terpecat .....                  | 143 |
| Kuasa rakyat dan kuasa wakil rakyat .....                     | 148 |
| Datuk Nasir pula bermain politik .....                        | 153 |
| PAS tolak formula Mahathir .....                              | 158 |
| Politik "tidak bermain politik" .....                         | 163 |
| Risiko memecat Menteri Besar Kelantan .....                   | 168 |
| Jawapan balas tulisan "Suara Bersatu" .....                   | 172 |
| Walaupun menulis dari Jalan Tunku Abdul Rahman .....          | 174 |
| Teknik "BN memecat PAS" .....                                 | 179 |
| Selamat jalan PAS .....                                       | 185 |
| Ujian besar bagi Harris .....                                 | 189 |
| Masalah Asri dan masalah Hussein Onn .....                    | 194 |

## PENDAHULUAN

SEGALA puji bagi Allah 'aza wajalla, yang dengan limpah kurniaNya memampukan saya mengumpul dan menyusun 'ISU 1977' inix sehingga ia dapat menjadi tatapan para pembaca.

ISU 1977 adalah kumpulan tulisan mingguan saya yang tersiar di ruangan khas 'Fokas Subky Latif Pagi Jumaat' di akhbar Watan dalam tahun 1977. Tahun itu adalah tahun pertama akhbar Watan diasaskan dan saya diberi kepercayaan oleh pemilik tunggalnya Encik Khir Johari bagi menjadi pengarangnya yang pertama. Dan atas galakannya juga ruang itu saya usahakan setiap minggu selagi Watan dibenarkan bernafas.

Kandungannya adalah memuatkan isu semasa yang terpenting sepanjang tahun itu dan boleh dikatakan yang diterbitkan semula ini hampir seratus peratus asli. Cuma sekelumit itu pembetulan di sana sini yang kebanyakannya dari tata bahasa dan teknik percetakan.

Koleksi rencana seperti ini diselanggarakan bagi merekodkan segala perkembangan secara sistematik dan ia, justru itu, dapat membantu khanah zaman melihat semula detik yang berlalu itu. Tidak semua peristiwa semasa dapat dicatatkan, disebabkan dunia yang serba pesat berkembang ini membawa berbagai isu nasional setiap minggu. Oleh kerana satu persoalan saja yang dapat disorot bagi seminggu, maka yang terpilih itu adalah yang difikirkan perlu diulas. Dengan demikian apa yang disentuh itu dikira mencerminkan perkembangan pilihan sepanjang tahun itu. Moga-moga ia dapat memberi manfaat.

Segala pandangan yang dirakamkan bertujuan mengajak pembaca merenung lebih jauh atas satu-satu persoalan. Kalau boleh disifatkan sebagai perbincangan, ia bolehlah dikira sebagai kertas kerja, yang sifatnya pembuka kata bagi memulakan majlis. Kertas kerja boleh diterima dan boleh ditolak, tetapi setiap majlis perbincangan memerlukan kertas perbincangan. Tanpa kertas perbincangan majlis tidak dapat berjalan sempurna.

Atas kesedaran itulah ulasan dalam rencana-rencana itu tidak semestinya seratus peratus tepat, kerana sifat penulisan seperti ini tidak membenarkan penulis menunggu lama bagi

mengetuk mesin taipnya. Isu semasa mesti diulas ketika itu juga kerana esok ada isu baru yang memerlukan kupasan sedangkan setahun kemudian ia sudah bersifat sejarah.

Setiap perkembangan terpaksa dikupas cepat, kerana isu itu sendiri berkembang pantas, yang kalau tidak diulas nantinya perkembangan itu terlalu sukar untuk diikuti dan sukar pula dikawal. Kerana perkembangan yang pantas itu juga, maka pandangan yang dibuat hari ini atas isu tertentu akan tidak sama lagi dengan pandangan yang dibuat esok atau seminggu kemudian.

Rencana-rencana yang tersiar itu dalam banyak hal boleh menguasai perkembangan itu sendiri. Satu cadangan boleh dilaksanakan kalau rencana yang mengulasnya menyertujuinya, dan kadang-kadang ia boleh dibatalkan bila terdapat teguran dari para pengulas. Atas kesedaran inilah tamaddun manusia yang berkembang maju memerlukan juru ulas bagi menentukan arah sesuatu perkembangan. Tidak dapat ditolak bahawa ulasan awal itu telah memberikan sumbangan positif kepada orang ramai untuk memahami setiap perkembangan di sekitarnya. Ia dapat membantu manusia mencari arah sendiri berpandukan kepada kemungkinan-kemungkinan yang disarankan oleh rencana-rencana itu.

Penulis menyarankan sesuatu berdasarkan maklumat yang diterima, kekuatan pembacaan dan kemampuannya berfikir bebas dan tegas. Sarannanya tidak semestinya sama dengan orang lain, tetapi kesempatan pembaca meneliti berbagai-bagai ulasan dari berbagai-bagai pihak, membuka ruang yang luas untuk orang ramai membuat ketentuan dan memahami persoalan semasa.

Moga-moga pembaca dalam Bahasa Malaysia boleh memahami masalah alam sekitarnya dengan rencana-rencana yang pernah disiarkan itu, dan dengan demikian mereka tentunya tidak ketinggalan jauh dari golongan pembaca dalam bahasa-bahasa lain.

Bagi membolehkan tahun-tahun berikutnya terus dapat diikuti, maka usaha-usaha pengumpulan sedang dibuat supaya detik peristiwa tahun-tahun itu direkodkan sama, Insya Allah.

Subky Latif,  
Kuala Lumpur, 25 Februari, 1984

# J

## BURUK BAIK HUSSEIN ONN KE KONGRES BERJAYA

WATAN 4 Mac, 1977

BERJAYA begitu bersabar untuk menunggu kedatangan Datuk Hussein Onn ke Sabah.

Ia tidak jadi mengadakan kongresnya kerana menunggu kedatangan Perdana Menteri yang menjadi pemangku Pengurus Barisan Nasional itu.

Kongres itu mulanya hendak diadakan tahun lalu — akhir tahun. Banyak persiapan sudah dibuat, tetapi Datuk Hussein tidak dapat hadir kerana terpaksa keluar negeri, maka kongres itu ditunda.

Dan selepas itu ada satu tarikh lain. Itu juga ditunda.

Sekarang sudah jelas bahawa Datuk Hussein tidak dapat mengelak lagi dan beliau akan ke Sabah. Berjaya pun mengadakan kongresnya yang antara lain akan menentukan siapa akan menjadi Presiden — rasanya Datuk Harris Salleh.

Sebelumnya ada khabar James Ongkili akan dicalonkan, tetapi awal-awal lagi beliau sudah menolak dan beliau sedia menerima pimpinan Datuk Harris.

Politik Sabah dewasa itu terus kacau dan Barisan Nasional belum dapat berbuat apa-apa untuk mere-

dakan pergeseran itu. Barisan sudah menghantar En. Ghafar Baba, En. Adib Adam dan Datuk Musa Hitam bagi membawa penyelesaian, tetapi belum juga ada sesiapa yang berjaya.

Sebaliknya masing-masing balik dengan menambahkan problem masing-masing.

Sekarang Datuk Hussein mahu pergi sendiri. Tentunya dia terpaksa pergi kerana Sabah adalah sebahagian dari wilayah Malaysia yang harus didatangi oleh Perdana Menteri dari semasa ke semasa.

Tetapi kunjungan ini diadakan menjelang kongres Berjaya dan beliau akan merasmikan kongres itu.

Kedatangan Datuk Hussein boleh memberikan satu perkembangan yang baru. Ia boleh menyelesaikan masalah kalau ada usaha untuk berbuat demikian walaupun susah.

Bagaimana pun adalah sulit bagi ny untuk menyelesaikan keadaan yang sudah terlalu sulit sekarang. Datuk Hussein sendiri sudah melihat betapa calon Barisan yang di restuinya sendiri telah ditolak oleh Berjaya.



*Pertemuan dari hati ke hati antara pemimpin USNO dan pemimpin UMNO.*

Datuk Hussein tidak berkata apa-apa tentang perkara itu. Selalunya bila ada pilihanraya kecil, Perdana Menteri akan berkata sesuatu terhadap keputusannya dan keputusan Kimanis itu langsung menyebabkan beliau tak berani untuk berkata apa-apa.

Mungkin kalau Perdana Menteri membuat lawatan lebih awal dari pilihanraya kecil itu peristiwa Kimanis tidak akan timbul.

Atas alasan apapun Berjaya sudah menolak kemahuan Datuk Hussein di Kimanis. Berjaya mengemukakan soal calon. Mereka tidak setuju dengan calonnya – Haji Abdul Karim Ghani. Pencalonan ini menurut pihak Berjaya tidak pernah dirundingi oleh Barisan Pusat.

Soalnya sekarang satu saja. Boleh jadi benar mereka tidak dirundingi. Tetapi kalau dirundingi adakah Berjaya sanggup menerimanya. Dan kedua, soal calon tadi adalah satu alasan saja, yang pokoknya Berjaya tidak mungkin menerima siapa saja dari USNO.

USNO boleh meletakkan calon lain. Katakanlah Tan Sri Said Keruak. Dia juga akan ditolak, alasannya nanti soal calon juga. Dan katakanlah Datuk Harris yang tiba-tiba masuk USNO semula, akan ditentang juga oleh Berjaya, alasannya juga percayalah – calon juga.

Sekarang yang menang ialah A.K. Aliuddin. Kalaukah Aliuddin jadi calon USNO? Dia juga dilawan dari belakang oleh Berjaya. Oleh itu

soal calon bukan alasan. Berjaya tidak dapat menerima yang lain dari Berjaya. Itu saja.

Dan sekarang, dalam keadaan yang sudah berkecamuk ini, Datuk Hussein akan ke Sabah. Ia seperti yang dikatakan tadi akan membuat sesuatu bagi meredakan politik di sana.

Tetapi apakah reaksi di kalangan politik di Sabah akibat dari pemergian itu. Ada suka dan ada yang tidak suka.

Di Semenanjung, orang-orang yang menentang konco-konco Datuk Abdullah Ahmad seperti Pemuda UMNO, Raja Nasrun dan orang-orang yang sealiran dengan Allahyarham Tan Sri Syed Jaafar Albar tidak senang dengan pemergian itu.

Syed Ali Albar dari UMNO Damansara sudahpun mengeluarkan kenyataan menasihatkan Datuk Hussein supaya jangan ke Kongres Berjaya itu. Dan Datuk Hussein adalah orang yang tidak mahu membuat sesuatu yang dipressure.

Mungkin ada terlintas di hatinya tidak mahu pergi, tetapi kalau ada pressure yang melarangnya pergi, kerana dia tak mahu dilihat orang yang dia dipressure maka ini boleh menguatkan dia akan pergi. Itulah sifat yang patut kita faham dengan Perdana Menteri kita itu.

Dan suara Syed Ali Albar tadi sudahpun disambut oleh orang USNO di Sabah. Mereka tidak senang dengan pemergian Datuk Hussein itu.

Tetapi kalau Datuk Hussein nak pergi juga apa mereka boleh buat. Itu haknya, masakan Perdana Menteri pun tak boleh bertindak sendiri.

Tetapi sebarang pemergian Datuk Hussein ke satu majlis Berjaya akan menjadi rotan kepada USNO. USNO sudahpun menegaskan bahawa pemergian Datuk Hussein ke kongres Berjaya akan menyulitkan USNO untuk kembali berkuasa.

Dalam keadaan yang ada, Datuk Hussein tak pergilah USNO memang sulit untuk naik balik. Dan kalau pergi, tentulah macam meletakkan batu besar ke kepala USNO.

Sebaliknya orang-orang Berjaya tersangat ghairah untuk menerima kedatangan Datuk Hussein itu. Di Semenanjung, orang-orang yang terlibat dengan penubuhan Berjaya dulu, walaupun setengahnya kini di-tahan, adalah sangat gembira.

Sebabnya seperti yang saya katakan tadi akan memberi satu kemangunan besar kepada Berjaya. Berjaya kerana ia kerajaan dan kerana faktor-faktor yang ada di Sabah tidak membolehkan parti yang macam UNSO itu menang.

Parti macam USNO itu cuma boleh menang sekali saja seumur hidup. Bawa siapa juga, atas alasan apa juga, faktor-faktor yang ada tidak membolehkan USNO yang sudah jadi bubur itu untuk menang semula.

Tetapi Barisan Nasional, kerana ia badan gabungan yang merang-

kum dan mencatumkan semua parti-parti itu tentulah mempunyai tanggungjawab untuk melihat setiap kerabatnya tidak mati begitu saja.

Oleh itu terpaksalah pemimpin-pemimpinnya memerhatikan apakah penglibatan masing-masing tidak menyinggong pihak lain. Pemimpin Barisan seperti Datuk Hussein Onn umpamanya adalah laksa-na bapa.

Bapa tidak boleh bersikap memihak. Ia harus adil kepada anak kuat dan anak lemah. Kalau perbuatan bapa menghampiri satu anak

dan dengan demikian ia menyulitkan anaknya yang lain, maka ia telah tidak berlaku adil kepada anaknya yang satu lagi itu.

Sekarang Perdana Menteri sudah mengaku untuk pergi, dan untuk membatalkan tentulah susah. Muah tak mahu beliau terpaksa pergi.

Mahu tak mahu Datuk Hussein mesti merasmikan Kongres Berjaya. Kerana dia sudah berjanji.

Tetapi Perhimpunan Agung USNO bulan Mei nanti jangan lupa. Datuk Hussein akan pergi pula. Kalau tak pergi, tidak sempurnalah sifatnya sebagai seorang bapa.

---

---

Nota:

Sebagai yang dirancang Datuk Hussein Onn menunaikan janjinya merasmikan kongres Berjaya. Ia suatu kemenangan kepada Berjaya.

Bagaimanapun USNO menuntut agar Perhimpunan Agungnya tahun itu dirasmikan oleh Datuk Hussein Onn juga. Ia disetujui oleh Datuk Hussein. Tetapi menjelang perhimpunan itu Datuk Hussein diserang sakit kepala, maka beliau mengirim

Datuk Seri Dr. Mahathir menggantikannya.

Kehadiran pemimpin-pemimpin Barisan dari Kuala Lumpur tidak berjaya meredakan perbedaan di kalangan kerabat Barisan di Sabah. Seperti yang diramal bahawa harapan USNO untuk kembali berkuasa adalah tipis disebabkan oleh suasana di negeri itu. Ramalan ini nam-paknya tepat.

# UMNO PARIT BUNTAR TOLAK GHAZALI JAWI

WATAN 18 MAC 1977

Apakah cara yang hendak dibuat oleh UMNO Parit Buntar dan Perhubungan UMNO Perak bagi melaksanakan keputusan Majlis Tertinggi malam Khamis (10 Mac) lalu?

Kendurikah atau sekadar mengadakan perjumpaan damai di Kediaman Menteri Besar di Ipoh?

Apapun caranya, ia akan diberi perhatian kerana inilah pertama kali dalam sejarah UMNO selepas Dasar Ekonomi Baru ini, UMNO Bahagian meluluskan undi tidak percaya kepada Ketua Perhubungan.

Dalam dunia demokrasi, undi tak percaya ini adalah perkara yang sudah selalu didengar. Tetapi dalam UMNO hal seperti ini jarang. UMNO selalu ada krisis. Dan istilah komplotpun adalah suatu yang biasa dalam UMNO.

Undi tidak percaya ada dilakukan terhadap Datuk Harun Idris dalam Sidang Dewan Undangan Negeri tahun 1976. Tetapi ia adalah sesuatu yang diilhamkan dari atas.

Tetapi yang di Parit Buntar ini adalah suatu yang datangnya dari penanam padi dan penangkap ikan darat. Mereka orang bawah dan tergemark meluluskan undi tidak percaya kepada Tan Sri Ghazali Jawi, Menteri Besar pilihan Ibu Pejabat UMNO dan Ibu Pejabat Barisan Nasional Kuala Lumpur.

Dalam apa keadaan pun, Tan Sri Ghazali sejak tahun 1974 mendapat sokongan dari pemimpin-pemimpin pusat. Apakah dia diterima oleh UMNO Perak mulanya tidak menjadi hal. Tetapi bila seseorang itu menjadi Menteri Besar maka dengan sendirinya dia mudah meletakkan UMNO di negerinya mengikut kehendaknya.

Walaupun pada mulanya UMNO Perak rata-rata mempertikai langkah menghantar pulang Tan Sri Ghazali Jawi, tetapi dengan sokongan Kuala Lumpur, maka beliau dapat meletak-

kan sekalian Ketua Bahagian di bawah daerah pengaruhnya. Dengan sendirinya UMNO pun bersatulah di belakangnya pada zahirnya.

Entah bagaimana Ketua UMNO Bahagian Parit Buntar terdiri dari Anggota Parlimen, Sulaiman Taib, En. Ismail Raof, anggota Exco Negeri Perak tidak terpilih menjadi Ketua Bahagian. Oleh itu sulit sedikit bagi Ketua Perhubungan itu untuk menekankan pengaruhnya di situ.

Dan bila timbul saja sesuatu yang berlawanan, maka masing-masing cuba menegakkan haknya. Tentulah dalam masalah ini hak yang sahlah yang menang.

Kejadian mengundi tidak percaya kepada Ketua Perhubungan itu mungkin suatu yang tidak menyenangkan bagi pemimpin itu sendiri dan pada umumnya ia adalah satu contoh menggugat orang atas dari orang bawah.

Saya tidak mengatakan Sulaiman Taib dan rakan-rakannya yang hak dalam pertikaian ini. Tetapi Sulaiman Taib cuba melawan sesuatu yang dirasakannya tidak betul. Dan apa yang cuba disuarakannya itu disokong oleh lain-lain jawatankuasa bahagian itu.

Kiranya apa yang dibuat oleh Sulaiman Taib itu tidak betul, masakan orang lain mahu mengikutnya. Kalau lain-lain ketua bahagian dapat dipatahkan oleh Tan Sri Ghazali apakah yang menyulitkan untuk mematahkan Sulaiman Taib. Lagi pun dia bukanlah gagah sangat dibandingkan dengan Tan Sri Ghazali.

Tetapi dalam masalah ini ia ada hubungannya dengan apa yang terpendam dalam hati orang-orang UMNO. Kebanyakan orang-orang UMNO di peringkat cawangan dan bahagian tidak punya banyak kuasa penentu selain meluluskan apa yang dicadangkan dari atas.

Umpamanya dalam kes pemilihan calon Ketua Bahagian Panti yang terakhir dulu, seorang calon ditonjolkan oleh pihak atas untuk menentang Allahyarham Tan Sri Jaafar Albar. Orang semua marah kepada calon itu, dia asalnya seorang yang setia dengan Albar. Tetapi kerana orang-orang ini mengikut apa yang diarahkan dari yang lebih atas, maka dia terpaksa ikut saja.

Dalam menentukan siapa hendak pergi ke sidang perwakilan Bahagian dan ke Perhimpunan Agung umpamanya, ahli-ahli UMNO sudah mulai kurang suara. Siapa yang diisyaratkan oleh

setengah Ketua Bahagian, maka orang itulah yang akan terpilih.

Kemudian Ketua-Ketua Bahagian pula banyak yang men-desak dan mengugut Ketua-Ketua Cawangan jangan buat itu dan jangan buat ini.

Segala-segalanya ini dilakukan pada mulanya adalah untuk tujuan menjaga disiplin. Dengan itu kuranglah krisis. Tetapi keadaan ini lama kelamaan menyebabkan UMNO di peringkat rendah tidak lebih dari melakukan sesuatu yang diarahkan dari atas.

Pemilihan Ketua Perhubungan datangnya dari pilihan atas. Ia tidak dipilih dari bawah. Benar ini menyenangkan sepanjang yang berhubung dengan disiplin tadi.

Ia mungkin baik buat satu masa dan dapat mengatasi masalah buat satu masa. Ia juga praktikal dalam suasana seorang Ketua Perhubungan itu pemimpin yang hakiki, maksudnya diterima oleh semua pihak, dan dia sendiri sempurna serba serbi dari aspek kepimpinan tadi.

Tetapi bagi pemimpin yang lemah yang hanya boleh menge-kalkan kuasa dan kedudukan melalui terlalu banyak politiking, maka cara yang terpakai itu membolehkan sesuatu yang tidak sihat berlaku. Umpamanya kalau seorang itu macam Datuk Abdullah Ahmad stylanya, bukankah macam-macam boleh berlaku.

Atau seorang berwatak diktator umpamanya kalau terpilih memegang jawatan itu boleh menjadikan sistem yang terpakai nanti tidak selari dengan yang dicita-citakan oleh UMNO.

UMNO tentulah bercita-cita melihat rakyat boleh menikmati kebebasan dan berfikir secara sihat di samping menikmati lain-lain hak yang dibenarkan oleh perlombagaan.

Tetapi kalau UMNO tidak berjalan secara yang dicita-cita-kan tadi, maka nanti kita akan mendapati adanya ahli-ahli UMNO yang robot yang tidak boleh berfikir sendiri.

Negeri Perak itu sendiri adalah sebaik-baik contoh untuk jadi perbandingan. Kerana UMNO dari mula tidak menggalakkan perkembangan sihat dalam parti, maka hari ini berapa orangkah dalam Dewan Undangan Negeri yang boleh berfikir rasional yang setanding kelibertya dengan ahli-ahli politik yang terkemuka di tanahair.

Tidak bertujuan merendah-rendahkan wakil-wakil rakyat, tetapi bercakap dari kepentingan nasional, apakah kita bangga

dengan anggota dewan yang ada di Perak itu?

Perak memerlukan pembangunan dan dalam keadaan yang sama ia berhadapan dengan soal keselamatan yang serius. Kiranya tiada Tan Sri Ghazali Jawi, siapakah yang boleh menghadapi segala masalah yang ada dengan tidak ditunjuk ajar oleh Kuala Lumpur.

Betul memerintah negeri akan dilakukan oleh Setiausaha Kerajaan tetapi Setiausaha Kerajaan yang memerlukan panduan yang nyata dari orang politik. Mana ada masa Setiausaha Kerajaan hendak mengajar apa Menteri Besar patut buat dan apa Exco patut buat.

Semua orang boleh jadi Menteri Besar seperti juga semua orang boleh jadi Perdana Menteri, tetapi berapa orangkah yang dapat menjadi Menteri Besar terbilang.

Oleh yang demikian suara Parit Buntar itu adalah contoh lain-lain suara bawah yang belum terkeluar. Kalau hal-hal serupa ini tidak diperhatikan, maka adalah ditakuti nanti segala keputusan UMNO tidak mencerminkan pendapat rakyat walaupun wakil rakyat diundi oleh rakyat.

Sehingga ini masih boleh kita dakwa demokrasi UMNO itu demokrasi rakyat. Tetapi sudah ada tanda-tanda yang demokrasi itu kalau tidak di hati-hati ia akan jadi demokrasi ningrat. Itulah ketikanya Perhimpunan Agung UMNO tidak lebih dari 'rubber stamp' untuk meluluskan apa yang dirancang oleh Majlis Tertinggi.

Menyuruh ahli-ahli UMNO jangan mengulangi perbuatan Parit Buntar baik, tetapi Majlis Tertinggi patut pergi lebih jauh dari itu.

---

---

---

#### Nota:

Majlis Tertinggi UMNO menggantung jawatankuasa Bahagian Parit Buntar dan mengambil alih pentadbirannya. Bila Datuk Seri Dr Mahathir menjadi Pengurus Perhubungan UMNO Perak menggantikan Tan Sri Ghazali Jawi yang berhenti dari Menteri Besar dan Pengurus Perhubungan UMNO Perak, bahagian itu ditadbirkan terus dari perhubungan negeri.

Sulaiman Taib dan lain-lain tokoh UMNO Bahagian yang bertikai digugurkan dari menjadi calon dalam pilihanraya 1978.

En. Idris Raof menjadi Anggota Parlimen baru. Tetapi krisis tidak juga selesai sehingga Idris Raof juga terpaksa pula digugurkan dari pencalonan pilihanraya 1982.

Hanya awal tahun 1984 barulah pimpinan UMNO Bahagian itu dipulihkan serentak dengan langkah mengembalikan UMNO Perak kepada orang Perak.

Perkembangan di Parit Buntar itu ikut memberikan saham kepada pengunduran Tan Sri Ghazali Jawi dari pimpinan UMNO dan kerajaan Perak.



*Tan Sri Syed Jaafar Albar.*

## ORANG HARAPAN ALBAR

WATAN: 25hb. Mac, 1977.

MINGGU-MINGGU awal peninggalan Allahyarham Tan Sri Jaafar Albar (pada 14 Januari, 1977), semua perhatian tertumpu kepada Haji Suhaimi Datuk Kamaruddin yang memangku Ketua Pergerakan Pemuda UMNO.

Secara otomatis dia menjadi jurucakap Pemuda UMNO dan secara otomatis pula dialah yang jadi ketua Pemuda yang baru dalam apa acara sekalipun. Mulai dari tarikh itu kalau ada mesyuarat, maka kerusi yang diduduki mestilah lebih besar dari kerusi orang lain.

Perhatian serta merta diberi kepadanya kerana mengetuai sayap kanan UMNO itu adalah satu peranan terlalu penting dalam menentukan politik negara.

Memang dari mula dunia kita mengenal politik, maka peranan Pemuda UMNO ini memang terlalu penting dan apa lagi bila ia begitu berjaya mengketengahkan dirinya menekankan segala kehendaknya.

Watak Haji Suhaimi memang sudah dikenal sejak beliau mula cergas dalam UMNO. Haji Suhaimi tidak segan-segan meneriakkan

'Allahu Akbar' bila-bila masa dalam dewan mesyuarat. Dan kemampuannya untuk menyuarakan sesuatu dengan lantang juga sangat mengagumkan ramai peminat politik.

Bila mati saja orang tua itu — Allahyarham Tan Sri Syed Jaafar Albar — maka Haji Suhaimi beroleh tempat dan peluang untuk menguji bakat sebagai seorang ahli politik.

Selain dari wataknya yang tersendiri itu perhatian orang ialah kerana hubungan eratnya dengan Datuk Harun Idris dan penglibatannya yang nyata dalam membela kedudukan Datuk Harun dalam masalah yang dihadapi oleh pemimpin itu.

Kemenangan untuk menjadi Naib Ketua Pemuda mengalahkan En. Mokhtar Hashim dalam pemilihan yang lalu adalah juga disebabkan oleh pendiriannya yang nyata terhadap pembelaan ke atas Datuk Harun. En. Mokhtar ketika itu sudah jadi Timbalan Menteri tetapi kerana beliau tidak menyatakan pendirian yang jelas dalam kes Datuk Harun itu maka dia kurang bernasib baik.

Demikian juga keadaan Datuk Mohamad Rahmat yang memangku jawatan Ketua Pemuda ketika itu, kerana tidak dapat berbuat banyak untuk membela Datuk Harun, walaupun kemasukanya dalam Exco Pemuda dulu asalnya melalui pemilihan Datuk Harun sendiri, maka dia juga tidak mendapat pembelaan dari deligasi Pemuda UMNO.

Dalam suasana seperti inilah Haji Suhaimi menjadi pemimpin Pemuda UMNO dalam ujian. Kiranya beliau lulus semua ujian, maka kekallah dia memimpin badan itu, tetapi kalau dia tidak lulus, jadilah dia macam Datuk Mohamad Rahmat atau lain-lain bekas pemimpin Pemuda UMNO yang sudah tidak terbilang.

Cabarannya yang pertama yang dihadapi oleh Haji Suhaimi dan rakan-rakannya ialah untuk menyelesaikan wasiat Tan Sri Jaafar Albar. Sebelum menghembuskan nafasnya yang akhir Allahyarham mahu supaya kes Datuk Harun diselesaikan.

Dan sesudah orang tua itu meninggal, maka berkumpul-kumpullah anggota Pemuda UMNO mencari jalan bagaimanakah cara paling baik untuk melaksanakan wasiat yang sememangnya menjadi kesukaan Pemuda UMNO itu. Kalau Albar tak berwasiat pun, memang itu nak mereka fikirkan.

Datuk Harun sendiri agak ghairah untuk melepaskan diri

dalam keadaan yang ada. Tentu lah beliau terlalu suka kalau ada usaha dari mana-mana pihak juga untuk menyelesaikan masalahnya yang juga menjadi masalah ramai orang lain sama.

Allahyarham Tan Sri Syed Jaafar Albar sudah membawa masalah Datuk Harun ini ke merata tempat sehingga ia seolah-olah sudah menjadi masalah nasional, kerana Albar itu sendiri seorang yang sudah terlalu dewasa dan matang, maka usahanya tidak merupakan suatu yang dibuat atas sebab-sebab sentimen pro-Harun, dan payah sekali orang hendak menuduhnya sebagai harunis (pengikut Datuk Harun).

Apa juga yang dilakukan oleh Albar adalah sesuai dengan hasratnya untuk menjadi jambatan menyambung antara yang saling bertentangan. Dan kalaupun dia dan Datuk Harun bertemu dan mungkin pertemuan itu membincangkan cara mana Datuk Harun boleh dilepaskan adalah pertemuan dua orang ahli politik bagi mencari satu titik pertemuan.

Sesungguhnya Albar ada memberi rasa rehat kepada Datuk dengan hujah-hujah yang dibawanya. Albar mahu Harun dibebaskan atas sebab-sebab keadilan yang menyeluruh. Albar tidak pernah menghujah kes Datuk Harun, yang selalu dipertikaikannya ialah mengapa Datuk Harun saja yang diseret.

Dan apakah munafaat kerajaan UMNO membicarakan pemimpin UMNO yang seorang itu sedang pemimpin-pemimpin UMNO yang lain tidak diapa-apakan. Logik Albar mudah, kalau Datuk Harun jenayah, orang lain juga jenayah. Kalau Datuk Harun dihukum orang lain juga patut dihukum.

Dan Albar sudah tidak ada lagi untuk meneruskan kerja-kerja itu dan ia disambung pula oleh Pemuda UMNO Selangor dengan mengemukakan syor supaya dipulihkan Datuk Harun.

Pada mulanya semacam ada kekuatan Datuk Harun untuk memenangi sokongan ramai. Dan ternampak kekuatannya melalui banyak cawangan UMNO yang menjemputnya untuk merasmikan mesyuarat agung.

Tetapi bila cadangan Pemuda UMNO Selangor mahu memulihkan Datuk Harun itu kemudiannya ditolak oleh Majlis Tertinggi dan Pemuda UMNO pusat tidak dapat berbuat apa-apa, ternampak usaha memulihkan Datuk Harun tadi sedikit lemah dan kini semacam tidak ada jalan keluar.

Seolah-olah perjuangan yang sudah berbentuk nasional tadi sudah menjadi satu masalah negeri Selangor saja. Pemuda-pemuda UMNO di luar Selangor tidak menentang, tetapi tidak ada yang memberi sokongan.

Masing-masing berkecuali atau tidak punya sikap yang tertentu,

jauh sekali mahu bergerak kedepan untuk menyuarakan hal itu. Kalau orang sokong mereka sokong. Kalau orang berkecuali, mereka pun berkecuali.

Perjuangan memulihkan Datuk Harun tadi akhirnya diserahkan kepada Haji Suhaimi atas sifatnya Pemangku Ketua Pemuda, Haji Suhaimi sendiri menerima sesuai dengan kepercayaannya selama ini.

Tetapi rasanya Haji Suhaimi sendiri berpolitik lurus dalam masalah ini. Beliau sepatutnya tidak mengambil sendiri perkara itu. Biarkan masalah itu dibawa oleh orang lain, seperti Datuk Najib atau En. Rais Yatim umpamanya supaya perkara itu lebih terbuka.

Kalau perkara itu dijadikan satu dari perkara yang diketengahkan oleh Datuk Najib, tentu politiknya agak berbeda sedikit. Meskipun Datuk Najib menyuarakan perkara yang diarahkan oleh Pemuda UMNO, ia akan menyebabkan lain pihak sulit untuk mendiamkan hal itu.

Antara sebabnya ialah Datuk Najib itu anak Tun Razak, dan orang memang belum mahu berlawan dengannya kerana segangkan Tun Razak. Nilai perjuangan nanti agak tinggi. Begitu juga kalau En. Rais Yatim kerana beliau sendiri adalah Timbalan Menteri Undang-undang yang sedikit sebanyak menyulitkan orang di Jabatan Perguam Negara untuk bertindak bebas.

Kalau anak Tun Razak atau Tim-

balan Menteri memperjuangkan pemulihian Datuk Harun, tentulah pandangan orang agak berbeda. Tetapi kalau Haji Suhaimi, walaupun dia Pemangku Ketua Pemuda, tetapi kerana dia pula anak abang Datuk Harun, maka perjuangan nasional tadi sudah dipersempit hingga ke peringkat keluarga.

Orang berkata, Haji Suhaimi berjuang kerana pak saudaranya. Walau pun anggapan seperti itu jahat, tetapi politik memang begitu. Sulit bagi Haji Suhaimi untuk berbuat sesuatu.

Tambahan pula baru-baru ini Datuk Harun sendiri menyeru ahli-ahli UMNO supaya menyokong Datuk Hussein, maka Haji Suhaimi yang selalunya pro-Harun terpaksa menyokong Datuk Hussein kerana mendengar logik seruan Datuk Harun.

Itulah sebabnya sekarang perjuangan memulihkan Datuk Harun

sudah bertambah sulit dari keadaan sebelumnya.

Dan yang mempersulit itu buninya ialah teknik Pemuda UMNO yang seolah-olah macam mencabar proses keadilan. Dan akal Albar masih ada mungkin juga hal ini sukar hendak dielakkannya, tetapi sudah terbukti sekarang hal ini berlaku sesudah ketiadaannya.

Macam mana hendak bergerak sekarang. Haji Suhaimi dalam ujian. Kiranya Haji Suhaimi dapat memecahkan masalah ini, maka terbilanglah Haji Suhaimi. Dan tidak terhalang baginya memanjat tangga pucuk pemimpin UMNO yang sesungguhnya kering dengan pimpinan muda.

Dan kalau dia tidak dapat mencari jalan keluar, dia akan menjalani hidup yang senang seperti Datuk Mohamad Rahmat yang menumpukan penuh masa dengan kerja pemerintahan.

---

NOTA: Setelah memangku jawatan Ketua Pergerakan Pemuda UMNO satu setengah tahun, Haji Suhaimi – kemudian bergelar Datuk – telah disahkan menjadi Ketua yang baru hingga beliau tewas di tangan Anwar Ibrahim bulan Jun 1982.

Beliau berjaya menewaskan Datuk Syed Nahar Shahbuddin tahun 1978 dan Datuk Harun Idris

tahun 1980 untuk menjadi ketua Pemuda UMNO.

Beliau dikira gagal untuk mengimbangi pimpinan Datuk Harun dan Aliahyarham Tan Sri Syed Jaafar Albar. Malah beliau dikira tidak bermaya untuk menunaikan wasiat Tan Sri Albar.

Selepas peninggalan Albar, Datuk Harun kalah dalam per-

bicaraan dan telah dipenjarakan. UMNO terus membela bagi memuliakan Datuk Harun, tetapi peranan Haji Suhaimi tidak ketara. Dia tidak lagi dikira sebagai orang dalam kehmah Datuk Harun.

Datuk Harun telah diampunkan sempena hari kemerdekaan ke 25, tetapi sangat sukar bagi Haji

Suhaimi mendapat apa-apa kredit dari perkembangan itu.

Selama enam tahun Haji Suhaimi memimpin Pemuda UMNO, nama Datuk Harun sebagai legenda hidup dalam pertubuhan itu hampir terkikis. Demikian kesan politik Haji Suhaimi.



*Tun Patinggi Abdul Rahman Yaakub.*

## BARISAN GAGASAN A. RAHMAN YAAKUB

WATAN, 1hb. April, 1977.

DALAM RENCANA pengarang Watan Selasa lalu telah disentuh secara padat usaha keras Datuk Patinggi Datuk Abdul Rahman Yaakub untuk menyatukan tiga buah parti politik yang bergabung dengan Barisan Nasional di Sarawak iaitu PBB yang dipimpinnya sendiri, SUPP yang dipimpin bersama oleh Tan Sri Ong Kee Hui dan Stephen Yong dan yang baru saja menyertai gabungan itu SNAP yang dulunya dipimpin oleh Stephen Kalong Ningkan.

Tujuan besar Datuk Patinggi menganjurkan penyatuan itu ialah sudah tiba masanya parti-parti yang mewakili kaum-kaum terbesar di wilayah itu duduk dalam satu parti yang lebih besar yang tidak berkorak perkauman.

Apa yang diutarakan oleh Datuk Patinggi itu nampaknya tidak semata-mata dalam bentuk merisik, tetapi ia sudah nampak macam satu cadangan yang sudah boleh dilaksanakan dalam masa kurang dari dua tahun ini.

Memandangkan dari beberapa kenyataan Datuk Patinggi berhu-

bung dengan perkara itu, seolah-olah ia suatu yang pasti walaupun lain pihak nampaknya belum membuat apa-apa penjelasan.

Yang menjadi perhatian, apakah suasana senyap dari SUPP dan SNAP sehingga ini dapat dikira sudah bersetuju dengan cadangan Datuk Patinggi itu, atau Datuk Patinggi sudah merisiknya sebelum beliau mengeluarkan kenyataan.

Walau apapun yang berlaku, dewasa ini memang benar Datuk Patinggi dapat menguasai politik negeri Sarawak dan beliau memang mempunyai hubungan erat dengan setiap pemimpin.

Hubungan yang erat itu terjalin kerana kerelaan Datuk Patinggi untuk bertolak ansur dan berkongsi memerintah Sarawak. Dia tidak teragak-agak untuk mengangkat Datuk Stephen Yong untuk menjadi Timbalan Ketua Menteri bila SUPP sedia menubuhkan kerajaan campuran tahun 1970.

Dan sekarang pun Datuk Patinggi memberi kepercayaan kepada pemimpin SUPP dan SNAP untuk menjadi Timbalan Ketua Menteri.

Banyak acara-acara rasmi yang sepatutnya Datuk Patinggi hadir, tetapi beliau telah diwakilkan oleh tokoh-tokoh dari SUPP dan SNAP.

Sikap memberi kebebasan dan mewakilkan kuasa itu menyebabkan parti-parti yang dulunya bermusuh dengan Datuk Patinggi kini menjadi penyokongnya yang kuat dan sanggup bersama dalam segala urusan membangunkan Sarawak.

Apakah tiap-tiap parti mempunyai hak yang sama dalam semua hal adalah suatu hal yang lain, tetapi mereka nampaknya mempunyai peluang untuk menjalankan khidmat secara hormat menghormati.

Kedaaan-keadaan yang ada di Sarawak yang dulunya telah memaksa beliau mengadakan runtungan dan membentarkan anggota komunis menjalani pemulihian hidup biasa.

Perkembangan ini adalah satu percubaan yang paling menarik hati dan dari langkah itu Sarawak agak reda dari menghadapi ancaman komunis. Meskipun komunis masih ramai, tetapi adanya sekumpulan besar kembali ke dalam masyarakat, menyebabkan ada peluang bagi kerajaan menghadapi soal pembangunan.

Walaupun kepercayaan orang-orang komunis yang kembali ke masyarakat biasa itu tidak dapat dilekang dari jiwa masing-masing, tetapi adalah suatu yang boleh ditimbangkan kalaularah mereka tidak mengembangkan kepercayaan itu



*DR. LIM CHOONG EU*

kepada orang lain.

Saya bersetuju dengan fikiran bahawa kita tidak boleh menghalang mana-mana pihak untuk menganut apa juga kepercayaan termasuk komunis. Tetapi yang kita cuba halang ialah mereka yang memaksa orang lain menerima kepercayaan itu.

Dan sesudah beberapa tahun perkembangan itu berlangsung maka kini dapat Datuk Patinggi tidak menghadapi apa-apa kekeciwaan dari mereka yang kembali ke pangkuhan masyarakat itu.

Dan dari kejayaan-kejayaan itu lah rasanya yang mendorongkan Datuk Patinggi melakukan satu lagi percubaan politik yang nantinya boleh mengekalkan namanya dalam sejarah sebagai seorang yang sanggup membuat apa juga pengorbanan

dan percubaan untuk meletakkan Sarawak dalam peta wilayah-wilayah yang berjaya.

Berdasarkan dari kejayaan lalu saya yakin Datuk Patinggi boleh mengadakan muafakat dengan lain-lain pihak. Kesanggupan pemimpin-pemimpin radikal Sarawak terutama dari SUPP untuk menjadi puak yang lebih sederhana dan sanggup berunding bagi menyelesaikan masalah adalah satu perkara yang sangat menarik perhatian.

Seperti yang disebutkan dalam rencana pengarang Watan itu bahawa ini adalah satu percubaan Sarawak untuk memulakan sebuah parti berbagai kaum yang boleh berkuasa.

Kebanyakan parti-parti yang mendapat tempat dalam politik negara sekarang ialah yang berbentuk perkauman walaupun mereka namanya berpandangan luas.

Yang perkauman cuma partinya, tetapi orangnya sesudah berada di luar dari pengaruh parti tadi adalah seorang yang tidak dikongkongi oleh rasa perkauman.

Tunku Abdul Rahman adalah bekas pemimpin sebuah parti perkauman UMNO. Tetapi apakah dalam perjuangannya dia seorang yang perkauman. Tun Tan Siew Sin adalah pemimpin MCA yang juga perkauman, tetapi dia juga tidak dikira perkauman.

Tetapi Lim Kean Siew yang pernah menjadi seorang pemimpin tidak perkauman dan memimpin

parti Buruh yang tidak perkauman tidak dapat berjalan laju, dan sekarang terpaksa menyertai MCA sebagai parti perkauman. Atas flat-form perkauman itulah tokoh-tokoh seperti Dr. Lim Chong Eu dan pemimpin-pemimpin UMNO dan MCA dan lain-lain mendapat tempat dalam politik.

Segala perkembangan ini adalah dibuat dalam bentuk dari bawah ke atas.

Tetapi apa yang hendak dicuba oleh Datuk Patinggi ini ialah satu hal yang hendak didatangkan dari atas. Parti-parti yang berbeda itu kini sudah duduk dalam kumpulan parti yang memerintah. Dan kalau tidak bersatu pun mereka semua sudah memerintah. Oleh itu tidak banyak beza samada parti-parti itu bersatu atau bergabung.

Persoalan yang besar sekarang kiranya berjaya, sejauh manakah ia akan dapat mengatasi masalah yang dihadapi oleh Sarawak.

Penyatuan parti-parti itu nanti kononnya untuk membolehkan ranangan pembangunan berjalan dengan pesat. Ini akan dapat dilakukan sesudah pemimpin-pemimpin politik tidak banyak main politik.

Tetapi yang redanya nanti rasanya cuma dalam bentuk tidak ada pertentangan antara satu parti dengan satu parti yang lain. Tetapi muafakat itu nanti walaupun mendedahkan tentang politik dari luar, ia bukan pula mustahil meledak dari dalam.

Suatu yang patut di hati-hati ialah percantuman tiga buah parti itu dengan sendirinya tidak ada lagi orang yang hendak membangkang dari luar. Ketiadaan pembangkang ini nantinya akan menjelaskan satu macam kekosongan yang nantinya mercup babit perfentangan dari dalam.

Saya beranggapan pertentangan dari dalam lebih sulit untuk dihadapi daripada pertentangan dari luar. Pelajaran yang dihadapi oleh Barisan Nasional adalah suatu yang patut menjadi contoh.

UMNO bercantum dalam Barisan Nasional bersama-sama parti lawannya. PAS dan UMNO sudah tidak serang menyerang. Harmoni wujud. Tetapi ia menimbulkan perpecahan dalam UMNO dan perpecahan juga dalam PAS.

Perpecahan UMNO dulu sudah terlalu teruk, tetapi ia dapat diselamatkan oleh keadaan. Bagaimanapun hingga ini belumlah boleh dikatakan pulih. Keadaan sekarang cuma berwaspada. PAS juga dalam keadaan yang tidak padu. Oleh kerana kuasa tidak banyak dalam

PAS, maka krisisnya tidak begitu ketara. Dan inilah yang mungkin dihadapi oleh Datuk Patinggi:— satu perkauman dan kedua rebutan kuasa. Rebutan kuasa itu sendiri nanti dalam bentuk perkauman juga. Tetapi tidak salah untuk se-siap juga mencuba. Mungkin ada yang berjaya.

---

*Nota: Anjuran mencantumkan tiga buah parti komponen Barisan Nasional Sarawak itu nampaknya didiamkan saja. Sehingga Datuk Patinggi Abdul Rahman Yaakub bersara dari politik bagi menjadi Yang Dipertua Negeri Sarawak, parti-parti tadi tetap dalam status quonya.*

*Ia tidak menjadi topik perbincangan selepas cadangan itu dibuat dan penganjurnya sendiripun tidak pula mengulanginya.*

*Boleh jadi keadaan yang ada itu baik untuk Sarawak dan parti-parti yang terlibat.*

*Tajuk asal: Rahman Yaakub cabar lagi politik Sarawak.*

## PELUANG DAP DI PERAK

WATAN 8hb. April, 1977.

SEDANG UMNO Perak bercakaran dan diikuti pula oleh krisis antara Sultan dan Menteri Bedar Tan Sri Ghazali Jawi, PAS Perak pula asyik berkira-kira antara hendak menggantikan Setiausaha Perhubungan, En. Latif Lazim dengan seorang yang baru, maka DAP diam-diam menyusun strategi untuk mengambil alih kekuasaan negeri itu.

DAP berazam sangat untuk menawan bukan saja Perak, malah mereka merasakan Pulau Pinang, Selangor Melaka dan Negeri Sembilan adalah antara negeri yang DAP rasa boleh ditawannya.

Antara sebabnya ialah kerana di negeri-negeri itu terdapat ramai pengundi keturunan Cina atau bukan Melayu.

Kecenderungan mengundi orang-orang ini selain dari MCA adalah juga pembangkang. Pulau Pinang umpamanya sering mengundi pembangkang. Mula-mula mereka mengundi Sosialis Front, kemudian mengundi UDP pimpinan Dr. Lim Chong Eu, dan kemudian mengundi Gerakan yang ketika itu adalah pembangkang. Bukanlah mustahil

pula kali ini mereka mengikuti arus lama.

Melaka, juga macam Pulau Pinang. Beberapa lama Dewan Perbandaran Melaka itu dikuasai oleh Sosialis Front.

Berbalik kepada Perak, Ipoh sendiri menjadi kubu kuat pembangkang sejak sebelum tahun 1959. Kawasan-kawasan bandar yang lain seperti Taiping dan Teluk Anson bertukar ganti antara pembangkang dan parti yang menyokong kerajaan.

Dalam Pilihanraya Umum 1974 umpamanya kawasan yang dulunya dikuasai oleh PPP bertukar kepada DAP. Ini saja memberinya empat kerusi Dewan Rakyat.

Beberapa buah kerusi untuk Dewan Undangan Negeri dimilikinya sekarang menjadikan parti itu pembangkang yang terkuat sekali di negeri itu.

Atas kekuatan yang ada itu DAP menguatkan azamnya untuk berkuasa selepas pilihanraya akan datang dan sesudah melihatkan adanya perpecahan yang disebutkan awal-awal tadi.

Lain-lain faktor yang meng-

hairahkan DAP ialah ramainya bilangan pengundi Cina yang sehingga ini dipercayai kurang ghairah untuk menyokong MCA.

Dari 42 kawasan pilihanraya negeri umpamanya banyak yang mempunyai majoriti pengundi bukan Melayu. Kalaularah pengundi-pengundi UMNO dan PAS boleh dipecahkan dan pihak yang ketiga yang lebih besar akan memberikan undinya kepada DAP, maka DAP ada harapan untuk menyediakan kabinet bayangan sekarang.

Orang-orang DAP sekarang memberi terlalu banyak harapan. Dan orang UMNO pula seperti Tan Sri Ghazali Jawai tidak memandang mimpi DAP itu sebagai suatu yang mencabar.

"Karut saja," anggap orang UMNO.

Tetapi perkara itu tidak boleh dipandang remeh.

Bagaimanapun DAP mempunyai masalah juga walaupun ia berhadapan dengan parti-parti kerajaan yang berpecah. Masalahnya ialah berebut untuk menjadi Menteri Besar.

Sekarang Ketua DAP Perak ialah En. Lim Cho Hock, anggota Dewan Undangan Negeri. Atas usaha beliaulah DAP Perak bergerak cergas.

Tetapi dalam strategi yang ada sekarang ternyata kerusi itu patut dipegang oleh seorang Melayu. Masih ada orang DAP Melayu yang bersentimen perkauman dan mahukan Melayu juga menjadi Menteri

Besar.

Mereka mencadangkan En. Daeng Ibrahim patut dicalonkan untuk menjadi Menteri Besar DAP nanti.

En. Daeng Ibrahim sendiri kononnya bersedia untuk menjadi calon Menteri Besar itu. Untuk membolehkan dia dipilih sebagai calon Menteri Besar, maka dia haruslah menjadi Ketua DAP Perak dulu.

Dalam perlumbaan sekarang sudah ada tanda-tanda En. Lim Cho Hock dan En. Daeng Ibrahim hendak berebut kuasa. En. Lim sehingga ini masih berkeras yang beliau tetap mahu menjadi Ketua.

Untuk menghadapi saingan ini En. Lim mempunyai ramai penyokong di sebelah utara Perak. Dan dia sendiri memperkuuh bentengnya di sana. Manakala Daeng Ibrahim pula cuba memperkuat kedudukan di sebelah selatan.

Bagaimanapun kedua-dua mereka mempunyai pengikut Cina dan Melayu.

Tetapi dalam strategi Daeng Ibrahim pula, untuk mencapai matlamatnya, dia mahu meluaskan pengaruhnya di kalangan orang-orang Melayu. DAP sendiri merasakan strateginya patutlah menempatkan seramai-ramai Melayu yang boleh.

Kiranya DAP boleh dapat kira-kira 30 peratus dari undi Melayu, maka ia sudah boleh bersenang hati. Sebabnya ia mudah mendapat lebih

50 peratus dari undi bukan Melayu.

Oleh itu DAP akan menumpukan banyak perhatian untuk mendakwa orang Melayu di kampung-kampung.

Kiranya usaha DAP ini berjaya, maka ini akan memberi harapan besar kepada Daeng Ibrahim untuk menjadi Ketua DAP Perak.

Bagaimanapun apakah caranya perkara ini hendak dilaksanakan? Adakah En. Lim Cho Hock menerima keadaan ini?

Dari maklumat awal, ada tanda-tanda yang En. Lim tidak senang dengan usaha Daeng Ibrahim untuk mengambil alih pucuk pimpinan itu. Tetapi kalau dia berkeras juga, nantinya DAP sukar untuk mendapatkan sokongan orang Melayu.

Dari segi DAP pula, ia merasa serba salah dengan keadaan yang ada. Selama-lamanya parti yang ditubuhkan untuk tidak perkauman itu sudah menjadi perkauman kerana rata-rata ia dianggotai oleh orang Cina.

Dan bila usaha hendak meramlakan orang Melayu itu dihalang, maka nantinya tidak ada Melayu dalam DAP. Maka terus meneruslah ia menjadi parti orang-orang Cina juga. Oleh itu sulitlah bagi Lim Kit Siang hendak memperjuangkan Malaysian Malaysia melalui parti yang tidak ada orang Melayu.

Orang-orang Melayu yang mahu tunduk pada dasar DAP sangat penting. Setakat ini dapatlah kita bilang orang-orang Melayu yang rela

menegakkan perjuangan DAP. Ada beberapa kerat saja.

Orang-orang Melayu menganggap orang Melayu yang menyertai DAP itu orang yang lemah semangat kemelayuannya. Apakah anggapan itu suatu yang tepat tentulah boleh dihujah. Orang Melayu menganggap begitu.

Jadi kalau En. Iim Cho Hock terus hendak menghalang En. Daeng menjadi calon Menteri Besar Perak, maka ini akan merugikan perjuangan DAP.

DAP perlu seorang Melayu ditonjolkan sebagai ketua dan sebagai calon Menteri Besar untuk membolehkan penghuni-penghuni Melayu menyokong DAP.

Apakah orang Melayu yang dijadikan ketua atau yang dicalonkan menjadi Menteri Besar itu tahu apa



Tan Sri Ghazali Jawi.

yang dilakukannya dan adakah dia faham mengapa DAP menonjolkan dirinya adalah suatu yang lain.

Dalam waktu mengundi belum ramai orang yang sempat hendak meneliti adakah orang yang hendak menjadi Menteri Besar itu pandai atau tidak punya kaliber. Mereka yang sibuk dengan kelapa, getah dan padi itu tidak punya banyak masa untuk bertanya itu dan ini.

Kalau mereka melihat ada orang Melayu, mungkin mereka tertarik untuk menyokong.

Kalau ini dapat diatasi oleh DAP Perak nanti, maka mimpi mereka untuk menawan Perak tidak dapat dianggap mimpi siang hari. Kalau parti-parti pembangkang bersatu seperti tahun 1969, maka demam sekali lagi dibuatnya.

---

*NOTA: Krisis UMNO Perak — tidak percaya kepada Tan Sri Ghazali Jawi — adalah masalah di Parit Buntar saja. Tetapi krisis antaranya sebagai Menteri Besar dengan Sultan Perak tidak dapat didamaikan. Akhirnya Tan Sri Ghazali berundur sebelum pilihanraya umum 1978 tetapi UMNO tidak berkelahi.*

*Mungkin keadaan itu membolehkan UMNO menghadapi kekuatan DAP. DAP terus menarik sokongan Melayu hingga menjelang pilihanraya umum 1978, tetapi kerana ia gagal menonjolkan pimpinan Melayu, ia gagal untuk menguasai kerajaan negeri Perak. Malah kerusinya ikut merosot.*

*Tetapi ternyata sebahagian dari undi Melayu telah didapatinya. Di tempat tertentu ia memungut lebih ramai undi Melayu dari PAS.*

*Menjelang pilihanraya tahun 1981, DAP menghadapi krisis di seluruh negara, maka ia tidak menjadi cabaran kepada Barisan. Di samping itu MCA telah menguatkan organisasinya, maka untuk beberapa tahun akan datang ini DAP tidak menjadi ancaman kepada parti pemerintah.*

## ORANG DATUK HUSSAIN DI SABAH

WATAN: 15hb. April, 1977

DUA MINGGU sudah kedudukan Datuk Musa Hitam dalam dunia politik seolah-olah kabur disebabkan oleh adanya suasana yang dikelirukan oleh keputusan pilihanraya kecil Kimanis (Sabah).

Seolah-olah Datuk Musa dapat diperlakukan oleh politik Berjaya yang menggunakan A.K. Aliuddin yang berusaha keras untuk menjadi kerabat Barisan Nasional. Datuk Musa dari awal-awal memberi keputusan yang Aliuddin tidak akan diterima untuk menjadi anggota Barisan.

Sidang Dewan Tertinggi Barisan pada 2 April lalu membuat keputusan memihak kepada Datuk Musa. Bukan sekadar itu saja, Datuk Musa dengan tiba-tiba menjadi salah seorang dari anggota Dewan Tertinggi Barisan yang nantinya dapat menentukan apakah dasar dan sikap Barisan di masa akan datang.

Dengan ini Datuk Musa tiba-tiba lahir sebagai seorang yang sangat gagah di tengah-tengah politik negara ini.

Bila kerabat Barisan di Sabah mahukan seorang pemerhati yang menjadi wakil peribadi Datuk

Hussein dalam setiap mesyuarat Jawatankuasa Barisan Negeri, maka tentulah menasabah Datuk Musa dipilih memenuhi tempat itu.

Bukan kerana Datuk Musa lebih baik dari orang lain, tetapi sepanjang yang berhubung dengan persoalan Barisan Sabah itu Datuk Hussein telah pun menunjuk Datuk Musa sebagai wakilnya dulu, dan adalah kena supaya dia juga meneruskan tugas yang sudah dimulakan itu.

Orang mungkin menghujah perlantikan itu dari berbagai-bagai sudut, tetapi Datuk Hussein tentulah tidak mahu menunjukkan yang pilihannya dulu satu pilihan yang tidak betul. Beliau menyerahkan tugas tentang Sabah dulu kepada Datuk Musa, maka biarlah tugas itu diserahkan lagi kepadanya.

Dengan itu Datuk Musa tentu boleh menunjukkan yang dia benar-benar dapat menjadi wakil Datuk Hussein yang gagah. Dan kalau Datuk Hussein menunjukkan seorang lain pula menjadi wakil kali ini, tentulah Datuk Musa akan terasa yang beliau telah dikeciwakan.

Ini tidak baik untuk Datuk Musa



*Datuk Musa Hitam menjadi orang harapan Datuk Hussein untuk menyelesaikan masalah Sabah.*

dan tidak baik untuk Datuk Hussein sendiri.

Pertama, pihak Sabah akan menunjukkan kegembiraan yang mereka dapat memperkecilkan wakil Datuk Hussein. Dan mereka boleh membuat berbagai-bagai helah lagi nanti untuk tidak menghormati wakil Datuk Hussein yang lain.

Kalau sekali wakil Datuk Hussein dapat dipermainkan, maka mereka mahu mengulangi lagi.

Dan orang lain yang dilantik itu sendiri akan was-was yang mereka boleh berjaya atau tidak. Kalau Datuk Musa sudah dipermainkan, dan orang itu juga boleh dipermainkan. Dan kalau lah umpamanya Datuk Musa tidak dipertahankan oleh Datuk Hussein, maka orang itu juga merasakan kurang senang yang dia juga mungkin menerima nasib yang sama.

Dalam hal ini kalau Datuk Hussein sudah memilih Datuk Musa sebagai wakilnya, samada untuk sekali atau untuk selagi ada matahari dan bulan, maka maruah dan air muka Datuk Musa sudah terpelihara.

Dan sikap Datuk Hussein itu pula akan dikira sikap seorang bapa yang menerima segala tanggungjawab dari perbuatan anaknya dan kemudian mempertahankan setiap inci perbuatan anaknya.

Semasa pilihanraya kecil Kimanis Januari lalu Datuk Musa telah tidak mendapat kerjasama sewajarnya dari kerajaan kerabat

Barisan di Sabah. Kerajaan Sabah tidak banyak membantunya untuk memenangkan calon Barisan (USNO) Abdul Karim Ghani.

Datuk Musa ada mendapat peluang untuk bercakap di TV bagi menerangkan masalah pilihanraya kecil itu. Semasa mukanya keluar di TV, bunyinya pengundi Kimanis tidak dapat mengikutinya kerana bekalan elektrik terputus. Tetapi sebaran am pro-kerajaan telah membuat liputan yang hebat untuk menangkis segala langkah Datuk Musa.

Orang nampak dia pulang semacam orang kecewa. Beberapa minggu orang merasakan dia sangat terancam oleh misinya ke Sabah itu.

Tetapi pada 2 April meternya naik kembali dan naiknya itu sungguh mengagumkan. Dia seolah-olah seorang yang paling penting dalam negara sekarang.

Datuk Musa dijemput duduk Dalam Dewan Tertinggi Barisan Nasional bagi mewakili UMNO. Dengan kedudukan yang ada padanya itu dia menjadi seorang dari lima orang penting UMNO.

Kedudukannya dapatlah dikira selepas Datuk Hussein Onn, Doktor Mahathir, En. Ghafar Baba, Tengku Razaleigh dan beliau.

Pemilihannya duduk dalam Dewan Tertinggi Barisan membuka pandangan bahawa dia sudah menjadi orang kanan dengan tiba-tiba. Dari segi kelayakan dan kepintarannya memang tidak

dinafikan, tetapi Datuk Musa mempunyai ramai saingan dalam politik.

Pertanyaan sekarang mulai datang mengapa pula maka Datuk Musa yang dipilih untuk duduk dalam Dewan itu? Mengapa tidak Setiausaha Agong UMNO Datuk Senu umpamanya atau mengapa tidak Haji Suhaimi yang menjadi Pemangku Ketua Pergerakan Pemuda yang kedudukannya adalah sama dengan Naib Presiden parti. Atau mengapa tidak Datuk Aishah Ghani Naib Presiden?

Yang orang turut pertikai sama ialah kalau Datuk Musa jadi wakil Majlis Tertinggi UMNO, mengapa Tengku Ahmad Rithauddin yang dapat undi lebih banyak daripada Datuk Musa tahun 1975 tidak dipilih.

Mengikut peraturan Barisan tiap parti kerabat menghantar tiga orang duduk dalam Dewan Tertinggi. Biasanya mereka terdiri dari Ketua, Timbalan Ketua dan Setiausaha Agong.

Sehingga ini terdapat lima orang UMNO duduk dalam Dewan Tertinggi itu. Mereka ialah Datuk Hussein, Doktor Mahathir, En. Ghafar, Tengku Razaleigh dan Datuk Musa.

Datuk Hussein dan En. Ghafar tidak dapat dikira sebagai mewakili UMNO kerana mereka adalah Pengurus dan Setiausaha Agong Barisan.

Semasa Allahyarham Tun Razak memimpin Barisan dulu wakil

UMNO ialah Datuk Hussein, Doktor Mahathir dan Tengku Razaleigh.

Datuk Hussein ketika itu sebagai Timbalan Presiden dan Doktor Mahathir serta Tengku Razaleigh adalah sebagai Naib Presiden.

UMNO saja yang tidak menghantar Setiausaha Agongnya untuk duduk dalam Dewan Tertinggi Barisan.

Dan bila Allahyarham Tun Razak digantikan oleh Datuk Hussein sebagai Pengurus, maka satu kerusi di Dewan itu kosong. Ia tidak dipenuhi selama lebih setahun, dan pada 2 April lalu ia dipenuhi dan yang berjaya ialah Datuk Musa.

Setiausaha Agong UMNO tidak berjaya duduk dalam Dewan itu dan ada pula yang berpendapat bahawa yang sepatutnya menduduki Dewan itu harus termasuk Setiausaha Agong. Datuk Senu tidak penting, tetapi yang penting ialah Setiausaha Agong UMNO.

Jadi bila Datuk Musa terpilih, ada kalangan yang meramalkan bahawa ini adalah persediaan untuk membolehkan Datuk Musa menjadi Setiausaha Agong UMNO yang baru.

Memang selama-lamanya orang merasakan yang Datuk Musa lebih tertarik kepada jawatan itu dari lain-lain jawatan termasuk Menteri. Kalau dikira jawatan menteri biasa tidak ada apa-apa bagi seorang ahli politik yang kalibarnya seperti Datuk Musa itu.

Dia lebih sesuai memegang satu-satu jawatan penting dalam parti dan dari situ kita nanti dapat melihat belia yang dinamik ini menggerakkan jentera parti lebih hebat dari yang pernah kita lihat dalam sejarah UMNO.

Apakah benar Datuk Musa boleh buat macam yang orang sangka itu tentulah menjadi perhatian, tetapi memang ramai orang percaya Datuk Musa seorang yang luar biasa dan karismatik.

Datuk Musa memang menarik perhatian kaum intelek. Hingga ini beliau sangat berjaya menghadapi siswa-siswi.

Dia tidak banyak masalah dengan mereka.

Datuk Musa cuma menghadapi masalah dengan angkatan lama UMNO. Dan angkatan baru yang tertarik dengan angkatan lama bukan kerana perjuangan saja, tetapi kerana hubungan peribadi – juga memerhatikan langkah Datuk Musa dengan hati-hati.

Bagaimanapun kemampuannya membuat analisa dan mengeluarkan kenyataan yang menarik pandangan lojik dan keadilan banyak meno-

longnya terkenal dan menolongnya mengukuhkan imejnya.

Sebagai contoh ketika berucap di Kelang Ahad lalu beliau menegur pemimpin-pemimpin UMNO yang bongkak, salah kuasa dan seumpamanya yang boleh merugikan UMNO.

Siapakah yang ditujukan dengan ucapan ini tidak begitu dipastikan. Tetapi Datuk Musa tidak bercakap kosong. Dia pun macam Lee Kuan Yew juga bercakap dengan bukti. Bila orang mahu bukti nanti, dia beri sedikit demi sedikit.

Dengan ucapan seperti itu nampak dia berani dan bersih dalam perjuangan. UMNO tentulah mahu bertanya siapa orang yang "tidak guna" untuk parti itu. Eloklah Datuk Musa beritahu, kerana orang yang menarik dengannya memang menunggu pendedahan itu. UMNO tentu beruntung kalau orang-orang itu tidak harus menjadi daki UMNO.

Kiranya tentang ini juga Datuk Musa berada di pihak yang kuat, tentulah dia akan lebih kuat lagi dari kekuatannya yang sudah ada itu.

---

NOTA: Hingga akhir Datuk Musa Hitam menjadi wakil Datuk Hussein Onn dalam urusan Barisan Nasional Sabah tetapi USNO dan Berjaya tidak juga dapat didamai. Hubungan antara kedua buah parti kian renggang hingga hari ini.

A.K. Aliuddin terus menjadi ahli Bebas dalam Parlimen walaupun di Sabah dia secara rasmi menjadi ahli Berjaya. Tetapi dalam pilihanraya umum 1978 beliau dibenarkan menjadi calon Barisan Nasional di Kimanis juga dan menang. Dia masuk juga ke Parlimen sebagai anggota Barisan pula.

Kesempatan Datuk Musa menjadi wakil UMNO dalam Dewan Tertinggi Barisan Nasional meletakkannya sama tarap dengan Tengku Razaleigh Hamzah. Dari kedudukan itu beliau merasa sama kuat untuk bertanding menjadi Naib Presiden UMNO 1978 dan dapat tempat ketiga.

Tiga tahun kemudian iaitu tahun 1981 dia bertanding pula dengan Tengku Razaleigh untuk menjadi Timbalan Presiden UMNO, dan beliau menang.

Dengan pengalaman duduk dalam Dewan Tertinggi Barisan sejak tahun 1977, maka tentulah tidak janggal lagi baginya menjadi Timbalan Pengurus Barisan Nasional dalam tahun 1981.

Tajuk asal rencana ini "MUSA HITAM TAMBAH CERAH"

## MEMBESARKAN PERKARA KECIL

WATAN 22hb. April, 1977.

DATUK Hussein Onn akhirnya terikut-ikut juga untuk menjadi pengkritik biasa kepada akhbar-akhbar apa yang dikatakan 'membesarkan perkara kecil'.

Kritik seperti ini sudah lazim benar dilemparkan kepada akhbar sejak dunia mengenal apa yang disebut dunia kewartawanan. Baik ia di Eropah, di Amerika dan apa lagi di negara membangun seperti Malaysia ini.

Dalam kontek ucapan Perdana Menteri di majlis Kursus Penerangan UMNO Selangor di Kuala Kubu Baru Sabtu lalu ada menyebut amalan setengah akhbar membesar-kan berita-berita kecil khususnya mengenai krisis UMNO peringkat cawangan dan bahagian.

Adakah memadai baginya memberikan alasan itu saja untuk menyentuh amalan akhbar yang logiknya tidak menyenangkan pihaknya?

Saya suka contoh-contoh itu diperluas dan krisis pemberitaan pada keseluruhannya disentuh sama oleh Datuk Hussein. Mungkin majlis di Kuala Kubu Baru itu terlalu terhad baginya, tetapi adalah wajar bagi-

nya mengadakan satu majlis lain untuk bercakap khusus tentang amalan pemberitaan.

Datuk Hussein baru menyentuh satu aspek saji iaitu membesar-kan berita-berita kecil. Beliau belum lagi menyentuh aspek mengecil-ngecil-kan berita besar dengan memberi contoh yang lebih banyak.

Umpamanya tentang penyeludupan komunis dalam UMNO. Adakah ini berita kecil?

Mengapa akhbar tidak memainkan perkara yang diketahui menggugat sistem kita dan tamaddun kita? Adakah kita bersetuju ia bukan berita besar? Ada kita boleh kira bila ada akhbar membesar-kan perkara ini dikira juga akhbar itu membesar-kan perkara kecil?

UMNO suka kepada berita yang menyentuh krisis DAP. Adakah akhbar yang membesar-kan berita krisis DAP itu dikira oleh orang UMNO sebagai membesar-kan berita kecil?

Lim Kit Siang nantinya mungkin menganggap akhbar tadi membesar-kan perkara kecil. Adakah ahli-ahli UMNO bersetuju dengannya? Dan



*Datuk Hussein Onn.*

apakah adil pula bagi pemimpin DAP membuat kecaman kepada akhbar umpamanya kerana menyiar-kan perkara yang tidak baik bagi-nya?

Oleh itu saya kira komen Datuk Hussein Onn mengenai perkara amalan akhbar ini adalah benda biasa yang sudah selalu dibuat oleh orang-orang yang tidak setuju dengan berita yang tidak sesuai dengan seleranya.

Bagaimanapun kerana perkara itu disentuh oleh seorang yang ber-kedudukan Perdana Menteri adalah menasabah perkara itu diberi per-hatian.

Cakap Datuk Hussein itu ada betulnya. Memang tidak baik bagi akhbar membesar-kan perkara yang kecil. Tetapi yang saya kurang setuju dengan Perdana Menteri yang kebetulan anak seorang yang pernah menjadi wartawan ialah beliau telah menyempitkan contoh-contohnya.

Oleh itu ucapan itu tidak cukup kuat. Lainlah kalau ia dibuat untuk tujuan memberi amaran.

Bila kita terima cakap Datuk Hussein itu sebagai cakap umum yang tidak bertujuan apa-apa dan tidak pula ditujukan kepada orang-orang tertentu atau akhbar-akhbar tertentu, maka kita boleh mendalamkan pengetahuan tentang ilmu kewartawanan dan membaiki lagi amalan kewartawanan kita.

Contoh yang patut diberikan lagi ialah perangai akhbar-akhbar

menyiarkan ucapan menteri yang kadang-kadangnya kosong saja..

Ucapan-ucapan menteri itu kadang-kadang mengulangi apa yang pernah diucapkan oleh Allah-yarham Tun Razak atau ucapan Datuk Hussein. Benda-benda yang dicakapkan adalah benda biasa dan kadang-kadang benda basi. Dari segi kewartawanan beritanya kosong. Tetapi akhbar-akhbar menyiar-kan-nya secara terpaksa atau secara sukarela.

Beritanya berita kecil, tetapi akhbar dan radio serta TV menyiar-kan secara besar-besaran.

Kadang-kadang ucapan menteri itu disiarkan pula sepenuhnya. Be-berapa orangkah yang membacanya?

Sebagai contoh satu masa dulu ada seorang Timbalan Menteri yang kita tahu kemampuannya berpolitik dan kemampuannya membuat ucapan yang baik. Tetapi akhbar-akhbar membesar-besarkan berita-nya setiap kali dia berucap. Tidak pula orang bertaraf menteri mene-gur perkara itu.

Itulah satu contoh membesarkan perkara yang kecil?

Satu lagi contoh tentang mem-perkecil berita yang besar; Satu masa dulu ada seorang pejuang yang bergelar 'Singa UMNO' dan Albar namanya.

Albar ini seorang yang kita tahu kalau bercakap banyak berita boleh dipungut. Dan yang menggelarnya 'Singa UMNO' itu ialah seorang wartawan veteran yang terkenal ia-

itu En. Melan Abdullah.

Dari situ saja kita sudah faham iaitu dia boleh memberi banyak berita kepada akhbar-akhbar. Sebagai contoh kaji semula kejayaannya untuk kembali ke tengah-tengah politik enam bulan sebelum dia meninggal dunia.

Semua akhbar-akhbar memberi siaran kepadanya termasuk majalah dan akhbar luar negeri.

Tetapi sebelum itu, akhbar-akhbar tidak memberi tempat kepadanya. Beritanya kecil-kecil belaka. Apakah membakul-sampahkan beritanya itu suatu perbuatan yang betul?

Memang banyak yang boleh dikatakan untuk berhujah dalam perkara ini. Kalau untuk berucap tentangnya dengan contoh-contohnya, senang-senang boleh ambil masa dua jam.

Satu perkara yang perlu diberitahu kepada para pemimpin walau apa juga pangkat dan darjatnya ialah maklumat dalam akhbar itu baik ia kecil ataupun besar, baik ia buruk atau baik laksana madu, ia adalah satu sumber untuk mencari maklumat.

Orang-orang berkedudukan tinggi, Raja atau Presiden, tidak dikira orang yang paling berkuasa dalam sesebuah negara. Yang paling berkuasa ialah orang-orang yang di sekelilingnya. Orang-orang inilah yang akan memberi maklumat dan nasihat kepada Raja atau Presiden tadi.

Raja atau Presiden itu bertindak atas maklumat. Kalau maklumat dan nasihat yang diterima itu betul, maka betullah tindakannya. Kalau maklumat itu palsu, maka bahaya-lah padahnya.

Jadi apakah cara pembesar itu untuk memastikan yang maklumat yang diterimanya betul. Pembuat maklumat itu bukanlah semestinya betul. Pemberita yang juga manusia adalah satu jenis pembuat maklumat. Dia boleh jadi betul dan boleh jadi pembohong besar.

Maklumat tentang krisis satu cawangan UMNO: kalau ia disiarkan tentulah ia menjadi maklumat kepada semua orang termasuk pemimpinnya. Apakah pemimpinnya tak suka dengar perkara itu? Pemimpin yang mengambil tahu tentang badan-badan di bawah jagaannya akan suka meneliti perkhabaran ini. Perkhabaran ini boleh jadi diberi kepadanya oleh orang-orang di sekelilingnya dan boleh jadi tidak. Kalau ada akhbar memberitakan hal itu, dia tentulah boleh meminta orang-orangnya menyiasat.

Bagaimana pula hendak memastikan siasatan orang-orangnya tepat. Tentulah dia haus membandingkan dengan lain-lain maklumat. Satu dari punca mendapatkan maklumat ialah akhbar. Kalau akhbar digalakkan membuat laporan bebas, tentulah kita boleh mendapat banyak maklumat dan boleh membuat perbandingan bebas.

Mungkin yang tidak menyenang-



Datuk Ahmad Boestaman



Datuk Melan Abdullah

kan Datuk Hussein tentang krisis UMNO Bahagian itu seperti yang berlaku di Kerian itu agaknya. Perkara itu adalah benar. Banyak ulasan mengenainya. Apakah kita mengambil kesimpulan bahawa perkara itu tak usah diperkatakan. Atau apakah memperkatakan hal itu hendak memecahkan UMNO.

Akhbar memberi hujah-hujah dan UMNO mesti mencegah perbuatan mengundi tak percaya kepada Menteri Besar melalui proses demokrasi. Kalau dibiarkan, lain kali ada pula Bahagian UMNO membuat undi tak percaya pula kepada yang lebih besar seperti Perdana Menteri umpamanya. Bagaimana?

Sudah sekian lama akhbar-akhbar menghidupkan cerita-cerita baik dan perpaduan UMNO. Hari-hari akhbar menyiarkan cerita muafakat

politik semua parti untuk meningkatkan ketahanan nasional. Cerita orang tak setuju dengan Barisan tidak pernah diceritakan. Orang yang krisis dalam UMNO tak diceritakan.

Tetapi apakah UMNO tidak ada krisis. Krisis yang terakhir adalah paling mencemaskan dan hampir menghancurkan apa yang dikira 'payung orang Melayu' itu.

Dan akhirnya apakah kita boleh pertidakkannya peranan sebuah akhbar bernama 'Kritik' dalam tahun lima puluhan dulu yang pengarangnya bernama Datuk Onn bin Jaffar. Bagaimana dengan kecemanan dan tulisannya yang kritis tentang UMNO dan kerajaan Perikatan? Pojoknya yang sangat tajam 'Kertak dan Kertik' banyak menghujah perkembangan politik parti dan kerajaan masa itu.

Akhbar Allahyarham Datuk Onn itu secara tidak langsung dibantu oleh Datuk Ahmad Boestamam dan En. Melan Abdullah. Sayang usia akhbar itu tidak panjang.

Apakah ada perbedaan antara amalannya dengan amalan yang dikecam oleh Datuk Hussein seka-

rang? Orang juga pernah menganggap Kritik suka memperbesarkan perkara kecil.

Pokoknya kenyataan Datuk Hussein itu suatu 'remark' yang terlalu abstrak dan boleh dihujah berbagai-bagai cara.

---

*NOTA: Rencana di atas adalah satu bahan renungan dan telah dibincangkan oleh para pembaca. Pandangan yang dipaparkan itu terus dihujah. Dengan demikian pembaca dapat membuat fikiran sendiri.*

*Moral dari tulisan seperti ini adalah untuk menyatakan bahawa orangramai boleh memberikan pendapat atas pandangan para pemimpin. Dan pendapat itu bukan untuk merendahkan mana-mana pihak, tetapi sekadar bertujuan meletak-*

*kan sesuatu pada kedudukan yang tepat.*

*Bagaimanapun kritik-kritik terhadap akhbar dan pemberitaan terus juga dibuat. Sesungguhnya setiap kritik dan reaksi dari kritik itu dari orang suratkhabar telah menghidupkan alam media masaa kita.*

*Perkembangan serupa ini diharapkan dapat menjadikan pemimpin dan penulis sebagai orang-orang berjiwa besar dan menghidupkan jiwa dan daya kreatif rakyat.*

## DATUK HARUN DENGAN BANK BUMIPUTRA

WATAN 29hb. April, 1977.

KETIKA berucap di Pelabuhan Kelang Ahad lalu Ustaz Datuk Harun menceritakan betapa senangnya Bank Bumiputera satu masa dulu mengeluarkan bantuan \$11 juta kepada seorang 'kawan tertentu' dan kemudian \$2 juta pula kepada seorang 'orang kuat' setelah permohonannya dibuat melalui telefon.

Bagi Datuk Harun, bantuan itu dikeluarkan tanpa memperhitung lagi syarat-syarat yang diperlukan.

Dua perenggan di atas saya kira adalah satu kenyataan politik yang sangat besar ertinya untuk dimenungkan oleh ahli-ahli politik di seluruh negara dan mungkin terpaksa dihadapi kesannya buat tahun-tahun yang mencabar di hari muka.

Saya sekali-gus mengira kenyataan bersahaja oleh Datuk Harun itu adalah untuk memberitahu apakah neraca keadilan yang dilambangkan pada dacing Barisan Nasional itu memodali sekadar membawa kesnya saja ke mahkamah.

Ucapan itu logiknya ditujukan khusus kepada pemimpin negara, BSN dan Jabatan Peguam Negara.

Pihak-pihak ini telah dengan jaya membawa kes Bank Rakyat ke mahkamah, dan patutlah ada lagi bank yang patut disiasat dan didakwa.

Apakah menasabah Bank Bumiputera, bank yang dikira sebagai milik orang Melayu kerana sejak dari mula ditubuhkan adalah untuk membantu Bumiputera? Kalau Bank Bumiputera, sendiri diadili di mahkamah orang Melayu hendak merojok lagi bagi mendapatkan bantuan?

Kalau ditanya orang-orang Melayu, termasuk Datuk Harun, nescaya mereka tidak rela perkara itu ditimbul dan diungkit-ungkit.

Tetapi mengapa pula perkara itu diungkit?

Kalau Bank Rakyat mengeluarkan pinjaman \$6.5 juta kepada Tinju Dunia bagi memodali perlawanan tinju Ali-Bugner (di Kuala Lumpur Julai, 1975) boleh diseret ke mahkamah, mengapa pula sebuah lagi yang lain tidak boleh diseret.

Bank Rakyat telah diseret atas kehendak keadilan. Maka tidak bolehkah Bank Bumiputera diheret

atas kehendak yang sama? Bukan-kah keadilan tidak mengenal bulu dan warna?

Bank Rakyat mengeluarkan \$6.5 juta dengan merundingkannya dulu dengan Allahyarham Tun Abdul Razak. Bank Bumiputera pula belum diketahui merundingkannya dengan siapa, telah memberikan pinjaman kepada kawan sebanyak \$11 juta. Lebih banyak dari yang dikeluarkan oleh Bank Rakyat untuk Tinju Dunia.

Datuk Harun tentulah ada bukti-bukti yang menyebabkan dia berani bercakap begitu. Siapa memberinya bukti. Samada yang memberinya bukti itu agen CIA atau agen Freemason tidak penting, yang penting dia sudah mengucapkan sesuatu yang belum berjawab.

Perkara macam itu terlalu besar, ia tidak boleh dibiarkan dengan tidak berjawab. Kalau ia tidak berjawab, orangramai akan bertanya. Dan kalaularah orangramai itu bodoh sedikit dan kerana mereka orang Melayu lalu mereka tidak bertanya, adakah orang-orang lain yang sudah mendengarnya itu termasuk segala jenis agen asing tidak pula mahu bertanya. Mereka tentunya akan bertanya.

Bila mereka bertanya, apa yang dapat kita buat? Kalau tidak, kita tak boleh buat apa-apa. Ini akan memalukan kita?

Apa bodohnya orang Melayu? Kalau orang lain membodohkan kita, boleh kita bawa parang pan-

jang. Kalau kita sendiri membodohkan kita, samalah kita korek lubang kubur sendiri.

Yang kita nampak sekarang masalah orang Melayu ada dua bank saja yang jadi kebanggaan. Satu Bank Rakyat dan satu lagi Bank Bumiputera.

Kita sayang kepada dua-dua bank itu. Itulah tempat orang Melayu bergantung dan itulah pula tempat orang Melayu dapat menunjukkan kepandaian.

Kita dulunya dikatakan tidak tahu bermula. Tempat nak mengajar orang Melayu bermula terutama dalam bank pun tidak ada. Jadi dengan adanya Bank Rakyat dan Bank Bumiputera bolehlah orang Melayu belajar bermula bank dan bolehlah tempat itu melatih mereka bagaimana hendak memusingkan wang.

Orang-orang Melayu, sudah cukup bangga dengan segala perkembangan dan kemajuan yang dicapai oleh bank-bank tersebut. Mereka jadikan kejayaannya sebagai contoh kemampuan orang Melayu bermula bank.

Kemudian timbul tuduhan penyelewengan terhadap pengarah dan pentadbiran Bank Rakyat. Rata-rata orang biasa merasakan tidak patut Bank Rakyat itu dirottong. Kalau dirottong nanti, habislah satu bank orang Melayu.

Tetapi untuk keadilan dan untuk memelihara kejaksaan, maka terpaksa juga bank itu diseret ke mah-

kamah. Dengan itu hancur satu lambang orang Melayu yang nantinya boleh memperkokoh politik orang Melayu dihancurkan dengan kepentingan keadilan dan kejaksaan.

Dalam beberapa hal, kekuatan Bank Rakyat ada memberi pengaruh politik kepada orang Melayu. Dalam hal ini kita lebih memandang keadilan dari kepentingan politik orang Melayu.

Sekarang samada kita suka atau tidak, samada kita benci atau tidak benci, satu bank orang Melayu sudah terseret dan akan mengambil masa untuk pulih dan reda.

Sekarang Datuk Harun menimbulkan pula satu lagi bank kerajaan yang juga menjadi kubu orang Melayu secara tidak langsung. Ada juga tidak kenanya bank itu dengan kehendak keadilan, mengikut apa yang disebutkan oleh Datuk Harun itu.

Saya tanya lagi apa tujuan Datuk Harun menimbulkan perkara itu?

Adakah kita terfikir yang Datuk Harun, seorang yang selama ini bergerak untuk membangunkan orang Melayu termasuk Bank Rakyat tadi tergemark pula untuk meruntuhkan sebuah lagi bank yang kepentingannya untuk orang Melayu?

Apakah suka Datuk Harun melihat bank orang Melayu jatuh?

Saya kira, sebagai orang Melayu, tentulah dia tidak suka.

Tetapi keadaan yang ada yang sedang diajukan kepada orang Melayu ialah apa yang dikatakan

keadilan itu lebih penting dari memelihara kepentingan orang Melayu. Dan Datuk Harun adalah rasanya hendak memberitahu kita tentang perkara itu.

Memang ramai pula orang Melayu yang tidak puas hati dengan penyeretan kes Bank Rakyat itu suka masalah Bank Bumiputera ini disiasat atau biar dia alih macam Bank Rakyat juga.

Saya tidak seronok mendengar fikiran macam ini.

Saya suka kalau dapat kedua-dua bank itu dipelihara. Tetapi kerana dulu tidak terdapat kata sepakat, maka sebuah dari bank itu — Bank Rakyat — sudah kita seret, sebuah bank sudah tidak dapat hendak dilakukan dari menjadi kes.

Apakah manasabah sebuah bank lagi harus diceburkan juga dalam pergelutan dengan mahkamah. Kalau sudah bank yang satu itu tidak dapat dipertahankan, maka janganlah kita kacau yang sebuah lagi. Nanti tidak ada langsung bank kita yang tinggal selain dari Bank Pertanian.

Eloklah orang Melayu jangan marahkan perbuatan yang lalu maka harus berdendam pula dengan yang satu lagi.

Apa yang harus kita buat ialah, elakkan bank yang belum terseret dari diseret, sementara itu kita haruslah berusaha keras mengatasi masalah yang dihadapi oleh Bank Rakyat dan Datuk Harun.

Kita tidak boleh mendendam

orang lain kerana Datuk Harun menjadi sasaran politik. Kita tidak boleh membinasakan Bank Bumiputera kerana sebelumnya Bank Rakyat dijadikan sasaran.

Kerana kalau perbuatan pertama tadi tidak betul, janganlah kita jadi dua kali tidak betul. Yang sedang kita buat ialah hendak membetulkan keadaan yang pertama melalui cara yang halal.

Dan kalau kita kaji dari kehendak keadilan tadi, mahu tidak mahu kerajaan yang ada BSN yang ada dan Jabatan Peguam Negara yang ada haruslah melihat kepada tuduhan yang dibuat oleh Datuk Harun itu.

Kalau benar-benar kita mengamalkan keadilan dan menegakkan sebuah negara undang-undang, maka kita terpaksa menyiasat pula

tuduhan Datuk Harun itu. Kalau tidak tercemar lagi kejaksaan kita.

Kalau kita hendak siasat, kita terpaksa tubuhkan satu suruhanjaya menyiasat. Kalau tidak siapa hendak percaya yang kita menjalankan keadilan.

Tetapi itu bukanlah yang dikehendaki oleh orang Melayu. Orang Melayu tidak mahu keadilan membunuh kepentingannya. Justru itu yang ditimbulkan ialah mencari jalan menyelesaikan masalah Datuk Harun.

Saya sendiri tidak pasti apakah memulihkan kedudukan Datuk Harun satu dari cara yang terbuka. Tetapi cakap di Pelabuhan Kelang itu adalah juga untuk menjadi alternatif kepada usaha memulihkan tokoh politik yang kini hampir popular dengan gelaran 'Ustaz.'

---

---

---

NOTA: Tidak ada reaksi yang jelas diberikan kepada komentar Datuk Harun Idris mengenai Bank Bumiputera itu dan bank itu berjalan seperti biasa sekalipun Pengerusinya berganti.

Tidak terdapat ada penyiasatan dibuat sebagai memenuhi teguran Datuk Harun itu.

Sebalik teguran itu tidak pula menghalang usaha membersihkan Bank Rakyat dari dikendalikan oleh orang-orang yang rapat dengan Datuk Harun, malah kes yang melibatkan Datuk Harun sendiri berjalan mengikut kehendak undang-undang.

Datuk Harun sendiri dan dua orang lagi telah didapati bersalah oleh Mahkamah. Datuk Harun terpaksa merengkuk dalam penjara.

Kerajaan kemudian mengambil langkah memulihkan perjalanan Bank Rakyat dengan pentadbiran baru. Langkah-langkah tegas diambil untuk memungut semula pinjaman yang dikeluarkannya.

## KALAU SEORANG UMNO SERINGIT SEBULAN DERMA

WATAN: 6 Mei, 1977

MASA saya sekolah atap dulu ada saya terbaca kisah Mat Jenin, seorang pemanjat kelapa yang menghitung dari dua biji kelapa yang didapatinya boleh dipusingkan hingga berganda-ganda akhirnya sampai mendirikan mahligai.

Mula-mula orang kata itu angan-angan. Tetapi akhirnya ada pula orang yang memikirkannya cerita Mat Jenin tadi macam satu teori ekonomi yang baik. Orang buat ker-taskerja untuk mendapatkan pinjaman wang bank atau MARA pun macam yang Mat Jenin fikirkan juga.

Dan paling akhir sekali saya teringatkan Mat Jenin ini bila saya terbaca ucapan Dr. Mahathir, Timbalan Perdana Menteri semasa merasmikan mesyuarat UMNO bahagian Padang Serai, Kulim yang menyebut kisah kalau ahli-ahli UMNO menderma \$1 seorang sebulan.

Kalaulah mereka menderma \$1 seorang sebulan, maka sebulan UMNO dapat mengumpulkan \$400,000. Kalaulah 100,000 tak mahu berderma, tinggal 300,000 lagi yang mahu berderma, UMNO

dapat kumpulkan \$300,000 sebulan. Setahun \$3.6 juta dan lima tahun \$18 juta.

Belum lagi lain-lain derma yang didapati dari berbagai-bagai sumber.

Kalaulah apa yang dicakapkan oleh Dr. Mahathir itu dapat dilaksanakan maka sudah tentu UMNO tidak akan berhadapan dengan kesulitan untuk mendapatkan wang bila ada pilihanraya dan sebagainya.

Dan sekarang tak usahkan hendak menghadapi pilihanraya, untuk menghadapi urusan Ibu Pejabat UMNO sendiri pun tidak cukup. UMNO, kalau mengikut apa yang diterangkan oleh Dr. Mahathir itu memerlukan perbelanjaan kira-kira sejuta setahun, sedang yang dapat dipungutnya dari ahli-ahli kira \$100,000 saja – dari yuran sesudah dibahagikan kepada cawangan dan bahagian.

Ada dua perkara yang menarik dari ucapan Dr. Mahathir ini. Pertama UMNO berdepan dengan masalah mencari wang untuk menghadapi pilihanraya dan kedua ialah bagaimana hendak menjalankan teori Dr. Mahathir itu.



Datuk Sri Dr. Mahathir.

Masalah yang pertama ialah masalah kewangan. UMNO selama ini mendapat banyak wang dari berbagai-bagai cara. Pertama ia mendapatkannya melalui derma dari berbagai-bagai pihak.

Ada pihak yang berkehendakkan satu-satu permohonan seperti tanah di bandar besar umpamanya. Kalau pembesar-pembesar negeri boleh meluluskan permintaannya itu, maka pihak pemohon sedia memberi derma yang agak banyak kepada tabung khas yang dipegang oleh orang-orang yang diamanahkan saja.

Selalunya derma ini tidak pernah diterangkan kepada sesiapa secara umum. Cuma orang-orang tertentu saja yang tahu banyak mana dan dari siapa.

Kedua, UMNO sendiri memberi amanah kepada orang-orang tertentu untuk mencari derma itu dari sumber apa juga. Dari mana dia mendapat wang dan apa caranya tidak begitu diperhitungkan.

Atas dasar kepercayaan tadi, maka orang-orang UMNO tidak banyak menyatakan bantuan dia dapat dan dari siapa dia dapat. Dengan jalan itu UMNO dapat menjalankan kegiatan yang tidak terhalang.

Tetapi sekarang agak sulit sedikit bagi UMNO untuk mendapatkan derma tadi kerana orang sudah mula hendak tahu dari mana wang didapati dan macam mana ia dibelanjakan.

Dulu, macam-macam UMNO

berbelanja, tidak siapa yang hendak ambil tahu. Belanjalah asalkan UMNO boleh untung dan menang.

Datuk Harun Idris adalah pihak yang pertama sekali kena tanya dari mana dia dapat wang dan orang yang membahagikannya pun kena tanya sama.

Berikut dengan pertanyaan dan penyiasatan itu, maka orang-orang UMNO yang lain pun sudahlah tidak begitu berani untuk memungut derma kerana takut ditanya dan segala-galanya ini sangat menyulitkan mereka.

Sekarang pemimpin-pemimpin UMNO pun sudahlah merasakan sulitnya itu.

Sama ada fitnah atau betul, saya pernah diberitahu oleh seorang yang rapat dengan UMNO Selangor bahawa masa depan UMNO negeri itu sangat gelap. Wang yang dibelanjakan berjalan laju dan wang yang masuk sangat perlahan.

Orang yang hendak pergi memungutpun sekarang tak ada, kerana mereka takut dan kedua payah nak dapat.

Jadi, dari cakap-cakap itu UMNO Selangor bergantung dari sewa bangunannya saja. Ia tak cukup untuk menampung keperluan UMNO Selangor.

Ketika saya berbual-bual dengan orang-orang yang rapat dengan Rumah UMNO Jalan Tuanku Abdul Rahman mereka juga merasakan satu macam kesulitan untuk menghadapi pilihanraya nanti.

Ucapan Dr. Mahathir di Padang Serai itu adalah membayangkan juga tentang kesulitan itu. Dia tidak bercakap tentang UMNO tak ada duit. Dia pula tidak bercakap UMNO susah untuk mendapat duit.

Dia cuma bercakap kalau tiap-tiap ahli UMNO menderma seringgit sebulan, maka UMNO dapat membebaskan diri dari pihak yang hendak mengongkong UMNO.

Ertinya segala derma-derma yang datang itu, walau dari sumber manapun boleh menguasai UMNO. UMNO tentulah tidak menerima wang terus dari CIA, tetapi kalau ada mana-mana swasta Amerika untuk mendapat kemudahan melabor, tentulah agen-agen CIA boleh menyalurkan melaluinya.

Ia boleh dibuat melalui permohonan mana-mana bank, insuran atau kilang-kilang letronik, atau badan-badan perunding minyak dan sebagainya.

Mereka boleh menyogokkan apa yang menasabah, selain dari untuk orang-orang perseorangan, ia juga boleh memberikan kepada parti. Kalau ia hendak memberi derma, maka ia juga boleh memberikan syarat.

Pemimpin-pemimpin UMNO tidaklah pernah menyatakan yang perbuatan macam itu ada berlaku dan UMNO ada dikuasai oleh mana-mana pihak luar.

Tetapi dari cakap-cakap Dr. Mahathir hendak memungut seringgit sebulan dari tiap-tiap ahli UMNO,

seolah-olah selama ini UMNO tidak bebas dari segi kewangan dan ia juga tidak bebas dari segi pihak yang boleh mengongkong parti itu.

Dan sekarang kita perhatikan pulalah macam mana \$300,000 boleh dipungut tiap-tiap bulan dari orang UMNO.

Sekarang, dari cakap-cakap Dr. Mahathir, ahli-ahli UMNO ada 400,000 orang. Adakah 400,000 orang itu membayar yuran semuanya? Dan adakah mereka itu ahli pada nama saja?

Dalam pada itu ramai mana pulalah ahli-ahli yang yurannya dibayarkan oleh ketua-ketua bahagian yang mahukan cawangan ramai ahli? Perbuatan ketua-ketua bahagian mahukan ramai ahli kerana mahu mendapat bilangan paling ramai atau mahukan banyak undi adalah antara perkara yang pernah menjadi punca krisis UMNO.

Ada juga kadang-kadang bilangan ahli UMNO bagi cawangan itu lebih ramai dari bilangan penduduk tempat itu. Dan pernah setengah ahlinya terdiri dari orang yang sudah tidak hidup lagi.

Bagaimanapun Dr. Mahathir sudah membuat basi dari masalah-masalah yang berlaku itu. Dia sudah agak 100,000 hangus sama ada mati atau yurannya dibayarkan oleh ketuanya.

Bagaimana hal ini dapat dilakukan? Sekarang ini orang-orang Islam ada membayar \$1 setahun untuk tabung kewangan Islam. Sekarang en-

tah berapa juta yang sudah dipungut. Orang Islam tak tahu untuk apa dan siapa yang mendapat faedah dan berapa yang dipungut setahun.

Itu untuk Islam. Dan kalau untuk UMNO nanti, tidakkah akan jadi macam ini juga?

Itu sebagai pertanyaan.

Tetapi kerana UMNO punya organisasi yang sempurna, tidaklah terduga ia akan jadi macam itu. Tetapi inilah yang harus diingat dulu.

Bagaimanapun apa yang Dr. Mahathir cakap itu adalah satu benda baru yang belum difikirkan oleh orang lain. Dan memang benar ca-

kap Mat Jeninya itu boleh mendaangkan munafaat kalau ia dapat diselenggarakan dengan baik.

11 Mei 1978 nanti UMNO akan melancarkan Koperasinya yang akan melibatkan diri dengan berbagai-bagai macam kegiatan ekonomi. Kalau lahir teori Dr. Mahathir itu dapat dilaksanakan, Koperasi UMNO itu boleh menjadi badan yang paling kukuh untuk melabur.

Di samping ia boleh berdikari dari segi kewangan, ia juga boleh menjadi satu dari badan pelabor yang handal, yang bebas dari pengaruh asing.

---

*Note:*

*Saranan Dr. Mahathir Muhammad untuk memungut \$1 sebulan dari setiap ahli UMNO didiamkan saja. Bagaimanapun parti itu tidak menghadapi masalah kewangan.*

*Dari dua pilihanraya umum - 1978 dan 1982 - nampaknya UMNO berbelanja seperti pilihanraya-pilihanraya sebelumnya.*

*Jelaslah kebimbangan setengah pihak dalam UMNO tentang sukar-*

*nya mendapatkan sumbangan sektor swasta tidak berbangkit. Walau-pun ada kes Datuk Harun Idris misalnya, ia tidak menyulitkan parti itu untuk mendapat bantuan dari pihak peniaga dan pengusaha. Mungkin ini yang mendorongkan UMNO tidak membangkitkan saranan Dr. Mahathir agar ahli UMNO menderma seringgit sebulan.*



*Datuk Harun Idris.*

## SAKIT ORANG POLITIK

WATAN 13hb. Mei, 1977.

MINGGU lalu saya melihat Datuk Harun Idris terbujur di hospital. Dia sakit. Badannya sakit dan politiknya pun sakit.

Sakit orang politik masih mahu bercakap politik. Dan nampak juga dia sedang berjuang untuk memulihkan dirinya. Dia mahu memulihkan dirinya dari sakit badan dan sakit jiwanya. Dia juga berjuang untuk memulihkan sakit politiknya.

Doktor membantunya untuk memulihkan penyakitnya. Orang politik juga berjuang membantunya memulihkan politiknya. Tetapi orang politik belum dapat berbuat apa-apa sementara mencari bantuan dari para ahli undang-undang bagaimana dia boleh dipulihkan mengikut saluran undang-undang.

Pemuda UMNO sudah mengemukakan usul kepada badan politik yang didukungnya — UMNO — agar kedudukannya dipulihkan. Tetapi sidang Majlis Tertinggi UMNO yang lalu tidak boleh berbuat apa-apa kerana kesnya melibatkan undang-undang.

UMNO lalu menyerahkan kepadanya untuk membuat rayuan

kepada Lembaga Pengampunan untuk meminta maaf kepada Yang Dipertuan Agung dan Sultan Selangor.

UMNO tidak mahu membuat sesuatu kerana tidak mahu melibatkan keluhuran undang-undang. UMNO nantinya tidak mahu terseret kepada satu perbuatan yang nantinya boleh menyentuh peraturan undang-undang.

Dari segi itu UMNO ada betulnya. Kerana kes Datuk Harun itu sedang diproses di mahkamah, maka tidaklah ada bijaknya bagi UMNO untuk campur urusan mahkamah bagi memulihkannya.

Tetapi itu mengenai yang bersangkut dengan kesnya dan mahkamah. Tetapi dari segi politik masih ada cara bagaimana dia boleh memulihkan kedudukannya dengan tidak menjadikan undang-undang.

Bulan Oktober 1976 Majlis Tertinggi sudah pun membuat satu keputusan politik tentang Datuk Harun yang tidak pula menyentuh kedudukan undang-undang.

Keputusan itu ialah memulihkan keanggotaan Datuk Harun sebagai

ahli UMNO. Beliau sudah dipecat oleh Majlis itu sebelumnya. Dan beberapa bulan kemudian dia diterima kembali menjadi ahli UMNO.

Keputusan itu dibuat dengan sebulat suara.

Seluruh ahli-ahli UMNO gembira dengan keputusan itu dan tidak ada pula pihak yang mempertikai keputusan itu melibatkan undang-undang. Ia menjadi satu keputusan yang dikira matang walaupun ada pihak yang tidak senang dengan keputusan itu.

Dan sekarang dari segi ahli seorang UMNO biasa tidak ada beza dengan seorang pemimpin. Masing-masing membayar yuran dan masing-masing mempunyai suara dan mempunyai hak mengundi dan bertanding untuk apa-apa jawatan dalam parti.

Seorang ahli UMNO boleh menjadi calon Majlis Tertinggi dan dia juga boleh menjadi calon Presiden. Dan kalau Datuk Harun sudah boleh diterima menjadi ahli UMNO mengapa pula dia tidak boleh diterima menjadi ahli Majlis Tertinggi UMNO.

Dan dari apa segi juga maka Datuk Harun hari ini adalah sama dengan Datuk Harun yang belum dipecat dulu. Hak dan perkara-perkara yang boleh dilakukannya adalah sama.

Tetapi perkara yang paling menyenangkan hati seluruh anggota Pemuda UMNO ialah kalau dapat bia larlah Datuk Harun sekarang di-

kembalikan untuk menjadi Ketua Pemuda UMNO, satu kedudukan yang dipegangnya semasa beliau dipecat dulu.

Walaupun jawatan itu pernah dipenuhi oleh orang lain apabila tempohnya berakhir dulu, tetapi orang yang dipilih oleh ramai untuk jawatan itu sudah pun tiada lagi bersama kita iaitu Allahyarham Tan Sri Syed Jaafar Albar.

Kerusi Datuk Harun yang kemudian diserahkan kepada Allahyarham Tan Sri Syed Jaafar Albar kini di pangku oleh Haji Suhaimi bin Datuk Kamaruddin. Ertinya jawatan itu boleh dikosongkan oleh Haji Suhaimi, dan pertubuhan itu tentunya mempunyai peruntukan-peruntukan yang boleh memberi semula kerusi itu kepada Datuk Harun.

Cara mana ia boleh dibuat tentu lah Pemuda UMNO dan Haji Suhaimi lebih arif. Adakah perlu satu perjumpaan seluruh Pemuda UMNO tanahair untuk membuat keputusan itu, terpulanglah kepada Pemuda UMNO dan pemimpin-pemimpinnya untuk membuat keputusan.

Tetapi yang boleh membela Datuk Harun sekarang secara lebih hampir dan lebih mudah ialah Pemuda UMNO sendiri. Tugas membela kebenaran, kalau Datuk Harun ini benar-benar berada di pihak yang benar, adalah tugas semua makluk.

Pemuda UMNO dan pemimpin-pemimpin tentulah bersetuju de-

ngan saya tentang perkara itu. Tetapi Pemuda UMNO yang sudahpun membuat keputusan untuk memulihkannya itu tentulah tidak boleh mengharapkan orang lain untuk berbuat demikian.

Benar orang lain boleh buat. Tetapi Pemuda UMNO mestilah menjadi penggerak utama. Ia jangan mengharapkan orang lain. Orang lain boleh buat, tetapi Pemudalah mesti dulu.

Kalau Pemuda UMNO benar-benar mahukan Datuk Harun pulih dalam politik UMNO ia boleh memilih Datuk Harun sebagai Ketua-nya yang baru. Ada peraturan-peraturannya. Antaranya ia ter-pulanglah kepada budi bicara Haji Suhaimi sendiri kerana jawatan itu dipangkunya sekarang.

Kalau Datuk Harun boleh menjadi Ketua Pemuda yang baru, maka sudah tentu Harun dengan sendiri-nya menjadi Naib Presiden UMNO dan duduk dalam Majlis Tertinggi UMNO.

Ertinya sudah terpulih kedudukannya. Dan kedudukan itu tidak menjaskan undang-undang. Ting-

gal lagi, kalau nantinya mahkamah yang membicarakan rayuan ulang bicaranya mendapat dia bersalah, adalah satu hal yang lain.

Kalau dia bersalah juga, bersalahlah. Kalau dia dihukum penjara, hukumlah dan penjaralah beliau. Dan kalau menang, menanglah dan eloklah.

Tetapi itu adalah perkara undang-undang yang berbeza dengan kedudukan politiknya. Kedudukan politiknya sudah dipulihkan. Dan kalau dia didapati bersalah, bukan kerana dia Ketua Pemuda UMNO atau bukan kerana dia ahli Majlis Tertinggi UMNO. Kalau dia bersalah adalah kerana perbuatannya dan peguam sudahpun berusaha keras untuk memulihkannya dari segi undang-undang.

Dalam kes ini undang-undang adalah undang-undang dan politik adalah politik. Pemuda UMNO tentulah tidak boleh buat apa-apa tentang undang-undang tetapi pemuda mungkin tidak membuat sesuatu yang politik kalau mereka tidak menolaknya kepada kedudukan asal politiknya.

---

*NOTA: Mahkamah mendapati Datuk Harun bersalah dan semua usahanya merayu hingga ke Majlis Privy di London tidak berjaya. Dia dipenjarakan dan Majlis Pengampunan dalam tahun 1981 membebaskannya dari menjalani baki hukumannya di penjara. Sempena 25 tahun merdeka pada 31 Ogos, 1982 beliau di-*

*ampunkan oleh Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agung.*

*Dengan demikian kedudukannya dari segi undang-undang telah terpulih sepenuhnya.*

*Dari segi politik pula beliau kembali menjadi salah seorang pemimpin UMNO yang terpenting apabila menang menjadi Naib Presiden UMNO dalam tahun 1981. Ketika itu beliau masih dipenjarakan. Tiga tahun sebelum itu beliau sudahpun menjadi ahli Majlis Tertinggi UMNO dan jawatan itu dimenanginya semasa dia sudah menjadi banduan.*

*Beliau mencatat sejarah sebagai orang banduan yang diterima oleh UMNO, atau dalam lain perkataan Perhimpunan Agung UMNO seolah-olah menolak segala keputusan mahkamah mengenainya. Ini dengan sendirinya mempertikai langkah pemimpin-pemimpin UMNO yang menyeretnya ke mahkamah.*

*Tetapi Pergerakan Pemuda UMNO setelah peninggalan Allahyarham Tan Sri Syed Jaafar Albar tahun 1977, tidak lantang lagi membela kes Datuk Harun. Malah badan itu tidak berbuat secukupnya untuk memulihkan beliau bila ia dipimpin oleh Datuk Haji Suhaimi.*

*Sebaliknya Datuk Haji Suhaimi tidak memberi jalan kepada Datuk Harun untuk kembali menjadi Ketua Pemuda UMNO dalam tahun 1980. Datuk Haji Suhaimi bertanding dengannya dan Datuk Harun kalah. Sekalipun Pemuda UMNO pernah mengira Datuk Harun sebagai legenda, tetapi badan itu sendiri juga yang menolaknya untuk kembali memimpinnya.*

## KETUA PEMUDA PAS PERAK

WATAN 20hb. Mei, 1977.

MINGGU lalu saya banyak menerima ucapan tahniah. Ada yang melalui telefon dan ada yang menyatakan dengan lidah sendiri sambil menghulurkan salam.

Menteri-menteri yang kenalkan saya seperti Datuk Musa Hitam, Menteri Perusahaan Utama dari jauh lagi sudah menyatakan tahniahnya.

Segala-galanya kerana terbit beberapa berita yang saya dicalonkan untuk menjadi Ketua Dewan Pemuda PAS Perak.

Kebetulan pada hari berita itu terbit saya kembali ke Perak. Ada orang Ipoh yang bertemu dengan saya bertanya, "Hai! Balik kempen ke?"

Saya sambil bergurau mengiyakan saja. Saya tidak menyambungnya lagi kerana saya terpaksa ke lain.

Kembali ke Kuala Lumpur, tersua dengan Datuk Harun Idris, bekas Ketua Pemuda UMNO. Dia juga memberi salam serupa, "You orang PAS rupanya." Orang tua itu gelak saja. Gelak orang politik walaupun tak berbunyi tapi bererti.

Haji Sulaiman Palastin, Ketua Penerangan UMNO yang ada sama segera bertanya, "Betulkah you orang PAS?"

Saya tidak menidakkannya, "Ini saya baru balik dari Perak. Melihat dan meninjau kawasan." Kami gelak. Orang-orang yang ramai di pertemuan itu semuanya mengilai.

Haji Sulaiman menyambung, "Tak kiralah apa parti pun nak masuk tapi kita nak tahu saja. Apa you punya pendirian."

Saya suruh saja mereka bertanya dari orang PAS. Cakap-cakap macam itu yang merasakan saya orang PAS oleh setengah orang UMNO itu adalah perkara biasa. Kalau saya kata tidak pun rasanya tak ramai yang percaya.

Saya sendiri tidak pernah memikirkan perkara itu serius.

Cadangan supaya saya dicalonkan sebagai Ketua Pemuda PAS dibuat oleh satu cawangan dari Teluk Anson. Orang di situ merasakan saya ini anggota PAS dari Sitiawan.

Siapa yang memberitahu mereka, wallah waklam. Agaknya kerana ada anggota keluarga saya yang jadi



*Subky Latif bersama Datuk Musa Hitam.*

kerabat kuat PAS. Dan kemudian adanya kecenderungan orang tua saya kepada parti yang memperjuangkan Islam itu.

Kerana saya selalu menegur kerajaan, dan kerajaan itu UMNO, maka orang mengira itu sebagai bukan UMNO. Orang bukan UMNO boleh jadi PAS dan boleh jadi PSRM. Kerana saya ada adik beradik yang menganggotai PAS, maka mudahlah orang merasakan saya PAS.

Dan yang tambah menyakinkan orang lagi ialah adanya kenyataan yang pernah dikeluarkan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Tan Sri Abd. Samad Idris) yang mengatakan saya orang PAS, maka orang mudah percaya.

Di mana menteri itu tahu, saya pun tak tahu. Tetapi kerana Menteri itu pernah menjadi Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dulu, dia boleh mendapatkan maklumat-maklumat dari polis cawangan khas? Dan orang mungkin mudah menyangka yang beliau mungkin dapat maklumat dari polis cawangan khas itu.

Agak saya itulah yang menyebabkan Pemuda PAS Teluk Anson itu mencadangkan perkara itu.

Saya tidak pernah melayan atau tidak pernah mengindahkan segala anggapan orang terhadap keyakinan politik saya. Ada orang PAS merasakan saya UMNO sebab selalu turun naik ke rumah UMNO dan

selalu minta Datuk Senu belanja kopi.

Dan ada juga orang PSRM yang merasakan saya ejen parti kerajaan kerana ada rencana-rencana di majlis forum yang menyentuh kelemahan PSRM. Segala kritik itu tidak pernah saya bimbangkan dan kalau ada tulisan yang melibatkan saya sebagai ejen kerajaan atau anti PSRM, saya galakkan supaya disiaran.

Ada juga yang pernah menulis secara peribadi menyatakan saya ini 'the running dog of UMNO.' Apa maksudnya pun saya tak tahu.

Tapi orang UMNO yang merasakan saya pro PSRM pun ramai. Sebabnya kalau orang-orang PSRM bertemu dengan saya, kami berbual dan kadang-kadang sama-sama minum.

Kassim Ahmad, sebelum ditahan dulu selalu saya temui dan dia pun suka datang ke pejabat saya untuk macam-macam 'tukar fikiran.'

Dan yang paling gelisah dalam masalah ini ialah adanya sangkaan dari tokoh UMNO yang saya ini ejen Kassim Ahmad yang nombor satu.

Sebelum Allahyarham Tun Razak berangkat ke Paris untuk berubat bulan Disember 1975 seorang tokoh UMNO yang terkemuka ada berbincang dengannya. Antaranya perkaranya ialah mengenai mendiang Suara Rakyat.

Tokoh UMNO itu mungkin kerana hendak berbudi dengan demo-

krasi lalu menanyakan kemungkinan akhbar itu diterbitkan kembali. Tetapi Allahyarham mengingatkan kepada tokoh itu bahawa dari laporan polis cawangan khas, saya ini adalah ejen Kassim Ahmad yang nombor satu.

Saya diberitahunya, 'Ada setebal ini ha failnya.' Dan dari cakap dan isyarat yang dibuat, saya agak-agak fail itu adalah seinci tebalnya.

Saya tidak pernah ngeri dengan anggapan seperti itu walaupun kemudiannya Kassim tertahan dan saya yang dikatakan ejennya masih bebas. Tetapi sebagai biasa saya terus bergurau, "Mengapa tidak beritahu dari awal, kalau tidak saya boleh beri fail yang lebih tebal, mungkin fail di balai polis itu tidak cukup tebal."

Selalunya perbualan seperti itu tidak pernah saya kira serius dan saya lupukan dengan gurau dan gelak ketawa.

Bila cerita PAS ini terbit pun saya pada mulanya tidak begitu mengindahkannya. Biarlah mereka membuat apa-apa cadangan yang mereka suka.

Ada orang menasihatkan saya supaya membuat penjelasan segera kalau betul saya bukan ahli PAS dan kalau benar saya tidak tertarik dengan pencalonan itu.

Macam biasa saya naik ke rumah UMNO untuk mencari Datuk Senu. Dia tak ada. Semua pegawai-pegawai di tingkat dua, gadis operator, taipis dan lain-lain pegawai datang meng-

hulur tangan, "Tahniah, Ketua Pemuda PAS Perak," ucap masing-masing.

Saya gelak ketawa juga. Radin Supathan yang sedang bercakap telefon menutup kepala telefon dengan tangan untuk menegur, "Buat apa yang masuk PAS?"

Dia tidak puas hati lagi, "You sebagai wartawan biar bebas. PAS jangan masuk, UMNO pun jangan masuk."

Kebanyakan orang-orang UMNO yang tidak memerintah mahu supaya saya tidak melibatkan diri dalam politik, dan suka saya tidak melibatkan diri dalam politik, dan suka saya buat macam sekarang. Mereka menggalakkan saya mene-

gur apa yang patut ditegur seperti sekarang.

-Kalau ada pemimpin-pemimpin dan menteri-menteri membidas akhbar dan para wartawan, mereka suruh saya balas dan hentam. Apakah mereka ikhlas? Mereka membayar yuran kepada parti itu dan kemudian menyuruh pula wartawan membidas pemimpin-pemimpin mereka. Bukan mereka saja yang patut membidasnya bak kata Dr. Mahathir 'mengikut saluran-saluran tertentu.'

Ada pula kawan-kawan yang menggalakkan supaya menerima pencalonan itu. Sebabnya ada beberapa calon lagi bunyinya menarik diri kerana hendak memberi jalan



*Subky Latif semasa menjadi pengarang Watan bersama pembantu-pembantunya.*

kepada saya.

Mereka kata, untuk naik melalui UMNO susah. Ikut jalan PAS senang. Kalau masuk PAS, nanti boleh jadi senator. Dan ada juga yang membayangkan nanti boleh jadi Setiausaha Parlimen atau Timbalan Menteri.

Dan bila saya bercakap dengan siapa saja, nanti ada orang yang mengusik, "Hai, kempen ke?" Kadang-kadang bercakap dengan Cina pun ada yang mengusik saya sebagai mengajak Cina masuk PAS. Dan bila saya bercakap-cakap dengan amoi-amoii yang saya kenal, ada yang bertanya, "Cakap apa tu?"

Saya kata, "Nak ajak amoi masuk PAS."

Dalam dua minggu jadi calon PAS atau 'pimpin Pemuda PAS' itu banyak benar telefon dan pertanyaan saya terima. Saya nampaknya tidak lagi menginterview, tetapi diinterview pula.

Ada antaranya menyuruh saya terima, "Inilah peluang."

Saya kata, "Saya bukan ahli."

Tapi ada yang beritahu, "Tun Razak semasa dipilih jadi Ketua Pemuda UMNO dulupun belum jadi ahli."

"Mana tahu?" tanya saya.

"Tahulah," jawabnya. Saya disuruh menyiasat. Wallah waklam, benar atau tidak.

Tetapi menurut cerita itu, Tun Razak pada ketika Pemuda UMNO berbincang mencari siapa ganti ke-

rana Kapten (kini Tun) Hussein Onn hendak berhenti bagi menjadi Setiausaha Agung UMNO, ada di Kuala Lumpur.

Dia diajak oleh kawannya singgah tempat Pemuda UMNO bersidang. Kemudian ada orang mencadangkan beliau jadi ganti Kapten Hussein. Dia bunyinya belum jadi anggota UMNO. Masa itu ahli tak ahli, tak kira. Kalau sanggup terima jawatan, kemudian baru daftar jadi ahli.

Jadi ada juga orang yang suruh saya buat macam itu.

Kemudian antara telefon yang saya terima ialah dari Ketua Dewan Pemuda PAS dari sebuah cawangan di Selangor. Dia minta saya terima. Dan kemudian diapun menceritakan tentang beberapa masalah orang kampung dan mengajak saya sama-sama membela.

Antaranya ada kampung belum ada letrik dan jalanraya dan macam-macam lagi yang patut menjadi perhatian orang politik. Saya tentulah tidak boleh menyatakan apa-apa kerana mereka itu bercakap macam saya ini sudah jadi Ketua Pemuda PAS Perak.

Oleh kerana banyak sangat perkembangan dan pengaruh dari bergerau sendiri saya kira ia sudah boleh menimbulkan kekeliruan. Dan saya memang mengira, untuk jadi wartawan memang eloklah mengelak diri dari sebarang parti politik walaupun nafsu untuk berpolitik itu ada.

Dan kalau mahu berpolitik, eloklah berhenti dari menjadi wartawan. Sekurang-kurangnya kita tidak menyulitkan hasrat wartawan yang hendak jadi bebas.

Bukanlah tujuan saya hendak menghampaskan orang-orang PAS yang mencalonkan saya atas apa muslihat juar, tetapi saya masih mahu jadi wartawan, mahu saya ~~umumkan~~ yang saya bukan ahli PAS.

Bila saya temui Datuk Musa Hitam yang sedang bergurau dengan Haji Suhaimi, Pemangku Ketua Pemuda UMNO, dia berkata, "Eloklah you tolak Ketua Dewan Pemuda PAS Perak. You patut jadi Ketua peringkat pusat. Barulah setaraf dengan Haji Suhaimi ...." Dia mengilai. Haji Suhaimi mengilai.

Dia bergurau. Saya kira senda gurau ini patut berakhir.

---

---

---

NOTA: Saya sebenarnya tidak pernah terfikir untuk menyertai PAS. Saya lebih senang menjadi wartawan. Bila ada cadangan dari PAS supaya saya menyertainya, maka saya tidak memberikan layanan.

Perkembangan dalam PAS yang melibatkan diri saya itu memang menyulitkan saya untuk terus menjadi orang bebas, dan saya tidak segera membuat penjelasan kerana saya tidak terfikir yang saya akan terjun ke alam itu.

Tetapi kemudiannya, setahun kemudian, terbukti saya menyertai

PAS. Ia saya lakukan kerana merasa perlu politik negara ini diseimbangkan memandangkan PAS tidak mendapat layanan yang wajar dari sekutunya dalam Barisan.

Sepak terjang yang ditunjukkan oleh UMNO terhadap sekutunya PAS, saya kira tidak adil, dan kerana itu saya sertai PAS sebagai menyatakan sokongan saya kepada yang benar. Dan kemudian saya dapat saya telah membuat keputusan yang betul. Saya bersyukur kepada Allah kerana menggerakkan saya membuat keputusan itu.

## USNO BAGI ORANG SABAH

WATAN: 27hb. Mei, 1977.

Subky Latif pada 26 Mei ini telah menjadi tetamu dalam satu majlis dialog yang dianjurkan oleh empat Bahagian USNO di Kudat. Intisari ucapannya telah dijadikan bahan fokasnya pagi Jumaat ini — Penyunting.

SEBELUM pergi jauh ada baiknya USNO mengkaji sebab musabab USNO dilahirkan ke dunia dan apa pula hujah-hujah yang menasabah mengapa ia harus diteruskan dalam bumi Sabah yang makmur itu.

Perkara ini perlu menjadi bahan pemikiran sebelum ada di antara rakyat di Sabah nanti mengusulkan supaya masanya nanti tiba bagi USNO dibubarkan atas sebab-sebab terdesak atau atas apa-apa juga alasan yang belum ternampak.

Dilihat dari kecenderungan yang ada, saya mulai terasa bahawa sudah merata 'iman' orang USNO dirasuk dan ia menjadikan mereka sebagai orang yang tidak tetap 'imannya.'

Antara sebab-sebab mereka tidak tetap 'iman' tadi adalah oleh tekanan hidup sekeliling, seperti takut

hilang pekerjaan, takut tidak naik pangkat, takut hilang peluang berdagang, takut terpotong kawasan kayu balak dan sebagainya.

Justeru itu hari demi hari ada saja orang-orang yang dulunya menyengutkan diri dengan USNO baik sebagai orangkuat, sebagai ahli biasa atau sebagai penyokong berhenti dan keluar dari parti itu dan kemudiannya menyeberang ke Parti Berjaya atau bersara dari politik atas sebab-sebab yang sangat menarik hati.

Arus itu tidak dapat ditentang tetapi ia berkembang, kadang-kadang laju dan kadang-kadang perlahan. Dan kalau ini berlaku terus, apakah harapan USNO untuk menghalangnya dan tidakkah ada kemungkinan nanti terbit suara mencadangkan supaya parti minoriti ini dibubarkan.

Antara sebab mengapa cadangan itu mungkin diutarakan ialah semut-semut yang menjadi kerabat USNO dulu sudah merasai sulit untuk mencari rezeki melalui parti itu.

USNO patutlah bertanya kepada dirinya apakah yang harus dibuat

bila berhadapan dengan keadaan seperti ini. Saya kira USNO tidak banyak faedah untuk menghalang semut-semut itu meninggalkannya.

Ia harus meletakkan satu disiplin kepada perjuangan dan parti.

Sudah patut difikirkan bahawa menabur gula-gula tidak akan banyak memberi faedah jangka panjang. USNO patut membuat pencairan yang baru bahawa ahli yang ramai tetapi tidak sanggup mempertahankan oborinya tidak banyak memberi keuntungan.

Biarlah ia mempunyai ahli yang sedikit, tetapi setiap ahli itu tidak menyertainya untuk tujuan mencari kekayaan dan lain-lain kesempatan sebaliknya mereka datang untuk mempertahankan cita-cita USNO.

Cita-cita dan perjuangan USNO mungkin berubah dari semasa ke semasa. Ia bermula dengan cita-cita mencapai kemerdekaan melalui Malaysia. Kemudian sesudah itu terlaksana ia bergerak mempelopopi pembangunan dan membentuk satu bangsa yang bersatu padu yang menjadi sebahagian dari bangsa Malaysia.

Walaupun USNO lahir dalam satu kawasan yang tidak meliputi seluruh kawasan Malaysia, tetapi ia adalah satu dari parti yang wujud di Malaysia. Ia dengan sendirinya menjadi pembela kepada bangsa Malaysia walaupun yang pembelaan langsungnya cuma kepada mereka yang menetap di Sabah saja.

Peranan itu mungkin berbeda

bila USNO menjadi parti majoriti yang memerintah Sabah, dan fungsinya agak berlainan pula bila ia menjadi parti minoriti dalam kerabat Barisan di Sabah.

Apapun peranannya nyatalah USNO mempunyai tugas yang penting kepada masyarakat dan demokrasi wilayah itu. Selama 13 tahun yang lalu USNO berhadapan dengan satu pemerintahan demokrasi yang menaunginya dari Kuala Lumpur, tetapi ia sendiri menjalankan satu pemerintahan benevolent-despot iaitu satu pemerintahan yang bercampur antara baik hati dan kekerasan.

Peranannya itu telah dimainkan sebaik-baiknya sehingga ia dikalahkan dalam satu pilihanraya umum tahun lalu (1976).

Bertolak dari kekalahan itu ia menjadi parti minoriti dan ia tentulah mempunyai peranan yang berbeza dari dulu. Samada ia sebagai parti majoriti atau parti minoriti, ia mempunyai peranan iaitu berkhidmat kepada masyarakat.

Ia boleh menjadikan dirinya sebagai satu organ yang sangat penting kepada masyarakat. Ia harus merangka program-program jangka pendek dan jangka panjang.

Dari segi politik umpannya USNO sebagai parti minoriti boleh terus mengadakan kursus-kursus politik, mengadakan dialog, seminar dan mengadakan lawatan sambil belajar yang hasilnya haruslah dirumuskan untuk mengukuhkan



2m bersama Tan Sri Said Keruak dan Datuk Harris.

politik USNO.

Sebelum USNO dapat disokongi oleh orangramai, USNO haruslah terlebih dulu mengajar ahli-ahlinya memahami perjuangannya di samping mempunyai kemahiran berpolitik. Dengan segala macam acara politik itu membolehkan ia menghadapi kegiatan dan serangan parti lawan.

Dalam bidang-bidang yang lain pula ia boleh menganjurkan ahli-ahlinya mengambil tahu masalah orangramai dan menanyakan apakah keperluan tempatan dan segalanya dikumpulkan dalam satu rumusan yang berperingkat-peringkat.

Mungkin satu kampung keperluannya bersawah. Apakah yang diperlukan oleh perusahaan sawah. Mungkin taliair atau keperluan baja,

atau alat-alat membunuh serangga atau memasarkannya dengan harga yang lebih baik dari sebagainya.

Keperluan ini haruslah diketahui oleh parti di kawasan itu dan kemudian mengusahakannya supaya setiap pesawah di situ mendapat munafaat.

Kiranya antara keperluan itu tidak dapat diselaraskan oleh ahli-ahli parti seperti mengadakan taliair umpamanya, ahli-ahli USNO bolehlah mengambil perkara itu sebagai suatu yang dituntut dari kerajaan.

Kerajaan mungkin menolak tunutan itu, tetapi ia haruslah disuarakan dengan tidak jemu-jemu. Penduduk-penduduk tempatan akan memberi perhatian dan menyokongnya menumbangkan Berjaya.

Dalam perkara-perkara yang lain

USNO boleh juga umpamanya mengambil tahu tentang masalah pelajaran. Memerhatikan murid yang terbaik dan kemudian mengadakan derma dan sebagainya bagi membantu murid itu mendapatkan pelajaran yang lebih tinggi.

Itu adalah antara contoh kegiatan yang boleh dilakukan, dan kemudian bergantunglah kepada kecekapan pucuk pemimpin parti di berbagai peringkat untuk merancang apakah kerja-kerja yang patut dilakukan bagi membantu rakyat.

Segala kegiatan ini adalah satu rupa khidmat. Ia tetap ada faedahnya kepada masyarakat walaupun masyarakat kadang-kadang tidak memberi pertimbangan yang wajar. Adakalanya kebaikan yang dibuat oleh parti tidak dinilai oleh orang ramai. Tetapi orang-orang perjuangan tidak pernah mengira sama da kerja-kerja dan baktinya dihargai atau tidak. Mereka berpuas hati kalau yang disuara dan yang dikerkannya itu dapat memberi munafaat kepada orangramai.

Tujuan utama parti-parti politik ditubuhkan, termasuklah USNO, adalah untuk memberi khidmat dan mewujudkan kesejahteraan kepada rakyat dan memelihara tanahair. Parti politik itu sendiri sebenarnya adalah alat biar apa nama sekali pun.

USNO adalah satu pertubuhan yang sudah diwujudkan dan pernah memberi khidmat. Terlalu banyak contoh-contoh apakah perkhidma-

tannya selama ini. Memadailah kalau kita sebut kemerdekaannya melalui Malaysia itu satu daripadanya. Dan ada baiknya juga kalau disebutkan pembangunan yang ada yang disambung selepas apa yang diusahakan oleh USNO.

Tentunya kita belum berpuas hati dengan apa yang dicapai itu. Banyak lagi kerja-kerja yang belum sempat disiapkannya, di samping masih banyak lagi perkara-perkara yang belum dibuat tetapi segalagalanya adalah antara khidmat-khidmat yang sempat dilakukan oleh USNO.

Orang-orang USNO jangan terlalu berkecil hati kalau ia dituduh tidak membuat banyak kemajuan. Kemajuan itu adalah perkara yang boleh ditafsirkan mengikut keadaan. Tetapi perkembangan yang berlaku sekarang tentunya boleh memberi pengalaman baru dan pengajaran kepada USNO betapa ia harus belajar hidup sebagai parti minoriti yang tidak memerintah.

USNO digalakkan memberi kerjasama yang seberapa boleh kepada parti majoriti yang memerintah. Kerjasama itu tentunya memilih tempat sekadar tidak melanggar batas prinsip dan harus juga mampu memikirkan apa yang boleh ditolak ansur.

Segala-galanya itu adalah satu bentuk khidmat juga yang ada munafaatnya kepada rakyat dan negara Sabah. Parti majoriti yang memerintah mungkin tidak punya

banyak idea, tetapi dengan pandangan dan kerjasama USNO ia mungkin mendapat fikiran-fikiran baru untuk laksanakannya. Kalau pun parti yang memerintah tidak mengakui jasa dan idea itu, tetapi bukankah USNO sudah memberi satu sumbangan yang baik kepada rakyat dan negara dengan cara itu.

Selagi yang dilakukan oleh perjuangan USNO itu boleh mendatangkan kebaikan, maka ia sudah menjalankan tanggungjawabnya. Atas hujah-hujah itu, maka saya sarankan USNO harus diteruskan dan dipelihara untuk kebaikan rakyat.

Keadaan-keadaan yang ada mungkin tidak membenarkan USNO me-

merintah, tetapi dari segi jangka panjang demokrasi, USNO sangat diperlukan. Hanya inilah caranya demokrasi yang dijadikan atas pembentukan Berjaya dulu dapat disempurnakan. Kalau USNO memikirkan perjuangannya sudah selesai, maka nanti Sabah terpaksa mencari satu tenaga lain untuk mempertahankan demokrasinya.

Pengalaman-pengalaman tadi membolehkan rakyat Sabah lebih beruntung dari saudara-saudara se-Malaysianya yang lain kerana segala perkembangan tadi memberinya banyak pengalaman politik. Pengalaman itulah nantinya yang lebih mematangkan dirinya dari orang lain.

---

**NOTA:** Cabaran yang dihadapi oleh USNO dalam tahun 1977 tidak berubah kepada yang lebih baik dalam tahun 1982 ini. Malah keadaannya lebih tenat.

Tan Sri Said Keruak dan Datuk Ghani Gelong yang masing-masing menjadi Timbalan Presidennya tahun 1977 kini meninggalkan USNO. Ramai lagi tokohnya menjadi penyokong Berjaya.

USNO seolah-olah sudah pulih selepas kekalahannya tahun 1976. Pengaruhnya agak membanggakan menjelang tahun 1980. Tetapi rebutan kuasa di kalangan USNO menjelang pilihanraya umum 1980, Tun Datuk Mustapha ditolak dari menjadi calon, maka USNO menghadapi krisis dan kekalahan teruk, malah lebih buruk dari tahun 1976.

Kini tinggalah ia untuk ditentukan oleh Tun Datuk Mustapha dan Datuk Dzulkifli Abdul Hamid. Tun Datuk Mustapha baru-baru ini mengulas, 'USNO ibarat dahan reput, semua orang mahu meninggalkannya.'

Masa depan parti itu tidak dapat hendak diramalkan.

## GULING MENGGULING DALAM UMNO

WATAN 3hb. Jun. 1977.

CERITA menggulingkan pemimpin UMNO oleh ahli-ahlinya menjadi satu perkembangan yang menarik hati sekarang.

Beberapa bulan lalu UMNO Bahagian Parit Buntar meluluskan undi tidak percaya kepada Ketua Perhubungan UMNO Negeri Perak, Tan Sri Ghazali Jawi.

Perkembangan itu tidaklah menjatuhkan Tan Sri Haji Ghazali kerana kegiatan itu dilakukan oleh satu Bahagian saja sedang UMNO Perak mempunyai 21 Bahagian.

Perkara itu kemudiannya dibincangkan oleh Majlis Tertinggi dan kesimpulannya UMNO dinasihatkan jangan melakukan perkara itu lagi.

Tetapi Majlis Tertinggi tidak pernah mengatakan perbuatan UMNO Parit Buntar itu tidak betul.

Tetapi yang terakhir sekali ialah perwakilan UMNO Bahagian Setapak pula meluluskan undi tidak percaya kepada Ketua Bahagiannya Haji Idris bin Haji Ibrahim, seorang hartawan yang besar pengaruhnya dalam dunia perniagaan.

Undi tidak percaya itu menang. Mengikut istilah yang biasa digunakan beliau sudah digulingkan.

Oleh kerana mengikut perlombagaan UMNO, undi tidak percaya itu tidak bererti seseorang itu tidak boleh meneruskan perkhidmatannya, maka Haji Idris belum lagi terlucut dari jawatan ketua tadi. Ertinya usaha menggulingkan tadi belum boleh menjadikannya terguling. Agaknya, yang macam itu dia bolehlah dikatakan 'terduduk.'

Seorang pemimpin UMNO boleh lucut jawatannya kalau ada keputusan minta dia dilucutkan, bukan kerana undi tidak percaya. Tetapi perlombagaan UMNO tidak pula memberi hak kepada ahli untuk melucutkan jawatan seseorang.

Disinilah letaknya kelemahan perlombagaan UMNO tadi.

Bagaimanapun apalah yang lebih besar dari perhimpunan agung atau mesyuarat perwakilan atau mesyuarat agung.

Kalau mesyuarat agung sudah membuat satu keputusan, ialah yang lebih gagah dari perlombagaan

itu sendiri. Mesyuarat agung bukan saja boleh membuat keputusan, tetapi boleh pula meminda dan memansuhkan kandungan perlembagaan itu sendiri.

Kelemahan keputusan perwakilan Bahagian Setapak itu cuma ia tidak boleh meminda perlembagaan. Tetapi resolusi Bahagiannya adalah sah. Apakah keputusannya diterima atau tidak adalah hal yang lain.

Sebenarnya apa yang dibuat dalam politik guling mengguling ini adalah satu perkembangan yang selari dengan kehendak organasasi dan demokrasi.

Apalah ada pada Haji Idris Haji Ibrahim. Kalau ahli UMNO hendak menggulingkan Datuk Hussein Onn sebagai Pemangku Presiden yang boleh. Tetapi apakah cadangan seperti itu boleh lulus atau tidak adalah hal lain.

Dan satu lagi adakah orang berani membuat usul seperti itu?

Tetapi kalau ada orang yang berani, apakah Datuk Hussein Onn berani mengatakan yang dirinya tidak boleh digulingkan. Dari apa-apa segipun ahli UMNO yang membayar yuran seringgit setahun itu boleh mengemukakan usul tidak percaya kepada siapa saja termasuk Pemangku Presiden sekarang.

Dan sebagai badan demokrasi tentulah UMNO ada membuat peruntukan membolehkan undi tidak percaya itu demi kebaikan parti itu sendiri.

Menasihatkan mereka jangan

buat begitu rasanya tidak betul. Tetapi kalau memberi nasihat supaya berhati-hati adalah menasihatnya.

Tetapi apakah Rumah UMNO tidak percaya kepada kemampuan ahli-ahli membuat keputusan. Suara dari cawangan-cawangan itu adalah suara 'grass-root' kata orang sekarang.

Kalau orang-orang di cawangan tidak setuju dengan pemimpin-pemimpinnya, apalah hak Rumah UMNO untuk campurtangan. Biarlah masalah cawangan diselesaikan oleh cawangan.

Bukanlah asas demokrasi tadi bertolak dari cawangan-cawangan. Dan kerana UMNO berpegang kepada demokrasi, cara tadi adalah baik.

Betapa UMNO sendiri mengamalkan demokrasi boleh dilihat dari sikap liberalnya membenarkan orang-orang Rumah UMNO membuat apa kenyataan juga.

Mengikut setengah pendapat En. Adib Adam tidak boleh mengeluarkan apa-apa kenyataan kerana beliau Setiausaha Kerja yang dibayar gaji untuk membuat kerja-kerja pentadbiran. Segala cakap-cakap politik sepatutnya diserahkan saja kepada Datuk Senu dan Haji Sulaiman Palestin kerana mereka terlibat sebagai orang yang membuat dasar.

Tetapi kerana UMNO itu liberal, dan memahami orang seperti En. Adib adalah orang politik walaupun

dia makan gaji, tidak menjadi kesalahan besar kalau dia membuat kenyataan politik. Lagi pula orang-orang politik patutlah diberi peluang untuk mendapat publisiti.

Bertolak dari amalan ini, apa salahnya orang UMNO membuat keputusan guling mengguling. Mana kita tahu bahawa orang yang digulingkan itu baik. Boleh jadi ada tidak baiknya yang kita tidak tahu.

Baiknya peruntukan yang membolehkan ketua atau manama pemimpin digulingkan ialah untuk mengelakkan parti itu dikuasai oleh orang yang tidak mendatangkan kebaikan kepada parti dan masyarakat.

Kalau seorang pemimpin tidak boleh digulingkan, apa kata kalau UMNO nanti dipimpin oleh seorang seperti Firaun, raja Mesir purba atau seperti Hitler, (diktator Jerman dalam Perang Dunia Kedua). Apa UMNO nak buat kalau hal itu berlaku?

Tetapi apakah yang dirunsingkan oleh Haji Idris kalau dia benar-benar disukai oleh ahli-ahli UMNO dalam Bahagiannya. Kalau dia benar-benar kuat, tentulah undi tidak percaya tadi kalah bila diundi kelak.

Setahu saya, usaha untuk menggulingkan Haji Idris walaupun berjalan secara berbisik atau ada kempen-kempen dulu, tetapi tidak ada ugutan.

Tidak ada polis akan menangkap sesiapa yang tidak mengundi untuk

menggulingkan beliau. Atau tidak ada gangster akan memukul orang yang baik dengan Haji Idris.

Ertinya tidak ada gugutan yang hendak ditakutkan. Ertinya orang-orang yang majoriti mengundi tidak percaya kepadanya itu mengundi dengan bebas. Sama ada mereka berpangkat, ditipu atau diberi duit, itu adalah pandai masing-masing. Tipu, bohong dan sebagainya adalah benda biasa dalam politik.

Dalam masalah ini saya tertarik dengan satu kenyataan dari Rumah UMNO yang menyebut betapa tidak eloknya perbuatan guling mengguling itu. UMNO bunyinya sedang bersedia untuk membuat surat keliling melarang ahli-ahlinya dari membuat undi tidak percaya kepada pemimpin-pemimpin.

Pada saya yang hendak digulingkan oleh ahli-ahli UMNO itu ialah orangnya — orang yang mereka fikir tidak baik. Dan apa salahnya mereka menggulingkan orang-orang yang tidak baik?

Saya kira apakah yang kena guling itu bernama Adib, atau Ghafar Baba, atau Datuk Harun Idris tidak penting. Boleh jadi mereka ada salah pada pandangan ahli. Biarlah undi tidak percaya mereka buat sampai seratus kalipun, kalau orang itu orang baik, tak ada kuasa yang dapat menjatuhkan kecuali takdir.

Tetapi yang penting untuk diperhatikan oleh UMNO ialah dasar perjuangan UMNO itu



*Hajji Idris Ibrahim.*

berjalan. Pemimpin yang diguling itu adalah perkara kedua.

Dalam masalah ini orang-orang yang kena guling, sama ada diluluskan oleh perlombagaan atau tidak, adalah dikira orang yang tidak popular.

Mengikut satu kenyataan Datuk Hussein Onn baru-baru ini, pemimpin-pemimpin yang tidak popular eloklah mengundurkan diri. Itu bukan cakap saya. Itu cakap Datuk Hussein Onn, anak Allah-yarham Datuk Onn.

Orang yang tak popular itu bukanlah tak popular seumur hidup. Boleh jadi dia popular dulu, tetapi sekarang tidak popular. Dan

boleh jadi tidak popular sekarang, tetapi esok dia popular pula. Oleh itu orang yang tidak popular sekarang fahamlah cakap Datuk Hussein Onn itu. Bila ada peluang, bertanding lagi kemudian.

Buat apa susah-susah. Majoriti sudah tak suka kita buat apa cari sebab-sebab teknik dan sebagainya. Nanti malu diperli orang.

Dan guling mengguling ini bukanlah orang ramai tahu sangat kalau mereka tak melihat contoh. Kalau ahli-ahli Dewan Undangan Negeri Selangor tidak meluluskan undi tak percaya terhadap Datuk Harun Idris sebagai Menteri Besar Selangor, boleh jadi ahli-ahli tidak

teringat bahawa demokrasi boleh menjatuhkan ketua dengan undi serupa itu.

Kalau undi tak percaya yang seperti itu Ibu Pajabat UMNO tak sibuk, buat apa kita nak sibuk fasal UMNO menggulingkan Idris

Haji Ibrahim.

Baiklah kita ajar ahli-ahli bagaimana hendak memahami demokrasi atau menyuruh mereka beramai-ramai mendaftar menjadi pengundi seperti yang sedang berjalan sekarang.

---

---

**NOTA:** Undi tidak percaya terhadap Haji Idris itu mendapat perhatian besar dari cawangan-cawangan UMNO di Setapak. Tetapi beliau tidak sempat digulingkan kerana Rumah UMNO cepat campurtangan.

Pentadbiran bahagian itu kemudiannya diletakkan terus di bawah Datuk Hussein Onn (kini Tun). Dengan demikian krisis agak reda tetapi tidak pula selesai.

Dalam suasana seperti itu Haji Idris berpeluang menjalankan kegiatan bagi menambah kekuatannya. Bila Datuk Hussein merasa perlu untuk membebaskan Bahagian itu berjalan sendiri, maka Haji Idris tidak dapat digulingkan terus.

Beliau telah diberi peluang bertanding untuk kali kedua di kawasan Parlimen Setapak dalam tahun 1978 dan menang tanpa bertanding. Kekuatannya dalam bahagian Setapak selepas itu tidak dapat digugat, tetapi dalam pilihanraya umum 1982 namanya diketepikan walaupun dia masih menjadi Ketua Bahagian itu.

Bagaimanapun undi tidak percaya terhadap pemimpin tidak berlaku dalam UMNO sesudah itu. Guling mengguling pemimpin berlaku terus tetapi ia dibuat setiap kali musim pemilihan jawatankuasa baru.

## AHLI-AHLI USNO MULA SEDAR

WATAN 7hb. Jun, 1977.

SEHARI sebelum Perhimpunan Agung USNO kerja-kerja menyediakan kertas-kertas persidangan belum banyak yang selesai.

Datuk Dzulkifli Abdul Hamid, Timbalan Presiden USNO sekarang bersama-sama Haji Abdul Karim Ghani dan Sabdin Ghani serta Amisah Borhan, masing-masing tokoh Pemuda dan Wanita sibuk menyusun kertas-kertas untuk dibentangkan dalam mesyuarat nanti.

Banyak kerja terpaksa mereka buat sendiri dengan dibantu oleh kerani-kerani pejabat Rumah USNO, Kota Kinabalu.

Rumah itu terpaksa dicat masa itu juga. Sambil tokoh-tokoh muda USNO menyediakan persiapan terakhir itu pengecat-pengecat juga sibuk memberi pandangan baru pada bangunan itu.

Dari desa-desa dan kawasan pendalaman ahli-ahli USNO mula bergerak ke Kota Kinabalu. Yang berada dan yang berketaukan orang kaya-kaya datang dengan kapal-terbang. Mana-mana tempat yang tidak ada lapanganterbang datang

dengan motor sendiri atau menaiki landrover. Landrover adalah kenaikan rakyat yang biasa bagi negeri yang jalanraya tidak begitu sempurna itu.

Dan tidak pula kurang ada yang datang dengan menaiki bot walaupun tidak ramai.

Semua bahagian menghantar perwakilan. Setengahnya dibiayai oleh pemimpin-pemimpin bahagian yang berada, dan ramai pula yang datang dengan wang sendiri.

Pada petang menjelang sidang Pemuda dan Wanita USNO, Kota Kinabalu mulai ramai didatangi orang luar bandar. Yang senang menginap di hotel terkemuka. Dan banyak mana sangat bilik hotel yang mahal. Setengah menumpang di rumah kawan dan mencari tempat menginap sendiri dengan membeli makan sendiri.

Ketua-ketua Bahagian tentulah menyediakan tempat untuk para perwakilan. Tetapi ada bahagian yang diikuti oleh hampir seratus pemerhati.

Walaupun pemerhati itu datang dengan perbelanjaan sendiri, tetapi



*Tan Sri Said Keruak*



*Amisah Burhan*

ini menjadi masalah kepada setengah ketua bahagian kerana mereka adalah orang-orang yang menyokong USNO dengan tidak mengira susah payah.

Hari Perhimpunan Pemuda dan Wanita, pagi Jumaat 28 Mei, Dewan Masyarakat yang boleh memuat hampir 2000 orang itu penuh dan melimpah hingga ke serambi.

Kerusi tangga kambing untuk pemerhati tidak kosong barang seinci juga. Suasana di dalam terlalu ketat dan panas.

Petang 28 Mei Datuk Hussein Onn, Perdana Menteri dijadualkan tiba. Mereka sudah menyediakan sepanduk untuk menyambut pemimpin agung mereka dari Kuala Lumpur bagi merasmikan Perhimpunan Agung itu.

Sehari sebelum itu Haji Karim

Ghani, Ketua Pemuda menerima telegram yang menyatakan Pengerusi Barisan Nasional itu tidak boleh datang kerana sakit kepala sebelah. Beliau sudah mengarahkan Dr. Mahathir menggantikannya.

Tetapi Dr. Mahathir dijadualkan tiba bukan petang itu. Esoknya pula. Haji Karim merahsiakan telegram itu selama empat jam. Bagaimana mereka hendak menghadapi ahli-ahli USNO yang lebih 3000 yang sudah sedia dengan sepanduk hendak menyambut PM di lapanganterbang itu.

Mereka ditakuti keciwa dan mereka juga nantinya terlalu malu dengan Berjaya yang bernasib baik dalam banyak perkara itu.

Apa akan jadi pada kumpulan manusia itu kalau tidak ada orang yang tiba dari KL petang itu?

Haji Karim dan kawan-kawannya

kemudian menghubungi Kuala Lumpur meminta juga Dr. Mahathir tiba pada waktu Datuk Hussein dijadualkan tiba. Semata-mata tidak mahu meruntuhkan semangat orang-orang yang datang dari seluruh pelusuk Sabah itu.

Sudah ditakdirkan Allah Kota Kinabalu yang sudah beberapa bulan tidak menitikkan hujan, hujan pula petang itu. Tidak ada persediaan untuk menghadapi hujan, tetapi tidak pula mereka lari.

Ramai sungguh orang menunggu ketibaan Dr. Mahathir. Dan bila Dr. Mahathir menjajakkan kaki ke bumi Sabah kali kedua dalam masa seminggu, bergemuruh suara 'Hidup USNO.' Sama naik hujan dari langit dengan hujan manusia.

Malam itu Tan Sri Said Keruak, Timbalan Presiden USNO yang ketika itu adalah Pemangku Presiden, mengadakan jamuan berselerak di rumahnya. Hujan terus turun. Tetapi ahli-ahli USNO tak berganjak. Mereka tidak takut dengan hujan yang melembabkan pakaian.

Dua hari perhimpunan itu diadakan, Dewan Masyarakat sentiasa penuh dengan manusia. Kerusi perwakilan tentulah tiada yang kosong, tangga kambing tempat pemerhati pun penuh juga.

Mereka datang pagi-pagi lagi. Waktu rehat tengahari adalah rehat bagi yang berada dan yang berkereta. Orang-orang itu bolehlah

pergi ke tempat-tempat makan dan rumah-rumah tumpangan.

Tetapi yang ramai itu memadai dengan nasi kawah yang disediakan di serambi dewan. Mereka makan dengan lazatnya dan tidak lagi mengira apa yang dijamukan.

Cukup waktu sidang bermula, mereka semua awal-awal lagi mengambil tempat duduk. Jangan ada saja ucapan yang membidas Berjaya, mereka akan bertepuk tangan. Dan bila ada saja orang menyebut 'Hidup USNO' nescaya serentak mereka menyahut 'Hidup USNO'. Mereka tidak kira apa keadaan sekalipun.

Dr. Mahathir yang menyampaikan ucapan Datuk Hussein Onn umpamanya ada perkataan yang seolah-olah menyindir Berjaya akan segera mendapat tepuk gemuruh serta laungan 'Hidup USNO' sehingga Datuk Harris dan Datuk James Ongkili yang ada sama tak sanggup hendak mendengarnya.

Kadang-kadang ada pula ucapan itu yang hendak menyindir USNO tapi kerana ucapan itu dibuat begitu bijak, sebelum sempat ayatnya habis mereka pun bertepuk tangan juga.

Itulah ghairahnya ahli-ahli USNO yang datang dari segenap rantau itu datang dengan niat satu iaitu mahu membangunkan semula kerajaan yang telah jatuh dan mahu memulihkan semula USNO yang telah lumpuh.

Mereka kebanyakannya tidak

begitu menghiraukan sangat apa yang pernah dilakukan oleh pemimpin-pemimpin semasa USNO menang dulu. Meskipun yang muda dan yang terpelajar mulai menyuarakan kelanjutan dan tingkah laku pemimpin-pemimpin itu, tetapi pada keseluruhannya datang dengan niat yang satu, mahu menghidupkan semula kerajaan USNO.

Pemerhati-pemerhati merasa kagum dengan semangat dan pemulihian yang ditunjukkan. Dulu nak cari sepuluh pemerhati pun susah. Perwakilan pun tak habis datang. Dan yang datang ditanggung oleh pemimpin-pemimpin yang berada.

Sekarang, tiada siapa yang memujuk mereka datang. Mereka nak datang sendiri. Mereka mahu kan parti itu dihidupkan.

Mereka tak cerewet sangat siapa yang terpilih menjadi pemimpin. Tetapi mereka mahu USNO dipimpin semula oleh semua suku kaum dan mereka mahu parti USNO tidak akan dikenali sebagai parti Melayu atau parti Bajau atau parti orang-orang Islam. Mereka mahukan parti itu dipegang bersama oleh orang Melayu, Kadazan, Bajau dan Sungai, dan kemudian mereka menekankan perjuangan Penyatuan Bumiputera dengan tidak mahu menimbulkan soal Islam atau Kristian.

Sesiapa yang terlalu Melayu atau terlalu Kadazan atau terlalu Islam atau terlalu bukan Islam, atau dikira tidak kuat USNOnya, dan mungkin tidak begitu sesuai untuk memimpin USNO.

Itulah harapan mereka.

---

---

NOTA: Sambutan kaum Bumi-putera terhadap USNO agak lebih menggalakkan hingga menjelang pilihanraya umum tahun 1980. Walaupun semangat menggalakkan, tetapi masalah kebendaan terus juga mengabui perhatian orang ramai.

USNO cuba mendidik ahli-ahlinya supaya tidak berjuang berpandukan kebendaan, tetapi tidak banyak kemajuan dicapai kerana kuatnya tekanan dan tarikan pengaruh kebendaan dari kerajaan

Berjaya.

Bagaimanapun kekuatan USNO itu tetap utuh hingga berlaku salah faham antara pemimpin-pemimpin berikut dengan kedudukan Tun Dato Mustapha.

Pemimpin-pemimpin USNO mahu menjauhkan Tun Dato Mustapha dari parti, tetapi beliau mendapat perhatian dari golongan bawah. Krisis ini menyebabkan USNO hancur dalam pilihanraya itu.

## AZAM AHLI-AHLI USNO

WATAN: 10hb. Jun, 1977

POLITIK USNO nampaknya akan terus menjadi faktor yang akan diperhatikan dari semasa ke semasa dalam politik Sabah nanti.

Sesudah lebih setahun ia hilang kekuasaan, ternampak ia sudah kembali pulih. Pulihiya USNO sekarang atas kesedaran dan tanggungjawab ahli-ahlinya dari segenap lapisan.

Dalam sidang agungnya pada 28 hingga 30 Mei 1977 lalu ternampak satu perkembangan yang sangat menarik hati yang sangat dikagumi oleh pemimpin-pemimpin parti itu sendiri.

Jumlah orang yang datang lebih dari biasa. Sebelumnya yang datang cuma perwakilan. Kini yang datang termasuk sebahagian besar pemerhati. Dulu yang datang adalah dibayai oleh ketua-ketua. Kini mereka datang sendiri.

Pemerhati-pemerhati memberitahu bahawa dari segi organisasi, USNO bertambah baik. Perjalanan sudah mulai mengikut cara yang dijalankan oleh parti-parti politik demokrasi dunia yang lain. Mungkin ia tidak semaju parti-parti yang

berpengalaman, tetapi ia sudah mulai mengikut cara yang maju.

Untuk memilih para pemimpin, dijalankan dengan sistem undi sulit. Mungkin kerana kurang pengalaman ia agak kurang lancar, tetapi, ia sudah berjalan mengikut yang dirancang.

Ahli-ahli sudah berani membidas para pemimpin. Ini dikira satu perkembangan baru. Ada pemimpin yang tersentak, tetapi lama kelamaan ia akan menjadi perkara biasa dan diterima untuk sesuatu yang sihat.

Cara berorganisasi nampaknya mereka lebih maju dari Berjaya yang tidak menjalankan undi sulit dalam kongresnya tiga bulan lalu. Sidang Berjaya dulu tidak seramai kehadiran sidang USNO itu dan perbincangan pula tidak rancak. Mungkin ada rasa takut dan mahu melindungkan sesuatu.

Tenaga-tenga baru dan muda asyik menonjolkan kemudaannya dan mahu ramai tenaga muda. Tenaga lama walaupun masih mahu mempertahankan nama baik mereka, memang bersedia untuk

memberi jalan kepada tenaga muda dan mahu menerima kesilapan dan kelemahan masa lalu.

Masing-masing bersetuju untuk berpadu antara yang lama dan yang muda — sekurang-kurangnya pada suara — kalaupun tidak pada hati dan perasaan.

Kekalahan USNO itu nampaknya memberi peluang kepada parti itu untuk membaiki perjuangannya. Ia memberi peluang kepada parti mengemukakan tenaga baru dan merombak cara lama. Kalau dulu tidak siapa berani menegur pemimpin, kini pemimpin boleh ditegur.

Anak-anak muda ditangga kambing Dewan Masyarakat (tempat sidang diadakan) mulai mengomel bila ada ucapan pemimpin-pemimpin yang tidak mereka setujui.

Dan dalam azam yang ada, masing-masing mahu menebus kekalahan melalui proses demokrasi tetapi bertolak dari perpaduan Bumiputera.

Dari kedudukan para pemimpin diusahakan nampaknya supaya ada tenaga dari kebanyakan suku, dan pengikut semua agama ada dalam Majlis Tertinggi.

Timbalan Presiden yang dulunya satu, tetapi kini ada tiga. Tujuannya memastikan suku-suku terbesar ada didalamnya. Dalam kedudukan yang ada dua daripadanya dipilih dan satu dilantik oleh MT.

Pertimbangan perwakilan kali ini

ialah ini dibuat kerana mahu memberikan Tan Sri Said Keruak, Datuk Dzulkifli Hamid dan Datuk Ghani Gelong memegang jawatan itu.

Pada mulanya tiga tokoh itu bertanding untuk dua timbalan yang dipilih. Tan Sri Said Keruak takut dirinya dan Datuk Dzulkifli terpilih. Kalau Datuk Ghani tidak terpilih, maka mungkin suku Kadazan menganggap pemimpin dari kaum mereka ditolak oleh suku Bajau dan Melayu.

Maka Tan Sri Said Keruak menarik diri untuk membolehkan perpaduan Bumiputera tadi tidak terjejas.

Tetapi perwakilan tidak mahu dengan tindakan Tan Sri Said Keruak itu. Mereka masih mahukan beliau menjadi Timbalan yang dipilih. Tolak ansur yang dibuat ialah ketiga-tiga calon dipilih sebulat suara walaupun ia tidak dibuat mengikut kehendak perlembagaan yang menyebut seorang dari tiga itu dilantik oleh MT.

Itulah toleransi yang mahu ditunjukkan oleh perwakilan yang masing-masing bersemangat itu. Dalam toleransi itu juga terdapat rasa sayang kepada pemimpin walaupun mereka mengecam mereka. Sebagai bukti ramai di antara muka lama terus dipilih.

Yang menjadi perhatian apakah dengan pulihnya semangat ahli-ahli yang tentunya tidak berjuang untuk wang dan balak, tetapi untuk



*Pertemuan dari hati ke hari di antara Datuk Harris dan Tan Sri Said Keruak.*

keadilan, dapat mengembalikan keyakinan rakyat kepada parti itu.

Semangat USNO itu pulih antara sebabnya ada pemotongan lesen membalak dan berniaga yang diterima oleh ahli-ahli USNO. Perkara ini sudahpun diadukan kepada Barisan Nasional Pusat dan ada persetujuan untuk menyiasatnya.

Fasal pembuangan ini ada, telah diakui oleh Menteri Kewangan Negeri Haji Mohd Noor Mansor kepada saya, tetapi ia dibuat termasuk dalam rangka mengurangkan pekerja yang berlebihan dalam beberapa badan.

Kerana ia menimbulkan kekeruhan. Pembuangan itu dihentikan setakat yang sudah berkuat kuasa

saja. Ia tidak dijalankan sepenuhnya kerana adanya tentangan dari rakyat.

Bagaimanapun pihak USNO mendakwa kalau pembuangan itu untuk mengurangkan bilangan pekerja, mengapa tempat mereka digantikan dengan muka-muka yang menganggotai Berjaya.

Ini belum berjawab. Tetapi kerajaan sedang merancang untuk membuka peluang bekerja yang baru, dan orang-orang itu akan ditempatkan di situ termasuk orang yang sudah dibuang itu. Itu penjelasan Haji Mohd Noor.

Bagaimanapun pembuangan tadi dan kemudian ada laporan terakhir dari USNO juga bahawa ahli-ahli mereka yang menjadi ketua-ketua

kampung telah diberhentikan juga, telah menyebabkan kegelisahan di kalangan ahli-ahli USNO.

Ini menyebabkan mereka berazam untuk menegakkan semula USNO dan tidak mahu langsung mendengar perkataan 'Berjaya' dan tidak mahu melihat gambar Datuk Harris, pemimpin Berjaya.

Tetapi adakah ini boleh menjadi kan USNO menang semula?

Kemenangan semula USNO bergantung kepada ke mana pengundi Cina memberitahu undi mereka. Inilah hakikat yang ada. USNO yakin boleh mendapat jumlah kerusi yang lebih banyak dari Berjaya, tetapi kerana kerusi orang Cina yang memihak ke mana saja, akan memberi kuasa kepada pihak itu, menjadi soal sulit USNO.

Berjaya menonjolkan USNO sebagai parti orang Melayu dan orang Islam, sedang Berjaya adalah untuk semua kaum. Selagi soal ini tidak dapat dipecahkan oleh USNO, maka Berjaya lah yang berada di pihak yang senang.

Dalam masalah ini Datuk Harris sangat pintar. Dia sangat baik dengan orang Cina dan lain suku. Lim Guan Seng, pemimpin berpengaruh Cina adalah sahabat baiknya dan juga dikira penasihatnya. Datuk Harris boleh bertolak ansur dengan silat naga dan lain-lain kebudayaan Cina.

Datuk Dzulkifli pula walaupun berusaha, membela dua buah akhbar Cina yang diharamkan oleh

Berjaya, tetapi agak sukar untuk mengelakkan cap pelampau Melayu yang mereka beri sekarang. Orang-orang Cina dan lain-lainnya telah dipengaruhi oleh Berjaya untuk mempercayai bahawa Datuk Dzulkifli tidak membela kepentingan kaum lain.

Ada Cina yang termakan dengan dakyah itu. Justru itu setengah dari Cina tadi kerana tidak sukakan Datuk Dzul, lalu tak begitu suka dengan USNO.

Datuk Dzul pula bersungguh-sungguh menghilangkan cap yang diberi tadi. Dia tidak lagi menyebut perjuangan USNO itu perjuangan Melayu dan Islam saja. Dia cuba menunjukkan USNO memperjuangkan kepentingan semua golongan. Tetapi setakat ini usaha itu belum banyak mencapai kemajuan.

Atas pandangan ini ada pemerhati merasakan Datuk Dzul patut undur. Tetapi setakat ini Datuk Dzul yang kuat bekerja dan dia tahu berpolitik. Kalau Datuk Dzul tidak ada, maka tidak ada tenaga hendak bekerja.

Datuk Dzul sanggup hilang kawasan kayu balak dan hilang punca kewangan. Datuk Dzul bukan Datuk Dzul dulu. Dulu beliau banyak wang. Sekarang wangnya habis digunakan untuk USNO. Kiranya beliau tidak ada, belum dapat dipastikan yang USNO boleh pulih seperti sekarang.

Lain-lain pemimpin USNO menghadapi Datuk Harris secara

diplomasi. Mereka tidak bersetuju dengan Berjaya, tetapi mereka tidak mengecam Datuk Harris dan dasarnya. Ada tanda-tanda setengahnya mengikut apa yang Datuk Harris maukan.

Tetapi Datuk Dzul tidak segan-segan. "Pemimpin politik mesti berani," katanya. "Kalau takut-takut jangan masuk politik!"

Politik Datuk Dzul tadi terus berjalan. Datuk Harris mengumumkan untuk menjadi calon Barisan di Keningau, kawasan parlimen yang dikosongkan oleh Robert Evans. Evans berhenti kerana hendak

memberi kerusi kepada Ketua Menteri itu.

Kata Datuk Dzul, "Apa haknya mengumumkan dirinya jadi calon? Bukankah Datuk Hussein Onn yang patut membuat keputusan? USNO mesti tentang."

Keningau payah untuk ditembusi oleh parti bukan kerajaan. Ia mahukan banyak helikopter. USNO tak ada itu semua. Tetapi inilah ujian pertama bagi politik kedua parti yang baru bersetuju untuk duduk sama-sama sebagai anggota Barisan Nasional.

---

*NOTA: Tajuk asal rencana ini ialah SEMANGAT USNO PULIH TAPI ADA LIKU. Di hujung rencana ini menyebut Datuk Harris dicalonkan dalam pilihanraya kecil Parlimen kawasan Keningau. Dia memenanginya.*

*Perkembangan selanjut selepas rencana ini ditulis memperlihatkan USNO berjaya mendapatkan sokongan rakyat terutama dari kalangan Bumiputera. Ada ramalan mengira USNO boleh menambah kerusinya malah tidak mustahil mengambil alih semula kuasa di Sabah.*

*Strategi pilihanraya USNO di saat terakhir menolak Tun Datuk Mustapha untuk menjadi calon dikira oleh banyak pihak menimbulkan tidak puas hati dan USNO sekali lagi kalah dalam pilihanraya umum 1980.*

*Kekalahan itu diduga dapat dielakkan kiranya USNO tidak menolak Tun Datuk Mustapha.*

*Rebutan kuasa di saat terakhir menjelang pilihanraya itu menjadikan USNO hancur dan selepas kekalahan kali kedua itu semua tokoh USNO yang disebut dalam rencana ini menyertai Berjaya kecuali Tun Datuk Mustapha dan Datuk Dzulkifli Abd. Hamid.*

## SABAH BAGI ASIA TENGGARA

WATAN 17hb. Jun 1977

Pada 28 Mei lalu Subky Latif pengarang Watan telah menjadi salah seorang panel farum anjuran Pemuda USNO di Kota Kinabalu. Intisari hujahnya dalam forum bertajuk "Politik Sabah" itu dijadikan bahan fokasnya hari ini. Penyunting.

KALAU Singapura mempunyai kedudukan strategi yang sangat baik dari segi geografi antara dunia barat dan timur, maka Sabah pula mempunyai kedudukan strategi pula di Asia Tenggara.

Sabah duduk di tengah-tengah antara Jakarta, Bangkok, Phnom Penh, Hanoi, Hong Kong dan Manila. Hubungan yang sama jarang dan sama jarak ini menyebabkan ia sangat diminati dan oleh itu semua pihak mempunyai minat untuk mempengaruhi dan menguasainya.

Ini adalah antara sebab mengapa kemasukan Sabah dalam Malaysia dipertikaikan oleh Indonesia dan Filipina hingga hari ini belum menggugurkan tuntutannya ke atas Sabah.

Kedudukan seperti ini selain dari hubungan dagang, ia boleh dijadikan sebagai kubu pertahanan. Kedudukan ini menjadikan ia sangat

masyhur dan apabila ia ditambahkan dengan kekayaan hasil bumi seperti petrol dan balak, menyebabkan Sabah mempunyai kedudukan yang boleh menarik orang datang.

Orang-orang Sabah harus memelihara kedudukan yang sangat baik ini untuk kepentingan dan kemakmuran rakyat dan negerinya.

Keadaan ini dengan sendiri menjadikan politik Sabah sangat penting untuk keselamatan Asia Tenggara. Dan kerana Sabah duduk dalam Malaysia, maka politik Sabah adalah sebahagian dari politik Malaysia.

Politik Sabah sejak dari kemasukannya ke dalam Malaysia 14 tahun lalu dan hingga beberapa ketika nanti adalah satu politik yang harus terikat dengan segala perkembangan dan pengaruh di Semenanjung.

Sebagai contoh, USNO ditubuh-

kan dari ilham kejayaan UMNO dan sehingga ini seluruh anggota USNO mengira pertubuhan itu sebagai anak kandung UMNO. Dan inilah antara sebab beberapa ketika lalu ada cadangan dari pemimpin USNO agar ia dicantumkan saja dalam UMNO.

Kemudian kita perhatikan pula Berjaya, parti yang berkuasa sekarang adalah ditubuhkan atas ilham orang-orang dari Kuala Lumpur. Dan hingga ini ia terus mendapatkan nasihat-nasihat dari Kuala Lumpur.

Sebagai parti-parti dalam Barisan Nasional, kedua-dua USNO dan Berjaya terus berunding dengan Kuala Lumpur atas apa saja yang hendak dilakukan. Pemimpin-pemimpin Barisan di Kuala Lumpur boleh mempengaruhi dasar dan tindakan Sabah kalau mereka mahu.

Oleh yang demikian politik Sabah tidak boleh merancang sesuatu yang berbeda dengan kehendak Malaysia.

Ini tidak bererti Kuala Lumpur boleh menafikan keputusan dan kehendak rakyat Sabah. Kuala Lumpur menghormati keputusan Sabah dan ia haruslah menyesuaikan kehendaknya selari dengan perkembangan di Kuala Lumpur.

Oleh kerana Sabah tadi mempunyai kedudukan yang istimewa pula dalam Malaysia, ia mempunyai banyak hak seperti yang telah dipersetujui oleh perjanjian antara kerajaan sebelum ia menyertai

Malaysia dulu. Justru itu Sabah semacam berbeda dengan lain-lain negeri di Malaysia.

Atas keadaan ini maka Sabah boleh mengadakan parti-parti politiknya khusus untuk Sabah dan terus menikmati banyak perbedaan. Keadaan ini menjadikan politik Sabah itu lahir sebagai yunit politik yang tersendiri.

Adalah bahaya kalau kita bercakap tentang politik Sabah diasingkan ia dengan politik Malaysia meskipun ada perbedaan dalam pentadbiran dan sebagainya. Kalau kita terlalu banyak menonjolkan Politik maka adalah ditakuti nantinya ia berkembang sendiri dan dikira asing dengan politik Semenanjung dan Sarawak.

Orang-orang di Sabah hendaklah mengurangkan kecenderungan membincangkan politik Sabah secara berasingan. Dalam peringkat negara kita belum berjaya membentuk penyatuan bangsa, maka eloklah dielakkan dari menyendirikan politik Sabah itu.

Kita harus belajar dari perkembangan politik dunia. Kita ambil Britain sebagai contoh. Politik Britain terdiri dari tiga politik yang disatukan iaitu England, Scotland dan Ireland. British adalah bangsa yang bersatu dan berjaya melaksanakan penyatuan bangsanya sejak berkurun-kurun yang lalu.

Orang England tidak pernah kita kenal sebagai orang Inggeris, tetapi mereka mengira mereka sebagai

orang British. Demikian juga orang Scotland. Mereka tidak keluar Britain sebagai orang Scottish tetapi mereka keluar sebagai British.

Mereka adalah terdiri dari bangsa yang memakai satu bahasa, satu agama Kristian dan satu kebudayaan Eropah. Tetapi dalam keadaan yang bersatu sesudah berkurunkurun itu kini berdepan dengan cerita rakyatnya hendak memisahkan Ireland dari Britain dan tidak kurang pula adalah cita-cita Scotland hendak berpisah dari Britain.

Kalau bangsa yang sudah disatukan itu berhajat untuk berpisah maka apakah yang menghalang kita yang berbeda agama dan cara berfikir untuk bersinggungan. Perbezaan dan anutan yang berbeda antara Sabah dan Semenanjung ini memudahkan cepatnya tercetus hasrat untuk bersendiri-sendiri.

Oleh itu kita harus menghindarkan percakapan-percakapan yang menekankan politik Sabah saja atau politik Semenanjung saja. Segala percakapan seperti itu akan menjarangkan jarak persefahaman dan menyulitkan lagi langkah penyatuan Bangsa.

Malaysia yang hampir 20 tahun merdeka boleh dikatakan tidak banyak mencapai kemajuan dari segi penyatuan bangsa. Sehingga ini belum terdapat adanya penyatuan dari segi ekonomi, kebudayaan dan sebagainya. Rakyat Malaysia terus menerus mengamalkan politik

perkauman.

Orang Melayu bercakap tentang keselamatannya di atas bumi asalnya dan orang-orang bukan Melayu seperti Cina umpamanya terus melaungkan yang mereka dilayan sebagai rakyat klas dua.

Kalau keadaan yang berlaku di Semenanjung agak sulit untuk disatukan, maka keadaan di Sabah adalah lebih unik. Kedudukan kaum di Sabah adalah lebih banyak. Selain dari rakyatnya berbeda agama dan kepercayaan, berbeda bahasa, suku-suku bumi sendiri berbeda kepercayaan dan anutan. Setakat ini kaum bumiputera sendiri terdiri tidak kurang dari 20 suku.

Oleh kerana suku-suku bumiputera sendiri tidak terdiri dari satu agama, maka penyatuannya tentulah agak rumit dari yang dijangkakan.

Bagaimanapun dalam masalah ini kerajaan USNO yang memerintah 13 tahun dulu hampir berjaya mewujudkan penyatuan bangsa itu dari yang mampu diusahakan oleh kerajaan yang UMNO menjadi tunggaknya.

USNO di bawah Tun Datu Mustapha dulu bolehlah dikira lebih berjaya dari Tunku Abdul Rahman Putra dan Allahyarham Tun Razak dalam penyatuan bangsa. Beliau hampir berjaya menyatukan kaum-kaum yang berbeda serba serbi itu dalam satu keyakinan.

Kalau rejim Tun Mustapha dulu tidak tergendala, maka adalah diyakini satu bangsa Malaysia yang sejati lebih cepat dilahirkan di Sabah dari di Semenanjung yang tujuh tahun mereka lebih awal itu.

Pemerintahan USNO boleh dikritik, tetapi dalam soalan penyatuan bangsa ia hampir berjaya, tetapi sekarang penyatuan itu gagal disebabkan oleh perubahan politik, dan kegagalan ini suatu yang sangat merugikan negara.

Penyatuan bangsa ini bukanlah boleh dilakukan dalam waktu yang singkat. Ia memerlukan tempoh sekurang-kurangnya 20 tahun. Tetapi kalau semua pihak memberi sokongan, apa yang telah dilakukan dulu disambung pula oleh orang yang kemudiannya, tidak kira dari golongan dan parti mana datangnya, maka Sabah dapat memberi contoh yang baik.

Sekarang Sabah berada dalam satu keadaan politik yang tegang walaupun ia tidak mahu diakui oleh pemimpin-pemimpin kerajaannya. Perbedaan antara USNO dan Berjaya meskipun dalam satu perahu Barisan menyebabkan politiknya tidak stabil.

Tetapi apa yang dihasratkan oleh seluruh rakyat Sabah baik dari USNO maupun Berjaya ialah demokrasi. Kerajaan USNO dulu mendakwa ia mahu mengamalkan demokrasi dan merakamkan demokrasi sebagai matlamatnya. Berjaya yang ditubuhkan dua tahun

lalu adalah juga untuk menegakkan demokrasi.

Ini adalah satu cita-cita yang baik. Tetapi negara yang sedang membangun memang berhadapan dengan berbagai-bagai tantangan dalam mewujudkan demokrasi itu.

Dalam amalan demokrasi itu terdapat ada orang yang dilarang bersuara, ada orang yang dibuang kerja dan ramai pula yang hilang lesen berniaga dan sebagainya.

Segala-galanya ialah gangguan demokrasi disebabkan rakyat dan pemimpinnya kurang arif dan kurang pengalaman tentang demokrasi. Tetapi dengan pengalaman-pengalaman yang ditempuh nanti dan dengan keupayaan pemimpin-pemimpin, demokrasi yang dicitacitakan itu boleh terlaksana.

Justeru itu, keadaan yang terakhir yang mewujudkan dua buah parti itu ada baiknya dipelihara oleh rakyatnya. Kerana pada satu ketika dulu rakyat tidak senang dengan USNO, mereka lalu lari kepada Berjaya. Dan kalau nantinya rakyat bimbang dan tidak tenteram di bawah Berjaya, maka mereka boleh pula lari kepada USNO dan begitulah berulang-ulang.

Kiranya ini dapat dilakukan, maka yang paling beruntung ialah rakyat, kerana mereka ada pilihan. Ini akan memberikan satu paksaan kepada parti-parti itu menyediakan rancangan dan pentadbiran yang baik.

*NOTA: Sabah dan politiknya tetap menjadi perhatian teliti pemimpin-pemimpin kerajaan di Kuala Lumpur walaupun USNO dan pemimpinnya Tun Datu Mustapha telah dijatuhi. Usaha mentiadakan Tun Datu Mustapha dari kekuasaan di Sabah adalah kononnya untuk memungkinkan Kuala Lumpur meletakkan pengaruhnya ke atas pentadbiran di Kota Kinabalu. Dan pada ketika yang sama demokrasi seperti yang dikehendaki oleh Barisan Nasional Kuala Lumpur tidak berlaku di Sabah.*

*Tetapi terbukti beberapa Perdana Menteri Barisan Nasional berganti, mereka tidak dapat meletakkan pengaruh masing-masing seperti yang dapat mereka lakukan ke atas ketua-ketua kerajaan negeri lainnya.*

*Kuasa mutlak — absolute power — ada pada ketua kerajaan sama seperti di zaman USNO juga. Oleh itu tidak ada perbezaan dari sudut demokrasi dulu dan sekarang. Dari kontek ini maksud penubuhan Berjaya tidak tercapai.*

*Pada mulanya semacam ada kemungkinan demokrasi dua parti berkembang. Tetapi dengan kuasa mutlak begitu kukuh, maka parti pembangkang — sekalipun kerabat parti pemerintah dalam Barisan Nasional — telah menerima layanan yang sama seperti parti-parti pembangkang sebelum tahun 1976.*

*Kuasa mutlak mungkin baik kiranya digunakan pada garis aspirasi nasional yang tepat, dan kalau ia terkeluar dari landasan sewajarnya risikonya terlalu besar. Justru itu rakyat yang tinggi tamaddunnya mengelakkan berlaku pemusatan kuasa pada satu orang atau beberapa orang.*

*Kesimpulannya politik pemimpin-pemimpin Sabah lebih sulit untuk dikawal dari zaman sebelumnya.*

## KISAH KUMPULAN TAK BERPOLITIK

WATAN 24hb. Jun, 1977.

SAYA sangat tertarik dengan ke-nyataan Datuk Sri Dr. Mahathir di Perak minggu lalu tentang betapa adanya kumpulan tertentu selain dari parti-parti politik bergerak untuk merebut kuasa politik.

Oleh kerana Timbalan Perdana Menteri itu tidak menyebut mana satu kumpulan yang dimaksudkan-nya, maka tentulah banyak pihak yang tertarik untuk mengetahui kumpulan itu. Dan yang lebih cerdik tentunya bertanya, betulkah cakap Dr. Mahathir itu atau dia sengaja nak temberang saja?

Bagaimanapun sebagai orang politik yang ingin melihat kuasa partinya kekal, adalah manasabah membuat ingatan itu kepada ahli-ahli partinya supaya mereka sentiasa berwaspada terhadap penen-tang-penentang UMNO dan dengan demikian masing-masing akan be-kerja keras untuk menguatkan UMNO.

Kalau ahli-ahli UMNO tidak di-ingatkan dengan ancaman musuh dan kadang-kadang musuh itu hanya musuh ciptaan – maka boleh jadi ahli-ahli UMNO jadi macam

USNO yang merasa dirinya terlalu gagah dan tak boleh digugat satu masa dulu, lalu, masing-masing berehat dari tugas politik walaupun mereka itu masih dalam politik.

Zaman Tunku Abdul Rahman dan Tun Razak dulu berbeda dari sekarang. Orang-orang UMNO tak perlu diingat-ingatkan sangat kera-na pada masa itu ada PAS yang sen-tiasa boleh mengacam UMNO.

Kalau orang UMNO di tempat tertentu, katakanlah Kota Sarang Semut misalnya, tidak membuat kegiatan, PAS akan membuat se-suatu dan kemudian memburuk-burukkan UMNO. Apakah ada pilihanraya ketika itu, tidak jadi soal. Tetapi orang UMNO segera melawan kerana kalau tidak, mereka akan hilang pengaruh di tempat itu.

Dan kadang-kadang pemimpin yang cerdik pula, kerana mahukan ahli-ahlinya berkerja, sengaja me-nimbulkan ancaman PAS begitu dan begini. Jadi orang-orang UMNO pun sentiasa berwaspada.

Tetapi sekarang PAS sudah tidak dapat hendak digunakan lagi sebab

ia sudah sebaris dengan UMNO dan keadaannya pun senasib dan cakapnya pun senada.

Oleh yang demikian pemimpin UMNO terpaksa mencari jalan bagaimana hendak mengingatkan ahli-ahli UMNO supaya sentiasa bergerak. Oleh itu antaranya ada yang memikirkan dengan mengada-adakan musuh, dan musuh pula memanglah sentiasa ada bagi mana-mana juga kuasa politik dan orang politik.

Nabi Muhamad yang dipilih Allah sebagai rasulnya pun ada juga musuh, inikan pula pemimpin UMNO.

Musuh itu ada. Ada yang bernama parti-parti pembangkang, ada yang bernama CIA, ada yang bernama KGB, ada bernama ABIM, ada yang bernama entah apa-apa lagi. Selagi parti politik bernama parti politik dan berkuasa maka adalah kumpulan-kumpulan lain yang hendak menjatuhkannya.

Hatta dalam pucuk pimpinan Komunis Soviet sendiri pun merasakan ada musuh mengancamnya. Kalau tidak masakan Podgorny diaturunkan dari Presiden dan digantikan dengan Brezhnev.

Musuh itu sentiasa ada dalam bentuk berkumpul yang kecil-kecil. Dan orang yang hendak menjatuhkan kuasa politik satu-satu kumpulan itu mestilah terdiri dari orang pandai. Kalau bodoh, dia tak fikir untuk memerintah. Masuk politik pun dia tak mahu.

Zaman Tunku Abdul Rahman berkuasa dulupun ada kumpulan hendak menjatuhkan kuasa itu. Ada yang berparti dan ada yang tak berparti. Begitu juga masa Tun Razak. Ada orang yang hendak menjatuhkannya. Dari dalam UMNO ada, dan dari luar UMNO pun ada.

Kalau Raja pun ada orang yang hendak mengulingkannya, seperti yang banyak berlaku di Timur Tengah, apalah ganjilnya ada kumpulan nak menjatuhkan kekuasaan UMNO.

Tetapi yang berani menyakapkannya dulu cuma Dr. Mahathir. Orang lain pun tahu juga, tapi belum mahu bercakap. Walaupun yang dicakapkan oleh Dr. Mahathir itu satu benda yang logiknya ada, tetapi orang-orang yang sedar akan kehendak demokrasi tak berapa hirau sangat tentang kumpulan macam itu.

Itulah sebabnya pemimpin-pemimpin terdahulu tak berapa bercakap begitu kerana mereka tahu, kumpulan macam itu memang tak boleh dihapuskan dari hakikat alam, sama macam adanya matahari dan bulan.

Tetapi apakah kumpulan itu boleh mengambil alih kekuasaan? Adakah kumpulan itu boleh mengubah kiblat UMNO dari berkiblat ke Rumah UMNO kepada satu tempat lain seperti ke Moscow atau ke Washington atau ke mana-mana juga?

Atau adakah kumpulan itu boleh

menyekat kuasa UMNO? Atau ia mahu menyuruh pemimpin UMNO yang ada itu bersara dan menggantikannya tetapi masih dengan kekuasaan UMNO? Ubah gambar saja?

Apabila kita kaji betul-betul keadaan ini, maka kita patutlah berpegang, kepada cakap-cakap Allahyarham Tun Dr. Ismail yang terkenal bengis dan garang dan keras tetapi berhikmat.

"UMNO tak akan hancur dari luar. Ia hancur dari dalam."

Kalau cakap-cakap Allahyarham Dr. Ismail itu dapat diterima oleh pemimpin sekarang sebagai cakap yang waras, maka tidak ada apa yang perlu dibimbangkan dari kumpulan yang bukan dari parti politik tadi.

Dan sebaliknya kalau kumpulan itu menyuarkan perkara yang betul, adakah salah ia bergerak mengikut kehendak undang-undang dan perlombagaan di sebuah negara undang-undang.

Selagi kumpulan itu tak bernama, maka tidak ada pertubuhan yang patut bimbang kerana orang tidak akan menyokong benda yang tak bernama dan tak berupa. Kadang-kadang ada kumpulan yang ada nama tapi tak berupa, seperti kumpulan malaikat umpamanya. Orang dengar dan puji saja. Yang orang ikut dan jadikan panduan berjuang bukan kumpulan malaikat yang tidak dikenali itu tetapi kumpulan manusia macam Dr. Mahathir dan kawan-kawannya yang kita boleh

dengar, tengok dan lihat serta tegur dan sapa.

Orang anggap, kalaupun kumpulan yang dikatakan itu wujud, sebagai perkara sihat, tetapi belum tentu akan diikut. Oleh itu janganlah kita fikir orang Melayu itu tak tahu memikir sangat mana yang baik dan mana yang betul.

Dan kalaualah kita fikirkan bahawa kumpulan yang ditakuti sangat itu agak berpengaruh, adakah sudah ada bukti yang ia sudah berjaya melumpuhkan UMNO sehingga UMNO tidak terdaya lagi untuk meneruskan kekuasaannya?

Di sini saya suka mengemukakan satu persoalan: adakah keadaan kekuasaan UMNO sekarang lebih terancam dari keadaan-keadaan sebelumnya? Manalebih buruk keadaan sekarang dari keadaan semasa Tun Razak dulu?

Mengikut logik dan hakikat di sebalik kenyataan Dr. Mahathir itu, tentulah kumpulan itu lebih menggugat sekarang dan UMNO lebih terancam. Itu yang dapat saya pungut. Kalau tidak masakan ingatan itu perlu dibuat oleh seorang ahli politik seperti Dr. Mahathir.

Kalau itulah yang difikirkan oleh Dr. Mahathir, maka saya kira perhitungan politiknya silap.

Saya kira keadaan yang ada ini kalaupun tidak seperti tahun 1946, tahun 1955 atau tahun 1957, ia adalah lebih baik dari tahun antara 1973-1976.

Dalam zaman Tun Razak umpa-

manya, semua akhbar-akhbar dan alat-alat sebaran am kerajaan membuat satu liputan. Semua membesarkan pembangunan dan memuji rancangan kerajaan serta perpaduan rakyat dan UMNO. Tidak ada di mana-mana dalam sebaran am negara ini yang mengkritik Tun Razak dan lain-lain pemimpin UMNO.

Tetapi apakah UMNO ketika itu benar-benar padu? Tunku yang tidak pernah keluar dari UMNO tidak pernah menyertai sebarang kegiatan parti dan acara rasmi kerajaan. Boleh jadi Tunku sibuk, tetapi apakah dari tahun 1970 hingga 1976 beliau tidak punya masa untuk hadir?

Dan apakah kita hendak menafikan bbahawa ketika itu juga terdapat rasa resah dalam UMNO hingga ada antara pemimpin UMNO yang bercakap-cakap untuk menuangkan parti baru.

Tetapi dari tahun 1976 akhbar-akhbar mulai berani menegur para pemimpin dan mengkritik apa yang mampu dikritiknya samada mendalam ataupun cetak. Aba berbagai-bagi berita panas dan sensasi, dan ada akhbar yang jarang menyiarkan ucapan Perdana Menteri dan Timbalannya, tetapi UMNO sudah didapati berada dalam keadaan yang pulih.

Perjumpaan ulangtahun ke 31 UMNO pada 11 Mei lalu adalah satu contoh betapa ahli-ahli UMNO boleh duduk sebumbung walaupun

hati tak siapa tahu. Tetapi apakah lebih dari itu untuk dijadikan bukti yang UMNO mulai padu? Apakah yang dapat dikatakan dari kehadiran Tunku Abdul Rahman, Datuk Harun Idris, En. Khir Johari dan sebagainya dalam perjumpaan UMNO itu?

Saya bersetuju dengan Haji Sulaiman Palastin ketiadaan Dr. Mahathir dalam perjumpaan itu tidak mencacatkan perpaduan UMNO.

Dan kenyataan adanya pula perjumpaan antara Tunku Abdul Rahman dan Dr. Mahathir yang duduk sebelah menyebelah pada acara perbarisan Hari Keputeraan Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong pada 1 Jun lalu adalah satu perkembangan baik bagi politik kerajaan dan UMNO.

Apakah perjumpaan macam itu juga boleh menjatuhkan harga pasaran saham?

Dan apakah lagi yang hendak dihujah dari kunjungan dan pertemuan empat mata Tunku dan Dr. Mahathir?

Ini adalah bukti yang UMNO itu pulih. Kalaupun tidak pada hakikatnya tetapi pada mata kasar adalah kukuh dan stabil, walaupun Dr. Mahathir sendiri tidak sunyi dari dikritik dan Perdana Menteri juga selalu diselar. Oleh itu kmupulan tadi bukanlah bayang-bayang yang patut ditakuti.

*NOTA: Hingga akhir kumpulan tak bernama itu tidak dijelaskan oleh Datuk Seri Dr Mahathir. Adakah ia dari kalangan kesatuan sekerja atau badan dakwah Islam khususnya dari kalangan belia?*

Dan yang jelas UMNO kian buat selepas itu dari segi anggota dan kewangan. Adanya usaha untuk merapatkan Tunku Abdul Rahman dan Datuk Seri Dr Mahathir menyebabkan parti itu bertambah kukuh. Dan kemudian dengan terpisahnya PAS dari Barisan Nasional hujung tahun 1977 menjadikan UMNO punya musuh politik yang aktif.

Ita menjadikan UMNO terus bergerak dan dengan itu ia tidak bimbang lagi untuk menghadapi mana-mana jua pihak. Perkembangan ini pula nampaknya mendorongkan bertambah kurang badan bukan politik mahu berlawan dengan UMNO.

Perkembangan awal 80an agak lebih menggalakkan. Badan bukan politik yang pernah kritikal terhadap UMNO dulu mulai mencari jalan supaya tidak bercanggah dengan UMNO ataupun takut kalau ada antara kegiatannya nanti dianggap menentang UMNO.

## ADAKAH TUNKU DATANG?

WATAN 1hb. Julai, 1977.

PERHIMPUNAN Agung UMNO tahun ke 31 ini, bermula semalam sudah ditambah sehari dari biasa.

Biasanya sidang berjalan tiga hari. Sehari untuk Pemuda dan Wanita, dan dua hari lagi untuk UMNO seluruhnya. Tetapi kali ini sudah jadi empat hari. Sehari untuk Pemuda dan Wanita dan tiga hari untuk perhimpunan agung.

Untuk menyesuaikan keadaan sidang sudah tidak bermula pagi Jumat lagi. Ia bermula pagi Khamis.

Dan bila empat hari bersidang, tentulah perwakilan dapat lebih banyak peluang untuk bercakap dan lebih banyak masalah dapat dibincangkan.

Empat hari mungkin terlalu lama, tetapi bagi sidang UMNO memang seronok. Ia semacam satu temasya bagi orang-orang yang suka mengikuti politik terutama yang berada di sekitar Wilayah Persekutuan.

Hari Sabtu dan Ahad biasanya orang-orang di Kuala Lumpur menonton filem atau melancung ke luar kota. Semuanya untuk memenuhi masa.

Tetapi bila ada Perhimpunan Agung UMNO ramai antara mereka tak menonton dan tak melancung. Mereka datang ketempat perhimpunan dan berkumpul-kumpul di serambi tempat menyuarat.

Mereka mendengar segala yang ditimbulkan oleh orang-orang yang datang dari jauh. Disitulah tempat masing-masing melepaskan meriam kataknya. Dan biasanya meriam apa juga yang dilepaskan, akan disambut dengan gelak ketawa. Macamlah perkara yang mereka bincangkan itu tak serius.

Ada orang berkata, UMNO macam tempat berjenaka. Ketika membincangkan perkara yang serius pun mereka nak bergurau. Bila pembahasan tak pandai mengucapkan kata-kata lucu, orang itupun kurang mendapat perhatian.

Dalam suasana panas bercampur lucu inilah, ahli-ahli UMNO merasakan meeting tiga hari itu terlalu singkat. Tidak banyak yang dapat dibahaskan. Banyak dari usul tak pernah dibincangkan, dan lazimnya usul-usul diserahkan kepada budi bila Setiausaha Agung.



*Exco Pemuda UMNO ketika dipimpin oleh Datuk Harun*

Itulah kira-kira suasana mesyuarat-mesyuarat yang lalu.

Tetapi persidangan yang bermula sekarang terus menarik perhatian kerana keadaan dan suasana yang berkembang selama setahun terakhir ini.

Yang menjadi perhatian kali ini banyak dalam bentuk sejauh mana perpaduan UMNO sudah dapat dipulihkan?

Adakah Tunku Abdul Rahman Putra akan datang? Beliau sudah mengasingkan diri beberapa ketika dulu tetapi kini mulai menjengukkan muka dalam majlis-majlis UMNO.

Ini telah dikira sebagai satu perkembangan baik dalam UMNO. Tunku tidak datang untuk mengambil alih pimpinan atau untuk megam-

bil pengaruh yang ada pada orang lain. Soal itu sudah tidak timbul.

Tetapi dia datang menyertai persidangan parti yang pernah dipimpinya. Kerana beliau sendiri mempunyai pengaruh dan pengikut, maka kedatangannya akan memberi semangat kepada parti yang kini dipimpin oleh Datuk Hussein Onn itu.

Kalau Tunku datang, Tunku akan membantu Datuk Hussein Onn untuk mengukuhkan kestabilan terutama dalam keadaan yang agak dikelirukan oleh kes Datuk Harun sekarang.

Datuk Harun Idris yang tidak hadir tahun lalu kerana keanggotaannya dipecat tentulah akan datang kali ini dan akan menjadi satu perhatian yang sangat menarik.

Sebesar mana pengaruhnya seka-

rang adalah dalam perhatian. Apa yang beliau boleh buat dalam sidang itu tidak begitu dapat hendak diduga, tetapi yang nyata orang yang memberi perhatian dan simpati kepadaanya banyak.

Bagaimanapun adanya beliau kembali kedalam UMNO tentulah tidak menjadi satu soal yang memanaskan sidang itu lagi. Ahli-ahli UMNO tentu berpuas hati kerana kehendak mereka tahun lalu sudah pun dipenuhkan. Tetapi yang hendak diperhatikan sekarang ialah hendak ke mana Datuk Hatun dan sejauh mana pula simpatisannya dapat meneguhkan semangatnya.

Apapun yang berlaku UMNO nampaknya terpaksalah memerhatikan kes Datuk Harun ini dengan wajar serta mempunyai pandangan jauh.

Datuk Harun tidak penting, tetapi masalahnya sudah berjalan kira-kira empat tahun, dan imejnya belum dapat dibunuh meskipun masalah yang dihadapinya timpa bertimpak.

Mengkaji semula perkembangan lampau, UMNO mengambil masa yang singkat untuk mematahkan Aziz Ishak, Cikgu Md Nor Ahmad, malah kes Dr. Mahathir sendiri. UMNO dapat menyelesaikan perkara itu dengan mudah untuk selama-lamanya.

Tetapi dengan kes Datuk Harun, sudah empat tahun berlalu, ia tetap menjadi perkara yang belum diselesaikan dan dengan demikian masa dan tenaga orang-orang UMNO banyak terbuang atas perkara itu

saja.

Apapun yang berlaku segala-galanya adalah ujian kepada demokrasi UMNO. UMNO berpegang kepada demokrasi dan masalah yang dihadapi itu adalah antara kemampuan masing-masing berpegang kepada demokrasi dan keluhuran undang-undang.

Kehadiran Tunku dan kehadiran Datuk Harun dalam sidang ini memberi banyak erti kepada perkembangan masa depan UMNO dan berpaduan UMNO.

Tetapi kehadiran kedua-dua tokoh itu tidak akan memalapkan sinar yang mulai ada pada Datuk Hussein Onn. Datuk Hussein kini beruntung atas segala perkembangan. Dia kini mulai mengelakkan diri dari sebarang pertelingkahan dengan mana-mana pihak.

Di mana-mana juga beliau berucap, beliau bercakap atas soal prinsip dan peraturan. Dan sedikit demi sedikit beliau nampaknya lahir sebagai bapa yang tidak condong ke mana-mana pihak.

Orang mula memerhatikan tingkah lakunya. Dalam krisis Sabah umpannya, beliau tidak pernah menyatakan yang beliau memihak kemana-mana. Dia tidak memihak kepada Berjaya dan tidak memihak kepada USNO. Dan kedua-duanya sajalah yang menentukan garis yang diikut, dan Datuk Hussein nanti akan ada pada garis yang mana paling betul.

Sekarang Pemuda UMNO bertikai tentang soal pemulihan Datuk Harun dan tentang soal orang mahu menca-

bar Datuk Hussein. Datuk Hussein tidak menyatakan kecenderungannya untuk memjhak ke mana-mana. Dan dia membiarkan saja perkara itu untuk diputuskan oleh keadaan yang hak.

Dalam pada itu ada juga tokoh-tokoh yang bertikai. Di antara satu menteri dengan menteri yang lain ada yang tidak setuju. Tetapi Datuk Hussein tidak indahkan perkara itu. Dia terus mendapat sokongan dari setiap orang, dan setiap orang berkehendakkan beliau kekal macam sekarang.

Ertinya dalam masa 18 bulan Datuk Hussein menjadi Perdana Menteri dan Pemangku Presiden UMNO beliau hampir dapat menyelesaikan masalah paling pokok yang ada pada seorang pemimpin UMNO iaitu menjadikan dirinya sebagai bapa yang kemudiannya membolehkan lain pihak datang mengadu untuk mendapatkan keputusannya.

Bagaimanapun beliau masih punya problem dari langkah-langkah awalnya mengambil alih pimpinan. Ini adalah disebabkan beliau kurang persediaan dan kurang pengalaman.

Pengalaman nampaknya telah menjadikan beliau lebih berhati-hati dan orang mulai meletakkan beliau kepada kedudukan yang istimewa. Kiranya ini dapat diteruskan, dan beberapa masalah yang pincang akibat beberapa krisis UMNO yang lampau dapat dibaiki, maka tidak akan diragukan bahawa beliau tidak akan dicabar pada ketika hendak mengam-

bil alih pimpinan sepenuhnya tahun 1978 nanti.

Dan yang paling mengukuhkan beliau selain dari itu ialah membuat sikap yang tegas terhadap anasir-anasir dua tiga kerat Abdul yang memecah-belahkan UMNO dan negara dulu.

Dalam masalah ini langkah beliau memecat dua Abdul menjelang perhimpunan ini sangat baik dan beliau kenalah menegaskan bahawa Abdul Abdul itu akan kekal pada keadaan yang ada itu. Pendirian ini terpaksa dinyatakan bagi menenangkan fikiran ahli-ahli UMNO yang nampaknya tidak dapat bertolak ansur dengan perjalanan mereka dulu.

Walaupun UMNO yang sudah 31 tahun kini berada dalam keadaan yang paling gagah dibandingkan dengan keadaan sepanjang lima atau enam tahun lalu, masih banyak lagi usaha mengukuhkan ketahanannya harus dibuat.

Dewasa ini kebebasan bersuara atau menyatakan pendapat sedang hendak dipupuk sebaik-baiknya. Baik anggota masyarakat, mahupun anggota UMNO tidak segan-segan lagi menyatakan perasaan masing-masing mengikut kehendak organisasi dan demokrasi. Mereka mula berjuang menggunakan perlembagaan.

Mereka menggunakan mesyuarat untuk mengundi tidak percaya kepada pemimpin-pemimpin. Dan mereka menegur pemimpin-pemimpin. Dan segala yang berlaku itu nampaknya dirojokkan kepada kehendak perlem-

bagaan.

Perkembangan ini membawa satu perubahan. Dan Datuk Hussein Onn nampaknya suka menyerahkan perkara itu kepada pertimbangan sendiri. Buruk baiknya perkembangan ini bergantung kepada sejauh mana masing-masing dapat memahami kehendak bebas menyatakan pendapat tadi.

UMNO nampaknya cuba lari dari kecenderungan mengongkong fikiran ahli-ahli, dan ini walaupun menimbulkan masalah, tetapi mengajar ahli-ahlinya tidak menjadi robot. Pemim-

pin-pemimpin parti seperti Datuk Hussein tentulah berbangga menjadi pemimpin kepada ahli-ahli yang cergas dan kritikal dari menjadi ketua kepada golongan yang pasif.

Segala perkembangan itu nampaknya belum berjaya memecahkan UMNO, walaupun ada ahlinya yang takutkan perpecahan. Ia berbagi-bagi kepada banyak kumpulan, tetapi seorang pun ahli UMNO yang berkelahi dan bercakaran, tidak sanggup keluar memecahkan parti. Inilah murninya perkembangan UMNO. Kerana matang agaknya.

---

Nota: Tunku Abdul Rahman Putera tidak hadir dalam Perhimpunan Agung UMNO tahun 1977. Tetapi Datuk Harun Idris yang diterima semula menjadi ahli UMNO hadir dan beliau telah berucap dan ucapannya mendapat sambutan.

Masalah Datuk Harun menjadi topik utama tetapi Tun Hussein Onn terus menyerahkan hal itu kepada mahkamah dan beliau menolak sama sekali untuk bertindak secara politik.

Walaupun ketika sidang itu UMNO agak lebih mantap dari zaman Tu Razak, tetapi pergolakan adalah lebih hebat. Tahun-tahun kemudianya mendorongkan Haji Sulaiman Palastin mencabar Tun Hussein untuk

menjadi Presiden UMNO.

Pergolakan itu banyak berkisar atas issue Datuk Harun yang kemudian terpaksa merengkok di penjara. Kejadian ini menyebabkan kemarahan kepada Hussein Onn tidak luput. Malah Haji Sulaiman Palastin diperdayai akan mencuba sekali lagi menentang Hussein kalau beliau tidak mengundurkan diri.

Akhirnya beliau mengundurkan diri dari politik tahun 1981 atas alasan kesihatan. Tetapi dipercayai faktor politik ikut memainkan peranan. Tidak dapat ditolak bahawa kegalalannya menyelesaikan kes Datuk Harun mengakhiri khidmatnya dalam politik.

## ANTARA KHIDMAT DAN MENCARI REZKI

WATAN 2hb. Julai, 1977.

MELIHAT betapa baik ucapan Datuk Sri Dr. Mahathir sebelum ber gelar (Datuk Sri) dalam perasmian persidangan agung Wanita dan Pemuda UMNO tahun 1976, maka orang beranggapan, ucapan yang tersusun rapi dan hati-hati akan dapat didengar lagi tahun ini dari orang yang sama dan diupacara yang sama.

Justru itu, orang-orang yang tertarik dengan politik di negara yang kurang buku politik ini mengharapkan ucapan itu bolehlah menjadi bahan rujukan politik lagi.

Itulah harapan orang-orang tadi.

Dan yang paling diharapkan ialah sidang Pemuda dan Wanita itu ingin mendengarkan apakah pesanan dan jalan yang patut diikuti oleh mereka sama ada untuk meneroka lebih banyak kemajuan dan mencari jalan keluar dari segala masalah yang dihadapi selama ini.

Tetapi Dr. Mahathir mengambil sebahagian besar dari ucapan itu menerangkan apa yang pernah dibayangkannya di Ipoh dua minggu lalu bahawa ada kumpulan bukan politik yang berusaha untuk menghancurkan kuasa politik UMNO.

Golongan itu dulu, ketika itu tidak disebutkannya yang mana satu, telah menimbulkan tanda tanya dan agak mengagak. Untung juga pasaran saham tidak jatuh akibat kekeliruan yang ditimbulkan itu.

Sekarang nyatakan kumpulan yang dimaksudkan itu hampir tiba kepada sasarnanya meskipun beliau tidak menamakan yang itu atau yang ini.

Tetapi dari apa yang disebutkan itu jelaslah bahawa kumpulan itu mungkin terdiri dari beberapa orang, atau mungkin juga seorang, adalah dari golongan wartawan.

Dr. Mahathir tidak menyebutkan secara tepat bahawa golongan itu adalah wartawan, tetapi dari kata-katanya itu dapatlah kita simpulkan, itulah maksudnya.

Beliau menyebut terlalu terperinci bahawa objek itu bergerak menjual buku, majalah dan sebagainya, dan pendek kata adalah golongan yang mencari makan dari penderitaan orang lain.

Pada keseluruhannya ucapan itu telah cuba membuktikan yang UMNO ada seteru baru dan seteru baru itu orang yang mencari makan

dari menjual berita sama ada dalam majalah, surat khabar atau buku.

Saya kira orang profesional, seorang yang dikira intelektual, dan seorang ahli politik yang liberal tidak munasabah bercakap demikian. Dan adalah lebih munasabah ucapan ini disampaikan dalam seminar sebaran am dari ditimbulkan dalam satu perhimpunan agung sebuah parti politik.

Orang-orang profesional sepatutnya menyedari bahawa perkara cari makan ini adalah diselaraskan dengan perkhidmatan. Oleh itu orang-orang yang tinggi tamadunnya sudah tidak lagi menimbulkan sebarang usaha yang dilakukan itu sebagai mencari makan, tetapi masing-masing adalah mengiranya sebagai perkhidmatan.

Semua orang-orang profesional di dunia baik dia seorang jurutera, doktor, wartawan, peguam dan sebagainya menjalankan perkhidmatannya untuk menyambung punca rezekinya.

Wartawan dan penulis dari zaman Plato hingga ke hari ini – [zaman Suharto] adalah menjalani hidup dengan melapor, mengkritik dan mengulas perkara yang selari dengan kebolehannya.

Mereka bukanlah melaporkan sesuatu yang baik saja seperti menceritakan keindahan seorang puteri raja dan kebesaran seorang Maharaja. Shakespear sendiri banyak menulis tentang keburukan pemerintahan di zamannya.

Tetapi rata-rata bangsa yang maju

di dunia beroleh manfaat dari tulisan-tulisan kritis dari penulis-penulis dulu.

Bagaimanapun dalam dunia yang moden ini, sesuai dengan semangat Dasar Ekonomi Baru yang kita sama-sama canangkan itu, perusahaan tulis menulis ini ikut moden sama dan ia boleh memberi rezeki kepada bukan saja sekadar penulis itu sendiri, tetapi kepada lebih ramai orang.

Segala apa yang diselenggarakan itu sesuai dengan kemahuan zaman. Majalah-majalah, buku-buku yang diterbitkan itu adalah diusahakan mengikut peraturan undang-undang.

Majalah-majalah itu harus mendapat KDN dulu, Dan buku pula ada leseninya. Bukan boleh dibuat sebarang.

Bagaimanapun buku-buku dan majalah-majalah itu bukanlah majalah haram. Buku-buku yang disebarluaskan itu mungkin tidak bermutu, tetapi adalah yang halal dan yang boleh dibaca oleh orang-orang dalam negeri.

Penulis mungkin mendapat sedikit wang, tetapi perkhidmatannya ada. Ia mungkin menceritakan keburukan orang lain, tetapi kita ada undang-undang yang boleh mengadili sebarang fitnah dan tulisan yang boleh menjatuhkan maruah orang lain.

Janganlah pula kita katakan perkara itu telah dijalankan diluar kehendak undang-undang.

Bagaimanapun kita faham juga bahawa Dr. Mahathir juga ada membuat buku. Tetapi dukacita bukunya

tidak dapat diedarkan dalam negeri.

Buku itu telah diedarkan di luar negeri dan bukan percuma. Kalau buku sudah diedar di luar negeri, alamat dapat duit berkauklah.

Apakah buku itu tidak menceritakan keburukan orang lain tidaklah diketahui sebab kita tidak dapat baca. Tetapi undang-undang negara tidak membenarkan buku itu kerana ia membahayakan.

Apakah buku itu lebih bahaya dari majalah-majalah dan buku-buku yang ditulis oleh orang tak berkelulusan itu, tidaklah dapat dipastikan secara muktamad.

Oleh kerana Dr. Mahathir ada punca rezeki lain, maka beliau tidaklah merasakan hasil bukunya telah memberi rezeki kepadanya.

Dan kalau ia disebut fasal cari makan, apakah para doktor yang buka klinik sendiri boleh hidup kalau tidak orang-orang yang menderita kesakitan. Berapa orang doktor yang mahu melayan pesakit tak berduit. Dan kalau semua orang di dunia ini sihat, apakah doktor boleh hidup mewah?

Oleh itu para tabib mengharapkan ada orang kena kenser, ada cacing dalam perut, ada siplis dan sebagainya.

Peguam pula bagaimana hendak hidup kalau tidak mengharapkan orang melanggar undang-undang. Mereka pun mengharapkan ada orang merompak, ada orang makan suap, dan ada ahli-ahli politik menyalah gunakan kuasa. Kemudian mereka

boleh bela.

Begitu jugalah lain-lain ahli profesional.

Tetapi dunia moden dan tamadun tak mahu mengirakan segala perkhidmatan itu sebagai mencari makan.

Sekarang saya hendak menyentuh sedikit tentang bahan-bahan bacaan yang patut kita ketengahkan kepada pembaca. Yang mana yang Dr. Mahathir mahu?

Kementerian Dalam Negeri sekarang lebih mudah mengeluarkan KDN bagi majalah-majalah hiburan dan komik. Segala yang berbau cinta sangat mudah mendapat KDN. Pergilah ke kedai-kedai buku. Lebih 90 peratus dari majalah yang tergantung adalah majalah hiburan yang menyiarkan gambar wanita mendedahkan urat dan sebagainya.

Majalah-majalah serius tidak banyak. Pertama orang nak menulis pun malas sebab tak ramai orang membacanya, dan kedua orang nak berniaga tentang yang berat-berat tulisannya pun tak ghairah sebab lesen KDN boleh ditarik bila-bila masa. Kemudian KDN itu sendiri susah meluluskan majalah-majalah berat.

Sekarang yang mana Dr. Mahathir suka? Suka melihat majalah-majalah ringan ditengah masyarakat yang belinya ramai mengambil dadah ini? Atau mahukan masyarakat kita membaca bahan-bahan yang kritis dan serius.

Anak orang-orang besar memang beruntung kerana belajar diluar nege-

ri mereka boleh membaca berbagai-bagai jenis buku dan majalah. Oleh itu bila anak-anak mereka pulang, pandangannya luas dan cara berfikirnya tinggi.

Tetapi kebanyakan anak-anak rakyat, asyik membaca majalah hiburan dan propaganda saja, kurang benar majalah dan akhbar serius, maka dapatkah mereka berfikir sebagai rakyat matang. Ketinggalan anak orang ini dibandingkan dengan anak orang berada.

Dr. Mahathir merasa takjub segala persoalan dalam UMNO dibincangkan. Akhbar dan majalah membuat berbagai-bagai analisa.

Saya suka beritahu hal ini adalah disebabkan UMNO itu sendiri sudah menjadi sebahagian dari kehidupan orang Melayu. Allahyarham Tan Sri Syed Jaafar Albar berkata UMNO tempat orang Melayu bergantung selain dari Allah.

Orang tidak kisah apa yang berlaku pada PAS, DAP, PSRM dan sebagainya kerana ia tidak membendungi kehidupan seluruh orang Melayu.

Walaupun yang menentukan masa depan ke mana UMNO hendak pergi adalah masalah UMNO, tetapi orang Melayu yang menerima UMNO sebagai tempat berlindung selain dari ALLAH, terpaksalah memberi buah fikiran. Ini adalah kerana hendak menentukan hidup dan mati mereka.

Ada orang yang melibatkan terus dalam parti itu, dan ada pula yang lebih senang duduk di luar walaupun

mendapat perlindungan dan nikmat dari parti itu. Itu adalah pilihan masing-masing.

Tetapi mereka adalah orang yang mendapat perlindungan dari UMNO. Tegur UMNO pun salah?

Dalam UMNO itu pula bukan semua yang ditegur dan dibincangkan. Yang ada potential saja yang selalu dibincangkan. Akhbar-akhbar suka membincang dan mengkritik orang-orang seperti Dr. Mahathir sendiri, orang seperti Datuk Musa Hitam, Datuk Harun, Datuk Senu, Adib dan sebagainya kerana mereka lah orang yang dikira hidup ada otak.

Setengah menteri yang lesu dan tak bermaya, wartawan merasakan mereka macam tak ada dalam dunia. Jadi mereka tak dibincangkan.

Itulah sebabnya cakap-cakap Dr. Mahathir selalu diulas dan dikritik. Datuk Musa selalu disindir. Orang-orang ini kalau tidak ditegu selalu, nanti cakap tak berjaga dan nilai pun jatuh.

Kita tidaklah mahu Timbalan Perdana Menteri cakap ikut suka macam Datuk Harris Salleh. Kita mahu Timbalan Perdana Menteri kita seorang yang dapat dipertahankan segala hujah dan maruahnya.

Kita tidak mahu beliau dipandang rendah. Beliau bukanlah lagi seorang doktor swasta yang berkhidmat di klinik Alor Setar. Beliau adalah Timbalan Perdana Menteri yang cakap tak boleh pakai tangkap saja.

Kalau saya cakap dan tulis sesuka hati tak apa. Saya boleh berhenti bila

masa saya suka dan boleh keluar bila saya tidak suka dengan ketua saya. Dr. Mahathir tentulah tak boleh buat macam itu. Kalau ketua tak suka, kenalah berhati-hati. Tetapi kalau orang ramai tak suka pun kenalah hati-hati juga.

Bagaimanapun pandangan ini bukanlah bertujuan menyekat beliau dari menjadi Timbalan Presiden UMNO tahun 1978 nanti. Beliau la-

yak sebenarnya. Tapi kalau cakap tak pakai fikiran penasihat, kita nanti payah mempertahankan pemimpin yang mutu ucapannya tak standard.

Kalau diteliti ucapannya itu dalam perhimpunan Pemuda dan Wanita Khamis lalu, macam saya tak percaya 'The Malay Dilemma' bukunya yang diharamkannya itu diikarangnya sendiri.

*Nota: Oleh kerana tulisan di atas adalah jawapan saya kepada satu ucapan Dr Mahathir, dan ia adalah satu penjelasan tentang masalah dan peranan wartawan, maka tidak wajar rasanya saya tambah lagi perkara itu.*

*Kiranya saya memberi komen lanjut, saya tidak berlaku adil kepada Dr Mahathir kerana beliau sendiri pun tidak lagi memanjangkan perkara itu.*

*Bagaimanapun bukunya yang diharamkan dulu, The Malay Dilemma sudahpun dihalalkan dan sudahpun diterjemahkan ke Bahasa Malaysia. Kalau buku itu dapat dicetak dalam tulisan Jawi, ia memudahkan orang tua di kampung untuk membacanya.*

## MUNCULNYA SAMY VELLU DI TENGAH MIC

WATAN 8hb. Julai, 1977.

KALAU LAH tidak kerana pergo-lakan yang mengelegak dalam UMNO tentulah sepanjang beberapa minggu lalu suasana di negara ini banyak di-ghairahkan oleh politik mencari orang nombor dua dalam MIC.

MIC adalah sebuah pertubuhan yang memang galak perkembangan demokrasinya. Antara sebabnya ialah kerana orang-orang keturunan India ramai yang menjadi peguam dan ramai juga yang menjadi doktor dan lain-lain profesion yang berpelajaran tinggi.

Dan kerana pada anggapan masyarakat di Malaysia orang India itu sangat suka bercakap dan banyak bercakap — kadang-kadang disama-kan dengan bunyi kacang putih digoren — maka politiknya MIC itu tentulah politik orang banyak bercakap.

Orang banyak bercakap ialah orang keturunan India, dan orang yang banyak jadi peguam pula ialah orang keturunan India juga, maka politik orang India adalah politik yang boleh menjadikan suasana bising.

Bising di sini bukanlah dari bunyi suara saja, tetapi bising itu disebabkan oleh banyaknya benda yang bo-



*Datuk Sami Vellu*

leh disuarakan atau ada saja benda yang boleh disuarakan. Bila kita fa-ham dengan maksud bising, maka ki-ta fahamlah yang bising itu adalah perkara yang boleh didengar oleh orang lain.

Politik MIC adalah politik yang boleh didengar dengan mudah oleh orang lain. Beberapa tahun lalu kita dengar adanya peristiwa membaling bangku dalam mesyuarat perwakilan cawangannya. Ada juga satu masa

dulu masalah dalam parti itu dike-mukakan hingga ke mahkamah.

Dan dalam soal pertikaian pim-pinan Tun V.T. Sambanthan dulu, se-luruh masyarakat telah dihidangkan oleh rebutan kuasa antaranya dan Tan Sri Manickavasagam untuk menjadi Presiden MIC.

Kempen rebutan kuasa itu atau usaha mengulungkan Tun Samban-than itu menjadi bahan berita setiap hari dan seolah-olah tidak ada lain perkembangan politik di negara ini. Hingga terdapat suasana yang Tun Sambanthan terpaksa memberi jalan kepada Tan Sri Manickavasagam.

Minggu lalu keadaan dalam MIC bergolak lagi. Ia adalah kerana mere-but tempat yang dikosongkan oleh mendiang Datuk Athi Nahapan, Timbalan Presiden yang mati menge-jut itu.

Pertandingan adalah antara seorang yang rapat dengan Tan Sri Manickavasagam, S. Subramaniam dan seorang yang rapat dengan Tun V.T. Sambanthan, Samv Vellu (seka-rang Datuk)

Kalau diperhatikan betul-betul perlumbaan itu agak menarik kerana ia boleh mengembalikan semula cera-ta lama iaitu pertentangan antara Manickavasagam dan Sambanthan.

Tetapi pertentangan itu tidak kita dengar sangat dan kalau dengar pun orang semacam tak berapa ambil serius. Pada hal MIC atau parti orang keturunan India adalah kumpulan politik yang boleh mengamatkan keadaan.

### Mengapa?

Agaknya ini adalah kerana orang ramai asyik bertumpukan dengan perkembangan yang berlaku dalam pergelangan UMNO.

Beberapa minggu lalu tumpuan orang ramai banyak diberikan kepada UMNO yang nak bersidang awal Julai itu. Antaranya yang dibangkit-kan ialah kes pemulihan Datuk Harun dan beberapa kes lagi.

Kerana hebatnya perkembangan dan perkhabaran itu hingga kita tidak dengar perlumbaan merebut kuasa dalam MIC pada hal MIC adalah parti yang boleh mengamatkan suasana.

Atau adakah perkembangan dalam MIC itu memang tidak bergolak?

En. Samy Vellu adalah wakil rakyat yang menggantikan Tun Samban-than di kawasan Sungai Siput. Beliau tidaklah pernah dikira orang terpen-ting atau satu hari nanti boleh meng-gantikan Tan Sri Manickavasagam.

Dia dikira sebagai seorang wakil rakyat biasa yang khidmatnya baik atau sebaliknya akan berakhir setakat wakil rakyat Sungai Siput.

Ini adalah memandangkan sudah cukup bilangan orang-orang MIC menduduki kerusi penting dalam pe-merintahan negara ini.

Anggota Parlimen MIC memang ada empat. Seorang daripadanya menteri penuh. Seorang lagi Tim-balang Menteri. Seorang Setiausaha Parlimen dan seorang lagi anggota biasa.

Dikaji dari segi peratus sekarang 75 peratus dari anggota Parlimen

MIC duduk dalam kerajaan. Hanya 25 peratus saja jadi anggota biasa.

Bagaimana dengan parti-parti lain? Tidak ada satu parti pun yang lain mempunyai peratus yang sebanyak itu, walaupun anggota parliment masing-masing lebih ramai dari MP MIC.

Oleh itu perhatian umum dulunya mengira kedudukan Samy Vellu begitu dan tidak ada yang hendak memberikan perhatian kepadanya. Sama ada dia baik atau kurang baik, dia adalah penyokong kerajaan di Parlimen, itu saja.

Rupa-rupanya tuah orang tidak siapa tahu. Kerusi Timbalan Presiden kosong. Ia tentulah akan digantikan. Orang merasakan ia akan jatuh ke tangan Subramaniam, yang menjadi Setiausaha Agung parti itu di samping menjadi Timbalan Menteri. Memandangkan mudanya Subramaniam dia lebih muda dari Samy Vellu, maka orang menyangkakan bahawa Samy Vellu akan bersara lebih awal dari Subra.

Itulah keadaannya dan dalam keadaan orang menyangka begitu, Samy Vellu yang mungkin sudah menemui nujum lalu menamakan diri bertanding. Dia bertanding dengan Subra. Semua tidak memberi perhatian dan keyakinan kepada Samy Vellu. Orang merasakan Subra akan menjadi Timbalan Presiden memandangkan kepada kedudukannya dan rapatnya beliau dengan Tan Sri Manickavasagam.

Masyarakat India ini memang pahay diduga. Kalau pengundi-pengundi

di di India sendiri memberikan undi kepada Parti Janata yang tidak disangka menang itu, maka anggota MIC pula mengikut jejak yang sama dari segi mengubah selera dalam mengundi, lalu memberi undi kepada orang yang tidak diduga boleh menang.

Menang Samy Vellu. Dia adalah orang nombor dua dalam MIC yang bila sesuatu hal berlaku kepada Tan Sri Manickavasagam, maka beliaulah yang memangku pucuk pimpinan.

Dan Samy Vellu mulai sekarang kenalah kita beri perhatian disebabkan beliau boleh menjadi Ketua MIC bila-bila masa sekarang.

Keadaan kesihatan Tan Sri Manickavasagam bukanlah sihat sangat. Selau tidaklah patut bekerja keras sangat kerana kesihatannya tidak begitu membenarkan beliau berpolitik 24 jam sehari.

Tan Sri Manickavasagam memerlukan banyak rehat. Kalau tak sakitpun patutlah beliau memberikan tugas-tugas tertentu kepada Samy Vellu kerana beliau adalah Timbalan Presiden sekarang.

Mengikut perlumbagaan MIC, pucuk pimpinan dipilih tiap-tiap dua tahun sekali. Samy Vellu jadi Timbalan Presiden baru seminggu. Dan ini bererti beliau ada masa dua tahun lagi baru boleh digantikan oleh orang lain.

Dan dua tahun adalah waktu yang panjang, sedang Tan Sri Manickavasagam adalah seorang yang perlukan banyak rehat.

Dan Barisan Nasional pula patutlah mengkaji keadaan pula sesudah Samy Vellu menjadi pemimpin kedua MIC.

Beliau sekarang sudah patut menjadi wakil MIC dalam Dewan Ter tinggi Barisan. Dia orang yang bila bila masa saja boleh menggantikan Tan Sri Manickavasagam, maka beliau harus tahu segala yang berjalan dalam Barisan dan membuat dasarnya secara langsung.

Dan Barisan juga haruslah menimbangkan kedudukannya dari segi kerajaan pula. Timbalan ketua parti tentulah kena beri satu kedudukan yang setimpal. Kalau orang ketiga dan keempat boleh jadi Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen, adakah menasabah orang nombor dua duduk dibawah. Ini mana ada jalan.

Oleh itu kenalah ditimbangkan sekarang apakah beliau akan dilantik menjadi Menteri atau Timbalan Menteri. Layak atau tidak, adalah hal yang lain. Dia adalah pilihan parti secara demokrasi dan berpelembagaan.

Dia boleh dijadikan Setiausaha Parlimen. Kalau jadi Setiausaha Parlimen, ini bererti dia junior dari Pathmanaban. Dan kalau jadi Timbalan Menteri pula, dia junior pula dari Subra. Subra sudah jadi Timbalan Menteri lebih awal. Tradisi kabinet Malaysia ialah seorang yang senior dikira dari segi lama perkhidmatan, bukan dari segi kanan kedudukannya dalam parti masing-masing.

Untuk memastikan yang Samy Vellu berkedudukan lebih tinggi dari Subra, kenalah beliau dilantik menjadi menteri. Kalau dia jadi menteri, dia tidak akan lebih dari Tan Sri Manickavasagam kerana Tan Sri itu sudah lama sebagai menteri.

Kalau tidak mahukan 100 peratus pula MP MIC mempunyai kedudukan dalam kerajaan, maka kenalah salah seorang dari MP MIC yang ada itu mengundurkan diri.

Untuk membetulkan keadaan Datuk Hussein tentulah tidak akan bertindak melucutkan kedudukan orang-orang yang sudah ada dalam kerajaan. Belum ada sejarah orang di berhentikan dengan begitu saja. Ke cualilah ada salah masing-masing.

Memandangkan kepada keadaan ini, rasanya MIC adalah sebuah pertubuhan politik yang sangat bijak dan dia nampaknya sudah cuba menyapkan anggapan orang yang ia sebuah parti yang bising.

Dulu ia bising. Bila ia bising tidak banyak kemajuan dibuat. Orang tak bising, banyak buat kejayaan.

Sekarang dia tidak mahu menge kalkan sebagai parti orang bising. Biarlah tempat itu diambil oleh lain-lain parti dalam Barisan supaya ia tiidak dapat membuat banyak kejayaan.

MIC lebih banyak membuat benda yang praktikal dan kemudian beroleh manfaat. Sekarang dia menumpukan pekerjaannya dan orang hampir tidak sedar ia mengadakan perlumbaan mencari timbalan ketua minggu lalu.

Dalam diam-diam mereka mengangkat seorang yang tidak ada dalam kerajaan untuk menjadi ketua. Bila ini, berlaku, dengan sendirinya MIC beroleh kemenangan. Semua MPnya akan jadi orang berguna. Walaupun ia

dibuat untuk merebut kedudukan. Pada zahirnya adalah usaha Samy Vellu untuk mencari kedudukan dalam parti, tetapi yang beruntung ialah MIC, kerana sekarang back-banchernya akan kedepan.

---

*Nota: Dugaan rencana di atas tepat. Samy Vellu, kini Datuk, berjaya menjadikan dirinya sebagai pemimpin kaum India di Malaysia melalui kedudukan dalam MIC.*

Melalui kemenangannya untuk menjadi Timbalan Presiden MIC, dia dapat membentuk kumpulannya. Makah popularitinya lebih baik dari Tan Sri Manickavasagam. Ada yang mendangkan beliau menandingi ketuanya itu. Manicka berusaha untuk menggerhanakannya, tetapi tidak berjaya.

Hujung tahun 1979 Tan Sri Manickavasagam meninggal dunia dan secara otomatis Datuk Samy Vellu menjadi pemangku Presiden MIC dan kemudiannya menjadi Presiden MIC.

Antara yang membantu beliau mekekalkan kedudukan itu ialah Encik

Subramaniam dalam tahun 1978 telah dalam pilihanraya umum. Kekalahan itu menyebabkan Datuk Samy Vellu dengan sendiri menjadi Timbalan Menteri, dan bila beliau menjadi Pemangku Presiden MIC, maka secara otomatis juga dia menjadi menteri.

Kedudukan itu menjadikan dirinya bertambah kukuh, dan kini Datuk Samy Vellu muncul sebagai pemimpin yang bertenaga. Di bawah pimpinannya MIC punya empat anggota Dewan Rakyat. Pernah kesemuanya menjadi anggota kerajaan seperti yang dibayangkan oleh rencana di atas tadi. Ini adakah sejarah bagi MIC. Cuma sekarang Encik Govindaraj MP Pelabuhan Kelang dilucutkan dari Setiausaha Parlimen disebabkan oleh kelemahannya sendiri.

# PERLUMBAAN MEREBUT PENGARUH MELAYU

WATAN; 15 Julai, 1977

PERTANYAAN yang kerap dijukan sekarang ini ialah bilakah pilihanraya hendak diadakan. Tapi belum lagi dipastikan tarikh yang sebenar bila pemilihan umum itu akan berlangsung. Yang tahu hanya Datuk Hussein Onn sahaja kerana beliaulah yang akan menasihatkan Yang Dipertuan Agung supaya Dewan Rakyat dibubarkan dan satu pilihanraya baru diadakan.

Tetapi setakat ini belum lagi ada tanda-tanda tentang tarikh pilihanraya itu. Kalau nak diambil kira tentang usaha Suruhanjaya Pilihanraya menjalankan gerakan pendafataran pengundi tahun ini sebagai tanda, tidaklah berapa tepat kerana Suruhanjaya itu sering menjalankan kempen tersebut.

Jadi bagaimana pula timbul heboh di sana sini ramai mengatakan pilihanraya akan diadakan lebih awal daripada tempoh yang sepatutnya ia berlangsung. Siapa pula yang memulakan khabar angin itu — dari pihak kerajaan atau pun dari parti-parti pembangkang? Ini kurang dipastikan.

Tetapi yang pasti parti-parti pembangkang kini sibuk melancar-

kan gerakan membuka cawangan di sana sini kononnya untuk mencari lebih banyak pengaruh terutama di kalangan orang Melayu. Parti-parti pembangkang giat meramalkan bulan April atau Mei 1978 sebagai bulan pilihanraya.

Ada orang yang mengatakan bahawa pilihanraya itu harus diadakan kerana Datuk Hussein Onn mahu kan mandat baru daripada rakyat kerana kerajaan Barisan Nasional sekarang ini adalah lanjutan daripada kerajaan yang dipimpin oleh Allahyarham Tun Abdul Razak. (Tun Abdul Razak meninggal dunia Januari 1976).

Tetapi walau siapa pun yang memimpin, kerajaan itu tetap kerajaan Barisan Nasional dan kerajaan Barisan Nasional telah mendapat mandat dan kepercayaan daripada rakyat.

Dengan demikian ramalan parti-parti pembangkang dalam hal ini tidaklah menasabah. Pucuk pimpinan silih berganti tetapi parti pemerintah tetap itu juga.

Ada pula yang mengatakan bahawa pilihanraya itu akan diadakan kerana untuk mengelakkan pucuk

pimpinan UMNO daripada bertukar tangan kepada orang lain.

Dan orang-orang ini meramalkan bulan April atau Mei, pilihanraya itu akan diadakan kerana pemilihan pucuk pimpinan baru akan berlangsung tahun depan (1978) selepas bulan Mei kalau mengikut amalan yang biasa dijalankan.

Adakah ini menjadi perhitungan parti-parti pembangkang dalam mengira bila pilihanraya itu akan diadakan.

Bagaimana pun nyatakan sekarang bahawa parti-parti pembangkang sudah mula menginsafi bahawa tanpa sokongan orang Melayu mereka agak sukar untuk memerintah. Dan kerana itu mereka telah mula menjalankan dakyah untuk mendapatkan orang-orang Melayu meninggalkan UMNO dan PAS dan sebaliknya menyokong mereka.

Mengapa pula orang Melayu yang dijadikan sasaran. Adakah mereka berfikir bahawa kaum-kaum lain seratus peratus menyokong parti-parti pembangkang. Yang anehnya parti-parti pembangkang tidak sekata. Mereka berdua kekuatan sesama sendiri.

Walau pun parti-parti pembangkang belum sampai ke peringkat 'berkelahi' tetapi adalah nyata bahawa mereka tidak sepakat dan belum berjaya mewujudkan kerjasama antara satu sama lain.

Setidak-tidaknya di pihak kerajaan mereka telah berjaya menujuhan Barisan Nasional yang

menggabungkan sebilangan besar parti dalam negara ini sedangkan ura-ura parti-parti pembangkang hendak membentuk satu Barisan Pembangkang tetapi tinggal ura-ura sahaja dan tidak lebih daripada itu.

Jadi bila ini tidak dapat dilakukan maka mereka pun sibuk mencari pengaruh. Dan mengikut khabar-khabar, mereka ini semacam ketagihan pengaruh dan sokongan orang Melayu.

Mereka ketagih. Ketagihan pilihanraya, ketagihan hendak memegang tumpuk kerajaan biar pun di sebuah negeri sahaja. Dan yang utama, mereka ketagihan sokongan orang Melayu.

Perkara ini jelas. Tidak ada siapa dari parti-parti pembangkang yang dapat menafikan hasrat ini. Cuma siapa yang akan menang dalam perlumbaan di kalangan parti-parti pe pembangkang untuk mencari pengaruh belum lagi jelas.

Kalau mereka tidak ketagih, mungkin mereka sudah heboh hendak atau pun telah menubuhkan cawangan di merata tempat atau pun mengaku bahawa cawangan mereka telah ditubuhkan di kubu-kubu UMNO atau pun Barisan Nasional.

Ada pula yang tidak segan silu mengatakan bahawa ramai ahli UMNO dan PAS telah bosan dengan parti-parti tersebut. Lantaran itu mereka pun masuk menjadi ahli DAP atau pun PEKEMAS.

Dan parti-parti pembangkang ini mencari dan mengambil kesem-

patan dari sebarang krisis yang berlaku baik dalam Barisan Nasional sendiri atau pun dalam parti-parti yang bergabung dengan Barisan.

Misalnya Perak. Perak menjadi sasaran. Bukan sahaja parti-parti pembangkang yang menumpukan perhatian mereka ke Perak bahkan parti-parti dalam Barisan Nasional juga turut resah dan terpaksa menguatkan kedudukan masing-masing.

Azam DAP hendak menawan Perak daripada Barisan Nasional kini bukan lagi satu rahsia. Sebaliknya ia menjadi rahsia terbuka. Dan yang kuat menghebohkan ini ialah dari kalangan pemimpin Melayu dalam DAP.

Mengapa pula Perak dijadikan kancan politik untuk merebut kuasa? Yang nampak ada dua sebab.

Pertama, kerana pergeseran Perlembagaan yang melibatkan Menteri Besar, Tan Sri Haji Ghazali Jawi dengan Sultan dan kedua kerana adanya krisis kepimpinan dalam PAS baru-baru ini.

Maka dengan adanya pergojakan dalam UMNO dan PAS itulah parti-parti pembangkang berpendapat ini adalah lampu isyarat bagi mereka bergerak maju mengorak langkah untuk mendapatkan sokongan orang Melayu yang mereka anggap dan sangka telah mulai jemu dengan kedua-dua parti gabungan Barisan Nasional.

Tambahan pula, terdapat juga cakap-cakap yang mengatakan ba-

hawa Gerakan dan MCA di Perak tidak sebulu dan sering bertelagah. Sama ada benar atau tidak kurang dipastikan. Mungkin parti-parti pembangkang itu sendiri yang melemparkan tohmahan seperti itu untuk menimbulkan keraguan di kalangan ahli Gerakan dan MCA. Di samping itu pula, parti-parti pembangkang beranggapan bahawa Parti Progresif Rakyat telah rebah terus berikutan kematian pengasasnya, mendiang D.R. Seenivasagam dan mendiang S.P. Seenivasagam.

Kerana berpendapat adanya pergeseran di kalangan anggota Barisan Nasional, parti-parti pembangkang lantas membuka mata mereka dengan luas untuk mencari ahli-ahli dari parti-parti Barisan Nasional.

Dan kerana itulah, parti-parti pembangkang terus menghalakan tumpuan ke Perak dengan tujuan dapat membanyakkan cawangan dan mengukuhkan pengaruh mereka.

Tetapi kesekian kali berlaku 'krisis' di Perak, negeri itu tetap di perintah oleh Barisan Nasional. Umpamanya dalam tahun 1969, bila kedudukan Parti Perikatan goyang pada masa itu, UMNO tetap kukuh dengan kedudukannya dan terus memerintah hingga sekarang.

Berjayakah kelak parti-parti pembangkang seperti PEKEMAS, DAP dan yang lain-lain, jika ada, untuk menumbangkan UMNO?

Parti-parti pembangkang harus sedar bahawa UMNO hidup dengan

'krisis' tetapi setiap kali ada 'sengketa' UMNO semakin bertambah kuat dan semakin mendapat sokongan rakyat yang yakin bahawa UMNOlah sahaja yang dapat menjaga kepentingan orang Melayu.

UMNO dan PAS memang sejak awal lagi berusaha mengukuhkan kedudukannya di kalangan orang Melayu dan selama ini memperjuangkan nasib orang Melayu. Dapatkah PEKEMAS dan DAP menjadi pengganti kedua-dua parti ini?

Kalau ini yang dicita-citakan oleh PEKEMAS maka ia akan berdepan juga dengan DAP yang sudah mendapat tempat di kalangan orang-orang bukan Melayu di Perak, cuma ia ingin menjalarkan pengaruhnya di kalangan orang Melayu.

Dapatkah PEKEMAS menandingi DAP dalam hal ini? Agak sukar untuk menelahnya kerana selama ini belum lagi kedengaran ada tokoh-tokoh PEKEMAS di Perak yang begitu terkenal hingga dapat mengubah fikiran rakyat supaya berpaling tada kepada mereka.

Mungkin usaha PEKEMAS itu kerana ia tidak lagi mendapat tempat di Selangor di mana ia telah terwas teruk. Hanya seorang calon PEKEMAS sahaja menang dalam Pilihanraya tahun 1974. Itu pun kawasan yang selama ini menjadi kubunya dan kerana rakyat di situ sayangkan Dr. Tan Chee Khoon. Memang tidak dapat dinafikan bahawa Dr. Tan Chee Koon walaupun seorang pembangkang telah

dapat menguasai kawasan Parlimen Kepong, sebelum itu Batu, sejak bertanding di situ. Dr. Tan telah banyak memberi jasanya di kawasan Kepong dan adalah seorang pembangkang yang gigih yang sukar ditandingi.

Adalah dikirakan bahawa hidup mati PEKEMAS banyak bergantung kepada kepimpinan dan kegigihan Dr. Tan Chee Khoon. Tanpa Dr. Tan yang sekarang ini uzur, ke mana haluan PEKEMAS belum lagi dapat dipastikan. Mungkinkah ia akan hilang lenyap tanpa Dr. Tan kelak.

PEKEMAS sebagaimana yang diketahui muncul hasil pergeseran dalam pucuk pimpinan parti Gerakan yang sekarang dipimpin oleh Dr. Lim Chong Eu, Ketua Menteri Pulau Pinang.

PEKEMAS sebagaimana yang diketahui adalah berpusat di Selangor khasnya di Wilayah Persekutuan. Kalau di Selangor ia semakin lemah, mengapa pula nak berpindah ke Perak.

Kita tidak yakin yang PEKEMAS akan mendapat tempat di Perak. Di samping menentang DAP, PEKEMAS juga harus berentap dengan Gerakan yang juga mempunyai sokongan yang kuat dan MCA.

PEKEMAS mungkin akan hidup subur di Perak skiranya DAP, Gerakan, MCA serta PPP tidak lagi mendapat sokongan rakyat kaum bukan Melayu.

DAP dan PEKEMAS sama-sama mendakwa telah dapat menubuhkan cawangan-cawangan di kawasan-kawasan orang Melayu terutama di kawasan luar bandar. Kita harus sedar sesuatu cawangan itu boleh ditubuhkan dengan hanya dua puluh orang anggota atau pun kurang daripada itu tetapi ini bukanlah bermakna parti tersebut telah mendapat sokongan rakyat.

Kalau PEKEMAS berangan hendak menawan PERAK, ia harus terlebih dahulu menewaskan DAP sebelum dapat mengalahkan Barisan Nasional. Dan ini agak sukar kerana jentera DAP di Perak adalah lebih baik dan kukuh daripada PEKEMAS. Ini ialah kerana PEKEMAS telah begitu lama menumpu-

kan perhatiannya di Selangor dan Pulau Pinang dan untuk Perak bukanlah mudah.

Ini memerlukan tenaga kepimpinan yang betul-betul dapat menunjukkan kebolehan serta kemampuan dapat merepis segala tohongan dan tuduhan yang akan dilemparkan oleh parti-parti pembangkang lain. Dasar PEKEMAS ini beranggah dengan usaha hendak bekerjasama dengan parti-parti pembangkang yang lain.

Bagaimana pun sekiranya PEKEMAS dan DAP dapat sepakat dan bekerjasama dalam satu barisan, ini agak mudah sedikit bagi mereka bertapak kukuh di Perak.

Kalau tidak, cita-citanya akan menjadi khayalan sahaja.

#### Nota:

Sebagai yang diramal Pilihanraya Umum diadakan dalam bulan Julai 1978. Dalam pilihanraya itu PAS kembali menjadi pembangkang.

Usaha pembangkang – DAP dan Pekemas – mendapatkan sokongan orang Melayu gagal. DAP misalnya banyak meletakkan calon Melayu di

luar bandar, kesemuanya tewas, malah ramai yang menarik diri di saat kempen berjalan.

Perak yang menjadi idaman pembangkang lahir sebagai kubu kuat Barisan semula. Malah usaha pembangkang untuk bersatu dalam sebuah barisan juga tidak mencapai apa-apa kemajuan.

## PERAK MENCARI PIMPINAN

WATAN 22 Julai 1977

LEPAS dengan kerjasama Gapena sangat berjaya menganjurkan mini simposium Kepimpinan Melayu Perak di Kuala Kangsar hari Sabtu dan Ahad lalu.

Walaupun orang-orang yang hadir mendengar simposium itu tidak sampai satu peratus jumlah orang yang datang menonton Konsert Sharifah Aini di Stadium Negara Kuala Lumpur dua minggu sebelumnya, tetapi ia dapat membuka rahsia atau separuh bahan sejarah yang tak diketahui oleh sebilangan rakyat negara ini.

LEPAS yang sudah berusia 30 tahun itu, Datuk Asri Haji Muda antara orang yang turut menjayakannya pada peringkat awal dulu, merasa sangat layak mengadakan simposium serupa itu memandangkan yang usianya terlalu dewasa meskipun ceritanya tidak begitu banyak diketahui orang.

LEPAS adalah Lembaga Pembangunan Bahasa Melayu Perak dengan cara yang tersendiri pernah berjasa menyambung perjuangan kemerdekaan yang dimulakan oleh parti politik sebelumnya iaitu Parti Kebangsaan Melayu Malaya. Dan ia

sangat bangga kerana Allahyarham Dr. Burhanuddin Alhilmy, Datuk Ahmad Boestamam, Allahyarham Abdul Rahman Rahim dan beberapa orang yang pernah berjasa dengannya suatu masa lalu.

Apakah sumbangan mereka besar atau kecil, bermanfaat atau tidak, tidak dipersoalkan, tetapi LEPAS mempunyai sejarah yang demikian rupa pada mulanya dan mereka pernah membuat nilai terhadap perkembangan sejarah itu dan belum terdengar yang perkara itu hendak diusahakan.

Yang menarik perhatian secara mendadak ialah LEPAS yang diwarisi oleh orang-orang muda yang setengahnya tidak pernah kenal dengan Dr. Burhanuddin, Ahmad Boestamam atau Datuk Asri kini meneruskan pimpinan LEPAS dan menyatakan kepada umum bahawa ia tidak saja berminat terhadap pembangunan bahasa malah cenderung juga kepada pembangunan politik, ekonomi dan sosial budaya, macam yang dirancangkan oleh pengasas-pengasasnya dulu.

Mini simposium itu berlangsung di

Dewan Merdeka Kuala Kangsar membincangkan tiga tajuk iaitu Kepimpinan Melayu Perak di bidang politik, Kepimpinan Melayu Perak di bidang ekonomi, dan Kepimpinan Melayu Perak di bidang sosial budaya.

Pengikut-pengikut sejarah dan politik telah berfaedah sedikit sebanyak mengikuti majlis itu kerana banyak perkara yang tidak tercatit dinyatakan. Apakah ia meliputi seluruh peristiwa yang berlaku di negeri Perak tidaklah menjadi perkara yang patut dihujah, tetapi perkembangan serupa itu boleh memberi sedikit sebanyak latar belakang bagi memahami sosial politik negeri Perak.

Dan ternyata dari seluruh perbincangan maka memang ternyata Perak sudah memberikan fakta-fakta dan faktor-faktor menarik seperti berlakukan Perjanjian Pangkor yang memulakan penglibatan penjajah Inggeris ke Tanah Melayu, pembunuhan J.W.W. Birch, adanya Maktab Melayu Kuala Knagsar yang menjadi gedung pengeluar para birokrat dan teknokrat negara dari dulu hingga sekarang, Maktab Perguruan Sultan Idris Tanjung Malim yang menjadi gedung memulakan kebangkitan pejuang nasionalis Melayu dari sejak sebelum Jepun hingga sekarang, dan sekolah Ehya Al Syarif Gunung Semanggol yang banyak meniup perjuangan politik berbau Islam dalam bentuk moden.

Dan forum itu juga dapat menaikkan ego anak Perak kerana ia berjaya menimbulkan putera-putera menjadi

pemimpin seperti Dr. Burhanuddin, Ahmad Boestamam, Buyung Adil, Haji Ahmad Fuad, Ustaz Abu Bakar Albakir dan ramai lagi.

Dan yang tidak ditimbulkan oleh seorang pun ialah kemampuan orang Perak juga boleh melahirkan orang seperti Rashid Maidin dan Abdullah CD (mereka adalah rakan Musa Ahmad dalam parti Komunis Malaya). Adakah nama mereka tidak disebut kerana sudah dirancang atau masing-masing tidak memikirkan perkara itu kecil dalam soal kepimpinan Melayu Perak?

Ahli-ahli pelapur tentu boleh memberi laporan yang terperinci tentang simposium itu tetapi ada baiknya juga kalau ditanya mengapa mini simposium diadakan oleh orang Perak pada saat seperti sekarang?

Adakah ia suatu yang kebetulan atau suatu yang dirancang sesuai dengan perkembangan yang ada ketika ini?

Adalah terlalu payah untuk menyatakan dengan tepat, tetapi andai-an dapat dibuat yang perkara itu dirasakan sangat penting bagi orang Perak memandangkan kepada perkembangan politik dinegeri itu pada masa akan datang.

Seorang peserta Saidin Mat Piah, wakil rakyat UMNO menimbulkan soal angka orang Melayu dalam Dewan Undangan Negeri Perak dan bilangan orang Melayu yang menjadi anggota Parlimennya.

Dari keterangannya nyatalah bahawa jumlah orang Melayu itu tidak-

lah sebanyak mana dan bilangan itu jauh sekali dari kemungkinan untuk ditambah, malah untuk dipertahankan pun sukar.

Pada keseluruhannya pemimpin UMNO tempatan itu tidak bangga dengan keadaan yang ada. Dan orang-orang yang tidak tergolong kepada perjuangan UMNO dalam majlis itu dengan sendirinya mengakor saja tentang point itu. Apa yang disarankan oleh Saidin Mat Piah sangat mudah untuk disokong.

Yang dirasakan oleh pemerhati di negeri Perak sendiri, Perak ialah antara negeri di Malaysia yang paling tidak selamat bagi orang Melayu.

Singapura dan Pulau Pinang sudah tidak dibicarakan lagi. Dan memang tidak tertarik mereka hendak menge-nangnya. Dan setiap cakap yang keluar ialah suara frust dan tidak yakin dengan masa depan orang Melayu Perak dalam banyak bidang dan perkara.

Pada keseluruhannya masing-masing menerima bahawa dalam bidang politik pimpinan Melayu itu ada sejak dari dulu dan sekarang, tetapi apakah ia benar-benar berkesan kepada orang Melayu Perak itu sendiri.

Rumusan paling adil yang dibuat ialah diterima bahawa kepimpinan Melayu itu wujud dan jasa-jasa mereka harus dikenang.

Yang patut diberi bintang, berilah mereka bintang. dan yang mana patut rehat perlulah rehat. Yang paling dihajati secara adil ialah kepimpinan Melayu itu patutlah dapat diteruskan

dari yang kurang berkesan kepada yang lebih berkesan, dari kurang memahami kehendak politik, ekonomi dan sosial budaya kepada yang lebih memahami kehendak-kehendak itu semua.

Tidaklah ada yang lebih besar yang boleh dibuat oleh simposium itu selain dari membuat rumusan seperti itu.

Bagaimanapun pendapat-pendapat yang melambangkan kebosanan orang Melayu baik di Perak mahu di mana-mana juga di negara ini tentu-lah tidak membolehkan masalah ne-gara ini dapat diselesaikan dengan membuat kenyataan-kenyataan se-periti itu.

Orang-orang Melayu tidak patut-lah digalakkan untuk menyatakan ra-sa tidak senang dengan perlaksanaan dasar dan perkembangan yang berla-ku di kalangan mereka sendiri. Rasa tidak puas hati itu tidak patut dibuat sesama orang Melayu dan kemudian-nya membuat keputusan untuk ber-gaul bersama-sama orang Melayu saja.

Perjumpaan-perjumpaan orang Melayu yang seperti ini tidak banyak menyelsaikan masalah, sebaliknya, akan menjauhkan lagi jurang perbe-zaan antara kaum yang ada.

Kerana antara yang ditimbulkan dalam perjumpaan-perjumpaan serupa itu ialah ulasan terhadap ke-putusan-keputusan yang diambil oleh orang bukan Melayu berhubung de-ngan perkara-perkara kebudayaan dan pelajaran atau pembahagian kerusi dan kampung-kampung baru

dan sebagainya.

Kalau perjumpaan-perjumpaan tadi boleh mengatasi rasa tidak senang orang Melayu itu adalah juga faedahnya. Segala rasa dan kebimbangan itu tidak dapat diatasi kerana perkembangan di Malaysia tidak akan dapat mendengar kemahuan dari satu kaum.

Orang Cina tidak boleh bercakap tentang apa yang dikatakan rakyat kelas dua, dan mereka tidak bijak untuk menyatakan bahawa mereka terbiar dalam negara demokrasi ini. Orang Melayu pula tidak boleh bercakap yang mereka tidak ada masa depan dan mereka tidak boleh berkata yang bahasa dan kebudayaan mereka tidak diterima dalam negeri yang mereka duduki ini.

Orang Melayu tidak boleh bercakap untuk membentuk kerajaan Melayu atau negara Melayu kerana negara ini bukan didiami oleh orang Melayu saja. Sebarang cakap untuk menimbulkan orang Melayu saja tidak akan sampai kemana kerana bilangan pengundi yang ada tidak memberi tempat kepada orang-orang seperti itu.

Undi tidak akan memihak kepada yang benar, tetapi ia memihak kepada yang banyak. Kalau yang banyak itu bersetuju kepada yang tidak benar, yang itulah hak.

Oleh kerana demikian sifatnya setiap politik dalam beberapa tahun akan datang ini tidaklah boleh secara mudah bercakap dari segi kaumnya saja tanpa memikirkan kebijakan

kaum yang lain dari segi rasa dan niat.

Orang Pulau Pinang bercakap tentang kurang peluang untuk menentukan sesuatu lalu bersuara lantang sendirian di mana-mana. Mereka mahu bergerak sendiri dan mahu mencari jalan lain seperti tidak mahu mengundi dan sebagainya.

Apa kebaikan yang boleh didapati dari sikap ini? Adakah suara yang didengar itu akan diikuti oleh orang lain. Orang lain tidak akan menunggu sesiapa saja yang tidak mahu menyertai pihak yang banyak. Dr. Lim Chong Eu, Ketua Menteri Pulau Pinang tidak akan menunggu orang Melayu kalau orang Melayu tidak mahu menyertai kumpulannya atau membuat jalan sendiri.

Orang yang beroleh majoriti itu akan terus dengan gayanya sendiri kalau mereka tidak dikawani, bukan dikehwin.

Oleh yang demikian perlulah orang Melayu belajar dari kesilapan lamanya iaitu mengalakkan diri dari menyertai kumpulan-kumpulan yang lain dari kumpulan orang Melayu itu sendiri.

Kelemahan orang-orang Melayu dalam pertubuhan-pertubuhan sosial yang berbentuk Malaysia adalah di dorong oleh sikap yang mulanya mengasingkan diri dari orang-orang bukan Melayu.

Orang Melayu tidak dapat berkawan dengan Cina kerana di rumah orang Cina ada anjing dan makanannya ada babi. Kalau mereka memberi

makanan yang halal, masih dicurigai bahawa periuk dan sudunya mungkin digunakan untuk benda-benda haram. Oleh itu orang Melayu bersendirinya.

Kemudian orang Melayu tidak ramai yang ke sekolah Inggeris. Sekolah Inggeris dipenuhi oleh orang Bukan Melayu, kerana itu semua pertubuhan sosial seperti pengakap, Palang Merah, pertubuhan-pertubuhan sukan tidak ramai di serta oleh Melayu.

Melayu juga tidak menyertai pertubuhan-pertubuhan dan kelab-kelab kerana curiga dengan anasir-anasir yang mengurangkan semangat Melayu seseorang seperti adanya tenaga Freemason dan sebagainya. Oleh itu segala pertubuhan ini tidak banyak dianggotai oleh orang Melayu dan oleh itu ia masing-masing dipegang oleh orang bukan Melayu.

Keadaan ini akhirnya ada mengurangkan pengaruh Melayu dalam pertubuhan sosial yang berbentuk Malaysia. Orang Melayu gaduh tidak ramai pemain-pemain Melayu dalam sukan. Sedikit sebanyak ini adalah disebabkan yang bergiat dalam pertubuhan sukan kebanyakan orang bukan Melayu dan ini pula mendorongkan mereka tidak begitu rapat dengan pemain-pemain Melayu.

Demikian juga dalam lain-lain pertubuhan sosial, Orang Melayu bergerak dalam kumpulannya sendiri dan badan-badan yang dikira mewakili rakyat cuma yang berbentuk Malay-

sia. Jadilah orang bukan Melayu memiliki kepentingan dalam pertubuhan-pertubuhan itu.

Oleh yang demikian adalah menasabah kalau kita membincangkan soal kepimpinan ini kita bercakap pada soal yang lebih luas. Kita boleh bercakap dengan soal kepimpinan Melayu dalam berbagai-bagai bidang tetapi ia cuma dijadikan sebagai bahan dan latarbelakang sejarah.

Kalau kita hendak bercakap tentang kepentingan orang Melayu, adakah manasabah diutarkan supaya kerajaan Melayu diwujudkan. Atau adakah menasabah sebuah negeri Melayu diwujudkan lagi?

Hal-hal ini suatu yang tak terfikir boleh berlaku. Mimpi pun tidak mungkin berlaku.

Bagaimanapun perlulah para pemimpin dari semua golongan memikirkan satu cara untuk memupuk semangat menyatukan bangsa. Penyatuan bangsa ini telah tidak difikirkan sejak kemerdekaan tercapai. Justru itu hingga ini satu rupa bangsa tidak terbentuk.

Masa depan orang Melayu masih boleh terselamat dengan cara mengadakan muafakat dengan semua kaum mewujudkan sebuah kerajaan Malaysia bukan kerajaan Melayu tetapi kerajaan Malaysia yang pro Melayu. Siapa mengepalai kerajaan tidak penting, tetapi yang penting ialah kerajaan itu pro Melayu yakni mencari jalan membantu orang Melayu.

Nota: Keseluruhan rencana di atas menggambarkan Perak punya semua yang dibanggakan. Ia melahirkan ramai pemimpin tetapi hampir keseluruhannya tidak dapat memanfaatkan khidmat secara langsung kepada negeri Perak. Ia punya institusi-institusi pelajaran yang berjasa besar kepada negara seperti Maktab Melayu Kuala Kangsar, Maktab Perguruan Sultan Idris Tanjung Malim dan Ma'had Ehya al Sharif Gunung Semanggol, tetapi negeri itu semacam tidak mendapat bantuan khidmat balas untuk menjadi negeri terbaik.

Khazanah sejarah itu tidak memberikan jaminan kepada masa depan orang Melayu di negeri itu. Inilah persoalan besar keseluruhan rencana di atas.

Kebimbangan orang Melayu Perak itu kerana negara yang merdeka gagal menghapuskan sikap perkauman penduduknya. Orang-orang bijak dari Perak lebih senang tinggal di luar Perak,

dan Perak semacam bersedia menerima pimpinan yang kurang terbilang. Yang pandai, atas kelemahan-kelemahan tertentu sukar balik ke Perak.

Anjuran saya kepada orang Perak ketika itu ialah Perak jangan memikirkan soal pimpinan Melayu, tetapi memikirkan pula pimpinan pro Melayu sekalipun dari kalangan bukan Melayu. Selepas lima tahun saya kira anjuran itu juga tidak lebih dari idealisme. Suasana itu selain dari sukar dilakukan, belum tentu boleh menghapuskan perkauman.

Anjuran saya kini ialah, demi menyatu padukan rakyat berbagai kaum, Perak perlu memikirkan supaya mewujudkan masyarakat berfikiran Islam, tanpa memaksa orang bukan Islam menganut agama Islam. Ia memerlukan masa, tetapi boleh menyelsaikan masalah yang dihadapi. Tetapi Perak perlu punya pemimpin yang besar yang tinggi kaliber. Sejak merdeka ia belum pernah punya seorang pemimpin seperti itu.

## KEGAGAHAN PAS DI BAWAH ASRI

WATAN 29hb. Julai, 1977.

MUKTAMAR Agung PAS tiga hari di Dewan Bahasa dan Pustaka mula membentuk peribadi parti itu dan nampaknya ia semacam mahu mengikut sifat dan perangai UMNO walau pun segala-galanya tidaklah serancak dan sehebat pertubuhan politik Melayu yang terbesar itu.

Untuk tahun yang kesekian kalinya PAS mulai tidak memerhatikan kota-kota lain untuk mengadakan sidang. Ia semacam mahu ditetapkan di Kuala Lumpur kerana kemudahan-kemudahan yang ada di situ. Walau-pun perlumbagaan parti tidak menyatakan ia mestilah bersidang di satu tempat, tetapi parti-parti besar dan stabil memang terpaksa mencari tempat yang banyak kemudahan untuk mengadakan sidang.

Lain-lain kota sudah mulai tidak sesuai untuk muktamar PAS yang berkembang. Dewan yang agak besar dan lengkap untuk mesyuarat, hotel yang cukup bagi perwakilan nak menginap dan kemudahan Menteri, Timbalan Menteri dan Setiausaha-setiausaha Parlimen berkejar ke pejabat di antara waktu sidang mulai menjadi perhitungan.

Sebelum UMNO bersidang dari hotel ke hotel, Dewan Bahasa itulah tempat ia bersidang. Dan PAS sekarang mengambil tempat itu pula dan dari bilangan orang-orang yang berkumpul, ia sudah mengekor cara yang berjalan dalam UMNO itu.

PAS tidak segagah UMNO dan tidak pula selicin UMNO. Tetapi dalam segala corak yang sederhana itu ia mula mengekor pencapaian UMNO. Tenaga Melayu yang tak ada dalam UMNO ada dalam PAS. Dan kalau UMNO mencorakkan sebahagian dari semangat Melayu dan Islam dari berbagai segi, maka majoriti bakinya tadi adalah dalam PAS.

Justur itu orang yang hendak mengikuti perkembangan politik negara ini khususnya mengenai orang Melayu, maka ia terpaksalah mengikut sama sesuatu yang berkembang dalam PAS.

Setidak-tidaknya itulah yang difikirkan oleh Datuk Asri, Ketua PAS yang banyak menentukan revolusi parti itu akhir-akhir ini.

Walaupun Datuk Asri bukan ketua PAS yang pertama dan bukan juga yang kedua, malah sudah ramai pe-

mimpin parti itu sebelumnya, tetapi di bawah pimpinan Datuk Asrilah PAS mencapai kejayaan dan kegagahan yang paling menggalakkan.

Dalam keadaan politik negara PAS sukar untuk berkuasa, tetapi dengan pimpinan Datuk Asri PAS dapat mengungsi kerajaan dan boleh memberi beberapa peratus sumbangan kepada politik dan kemajuan negara.

PAS cuma menjadi punggok merindukan bulan untuk mendapatkan kuasa penuh di negara ini, tetapi Datuk Asri membawanya menyertai Barisan Nasional supaya pendapat dan kehendak PAS ditanya dan ditinjau sebelum satu-satu tindakan diambil.

Sidang PAS yang lalu sangat penting untuk diberi perhatian terutama adanya keadaan politik yang berubah dari waktu mencapai kemerdekaan dan berubah juga dari waktu Malaysia dibentuk. Negara akan menghadapi pilihanraya antara tahun ini dengan tahun 1979. Pilihanraya itu terpaksa dihadapi dalam suasana orang Melayu tidak begitu tertarik untuk mendaftarkan diri sebagai pengundi.

Dan kecenderungan rakyat dalam membuang undi nanti belum lagi dapat dipastikan. Adakah mereka akan turun atau adakah mereka akan duduk di rumah saja? Oleh itu parti-parti politik mula merenung perkara itu.

Dalam keadaan itu Datuk Asri menyediakan satu ucapan dasar yang berjodol 'Survival Ummat' untuk

memastikan bahawa jenerasi akan datang tetap terpelihara dalam pergolakan politik yang tidak mengenal bulu dan warna ini.

Dan sangat kurang diperhatikan bahawa yang diutarakannya ialah sistem demokrasi yang terpakai sekarang — demokrasi berparlimen atau corak Westminster Abbey. Malaysia adalah satu-satunya negara di Asia Tenggara yang memakai demokrasi ala Britain itu.

Berapa orangkah yang faham dengan kehendak Datuk Asri itu? Dia cuma mengaitkan nama Allahyarham Tun Dr. Ismail tetapi tidak menghuraikan bagaimana demokrasi itu harus dilaksanakan. Dan adalah silap bagi mana-mana pengulas kiranya mengira bahawa Datuk Asri takutkan demokrasi.

Pada pokoknya demokrasi itu suatu yang paling baik tetapi yang paling baik yang dipertikai ialah cara yang berjalan di Britain, yang berlaku di Jerman, di Amerika, di Indonesia, di Filipina atau yang berlangsung di Mesir?

Segal-segalanya mengamalkan demokrasi dan ada pilihanraya.

Pilihanraya yang ada diterima baik dan belum pernah ada yang berani mengatakan ia bertentangan dengan Islam. Tetapi apakah ia sesuai untuk menjamin umat Islam masa akan datang? Datuk Asri tentulah tidak suka melihat lebih banyak Pulau Pinang dan Singapura atau dalam keadaan yang ada nanti menjadikan Malaysia ini macam Pulau Pinang.

Soal mahukah demokrasi atau tidak sukaan demokrasi tidak timbul, tetapi orang-orang Islam tentulah hendak memastikan yang demokrasi itu dapat memelihara muslihatnya. Dalam bentuk yang ada pemilihan berjalan satu wakil bagi satu kawasan. Bilangan anggota parlimen dan dewan negeri diperolehi oleh parti yang berjaya mendapat undi terbanyak dalam satu-satu kawasan.

PAS umpamanya adalah parti Melayu yang kedua besarnya di negara ini dan bilangan penyokongnya agak besar atau tidak banyak kurangnya dari penyokong UMNO. Tetapi kerana keadaan demokrasi kita demikian rupa, maka PAS tidak berjaya memperoleh kerusi yang lebih banyak.

Ada setengah negara meramalkan demokrasi yang memilih anggota parlimen melalui kawasan dan melalui parti. Setengah orang dapat memasuki parlimen melalui pilihanraya di kawasan, dan setengahnya pula naik kerana peratus yang didapati oleh partinya.

Di Jerman Barat misalnya parti-parti politik menyediakan senarai ahli-ahli partinya yang dicalonkan untuk parlimen atau dewan-dewan undangan. Senarai itu mengikut darjah masing-masing. Calon paling penting di atas dan yang kurang penting dibawah.

Parti yang mendapat 5% ke atas saja yang boleh menduduki parlimen. Dan ramai mana jumlah boleh terpilih bergantunglah kepada peratus

yang diperolehi oleh sebuah parti. Dan mana-mana nama yang terpilih melalui pilihanraya langsung melalui kawasan-kawasan, orang itu akan dikeluarkan dari senarai. Ini memberi peluang kepada temannya pula.

Kiranya sistem ini yang diamalkan, maka tidak timbul soal ada parti yang tidak berpeluang masuk ke parlimen. Sebagai andaian, kalau PEKEMAS mencalonkan Datuk Ahmad Boestamam di satu kawasan, beliau kalah tetapi kerana jumlah peratusnya dari berbagai-bagi kawasan lebih dari lima peratus, maka beliau boleh dipilih sebagai mewakili partinya oleh partinya sendiri. Dengan itu beliau boleh juga menjadi anggota parlimen.

Adakah ini yang dikehendaki oleh Datuk Asri? Ini juga satu demokrasi.

Tetapi Perancis, Pakistan atau Indonesia sebelum Suharto pernah memakai sistem ini. Demokrasinya tak stabil. Oleh itu De Gaulle mengubah cara itu (di Perancis dan Allahyarham Ayoub Khan juga mengubah cara itu di Pakistan).

Muktamar PAS nampaknya mengajar ahli-ahlinya mengenal demokrasi yang bersungguh-sungguh. Datuk Asri dalam ucapannya tidak meminta kerusi atau kuasa yang lebih atau peranan PAS yang lebih besar dalam Barisan. Dia seolah-olah mengikut saja. Tetapi "tolak ansurnya jangan dikira lemah." Itu saja bunyi amarannya.

Tetapi muktamar itu membincangkan untung rugi PAS menyertai

Barisan. Ahli dapat menyatakan rasa hati terhadap layanan UMNO termasuk soal susah menubuhkan cawangan PAS di kawasan Seri Gading, kawasan parlimen Datuk Hussein Onn. Dengan itu ahli-ahli PAS dapat mencurahkan rasa hatinya dan Kerajaan dan UMNO pun tahu kehendak orang PAS.

Sudah tiga tahun berturut-turut ahli PAS diberi peluang mengkaji kedudukan mereka dalam Barisan. Dan dari setahun ke setahun ada saja usul serupa itu dibincangkan dan setiap kali pula parti itu meluluskan sokongan kepada kerajaan campuran itu.

Dan bila dibincangkan usul serupa itu akan kita dengar Datuk Asri menyatakan bahawa tidak ada apa-apa halangan bagi PAS untuk keluar dari Barisan, dan selagi pandangan dan perjuangan PAS dihormati oleh Barisan, maka tidak ada sebab mengapa PAS mesti keluar.

Darjah perbincangan mereka tidaklah setinggi perwakilan di perhimpunan agung UMNO. Ini boleh jadi disebabkan perwakilan UMNO itu terdiri dari ramai pegawai, eksekutif dan orang PAS terdiri dari bekas pelajar sekolah pondok dan guru-guru.

Tetapi kalau lah PAS nantinya beroleh banyak lagi pengalaman dan ramai pula siswazah dan apabila saja ia mampu mengadakan sekretariat yang lebih baik, maka nantinya muktamar PAS akan sama rancak dengan Perhimpunan Agung UMNO.

Organisasi yang besar ini cuma memerlukan pentadbiran yang lebih licin, sedang ia mempunyai strategi dan demokrasinya sangat berkembang. Ia menunjukkan hemah yang tinggi dalam merebut kuasa. Sebagai contoh Haji Hassan Adli, Timbalan Yang Dipertua ditentang oleh Datuk Abu Bakar Omar. Ketua Dewan Pemuda, Mustapha Ali ditentang oleh Abdul Wahab Yunus.

Pertentangan itu semacam tidak ada perpaduan atau tidak ada semangat 'bersatu' di kalangan pucuk pemimpin. Hassan Adli berkata, 'mahs aku nak kempen. Kalau kalah pun tak apa'.

Dia senyum saja,

Demikian juga Wahab Yunus. Selamba saja dia bergurau dengan Mustapha Ali. Dan langsung tak nampak sibuk. Bila keputusan dibuat, elok saja penerimaan masing-masing. Tenangnya perebutan kuasa.

Sebenarnya rebutan kuasa itu adalah rebutan kuasa politik. Ia menentukan siapa nantinya boleh jadi menteri atau pucuk pimpinan. Ia bukanlah suatu yang ringan. Tetapi pemimpin-pemimpin PAS tidak menjadikannya macam suatu yang tersangat penting. Ia berjalan seolah-olah merebut jawatankuasa dalam persatuan-persatuan biasa.

Setengah pertubuhan politik dalam dan luar negeri, perebutan seperti itu sangat besar ertiinya. Masing-masing mengadakan lobi dan membeli undi. Dan banyak pula surat mela-yang dan berbagai-bagai kempen

berjalan. Setidak-tidaknya rebutan macam itu akan menimbulkan puak-puak.

Setelah pergelutan berjalan setahun atau lebih sebelum pemilihan, masing-masing menyediakan ran-cangan dan macam-macam perkara

timbul.

Dan PAS menjalani pergelutan itu dalam keadaan yang tidak disedari orang. PAS yang berebut itu menunjukkan satu perpecahan dalam bersatu.

---

---

*Nota: Rencana di atas menggambarkan suasana PAS semasa berada dalam Barisan Nasional. Sekurang-kurangnya demikian – pandangan umum kepada parti itu dan ia juga menggambarkan corak parti itu dibawah pimpinannya ketika itu. Malah semacam sukar untuk ditolak pendapat yang mengatakan PAS sama saja seperti UMNO.*

*Perpecahan yang dibayangkan di akhir rencana itu berakhir dengan ia-nya tidak dapat dibendung. Cuma Mustafa Ali yang kekal dalam PAS. Yang lainnya gugur melalui berbagai cara.*

*Demokrasi jarang dipersoal ketika itu, tetapi kemudiannya PAS menilai-nya dari sudut pandangan Islam dan mereka tidak beriman dengannya kerana Islam itu sempurna.*

*Rasa tidak senang PAS mengenai layanan UMNO yang dibayangkan dalam setiap muktamarnya, adalah antara yang mendorong UMNO menendang PAS tahun 1978. Ada kemungkinan langkah yang diambil oleh UMNO itu bagi mengelakkan ia ditinggalkan oleh PAS. Biar UMNO menendang PAS, jangan PAS meninggalkan Barisan.*

## TIBA-TIBA MARCOS HENDAK KE SABAH

WATAN 5 OGOS 1977

SELEPAS menghadiri Sidang Kemuncak di Kuala Lumpur nanti Presiden Marcos akan berkunjung ke Sabah. Isterinya yang jelita itu, Imelda akan menemaninya sama.

Kunjungan itu tentunya dinyatakan sebagai bertujuan baik dan sangat penting pula kesan dan perkembangannya dari segi politik.

Kerajaan Malaysia tentulah tidak dapat menolak sebarang kunjungan atas apa tujuan juga dari seorang negarawan negara jiran yang hendak berkunjung ke wilayahnya.

Tetapi dalam masalah kunjungan ke Sabah ini terpaksa lah diberi perhatian yang lebih mendalam kerana Sabah, wilayah yang dikunjungi itu adalah wilayah yang dituntut oleh Marcos.

Filipina menuntut hak atas Sabah kerana kawasan itu satu masa dulu pernah menjadi milik keluarga Sultan Sulu. Oleh kerana Sulu dalam pemerintahan Filipina, maka Filipina merasa berhak menuntut Sabah.

Tuntutan itu suatu yang belum dapat diselesaikan sejak dari mula dan ia adalah dikira suatu masalah yang dihadapi oleh Malaysia sejak dari ia mula lahir lagi.

Paling akhir sekali dibincangkan perkara ini ialah bila Datuk Harris Salleh berkunjung ke Manila baru-baru ini. Apa yang dibincangkan oleh mereka tidak banyak yang disebarluaskan, tetapi ternyata bahawa soal tuntutan atas Sabah itu menjadi topik besar semula.

Apakah Datuk Harris mendapat restu dari Wisma Putera tidak diketahui sangat, tetapi yang nyata beliau mahukan pertikaian antara Malaysia dan Filipina mengenai Sabah itu diselesaikan.

Marcos memang mahu menyelesaikan sejak lama dulu, sejak Tunku Abdul Rahman lagi, tetapi Tunku tidak mahu

membincangkan perkara itu sebab beliau tidak boleh bercakap sebagai orang Sabah.

Dan orang Sabah seperti Tun Datu Mustapha pula tidak bersedia membincangkan kerana perkara itu adalah masalah Wisma Putera atau Kerajaan Pusat.

Tetapi perkara itu tidak boleh tergantung begitu saja. Satu pihak mestilah mengalah, dan dalam hal ini Filipinalah yang patut mengalah kerana dalam pilihanraya yang dijalankan secara bebas rakyat Sabah sudah pun menyatakan hasratnya mahu bersama Malaysia.

Filipina terus tidak mahu menerima hakikat itu kerana ia belum berpeluang melihat sambutan rakyat Sabah dari dekat.

Marcos yang hendak menyelesaikan perkara itu mahu mendapat kepastian dari pendapat umum. Apakah pendapat umum merasakan hak itu patut diserahkan kepada Malaysia saja, atau tuntutan mesti diteruskan.

Macapagal yang memulakan tuntutan itu semasa menjadi Presiden Filipina dulu mahukan hal itu dikemukakan ke Mahkamah Dunia, suatu yang tidak pernah disetujui oleh Malaysia. Dan perkembangan terakhir pula ialah adanya sikap keluarga Sultan Sulu yang menyatakan kepada Marcos agar dicabut saja tuntutan itu.

Marcos sendiri menghadiri masalah pemberontakan di Selatan Filipina dan pemberontakan itu mendapat sokongan dari luar, terutama Libya. Sabah adalah menjadi pengkalan yang baik bagi orang-orang Islam yang memberontak untuk lari apabila terkepung oleh tentera-tentera Filipina.

Hingga ini terdapat lebih seratus ribu pelarian Filipina di Sabah dan Marcos mahukan mereka diserahkan kembali, tetapi Malaysia tidak dapat berbuat demikian atas sebab-sebab perikemanusiaan.

Perkara-perkara seperti ini terus mengganggu kerjasama serantau ASEAN sepanjang yang melibatkan Malaysia dan Filipina. Dan Sidang Kemuncak di Kuala Lumpur ini adalah tempat yang bila-bila masa saja boleh dikeruhkan bila soal Sabah itu timbul. Marcos tentulah tidak suka hal ini boleh mengganggu hubungan.

Justru itu beliau menerima kunjungan Datuk Harris bagi membincangkan soal Sabah bulan lalu dan kini mengambil peluang untuk ke Sabah bagi membuat kepastian.

Yang ditunggu-tunggu ialah apakah hasil kunjungan Marcos ke Sabah nanti dan apakah yang mampu dilakukan oleh isterinya, Imelda untuk menawan hati rakyat Sabah.

Imelda sentiasa menjadi wakil Marcos untuk memecahkan kebuntuan awalnya. Selalunya Imelda berjaya menarik perhatian luar sebelum Marcos menyusulnya.

Rakyat seluruhnya tentulah mahu mendengar dari Marcos akan pendiriannya mengenai Sabah. Pendirian itu mestilah positif iaitu dia mesti mengumumkan yang tuntutan ke atas Sabah itu ditarik dengan rasmi.

Kalau ini tidak dapat diumumkan, maka rakyat Malaysia akan hampa dan terus memandang perkara itu suatu yang boleh menjadikan kerjasama ASEAN.

Tetapi apakah Marcos begitu mudah mahu mengisyiharkan yang tuntutan tadi ditarik balik dengan kunjungannya ke Sabah itu?

Marcos mestilah hendak memerhatikan bahawa penyelesaian itu nantinya boleh menyelesaikan masalahnya sama, selain dari tuntutan itu dan lain-lain masalah yang melibatkan Sabah.

Marcos sudah merasa sulit dengan pemberontakan orang-orang Islam dari Selatan yang kerabat masing-masing ramai di Sabah. Marcos mahu orang Sabah tidak menjadi pengaruh menggerakkan orang-orang Islam mengacau ketenteraman di Selatan Filipina.

Sabah tentu tidak mengganggu secara langsung, tetapi orang Islam Selatan Filipina sentiasa menjadikan perjuangan dan kemajuan orang Islam Sabah sebagai tauladan.

Dan adanya kegiatan orang Islam mengembangkan agamanya yang pesat di Sabah akhir-akhir ini menjadi satu ancaman kepada orang Kristian di Filipina.

Jadi sebelum soal tuntutan tadi diselesaikan Marcos tentulah mahu mengambil kesempatan yang masalahnya turut selesai sama, iaitu Sabah tidak lagi boleh menjadi tempat pelarian bagi orang-orang buruannya.

Dengan demikian agak mudah bagi Filipina menghadapi tantangan pemisahan dari orang-orang Moro.

Itu satu masalah,

Dan satu masalah lagi apakah kedatangan Marcos ke Sabah

itu tidak pula menimbulkan semangat baru bagi mengubah pengaruh Filipina sendiri.

Marcos mungkin mahu melihat sejauh mana rakyat Sabah memihak dalam sengketa Sabah tadi. Dia tentu hendak mengetahui apakah dia mendapat sambutan atau tidak.

Marcos sebagai orang Kristian tentu mahu menguji sambutan rakyat dari sentimen agama. Kalau pemimpin-pemimpin dari Semenanjung yang Islam akan diberi sambutan hangat oleh rakyat yang majoritinya bukan Islam, apakah Marcos yang Kristian tidak mungkin diberi sambutan yang lebih besar dari masyarakat Kristian?

Sabah adalah satu wilayah yang mengamalkan dasar toleransi beragama. Mereka tentunya akan menyambut manapun negarawan asing terutama jiran yang hendak berbaik-baik seperti Marcos itu.

Tetapi sambutan itu nanti hendaklah jangan disalahafsirkan sebagai suatu yang memihak kepadanya. Kiranya dia diberi sambutan yang meriah nanti, ia tidak lebih dari satu sikap mahu menyatakan penghormatan dan persahabatan.

Ia tidak boleh diertikan sebagai memihak kepada Marcos dan Marcos tidak harus menjadikan sebagai alasan mengapa soal tuntutan itu tidak boleh ditarik balik.

Bagaimanapun perhatian lanjut terpaksa dibuat bahawa kunjungan Marcos ke Sabah tidak semata-mata untuk membala kunjungan Harris tetapi ada kesan dan politik yang tinggi yang tujuannya terpaksa dianalisa satu-satu.

---

---

---

#### Nota:

Wisma Putera terpaksa mengeluarkan jemputan rasmi kepada Marcos sesudah dia mengumumkan untuk berkunjung ke Sabah. Langkah Wisma Putera itu satu langkah diplomatik guna berdiplomasi dalam hubungan dua hala.

Sebelum berangkat ke Sabah, Marcos mengumumkan dalam Sidang Kemuncak ASEAN di Kuala Lumpur bahawa tuntutan Filipina ke atas Sabah akan ditarik balik. Dr. Mahathir ketika kunjungan itu dibuat adalah Timbalan Perdana Menteri di-

tugaskan menjadi tuan rumah sepanjang Marcos berada di Sabah.

Kunjungan Marcos itu mendapat sambutan yang hebat hingga Dr Mahathir sebagai tuan rumah hilang dalam suasana.

Kerana sambutan begitu menghairahkan Marcos melanjutkan lagi kunjungan itu beberapa hari lagi. Segala-galanya diberi perhatian hati-hati oleh Kuala Lumpur.

Bagaimanapun tuntutan ke atas Sabah tidak juga ditarik dan Marcos sesudah itu hanya dalam bulan Februari 1984 baru berterima dengan pemimpin Malaysia. Itupun kebetulan masing-masing menghadiri sambutan kemerdekaan Brunei di Bandar Seri Begawan.

# ANTARA PEKEMAS TAN CHEE KHOON & PEKEMAS AHMAD BOESTAMAM

WATAN, 12 Ogos, 1977

KONGRESS PEKEMAS yang berlangsung Ahad (7 Ogos 1977) laju mengakhiri perjuangan politik Dr. Tan Chee Khoon selama sesuku abad. Walaupun beliau tidak lagi menjadi Pengurus Pekemas atau tidak memimpin parti itu, tetapi beliau masih lagi menjadi Ahli Parlimen Kepong atau dalam lain perkataan akan meneruskan lagi khidmat politiknya secara yang dimampukan oleh seorang yang tidak sihat kesihatannya.

Dr Tan Chee Khoon sesungguhnya telah mengakhiri perjuangannya dengan cara yang terpuji walaupun beliau tidak berjaya meletakkan partinya dalam kumpulan parti orang-orang yang memerintah.

Walaupun Dr Tan tidak menjadi pemerintah, tetapi beliau berjaya menjadi seorang pemimpin Cina yang sama kedudukannya dengan Tun Tan Siew Sin dan Dr Lim Chong Eu dari segi pengaruh. Beliau sesungguhnya mendapat perhatian seluruh masyarakat apabila beliau tidak segan-segan menyuarakan pendapatnya.

Partinya PEKEMAS tidak berjaya mendapat tempat yang sewajarnya, tetapi yang nyata bahawa beliau berjaya mengekalkan keanggotaannya dalam Parlimen skurang-kurangnya 15 tahun.

Sekarang beliau digantikan oleh Datuk Ahmad Boestamam, seorang tokoh politik terkemuka tetapi cuma baru sekali dapat menduduki Parlimen iaitu tahun 1959-1964.

Datuk Ahmad Boestamam mempunyai perjuangan politik yang lebih dramatik dari Dr Tan dan pimpinannya tidaklah dipertikaikan oleh sesiapa. Apakah beliau yang dulunya pengasas Parti Rakyat (kini PSRM) akan membawa parti itu sama macam Parti Rakyat atau akan dapat pula menarik orang Parti Rakyat bersamanya dalam Pekemas akan menjadi perhatian.

Suatu yang hendak diperhatikan sekarang ialah sejauh mana pimpinan Datuk Ahmad Boestamam ini dapat membawa beberapa parti pembangkang lain bergabung untuk menyaingi Barisan Nasional.

Boestamam pernah gagal untuk

menghidupkan Parti Marheim, parti yang ditubuhkannya setelah berpecah dengan Parti Rakyat. Tetapi beliau pernah berjaya menyatukan Parti Rakyat dan Parti Buruh dalam Front Sosialis dan Front Sosialis ini berjaya menguasai Dewan Bandaraya Pulau Pinang dan Majlis Perbandaran Melaka.

Dari latar belakang itu kini beliau mengepalai Pekemas dan memulakan satu projek besar iaitu menggembeling Barisan Rakyat Bersatu untuk menyaingi Barisan Nasional dalam pilihanraya nanti.

Barisan Rakyat Bersatu ini sudah diselanggarakan lama dulu oleh Kassim Ahmad, Pengurus PSRM, bersama DAP, Pekemas dan KITA.

Tetapi dalam Kongres Pekemas di Dewan Kelab Sultan Sulaiman Ahad lalu ternyata kemungkinan bahawa Barisan Rakyat Bersatu itu nanti akan didukungi oleh Pekemas, PSRM dan KITA saja.

DAP satu parti yang paling berpengaruh malah boleh dikira lebih besar dari ketiga-tiga parti itu kalau dicantumkan sekali telah menjadi sasaran Pekemas.

Ternyata sekarang bahawa kemungkinan DAP menyertai barisan yang baru itu adalah tipis. Sebaliknya DAP adalah musuh pertama Barisan Rakyat Bersatu sebelum ia menghadapi musuh besarnya Barisan Nasional.

Apakah ekoran yang akan dapat kita perhatikan dari kemungkinan-kemungkinan Barisan Rakyat Ber-

satu ini tanpa DAP?

Barisan Rakyat boleh menjadi tentangan yang hebat kepada Barisan Nasional kalau ia dapat diselanggarakan dengan cara yang sebaik-baiknya.

Pilihanraya umum tahun 1969 adalah satu contoh yang baik untuk kita jadikan tauladan. Dalam pilihanraya itu parti-parti pembangkang seperti DAP, Gerakan, PPP mengadakan pakatan. Walaupun mereka tidak menubuhkan satu barisan, tetapi mereka tidak bertanding sesama sendiri dalam pilihanraya itu.

Sebagai contoh, kerana Gerakan mempunyai banyak pengaruh di Pulau Pinang disebabkan Dr Lim Chong Eu mempunyai banyak pengaruh di situ, maka lain-lain parti tidak meletakkan calon di kawasan-kawasan yang Gerakan bertanding. Walaupun ada calon DAP bertanding di Pulau Pinang, tetapi ia adalah atas persetujuan Gerakan dan Gerakan tidak meletakkan calonnya di situ.

Oleh yang demikian terdapat calon-calon Gerakan dan DAP yang bertanding secara berasingan itu memenangi banyak kerusi dan mengalahkan Perikatan buat pertama kalinya.

Ipo, kerana ia besar pengaruh PPP, maka DAP dan Gerakan tidak datang mengacaunya. Sebaliknya orang-orang DAP dan Gerakan yang ada di sekitar Ipoh turut membantu PPP di Ipoh dan di Perak. Hasilnya

seluruh kerusi di kawasan Ipoh jatuh ke tangan PPP dan Perak sendiri hampir jatuh ke tangan pembangkang.

Demikian juga lain-lain kawasan seperti di Selangor dan Melaka masing-masing hampir dikuasai oleh pembangkang.

Tetapi dalam pilihanraya umum 1974, muafakat tadi tidak dapat diwujudkan lagi, hasilnya Pekemas, pecahan dari Gerakan cuma berjaya mendapat satu kerusi Parlimen dan DAP walaupun berjaya mendapatkan kawasan Ipoh tetapi kalah pula di tempat lain.

Dari pengajaran ini dapatlah duga bahawa pembangkang boleh menjadi satu tenaga pencabar kiranya parti-parti pembangkang tadi dapat bersatu.

Kedudukan politik tahun 1969 boleh jadi tidak sama serba serbi dengan keadaan sekarang. Pertama PAS yang menjadi tenaga saingan UMNO dalam Barisan, PPP dan Gerakan juga sudah bersama UMNO dalam Barisan.

Tetapi pembangkang tetap ada dan ia terdiri dari DAP, Pekemas, PSRM dan KITA.

Empat buah parti itu bagaimanapun tidaklah mempunyai pengaruh yang menyeluruh ke seluruh negara. DAP mempunyai pengaruh besar di Melaka, Selangor, Perak dan mungkin Pulau Pinang dan Negeri Sembilan.

Pekemas ada pengaruh di Kuala Lumpur dan Pulau Pinang. PSRM

mempunyai pengaruh di Pantai Timur dan KITA boleh dikatakan tidak mempunyai pengaruh di mana-mana.

Walaupun ia boleh memberi tantangan, tetapi pengaruh yang tidak menyeluruh itu tidaklah membolehkan ia mampu memberi pukulan total kepada Barisan.

Dan bila DAP pada peringkat ini berada dalam keadaan yang bermusuhan pula dengan Pekemas, maka adalah dipercayai bahawa tenaga Barisan Rakyat Bersatu itu tidaklah begitu besar.

DAP sekarang bolehlah dikira sebagai sebuah parti Cina yang terbesar dan menyaingi kedudukan MCA. Ia mempunyai kemampuan untuk memukul MCA di mananya saja. Halangan yang ada sekarang ialah DAP agak sulit untuk menewaskan MCA yang kurang sokongan Cina itu ialah kerana MCA selalu bergantung kepada undi Melayu dari UMNO. Kalau tidak kerana itu, boleh jadi MCA itu tinggal sebesar Pekemas saja.

DAP sendiri saja sudah cukup untuk menghadapi lain-lain parti Cina di bandar-bandar. Dan apabila kita dapati Pekemas juga mempunyai ramai pengikut Cina, maka ia boleh jadi lebih kuat kalau DAP dan Pekemas dapat bersekutu.

Pekemas secara bersendiri tidak dapat mengambil separuh dari pengaruh Cina di bandar-bandar. Kalau sebahagian besar dari pengaruh Cina pergi kepada DAP, maka

separuh lagi terpaksa pula dibahagikan antara MCA, Gerakan dan Pekemas.

Dan kerana Pekemas kini kurang mendapat tempat di kalangan Cina, apakah ia boleh pula mendapat pengaruh Melayu dengan Datuk Boestamam menjadi pemimpinnya?

Pekemas boleh dapat pengaruh Melayu dari golongan yang mengikut Parti Marhein dulu. Dan adakah ia berupaya menyaingi UMNO dan PAS dengan cara bergabung dengan PSRM dan KITA?

Pengaruh dari PSRM tidak pula boleh diperkecil. Ia boleh memberi tantangan yang hebat, tetapi tidak apa yang dapat diperolehi dari KITA kerana parti itu boleh dikatakan ada pada nama saja.

Sekarang harapan kita kepada Barisan Rakyat Bersatu tanpa DAP belumlah agak besar. Kekuatannya akan ada kiranya ia berjaya membawa DAP bersama.

Kumpulan ini agak cerah masa depannya kalau ia berjaya menarik perhatian setengah dari orang-orang UMNO dan PAS yang tidak puas hati dengan Barisan Nasional sekarang.

Walaupun bilangan orang yang tidak sukaan Barisan itu belum diketahui sebesar mana, ia boleh memberi kesan tertentu kepada gabungan pembangkang tadi.

Tetapi setakat ini belum ternampak adanya tanda-tanda yang golongan tidak puas hati dengan UMNO dan PAS itu bersedia mencampuri

muafakat yang hendak dikepalai oleh Pekemas itu.

Suara-suara yang tidak senangkan Barisan Nasional itu pada ketika ini kian banyak tertarik kepada Barisan Bersatu atau bergerak untuk menubuhkan parti sendiri yang baru.

Sebagai contoh, kumpulan Ama-luddin Darus yang tidak senang dengan PAS pun tidak sedia menyertai PSRM atau KITA. Ia akan bergerak cergas untuk menaja satu parti Islam yang baru.

Kiranya kumpulan seperti ini juga membuat suatu khemah di kalangannya, maka ini akan turut memecahkan tenaga pembangkang tadi.

Yang menjadi perhatian sekarang ialah ke manakah Pekemas hendak pergi sesudah ia dipimpin oleh Datuk Ahmad Boestamam?

Benar Pekemas tidak menarik golongan tak puas hati dari UMNO dan PAS kerana ia dipimpin oleh Dr Tan Chee Khoon. Tetapi sekarang ia dipimpin oleh Datuk Ahmad Boestamam, seorang yang sudah dikenali oleh orang-orang Melayu akan perjuangannya.

Walaupun bellau tidaklah sekutu Datuk Asri dari pegangan ibadat dan perjuangan agamanya, tetapi pendirian nasionalisnya tidaklah dapat hendak dipertikai lagi. Memang orang-orang PAS sendiri mengakui akan ketokohan dan kemampuan Datuk Ahmad Boestamam ini.

Datuk Ahmad Boestamam sebenarnya adalah sahabat baik dengan Allahyarham Dr. Burhanuddin Al-Hilmy dulu memasuki PAS adalah atas persefahaman bahawa akhirnya orang-orang Melayu dapat dicantumkan melalui badan yang dipimpin oleh Dr Burhanuddin dan Ahmad Boestamam iaitu percantuman antara PAS dan Parti Rakyat.

Walaupun ideologi tidak sama, tetapi persahabatan dan persefahaman menyebabkan ada orang-orang PAS yang terpengaruh atau tertarik dengan Datuk Ahmad Boestamam. Apakah pengaruh ini tidak boleh membantu orang-orang yang tidak senang dengan PAS sekarang menyokong Barisan Rakyat Bersatu kalau Ahmad Boestamam menjadi pemimpinnya?

Oleh kerana pilihanraya umum yang bunyinya dekat itu masih belum dapat dilihat oleh sesiapa, maka peluang masih ada bagi pemimpin-pemimpin pembangkang untuk menghalusi lagi perkara ini.

Perkembangan selanjutnya mungkin mengubah DAP untuk menyertai gabungan baru itu, atau se-sudah Datuk Ahmad Boestamam mengepalai Pekemas dan Barisan Rakyat Bersatu nanti mungkin ada rundingan baru yang membolehkan DAP tertarik dengannya.

Walaupun setakat ini kemungkinan ramai orang Melayu di atas pagar menyertai muafakat ini sangat diragukan, tetapi mungkin juga atas dorongan tidak mahu banyak sa-

ngat pertubuhan politik Melayu di negara ini menyebabkan mereka tidak menyertai kumpulan Datuk Ahmad Boestamam itu.

Bagaimanapun mewujudkan barisan yang menentang Barisan memang menjadi suatu yang difikirkan oleh banyak pihak. Yang menjadi perhatian, apakah kemunculan semula secara aktif Datuk Ahmad Boestamam boleh membawa tuah baru kepadanya atau dia akan terus menjalani dunia seperti yang pernah dilaluinya sejak merdeka dulu ju.

#### Nota:

Penyertaan Datuk Ahmad Boestamam ke dalam Pekemas disertai oleh ahli-ahli Parti Marhein. Ia menjadi titik tolak termansuhnya Parti Marhein secara rasmi disebabkan ahli-ahlinya diserapkan ke dalam Pekemas.

Cita-cita membentuk Barisan Rakyat Bersatu tidak pernah terkabul, dan akhirnya Pekemas sendiri dianggotai oleh bekas ahli-ahli Parti Marhein dulu saja disebabkan kebanyakan ahli asal Pekemas meninggalkan parti bagi menyertai DAP seperti V. David dan Dr. Tan Sing Giaw.

Selaras pilihanraya umum 1978 kisah Pekemas tidak kedengaran lagi. Dr Tan Chee Khoon akhirnya muncul sebagai pengulas politik di akhbar The Star. Kalaupun beliau masih berpolitik maka politiknya adalah sebagai penulis politik.

## GHANI ALI JUGA SASARAN GHAFAR?

WATAN: 19 Ogos, 1977

POLITIK Negeri Melaka dengan tiba-tiba menjadi satu politik kebangsaan yang sangat menarik perhatian dan sangat besar ertinya dalam menentukan pengaruh di negara ini.

Dengan tiba-tiba 11 orang dari anggota Dewan Undangan Negeri yang seramai 20 itu menyatakan tidak percaya mereka kepada Ketua Menteri Haji Ghani Ali.

Keselelas orang itu tidak pergi ke Bukit Frazer, tempat berkumpul anggota Dewan Undangan Negeri Selangor yang menggulingkan Datuk Harun Idris sebagai Menteri Besar tengah dua tahun lalu.

Tetapi mereka berkumpul di Hotel Jayapuri di Petaling Jaya. Dan bolehlah sekarang kegiatan itu disebut sebagai Gerakan Jayapuri.

Gerakan Jayapuri ini tidak balik-balik dan mereka mengadakan hubungan dengan rumah UMNO dan membuat memorandum kepada Datuk Hussein Onn bagi menyatakan mengapa mereka tidak lagi menaruh kepercayaan kepada Ketua Menteri Melaka itu.

Orang-orang yang bergerak itu dipercayai mempunyai hubungan

yang sering dengan Adib Adam, Setiausaha Kerja UMNO. Adakah mereka mempunyai hubungan yang sealiran atau punya minat bersama tidaklah dipastikan.

Tetapi mereka seringlah menghubunginya untuk mendapatkan apa-apa perkhabaran. Yang nyata dalam masalah ini, hubungan itu rasanya tidak lebih dari memastikan yang mereka mudah menghubungi Datuk Hussein Onn.

Mereka tentunya faham bahawa Adib yang dihubungi itu mungkin tidak penting sebagai orang Melaka, tetapi mereka tahu bahawa Adib adalah orang yang mudah bertemu dan berhubung dengan Datuk Hussein. Dalam beberapa hal lebih mudah menyampaikan sesuatu kepada Datuk Hussein melalui Adib dari melalui Setiausaha Agung Datuk Senu.

Datuk Senu kalau nak berjumpa Datuk Hussein selalunya teragak-agak. Dia mahu menimbang dulu pentingkah atau tidak. Tetapi Adib tak kira.

Malah Adib lebih suka jumpa Datuk Hussein dari jumpa Datuk Senu. Oleh itu adalah mudah kalau

seseorang dapat memastikan yang dia boleh mendapatkan kerjasama Adib.

Sekarang politik negeri Melaka ini, dalam perkembangan sekarang bolehlah dianggap perkara yang sering berlaku dalam sistem demokrasi. Apa alasan tidak penting.

Tetapi apabila ada pihak-pihak yang tidak setuju dengan seseorang ketua seperti Ketua Menteri itu, dan mereka berjaya mengumpulkan bilangan majoriti; maka bolehlah dikemukakan mengikut proses yang betul, satu usul undi tidak percaya.

Apa kesalahan dan kelemahan Haji Ghani Ali tidak penting dan ia boleh dibicarakan kemudian. Tetapi puak-puak yang tidak suka kepada-nya boleh jadi atas sebab peribadi, sebab harta atau boleh jadi juga sebab perlumbaan kuasa dan pengaruh, boleh mengadakan kumpulan dan lobi-lobi untuk menjatuhkannya.

Kalau Datuk Harun Idris dan Tun Datu Mustapha yang begitu kuat pengaruh dan wataknya boleh dijatuhkan, apalah orang macam Haji Ghani Ali itu. Kalau orang-orang yang berpengalaman menjalankan kerjanya, Ghani boleh dikuis dengan jari kelingking saja.

Sekarang orang-orang yang di Jayapuri itu ada 11 orang. Mereka sudah menjadi kumpulan majoriti. Dan mengikut majoriti, mereka bila-bila masa saja boleh mengemukakan usul tidak percaya di Dewan Undangan Negeri. Dan mereka

boleh menang.

Dan sebenarnya perkara macam ini kalau Ghani Ali mengikut prinsip berparti, maka dia sudah tidak perlu lagi ditumbangkan melalui Dewan Undangan Negeri. Memadai saja parti membuat keputusan.

Parti selalunya membuat pre-council. Dan melalui pre-council ini sudah boleh menumbangkan Ghani Ali. Sekarang apa lagi yang hendak disusahkan hal ini. Haji Ghani sudah tidak mendapat kepercayaan lagi dari bilangan majoriti partinya di Dewan Undangan Negri.

Apa lagi yang hendak dipertahankan. Apa lagi yang hendak disiasat. Apakah Ghani Ali betul atau salah, atau geng yang di Jayapuri itu betul atau salah tidak menjadi soal pokok. Yang pokok suara majoriti sudah tidak percaya lagi kepada pimpinannya.

Bila suara majoriti tidak percaya, maka Ghani Ali sudah tidak layak lagi untuk kekal menjadi Ketua Menteri. Kedudukan Ghani Ali sebagai Ketua Menteri hanya boleh ditentukan oleh anggota Dewan Undangan itu. Kalau mereka sudah tidak percaya kepadanya lagi, maka apakah yang dapat menghalang mereka selain dari Allah.

Datuk Hussein Onn sebagai sifatnya Pemangku Ketua Parti boleh memberikan apa-apa nasihat sebelum ada keputusan mengenai perkara itu. Tetapi sekarang keputusan geng itu sudah ada dan jumlahnya

sudah diketahui.

Oleh yang demikian keputusan mereka terpaksa dihormati kerana mereka adalah wakil rakyat yang sepatutnya tahu apa yang mereka buat.

Parti tidaklah patut bertanya sesuatu yang mendorongkan keputusan itu dibuat untuk menentukan sikap. Pada peringkat awal, demokrasi harus mematuhi dulu keputusan geng 11 orang itu.

Buat apa cara pun Ghani Ali patutlah menarik diri kerana orang-orangnya di Dewan Undangan Negeri sudah tidak percaya kepadanya lagi. Dan parti pula patutlah menerima saja keputusan itu dulu.

Apakah parti setuju dengan geng yang 11 itu adalah hal yang lain. Tetapi parti haruslah faham bahawa 11 orang itu adalah majoriti dan mereka saja yang berhak menentukan atau mengesahkan siapa patut jadi Ketua Menteri.

Kalau parti atau Datuk Hussein Onn atau jawatankuasa Dr. Mahathir yang ditugaskan menyiasat perkara itu tidak setuju dengan geng 11, mereka boleh membuat tindakan lain kemudian. Tetapi pada masa ini, orang yang di Dewan Undangan itu saja yang berhak menentukan keadaan.

Walau apa cara pun Ghani Ali patut berhenti. Adakah UMNO di belakang Ghani atau di belakang geng 11, patutlah ditentukan kemudian.

Yang susahnya Ghani Ali jadi

Ketua UMNO Melaka tidak atas undi ahli-ahli UMNO. Dia jadi ketua atas perlantikan Presiden UMNO. Jadi sekarang terpulanglah kepada pemangku Presiden hendak mengekalkan Ghani Ali sebagai Ketua Perhubungan atau tidak.

Kalau kedudukan itu ditentukan oleh parti, bukan oleh ketua parti, maka satu sidang UMNO Melaka boleh dipanggil untuk memastikan apakah geng 11 mendapat sokongan ramai atau Ghani Ali dapat sokongan.

Dalam keadaan yang ada payahlah bagi Ghani Ali untuk mempertahankan kedudukannya.

Jawatankuasa Dr. Mahathir yang anggotanya terdiri dari Datuk Senu, Datuk Musa Hitam dan Tengku Razaleigh bolehlah membuat penyiasatan. Mereka boleh buat laporan yang menyatakan punca-punca krisis itu. Mereka boleh jadi mendapati Ghani Ali betul, tetapi apakah mereka boleh buat kalau geng 11 terus tidak percaya kepada Ghani Ali?

Kalau geng 11 mengemukakan juga usul tak percaya, maka Ghani tak ada jalan selain dari mengucapkan 'SAYONARA'.

Kalau parti tak setuju, jalan yang terbuka satu saja iaitu memecat geng 11 dari parti. Itu pun tidak dapat mempertahankan Ghani Ali dalam tempoh yang ada.

Ghani mestil turun dulu sehingga-lah tempoh dewan yang ada sekaran-g tamat. Kalau parti nak perta-

hankari juga Ghani, maka parti mestilah memastikan yang majoriti wakil rakyat menyokong. Kalau yang sekarang tidak mungkin berundur, berertilah parti terpaksa menunggu pilihanraya baru. Itulah hakikatnya.

Dan Ghani pun apa nak tunggu lagi. Orang sudah tidak suka. Tunjuk gentlemanlah.

Sekarang elok juga dikaji apakah punca politik menggulingkan Ghani Ali ini dan adakah ia tindakan geng 11 saja atau ada lain-lain anasir yang mengilhamkannya.

Geng 11 menerangkan bahawa mereka tidak dipengaruhi oleh se-siapa. Mereka sendiri tahu kerana mereka juga orang politik. Orang politik tidak patut dicucuk hidungnya. Dia mesti tahu buat sesuatu secara bebas dan tidak dipengaruhi oleh orang lain.

Tetapi ada khabar-khabar angin yang merasakan En. Ghafar Baba menjadi dalang segala perkembangan ini. Khabar angin ini sendiri tidak patut dipercayai. Bahaya padahnya. Tetapi politik Melaka – UMNOlah katakan – maka taklah boleh mengenyepikan nama Ghafar Baba.

Ghafar Baba sepanjang kejadian ini semacam tidak ada hubungan langsung dengan geng 11. Beliau menghilangkan diri dari Kuala Lumpur dan ada kalanya menginap di Bukit Frazer. Mengapa dalam ketika macam ini beliau berada di Bukit Frazer tak tahu lah.

Tetapi orang yang sudah mendengar kisah Bukit Frazer yang membangunkan Datuk Harun Idris dulu, gatal mulut bila mendengar perkataan Bukit Frazer.

Mereka jadikan ia sebagai bahan bergurau. Tetapi sinis juga buninya. Adakah patut En. Ghafar berhati di Bukit Frazer diguraukan dengan geng 11 di Jayapuri itu?

Tetapi kerana Ghafar orang Melaka dan akar tunjang UMNO Melaka, maka Ghafar tentulah tahu, walaupun dia bersumpah mengatakan tidak tahu. Orang payah tidak mau mempercayai kalau En. Ghafar mengatakan dia tak tahu langsung dengan hal itu.

Yang menjadi tafsiran politik sekarang ialah permainan ini mungkin dilihamkan oleh En. Ghafar sendiri yang akhir-akhir ini tidak begitu mesra dengan Ghani Ali. Ghani Ali pula, entah mengapa, setelah Ghafar tidak lagi jadi menteri, maka orang tua itu tidak lagi dilayan dengan baik.

Adalah menjadi rahsia umum sekarang bahawa Ghani dan rakan-rakannya giat menjalankan tindakan mengurangkan pengaruh Ghafar. Dan kalau hal ini berterusan, maka masa depan Ghafar di Melaka sangat gelap.

Dan dalam bulan Jun 1978 nanti UMNO akan mengadakan pemilihan MT baru. Kalau Melaka sendiri dibiarkan menjalankan kegiatan anti Ghafar, maka bagaimanakah Ghafar hendak mempertahankan kedudu-

kannya sebagai Naib Presiden yang tertinggi sekali undinya.

Oleh itu Ghafar mestilah membuat seusatu bagi memastikan yang beliau terus mendapat sokongan yang bermula dari Melaka.

En. Ghafar memang diperhatikan dari awal lagi. Apakah beliau akan mampu berkuasa kembali? Beliau adalah seorang ahli politik yang pintar dan sepanjang yang bersabit dengan Melaka, beliau sentiasa muncul sebagai pemenang di saat terakhir.

Dari sejarah awalnya beliau bera-du dengan Hasnul Hadi. Orang merasakan Hasnul kuat. Tetapi ternyata Hasnul kalah. Kemudian timbul soal pemecahan bahagian dari satu kepada empat.

Ketua Menteri ketika itu Datuk Talib Karim hampir berjaya meng-gegarkan politik Melaka. Kekuatan Ghafar semacam tergugat bila bahagian UMNO Negeri terpaksa dipe-

cah empat. Orang merasakan 'habis-lah Ghafar'. Rupa-rupanya Talib Karim yang habis.

Dari situlah lahir Ghani Ali, seorang guru Melayu. Dan beliau naik dengan gagah. Sekarang dia menca-bar Ghafar. Dan beberapa hari dulu orang merasakan dia gagah. Ber-ulang lagi sangkaan 'habislah Ghafar'.

Tetapi dalam Ghafar yang ber-diam diri saja, Haji Ghani yang ter-cabar. Dan sekarang yang menjadi perhatian sejauh mana Ghafar ada terlibat dan kebanyakan pihak cuba membuktikan yang Ghafar berada di belakang, walaupun Ghafar cuba menjauhkan diri dan kalau boleh mahu bersembunyi.

Apa pun yang berlaku, Ghani Ali sudah tidak mendapat sokongan majoriti. Demokrasi Westminster memihak kepada majoriti — betul atau salah.

---

*Nota:*

*Krisis Ketua Menteri Melaka ini berakhir dengan Abdul Ghani Ali diketepikan dari menjadi calon Barisan dalam pilihanraya umum 1978. Dengan ini kerjaya politiknya berakhir. Ia juga membuka jalan kepada Adib Adam kembali ke Melaka bagi menjadi Ketua Menteri yang baru.*

*Kedudukan Adib di Melaka sebelum ini tidak jelas. Beliau lebih*

*merupakan pegawai UMNO di Ibu Pejabat UMNO Kuala Lumpur. Datuk Musa Hitam telah dilantik untuk mentadbirkan UMNO Melaka dan bermula dari perkembangan ini terlepaslah negeri itu dari bayang-bayang pengaruh En. Ghafar Baba. Datuk Musalah yang meletakkan Adib sebagai orang kuatnya di negeri itu.*

## APA DOSA ABDUL GHANI ALI

WATAN 26 Ogos 77

JUMAAT lalu saya menyorot kedudukan krisis politik Melaka dari sudut kehendak demokrasi dan kedudukan Ketua Menteri Haji Ghani Ali tanpa mengira tuduhan yang dihadapkan kepadanya sabit atau tidak.

Demokrasi Westminster tidak menghitung seorang itu benar atau tidak. Yang menjadi perhitungannya ialah siapa yang mendapat sokongan ramai. Dan semangat yang terkandung dalam demokrasi Westminster ini ialah seorang yang benar kelaknya akan beroleh kejayaan dan kemenangan.

Tetapi yang menjadi perhatian sepanjang krisis kerajaan negeri Melaka sekarang ialah mengapa usaha menggulingkan Ketua Menteri Haji Ghani Ali itu dengan tiba-tiba dibuat sekarang?

Apa salahnya dia digulingkan lepas hariraya puasa nanti? Atau awal tahun hadapan? Ataupun tunggu lepas pilihanraya akan datang?

Mengapa kumpulan atau Geng Sebelas mahu dia diturunkan dari jawatan itu dengan tiba-tiba sekarang juga?

Apa salahnya tunggu dulu sekurang-kurangnya lepas perbicaraan kes Datuk Tan Cheng Swee, bekas Pesuruhjaya Perbandaran Melaka dan bekas EXCO yang menghadapi tuduhan rasuah itu?

Kerana saya beranggapan Haji Ghani adalah salah seorang saksi yang penting dalam perbicaraan itu dan ada baiknya biarkan dulu beliau memberi keterangan sebagai seorang Ketua Menteri.

Walaupun sebagai seorang biasa beliau masih boleh memberi keterangan, tetapi dari segi politik keterangan seorang Ketua Menteri memberi kesan tertentu dibandingkan dengan keterangan seorang biasa.

Sepatutnya ini yang patut ditimbulkan oleh Geng Sebelas sebelum mereka berangkat menginap di Jayapuri, Petaling Jaya. Oleh kerana perkata ini tidak difikirkan dulu, dan Geng Sebelas sudah membuat keputusan, apa yang dapat dibuat.

Dari segi moralnya Haji Ghani sudah jatuh. Beliau tidak mendapat kepercayaan dari golongan majoriti Dewan Undangan Negeri Melaka.

Bagi orang-orang yang hendak

menjaga moral, biasanya akan menyerahkan mandatnya bila berhadapan dengan kes serupa ini sesuai dengan amanat Datuk Hussein Onn satu masa dulu, bahawa seseorang yang sudah tidak popular di kalanng anggota parti cloklah mengundurkan diri secara terhormat.

Penyelesaian boleh dibuat dengan tiga cara: pertama Haji Ghani Ali meletakkan jawatan; kedua Geng Sebelas menarik semula memorendam tidak percaya kepada Ghani Ali; dan ketiga menyerahkan keputusan dibuat oleh Datuk Hussein Onn.

Oleh kerana Ghani Ali belum lagi mahu meletakkan jawatan se-kadar menerima undi tidak percaya melalui memorendam Geng Sebelas itu saja, dan Geng Sebelas sendiri belum mahu menarik semula memorendamnya, maka terpaksalah kes ini diserahkan kepada pertimbangan Datuk Hussein Onn.

Perdana Menteri tentulah tidak mahu membuat keputusan dengan tidak meneliti terlebih dahulu setiap aspek perkara itu. Beliau tentulah hendak mendengar keterangan adakah salah bagi seorang seperti Ketua Menteri Melaka itu membeli tanah kerajaan untuk membentuk estet orang Melayu?

Kalau ia satu jenayah, bentuk macam mana jenayah itu? Tidakkah mungkin gerakan ini bertujuan menimbulkan satu rupa jenayah yang kecil bagi tujuan menutup satu jenayah yang lebih besar?

Mungkin tuduhan-tuduhan yang dibuat ke atas Ketua Menteri itu satu kesalahan yang besar. Tetapi apakah tidak ada kesalahan yang lebih besar dari itu?

Tentulah semua ini hendak diketahui dan kalau perlu patut ahli-ahli UMNO Melaka mendapat tahu.

Logiknya Perdana Menteri mahu keterangan dan nasihat yang tepat dan benar untuk membolehkan beliau membuat satu keputusan yang berasas dan wajar. Oleh itu beliau membentuk Jawatankuasa Khas atau lazimnya dipanggil Suruhanjaya Menyiasat yang dipengerusikan oleh Dr. Mahathir Muhamad.

Untuk apa jawatankuasa ini dibentuk juga menjadi satu pertanyaan.

Adakah benar ia hendak menyiasat? Kalau ia menyiasat dan mendapati apa juga kesimpulan, apakah ia terdaya untuk menjalankan tindakan?

Katakanlah penyiasatan itu mendapati Ghani Ali bersalah dari segi politik, dapatkah 'Suruhanjaya Dr. Mahathir' ini membuat keputusan tanpa merujukkan dulu kes itu kepada pihak kerajaan.

Politik boleh membuat keputusan sendiri, tetapi apakah ini adil dengan tidak memastikan yang Ghani Ali ditentukan kedudukannya oleh mahkamah dulu?

Dan kalau ia dipastikan badan itu mendapati Ghani Ali berada di pihak yang benar, apakah keupayaannya untuk mengekalkan

kedudukan Ghani kalau Geng Sebelas menjadi majoriti tidak suka kepada muka dan batang hidung Ghani Ali?

Oleh itu ada dua kemungkinan yang dapat dibuat oleh 'Suruhanjaya Dr. Mahathir' ini.

Pertama mencari jalan kompromi dan kedua mengintai siapakah antara muka Geng Sebelas itu boleh menjadi Ketua Menteri yang baru? Adakah Ghani Ishak atau Mohamad Di? Atau seorang yang lain yang dapat diterima oleh Ghani Ali dan Geng Sebelas?

Pada firasat saya, yang pokok ditumpukan oleh badan penyiasat itu ialah untuk memberi taklimat menganai latarbelakang kejadian itu sekadar yang ada pada pengetahuan Dr. Mahathir, Datuk Musa Hitam dan Tengku Razaleigh, Datuk Senu tidak berpeluang untuk memberi taklimat kerana beliau terlantar di hospital ketika penyiasatan berlaku.

Dalam memberi taklimat sambil mendapat maklumat dari bahagian-bahagian UMNO Melaka, mungkin satu kompromi boleh dibuat iaitu Ghani Ali dikekalkan sebagai Ketua Menteri sehingga satu keputusan lain dibuat sama ada tahun hadapan atau selepas pilihanraya.

Itu yang dapat saya duga dari peranan penyiasatan itu.

Tetapi kalaular ia bertujuan untuk menyiasat tentang siapa di belakang Geng Sebelas dan siapa yang membayar bil hotelnya, dan mengapa ini ditimbulkan sekarang dan

mengapa tidak duru, maka ia boleh memberi pengetahuan yang lebih mantap kepada parti dan pemimpinnya tentang kedudukan di negeri Melaka itu.

Bagaimanapun saya kira laporan Dr. Mahathir yang disiapkan dalam masa dua minggu itu tentu kurang sempurna dengan tidak memanggil lain-lain pihak untuk memberi keterangan.

Dalam masalah ini tidaklah patut pembesar-pembesar UMNO bahagian saja dipanggil. Orang-orang yang dikira layak memberi maklumat dan pandangan tetapi ada hubungan dan penglibatannya dalam UMNO Melaka patut dipanggil.

Laporan itu hanya akan sempurna kalau sekurang-kurang dua orang yang terpenting lagi dipanggil memberi keterangan iaitu Ghani Ali sendiri dan kemudian En. Ghafar Baba.

Adib Adam, tokoh dari Melaka yang sedang mencari kedudukan dalam politik juga boleh dipanggil walaupun beliau adalah seorang pekerja eksekutif di Rumah UMNO;

Ghani Ali sebagai seorang yang terlibat secara langsung dalam pergolakan ini patut didengar keterangannya. Dia tentulah terpaksa membela diri.

Mengenai En. Ghafar, walaupun tidak mempunyai apa-apa kedudukan dalam UMNO Melaka, tetapi beliau adalah seorang yang banyak pengaruh dan mempunyai banyak jasa dalam UMNO Melaka. Tegak bangunnya UMNO Melaka dari dulu

dan sekarang adalah atas dayausaha-nya.

Eng. Ghafar sebagai Naib Presiden UMNO yang berasal dari Melaka tentu mempunyai pandangan dan keterangan yang berguna untuk dijadikan bahan kajian.

Kalau beliau tidak boleh datang memberi keterangan kerana kedudukannya tinggi dalam parti. Jawatankuasa Mahathir patut pergi ke rumahnya untuk meminta pandangan dan keterangan.

Keterangan daripada beliau banyak menolong badan itu nanti untuk mencari jalan keluar dari masalah yang dihadapi sekarang.

Walaupun En. Ghafar tidak memegang apa-apa jawatan dalam UMNO Melaka, tetapi beliau adalah anggota Parlimen dan masih dikira sebagai seorang yang paling berpengaruh bukan saja di Melaka malah di seluruh negara.

Pandangan beliau dan arahannya dipatuhi oleh banyak golongan di Melaka. Kalau beliau umpamanya diajak menasihatkan En. Ghani Ishak dan Mohamad Di yang dikenali rapat dengannya, tentu jalan tolak ansur yang dicari itu akan mudah terlaksana.

Walaupun En. Ghafar menyatakan yang beliau tidak terlibat, tetapi sebagai seorang ahli politik yang masih cergas, kecualilah beliau hendak bersara, maka beliau tidak dapat mengelakkan diri dari melibatkan diri dalam perkara ini.

Mungkin selama ini beliau tidak

terlibat, tetapi adat orang bertanggungjawab, dia mesti melibatkan diri sama ada menyokong atau menentang atau mengambil peranan menenangkan suasana. Sebagai orang yang membentuk sifat dan peribadi UMNO Ghafar bolehlah dikatakan bapa kepada UMNO Melaka.

Oleh itu beliau kiranya masih berpengaruh dan masih mempunyai minat dalam politik UMNO terpaksa salah dari sekarang tampil ke hadapan melibatkan diri dan menyatakan sikap dalam krisis yang ada.

Ini akan dapat menguji apakah beliau masih mempunyai pengaruh atau tidak dalam UMNO Melaka.

Kalau En. Ghafar mahu mengejarkan satu sikap yang menasihatkan Geng Sebelas supaya bertolak ansur, kerana sikap sekarang akan memudahkan DAP memperluas pengaruhnya, adakah Geng Sebelas akan patuh? Kalau benar mereka menghormati En. Ghafar, mereka akan mendengar nasihat itu.

Dan kalau lauh mereka tidak juga mahu mendengarnya, berertilah beliau sudah mulai kurang pengaruh di Melaka.

Dan sikap jawatankuasa tidak memanggil En. Ghafar tidak memberi keterangan juga boleh disifatkan sebagai mengecilkan peranan dan pengaruh En. Ghafar di Melaka.

Walauapun kedudukan En. Ghafar, beliau adalah Naib Presiden yang paling tinggi sekali undinya dalam pilihan yang lalu. Oleh itu

adalah cara orang berbudi mendengar pandangannya sebagai sifatnya orang yang menegakkan asas UMNO Melaka.

Oleh itu kita jangan perkecilkan peranan En. Ghafar walau apa juar kata hati kecilnya dalam masalah ini.

Berhubung semula dengan En. Adib, adalah menasabah fikirannya didengar kerana beliaulah orang yang selalu bertemu dengan Datuk Hussein.

Oleh kerana beliau banyak dijadikan oleh Geng Sebelas sebagai orang perantaraan dengan Datuk Hussein, maka boleh jadi ada cakap-cakap yang disampaikan oleh Geng

Sebelas kepadanya yang boleh dijadikan keterangan bagi membantu menyelesaikan laporan Mahathir itu.

Geng Sebelas tentu lebih banyak memberi keterangan kepada Adib atas dasar beliau orang Melaka. Dan mana tahu Adib juga mungkin orang yang ada minat dalam perkembangan yang ada itu.

Dari segi kelayakan beliau juga menasabah satu hari nanti jadi Ketua Menteri Melaka. Bukanakah keterangan orang-orang seperti ini akan memudahkan Datuk Hussein Onn membuat keputusan yang tepat dan cepat.

---

---

---

*Nota:*

*Semua pihak percaya bahawa En. Ghafar Babalah tenaga terpenting di belakang krisis politik di Melaka itu, tetapi dalam sepanjang pergolakan penyertaannya tidak ketara, malah semacam tidak ada jalan bagi mana-mana pihak juga untuk menyeretnya secara terbuka.*

*UMNO mengambil langkah mengecualikannya dengan tidak memberikan apa-apa kedudukan dalam badan-badan yang ditubuhkan bagi menyelesaikan krisis itu. En. Ghafar dengan ini tidak memegang*

*sebarang jawatan dalam UMNO Melaka. Hubungannya dengan negeri itu cuma menjadi anggota Parlimen.*

*Sebagai yang diramalkan di rencana ini, Adib Adam yang mempunyai hubungan langsung dengan Datuk Hussein Onn dan lain-lain pemimpin tertinggi UMNO menjadi Ketua Menteri Melaka yang baru bila krisis itu berakhir. Sesudah itu tidak ada lagi Ketua Menteri Melaka berhenti dengan digulingkan oleh UMNO.*

## ASRI AMBIL SEMUA TANGGUNGJAWAB

WATAN 7hb. Oktober, 1977.

DENGAN segala kemungkinan dan risiko, Datuk Asri mengambil segala tanggungjawab. Tanpa menghiraukan segala amaran dan ingatan dari kawan dan lawan, Datuk Asri berserah kepada Allah lalu berjaya mengajak penyokong-penyeokongnya dalam Jawatankuasa Agung PAS memecat keanggotaan Datuk Mohamed Nasir Menteri Besar Kelantan dari PAS.

Pemecatan itu tidak serta-merta melucutkan jawatan Menteri Besar Kelantan itu. Tetapi ia memberi jalan kepada anggota-anggota PAS di Dewan Undangan Negeri Kelantan untuk bertindak selanjutnya.

Adalah dirancangkan bahawa menjelang 15 Oktober ini (1977) satu undi tidak percaya kepada Menteri Besar itu akan dikemukakan. Dan pada hari itu nanti akan ditentukan apakah krisis PAS itu akan menjadi krisis Barisan Nasional pula?

Datuk Haji Mohamed Nasir diduga akan digulingkan kiranya 20 orang anggota PAS di Dewan itu meluluskan undi tidak percaya tadi.

Dan mengikut apa yang ternampak, jalan tidak ada bagi Datuk

Mohamed untuk mengelakkan diri dari undi tidak percaya itu.

Seperti yang pernah saya sebutkan dua minggu lalu bahawa budi bahasa UMNO sedang diperhatikan oleh PAS. Apakah mereka (UMNO) sudah mengetahui bahawa PAS selama ini belum pernah menentang apa juga yang dikemukakan oleh UMNO?

Budi bahasa UMNO ini sangat penting. Pendiriannya akan menentukan kedudukan politik masa depan. Apakah UMNO bertindak salah atau sebaliknya sedang diperhatikan.

PAS dan Datuk Asri sudah pun menyediakan diri untuk menghadapi apa saja kemungkinan bila keanggotaan Datuk Mohamed Nasir dipecat.

Pendapat dalam Jawatankuasa Agung PAS berbelah bagi tentang pemecatan itu. Datuk Asri adalah jelas mahukan pemecatan Hassan Adli, orang kedua dalam PAS dari awal lagi menentang pemecatan tetapi tidak berbuat apa-apa untuk menghalang langkah memecat tadi kecuali menyatakan tentangnya melalui akhbar-akhbar.

Sikap Hassan Adli sangat menarik perhatian. Beliau membuat kenyata-



Datuk Asri



Datuk Hj. Mohamed Nasir

an pertama di rumahnya di Bagan Datuk menyatakan betapa Datuk Mohamed Nasir tidak perlu dipecat. Kemudian diikuti oleh beberapa kenyataan dan ucapan yang memihak kepada Datuk Mohamed Nasir.

Kenyataan Hassan Adli berturut-turut itu boleh dikira sebagai langkah berperang dengan Datuk Asri dan anggota PAS Dewan Negeri Kelantan. Kalau bukan untuk tujuan berperang, maka apa perlunya Hassan Adli membuat kenyataan yang berturut-turut.

Adalah memadai sekadar membuat satu kenyataan, dan kemudian diikuti dengan kata-kata diplomatik yang boleh menenangkan suasana.

Saya kira, pemimpin-pemimpin berjiwa besar akan bersikap demikian kiranya dia mahu menyelesaikan krisis itu secara musyawarah. Tetapi pemimpin-pemimpin yang merasakan

jalan mesyuarat sudah tertutup, maka cara yang terbuka ialah melancarkan serangan yang bertubi-tubi seperti yang dilakukan oleh Hassan Adli menjelang mesyuarat Jawatankuasa Agung pada 26 September lalu.

Dan paling dramatik lagi ialah Hassan Adli menyambut ketibaan Datuk Mohamed Nasir di lapangan Terbang Subang sebelum mesyuarat itu.

Apa demonstrasi yang ditunjukkan oleh Hassan Adli?

Tetapi apakah langkah yang diam-bil oleh beliau dalam menghalang pemecatan itu dan mengapa pula beliau tidak mengambil bahagian dalam pertemuan yang turut memecat Datuk Mohamed Nasir beberapa hari kemudian.

Apakah benar ketenatan sepupunya di hospital Telok Anson (Teluk Intan) lebih besar dari mesyuarat

yang menentukan nasib dan masa depan PAS? Dan adakah beliau telah meninggalkan pendapat dan penderian terhadap perkara itu untuk ditimbangkan bersama oleh Jawatankuasa Agung?

Banyak pertanyaan yang perlu dijawab oleh Hassan Adli sebelum orang ramai dapat membuat kesimpulan tentang prinsip-prinsip perjuangan beliau.

Jawatankuasa Agung telah membuat keputusan memecat Menteri Besar Kelantan. Ia menimbulkan perpecahan awal kepada parti itu.

Orang yang hidupnya tidak bergantung kepada rezeki yang mungkin diperolehi dari berjuang dalam PAS seperti Ali Taib, lalu serta merta keluar dari PAS. Dia boleh berbuat demikian kerana dia hidup atas pendapatannya sebagai pensyarah di Universiti Malaya.

Tetapi orang-orang yang bergantung kepada rezeki dengan PAS tentulah tidak berani membuat sesuatu yang bercanggah dengan keputusan parti.

Kalau sudah sama-sama boleh rebah, maka mengapa tidak ada pihak muhu beralah?

Bagi Datuk Asri, logiknya adalah mudah. Membiarkan Datuk Mohamed Nasir dengan sepak terjangnya lambat laun akan merosakkan masa depan dan nama baiknya dalam politik.

Ada kemungkinan Datuk Mohamed Nasir akan memperoleh nama yang cemerlang kemudiannya tetapi



*Hassan Adli*

PAS dan Datuk Asri tidak akan gembiria.

Oleh itu Datuk Asri dikira terpaksa bertindak, biar sama-sama rebah.

Buat dewasa ini memang banyak orang yang memihak kepada Datuk Mohamed Nasir guna menentang Datuk Asri. Tetapi perpecahan tadi hanya merugikan pada satu masa. Ramai orang keluar parti, tetapi mereka akan rojok kembali bila Datuk Asri sekeluarga tidak lagi berkuasa.

Kalau atas dasar ramainya orang yang memihak kepada Datuk Mohamed Nasir, maka mendorongkannya menubuhkan parti baru, maka ia terpaksa ditimbangkan lagi.

Langkah yang baik ialah Datuk Mohamed Nasir menerima saja. Kalau muhu berpolitik, cubalah minta barang UMNO, dan menghabiskan khidmat sebagai wakil rakyat UMNO.

Kalau orang UMNO muhu menge-nang budi Datuk Nasir, kalau benar-

lah beliau seorang yang disokong oleh UMNO, maka namanya akan dicalonkan oleh UMNO dalam pilihanraya akan datang. Kalau tidak eloklah mengakhiri politik yang ada itu dengan menjadi anggota bebas yang menunggu hari bersara.

Sebermula maka apakah soal rumah tangga PAS itu hendak dijadikan juga masalah Barisan Nasional walau-pun kerajaan Kelantan juga satu unit dari Barisan Nasional, sedang diperhatikan.

Datuk Asri dari awal-awal lagi mengingatkan UMNO jangan campur tangan. Ini urusan PAS. Sama juga caranya PAS tidak campur tangan bila UMNO bertindak terhadap Datuk Harun Idris.

Tetapi Datuk Seri Dr. Mahathir yang pernah diberi oleh PAS platform di Kapar semasa beliau terpecat dari UMNO dulu menyatakan bahawa Barisan boleh membincangkannya kerana ia juga masalah Barisan.

Oleh itu cara mana Barisan muah mendekati masalah yang dihadapi oleh Datuk Asri seolah-olah tidak muah langsung UMNO melibatkan diri.

Sekarang adalah waktu untuk menguji kejujuran Barisan Nasional.

Apakah benar-benar ia tulus ikhlas dalam muafakat UMNO — PAS dalam mewujudkan Barisan dulu?

PAS sudah menunjukkan sokongannya dengan menelan semua perkara yang dibuat oleh UMNO termasuk penggulingan Tun Mustapha sebagai Ketua Menteri Sabah.

Dan sekarang adalah masanya pula PAS menghendaki kerjasama UMNO terutama dalam menegakkan maruahnya sebagai sebuah parti politik yang berkuasa di Kelantan di samping muah mempertahankan kekuasaan yang ada itu.

PAS mungkin ada berdepan dengan kelemahan. Begitu juga Datuk Asri. Ada kelebihannya.

Kalau Datuk Asri dapat berdiam dan menelan saja terhadap segala kelemahan Allahyarham Tun Razak dan kelemahan lain-lain pemimpin UMNO, maka apakah tidak munasabah UMNO mendiamkan pula kelebihan Datuk Asri?

Datuk Asri dalam kenyataannya di Batu Pahat telah membayangkan kesediannya untuk apa saja kiranya kerabat Barisan muah campur tangan dalam masalah itu.

Ertinya, Datuk Asri mungkin membawa PAS keluar dari Barisan Nasional kiranya Barisan terus bermain politik.

Dan siapakah yang rugi nanti kiranya PAS keluar dari Barisan?

Yang saya nampak antara yang rugi nanti ialah pecahnya perpaduan politik Melayu.

Pilihanraya Umum menjelang tiba, DAP memang sudah merancang untuk menawan Perak, Selangor, Pulau Pinang, Melaka dan Negeri Sembilan.

Beberapa cawangan DAP di Kelantan ikut ditubuhkan. Beberapa cawangan PAS di Kelantan pula ada yang dibubarkan.

Ini adalah tanda-tanda perpecahan

PAS.

Tetapi apakah ekoran dari perkembangan ini? Adakah wajar Datuk Mohamed menubuhkan sebuah parti baru? Parti baru boleh ditubuhkan. Tetapi apakah ia akan mendapat sambutan? Adakah penentang Datuk Asri yang terdiri dari Amalauddin Darus, Ahmad Fakaruddin dan Abu Bakar Hamzah akan bersatu tenaga? Bolehkah ia kemudiannya bercantum pula dengan Barisan Nasional? Atau apakah ia akan mati seperti matinya lain-lain parti yang tidak bertenaga dulu?

Datuk Mohamed Nasir, walaupun bersih, tetapi adalah sukar untuk memperolehi kuasa lagi. Kalau beliau membuat satu parti lagi, dia tidak akan berjaya menarik pengundi UMNO. Yang ditariknya cuma pengundi PAS.

Di Kelantan, majoriti PAS itu tidaklah sebesar mana dibandingkan dengan kekuatan UMNO. Kalau sudah pengundi PAS berpecah dengan pengikut Datuk Mohamed Nasir maka UMNO akan menjadi parti terbesar.

Oleh itu kekuasaan Datuk Mohamed Nasir yang hilang itu tidak mungkin diperolehi lagi. Walaupun Datuk Mohamed seorang yang baik, tetapi orang baik itu selalu menjadi makanaan orang cerdik.

Tetapi dalam masalah ini baik Datuk Asri maupun Datuk Mohamed Nasir, masing-masing tidak beroleh keuntungan. Atau dalam lain-lain perkataan akan sama-sama rebah.

Apakah hasrat DAP itu tidak mungkin tercapai kiranya orang PAS bertanding seperti dulu dan UMNO kembali bersama Perikatan.

Kemungkinan itu memang sudah pun terbayang dalam keadaan Barisan Nasional masih bersama PAS. Dan apalah yang diharapkan bila PAS sudah keluar nanti?

Datuk Asri sudah pun memberi amaran tentang hal ini dengan mengatakan yang beberapa buah negeri lagi akan menerima nasib seperti Pulau Pinang dalam tahun 1969 kira-kira PAS tidak bersama Barisan.

Apakah ini yang dikehendaki oleh UMNO dan apakah ini tidak dapat dilihat oleh pemimpin Barisan yang berada di belakang Datuk Mohamed Nasir itu.

Memang betullah Datuk Mohamed Nasir lebih bersih dari setengah pemimpin PAS dan UMNO. Tetapi dalam politik ini kadang-kadang orang bersih tidak dapat mempertahankan keselamatannya.

Walaupun kita tidak tertarik dengan perbuatan orang-orang yang kurang bersih, tetapi dalam politik, orang kurang bersih ini ada gunanya kepada negara.

Dalam masalah ini Barisan sedang diuji.

Dalam kalau UMNO terus mengancam Datuk Asri dan PAS, maka yang sulit nanti ialah Dr. Mahathir dan Tengku Razaleigh. Kelantan dan Kedah adalah tempat kuat PAS. Dr. Mahathir sendiri pernah dikalahkan oleh PAS.

Dan di Kelantan, Tengku Razaleigh harus terlebih dahulu berjuang dengan orang PAS.

Mungkin ketika ini PAS kurang baik namanya. Tapi kalau sudah perpecahan diatasi nanti, tentulah ia tidak menjanjikan kerusi selamat haji Tengku Razaleigh.

Oleh itu banyak sangat perkara yang kurang jelas dan masih mengelirukan dalam krisis politik di Kelantan. Betullah macam yang pernah dibayangkan oleh Tunku Abdul Rahman Putera bahawa krisis politik Kelantan jauh lebih serius dari krisis Melaka dan Perak.

---

*Nota: Barisan Nasional kemudiannya campur tangan dalam krisis Kelantan dengan memilih kepada Datuk Muhamad Nasir.*

*Datuk Mohamad Nasir yang terpecat dari PAS menubuhkan parti Islam baru – Berjasa. Ia tidak dapat menarik ahli-ahli UMNO, tetapi mula-mula berjaya menarik sokongan ahli-ahli PAS. Kerjasamanya dengan UMNO berjaya menumbangkan kerajaan PAS di Kelantan.*

*Tetapi UMNO tidak mengekalkannya sebagai Menteri Besar. Beliau dijadikan menteri kerajaan pusat mewakili Berjasa.*

*Rencana diatas menyangsikan keupayaan parti baru itu dan nampaknya terbukti kini Berjasa tidak mempunyai fungsi besar, dan Datuk Muhamad Nasir sendiri tidak berupaya untuk mengekalkan status wiranya di kalangan rakyat Kelantan.*

## YANG MEMUNGKINKAN DATUK NASIR TERPECAT

WATAN, 14hb. Oktober, 1977.

KALAULAH Haji Hassan Adli, Timbalan Presiden PAS hadir dan mengundi tidak memecat Datuk Mohamed Nasir dalam mesyuarat Jawatankuasa Agung PAS pada 29 September, 1977, maka sudah tentu usaha memecat itu gagal. Dengan itu krisis PAS yang lebih besar dapat dihindarkan.

Tetapi kerana Haji Hassan yang menjadi penentang penting pemecatan tidak hadir, maka timbul kekeliruan dalam pengiraan undi dan ia juga memaksa Datuk Asri yang menjadi pengurus menggunakan undinya dalam sidang yang silap teknik itu.

Sidang yang silap teknik itu telah memutuskan yang Datuk Nasir dipecat. Dan kerana teknik tadi silap, telah memberi kesempatan kumpulan anti-Nasir dalam Jawatankuasa Agung PAS untuk membetalukan teknik walaupun taktiknya tetap salah.

Pemecatan itu sudah boleh bertolak untuk satu jangka waktu yang panjang kalau Hassan Adli hadir.

Kerana dia tidak hadir, maka undi itu kurang jelas dan untuk menjelaskannya, maka puak anti-Nasir telah menggunakan peluang

memanggil pulang Datuk Abu Bakar Omar yang sepatutnya berada tiga bulan di New York dan beberapa orang lagi seperti Senator Salmah Hussein terpaksa pula mengubah sikap dari tidak menyetujui pemecatan kepada bersetuju.

Datuk Abu Bakar Omar terpaksa pulang serta merta untuk memberi undi memecat Datuk Mohamed Nasir. Dan beberapa orang yang dipilih menjadi ahli Jawatankuasa Agung atas pilihan Yang Dipertua terpaksa mengubah dari tidak bersetuju kepada bersetuju.

Ertinya kejadian 'salah teknik' yang cuba dibetulkan tekniknya, bukan sekadar membetalukan tekniknya, tapi juga untuk membetalukan taktik.

Tetapi dalam jangka panjangnya pembetaluan teknik itu adalah satu kesalahan taktik juga bagi PAS, sebuah parti Islam yang menyaangi pengaruh UMNO itu.

PAS sudah nampak hasil teknik itu sendiri telah membubarkan beberapa cawangan PAS. Sekurang-kurangnya seorang ahli Jawatankuasa Agung, Ustaz Ali Taib telah keluar dari parti. Beberapa orang peguam



*Antara anggota Jawatankuasa Agung PAS 1977*

lagi di Kelantan turut keluar parti.

Pemimpin-pemimpin PAS tentu sudah melihat bahawa cara mengundi dalam sidang salah teknik itu sendiri adalah lapan lawan lapan. Lapan yang menyokong Datuk Asri dan lapan yang menentang pemecatan itu dengan sendirinya sudah merupakan dua puak yang payah hendak dicantumkan semula kalau tidak ada satu faktor penyatu.

Faktor penyatu yang terbuka ialah menangguhkan soal pemecatan dengan menerima keputusan Dewan Ulamak yang menasihatkan supaya dibentuk satu badan penyiasatan.

Tetapi pemimpin-pemimpin PAS sudah tidak lagi dapat mendengar keputusan Dewan Ulamak malah Ketua Dewan Ulamak Haji Nik Aziz

sendiri tidak bebas untuk membuat keputusan.

Jadi apakah taktik dan teknik yang digunakan oleh kumpulan anti - Nasir itu?

Soal yang besar sekarang PAS sudah tidak dapat di satukan lagi di bawah Datuk Asri dan kubunya di Kelantan itupun belumlah dapat dipastikan boleh dipertahankan.

Kiranya UMNO mengambil langkah yang bertentangan dengan PAS dalam masalah ini, maka belumlah dapat dijamin perpaduan Barisan Nasional. Kalau perpaduan itu tidak dapat dijamin, maka belum juga dipastikan yang calon-calon PAS termasuk Datuk Asri sendiri boleh menang dalam pilihanraya itu.

Yang nyata bahawa pengundi di Kelantan sudah dapat dipesonakan oleh cerita baik dan bersih Datuk Mohamed Nasir yang kurang pandai berpolitik kalau dibandingkan dengan Datuk Asri dan Ishak Lotfi itu.

Pengundi yang menyokong UMNO memang tidak pernah berse-dia memberikan undi mereka kepada PAS.

Dan bila PAS sendiri sudah berpe-cah, maka jadilah undi-undi UMNO itu pehak majoriti.

UMNO sendiri memang serba sa-lah dalam masalah ini. PAS memang selama-lamanya berbudi kepada UM-NO untuk menjaga perpaduan Ba-risan. Tetapi apakah UMNO terga-mak pula tidak menyetujui langkah PAS yang sekali ini.

Memang teknik baru ini boleh menyulitkan UMNO dan ia juga ada-lah untuk menguji sejauh mana jujur-nya UMNO dengan sekutunya. Dan Datuk Asri pula memang pandai ber-main tekit dengan menyebut semua nama orang yang menentang dan menyokong dan juga yang berkecua-li.

Rakyat negara ini boleh dipesona-kan dengan keberanian Datuk Asri memberikan nama-nama itu untuk diketahui oleh rakyat. Rakyat dapat merasakan PAS parti yang berterus-terang.

Ia memberitahu semua yang dilaku-nya. Sedang UMNO, siapa memecat dan siapa menyokong Datuk Harun tidak pernah tersiar. Semua di-

rahsiakan.

Dari segi keikhlasan, ternampak satu macam ikhlas dari Datuk Asri dengan memberi segala nama-nama itu. Orang yang menyorok-nyorok se-suatu itu walaupun atas sebab taktik, semacam yang tidak ikhlas lagaknya.

Disinilah sekutunya UMNO, sudah disepit oleh PAS.

Tetapi UMNO yang terpaksa membuat sikap, apakah tergamak mengecewakan PAS? PAS memang menduga segala kemungkinan. PAS sanggup. Tetapi apakah akibatnya? PAS sendiri mungkin kalah di Kelan-tan. Dan PAS macam sudah-sudah tentulah tidak boleh menang di lain-lain tempat di luar Kelantan.

Habis, adakah UMNO pula yang menang di Kelantan? Boleh jadi demikian. Tetapi apakah dengan per-pecahan itu UMNO dapat memasti-kan yang kemenangan tahun 1974 itu boleh berulang dalam negeri-negeri lain pada ketika DAP yang bertambah menarik orang Melayu di Perak, Selangor dan Negeri Sembilan itu?

Semua risiko-risiko ini terpaksalah dipandang oleh semua pemimpin Melayu.

Datuk Asri memang sudah nekad. Kalau dia tidak dapat juga memecat Datuk Mohamad Nasir pada 26 Sep-tember, 29 September dan pada 10 Oktoper, nama baiknya sudah terce-mar. Walaupun dia cuba membersih-kan namanya melalui proses undang-undang, namun politik boleh mem-buat ketentuan sendiri tanpa meno-

lak keputusan undang-undang tadi.

Nama baik seseorang dalam politik dapat dijamin oleh proses undang-undang. Kalau sudah pergi ke Mahkamah, menang pun digossipkan dan kalahpun digossipkan juga.

Datuk Nasir terus membuat berbagai-bagai cerita yang boleh merosakan nama Datuk Asri. Dan Datuk Asri boleh binasa oleh cakap-cakap celupar penentang-penentangnya walaupun cakap-cakap itu kurang tinggi nilai politiknya.

Langkah yang jelas ialah dari Datuk Asri rebah sendiri, biarlah Datuk Nasir rebah sama. Dengan pemecatan keatas Datuk Nasir itu, maka boleh jalanlah Datuk Nasir dulu. Kemudian beberapa orang lagi boleh ikut jalan sama. Orang alim yang baik seperti Haji Nik Aziz terpaksa mengundi bersama Datuk Asri yang tidak setuju semangat keputusan Dewan Ulamak pada 9 Oktober yang menentang pemecatan Nasir.

Daeng Sanusi yang baik dan baru masuk politik terpaksa berkecuali ketika mengundi pada 10 Oktober. Beliau duduk dalam Dewan Ulamak dan bila mengundi tidak mengundi mengikut yang diputuskan oleh Dewan Ulamak.

Dan dengan ini juga, kalau PAS bertindak keluar dari Barisan beberapa orang ikut rebah kalau pemimpinnya terus juga Datuk Asri. Wakil rakyat PAS yang tunggal di Selangor, Melaka, Pahang, beberapa kerat wakil rakyat di Perak dan Perlis itu akan hilang kerusi bila berlangsung pilihanra-

ya kelak.

Hassan Adli yang dapat tempat di Bagan Datoh, tentulah terpaksa berlawan dulu dengan UMNO.

Ertinya, semua habis rebah, Habis, apakah yang patut dilakukan oleh PAS untuk menghadapi hari depannya?

Yang terbayang sekarang, beberapa buah cawangan akan bubar. Dan benar PAS beroleh banyak keuntungan dalam masa muafakat Barisan Nasional kerana orang-orang UMNO yang tak dapat tempat telah masuk PAS dan pergerakan mereka diterima oleh masyarakat atas anggapan bahawa PAS dan UMNO sekarang sudah sama-sama dalam Barisan.

Tetapi dengan Datuk Asri sebagai pemimpinnya, maka PAS akan berpecah. Yang di Kelantan berpecah dan yang di luar Kelantan pun berpecah.

Dulu PAS popular disebabkan oleh beberapa kelemahan UMNO dan orang-orang yang balik dari Mesir memberikan sokongan secara terbuka atau sulit kepada PAS. Mereka banyak menolong menaikkan imej PAS dengan semangat ingin melihat Islam dan syiarnya berkembang.

Tetapi sekarang orang-orang seperti Ali Talib dan beberapa orang intelektual kelulusan Islam dalam Jawatankuasa Agung sudah pun mula menentang pimpinan Datuk Asri. Orang-orang yang balik dari Mesir yang tidak masuk PAS tentulah mudah menerima logik memburuk-burukkan Asri yang dibuat oleh Ali Taib dan lain-lainnya.

Kalau PAS boleh bertukar pucuk pimpinan, maka ada kemungkinan perpaduan PAS boleh diperolehi semula. Orang-orang sarjana seperti Ali Taib dan sahabat-sahabatnya yang pulang dari Mesir boleh tolong memberi maklumat.

Orang ramai tentu tidak boleh memikirkan sangat soal siapa nak jadi pemimpin PAS yang baru. Jangan ditanya sangat. Dulu orang juga ragu-ragu dengan siapa nak ganti Tun Razak? Tetapi bil Tun Razak tiada, bukankah Datuk Hussein Onn sudah membuktikan yang beliau lebih baik dari Tun Razak?

Dan lain-lain pemimpin PAS yang tidak puas hati dengan Datuk Asri janganlah ikut cara Ali Taib yang tidak cekap politik itu. Apa Ali Taib

boleh buat untuk membaiki PAS dan membetulkan masyarakat Islam dengan keluar PAS. Bila keadaan sudah betul nanti, maka susah pula bagi Ali Taib nak masuk PAS semula.

Contohhilah Dr. Mahathir yang dipecat oleh UMNO dulu. Dia tak tujuh parti baru. Tapi dia bidas pemimpin-permimpin UMNO termasuk Tun Razak. Bila dia masuk balik dalam UMNO, bukankah dia akhirnya jadi pemimpin nombor dua. Esok jadi orang nombor satu. Macam itulah orang berpolitik.

Kalau tak setuju dengan Asri, diam dulu. Biarlah diketepikan. Nanti, ada masanya untuk tegak, terutama apabila Datuk Asri terpaksa bersara.

---

#### Nota:

*Pihak yang menentang pemecatan Datuk Mohamed Nasir kecundang, tetapi kemenangan Datuk Asri dan rakan-rakannya tidak pula membantunya menjadi tokoh PAS yang terbilang.*

*Pimpinannya terus tidak padu dan akhirnya beliau tersisih dari masyarakat partinya hingga beliau meletakkan jawatan Yang Dipertua Agung bulan Oktober 1982.*

*Apa yang dibayangkan oleh rencana di atas tentang nasib penyokong-penyokong Datuk Asri nampaknya tepat. Cuma Haji Nik Aziz yang menarik sokongan kepada Datuk Asri kekal dalam PAS dan muncul sebagai tenaga terpenting sesudah zaman Asri berakhir. Sekalian anggota Jawatankuasa Agung PAS yang menyokong memecat Datuk Mohamed Nasir sudah tidak lagi berada dalam PAS.*

## KUASA RAKYAT DAN KUASA WAKIL RAKYAT

WATAN 21hb. Oktober, 1977.

MULAI hari Sabtu (15 Oktober, 1977) lalu nampaknya suasana politik negara ini berada dalam tangan Datuk Asri, pemimpin PAS yang mulai dipertikai oleh setengah pengikut-pengikutnya.

Selepas dari Mahkamah Tinggi Kota Bharu memutuskan yang Datuk Mohamad Nasir tetap sah sebagai ahli PAS walaupun PAS telah membentulkan teknik pemecatannya namun nampaknya segala-galanya berlaku seperti yang dikehendaki oleh Datuk Asri.

Datuk Asri menjadi perhatian dan dia muncul sebagai jurucakap politik yang sangat menarik.

Yang pertama sekali ialah langkahnya yang akhir-akhir ini mengemukakan saman malu kepada hampir semua akhbar yang membawa berita buruk bagi pihaknya. Dengan samannya itu menyebabkan orang terpesona juga sebentar.

Yang lebih besar dari itu ialah dia mahukan Datuk Mohamed Nasir digulingkan. Dan sudahpun Menteri Besar Kelantan itu dihadapkan dengan satu undi tidak percaya.

Orang pada mula-mulanya hendak melihat bagaimana Datuk Asri dan

PAS boleh selamat bila berhadapan dengan Datuk Hussein Onn dan ahli-ahli Dewan Undangan UMNO Kelantan bila undi tidak percaya dikemukakan.

Nampaknya segala-galanya berjalan baik walaupun di luar Dewan berpuluhan-puluhan ribu manusia yang terpesona dengan Datuk Mohamed Nasir menunggu dan menjulang pemimpin terbilang yang terbuang itu.

Ahli-ahli UMNO yang 13 dan MCA yang tunggal diikuti oleh Datuk Mohamad Nasir keluar sidang bila perkara itu dikemukakan. Walaupun mereka keluar proses penggulingan MB itu tidak tertahan.

Tidak siapa dapat menyekat Dewan itu meluluskan juga undi tidak percaya kepada wakil PAS yang mendapat restu Allahyarham Tun Razak untuk menjadi Menteri Besar tiga tahun lalu.

UMNO cuba menunjukkan bantahan dengan cara keluar Dewan tetapi politik Datuk Asri berjalan walaupun dia terkilan atas sikap dan budi bahasa UMNO tadi.

Di luar Dewan beribu-ribu manusia — rakyat mendukung Datuk Mo-

hamed Nasir yang tidak mendapat sokongan majoriti dari anggota Dewan. Tetapi pengundi-pengundi dan orang-orang yang belum layak mengundi yang memuji Datuk Mohamed Nasir itu tidak mempunyai apa-apa hak dalam menentukan pemilihan seorang Menteri Besar.

Mereka cuma berhak untuk memilih Wakil Rakyat, tetapi tidak punya suara untuk memilih Menteri Besar. Yang berhak memilih Menteri Besar ialah Wakil Rakyat.

Oleh itu pengundi-pengundi dan rakyat yang tak boleh mengundi tidak dapat menyekat wakil-wakil rakyat PAS untuk menjalankan hak yang sesuai dengan pemberian mandat rakyat tahun 1974 dulu.

Oleh itu UMNO tidak boleh buat apa-apa bila Datuk Asri mahu bertegas dalam perkara itu. Dan kejadian sekarang krisis politik Kelantan itu tentu tidak akan berlaku kalau dari dulu lagi Datuk Asri dan PASnya sudah bertegas.

Dulu Datuk Asri agak tidak tegas bila memilih Wan Ismail Ibrahim untuk menjadi Menteri Besar. Bila Allahyarham Tun Razak atas nasihat Datuk Abdullah Ahmad tidak mahukan Wan Ismail dan digantikan dengan Datuk Mohamed Nasir, Datuk Asri tidak menunjukkan ketegasan bahawa PAS sudah memutuskan Wan Ismail, dan ia terpaksa diterima sama ada suka atau tidak.

Kerana tidak mahu bertegas dengan Allahyarham Tun Razak dulu itulah, maka Datuk Mohamed Nasir,

objek kompromi itu terpaksa menghadapi segala akibatnya.

Akibatnya tadi ialah kerana PAS tidak berani bertegas dengan Tun Razak, maka PAS menerima atau mengalah untuk menerima Datuk Mohamed Nasir. Tetapi PAS pada ketika yang sama menarik kuasa politik dari tangan seorang Menteri Besar sehingga MB itu kemudiannya merasakan dirinya seorang yang terpisah dari anggota partinya sendiri.

Sebagai Menteri Besar yang tidak ada kuasa politik, maka dia hendak mencari kekuatan. Bila PAS bermain politik yang lebih licin, maka terpeayalah Menteri Besar kesayangan rakyat yang tidak ada senjata politik di tangan.

Pada mulanya orang merasakan Barisan Nasional tidak begitu bermakna bila UMNO tidak bekerjasama dengan PAS. PAS mungkin terpisah dengan Barisan bila UMNO tidak menghormati keputusannya, sedang selama ini PAS menerima dan menelegan saja apa yang dilakukan oleh UMNO hatta perkara itu tidak disenangi sendiri oleh PAS.

Sebelum ini ada tanda-tanda yang UMNO tidak sedia bekerjasama dengan PAS kalau Menteri Besarnya seorang yang lain dari Datuk Mohamed Nasir. Betapa benarnya cakap itu tidak dipastikan tetapi ia tidaklah mudah untuk ditolak begitu saja.

Perhatian sepanjang minggu lalu banyak berkisar sejauh mana BN dapat dipertahankan bila pengundian diteruskan juga dan nantinya UMNO

dan PAS tak sekata.

Tetapi segala keraguan itu mudah saja dimatikan oleh Datuk Asri bila setibanya ke Kelantan sehari setelah undi tidak percaya tadi diluluskan lalu beliau berkata, bahawa Kerajaan Barisan Nasional Kelantan tetap boleh diteruskan walaupun UMNO tidak ikut serta.

Lalu beliau memberi contoh betapa Kerajaan Sabah masih menjadi Kerajaan Barisan Nasional walaupun USNO tidak ikut serta dalam kerajaan Berjaya itu.

Dan Kerajaan Barisan di Sabah yang ada itu adalah atas rencana dan apa yang diajukan oleh ahli-ahli fikir UMNO sendiri. Benar perkara itu tidak pernah diputuskan oleh UMNO, tetapi yang membolehkan Kerajaan Berjaya tetap di terima sebagai Kerajaan Barisan adalah atas dorongan buah fikiran ahli UMNO sendiri.

Datuk Asri walaupun tak tinggi sekolahnya, adalah cekap meniru dari contoh-contoh politik yang sudah berlaku. Memanglah Datuk Asri seorang yang sangat pandai belajar dari keadaan dan perkembangan sekitar dan mudah saja baginya berdalih kepada benda yang UMNO pernah cipta.

Datuk Asri telah dari awal-awal lagi memberitahu bahawa masalah itu adalah bukan masalah Barisan. UMNO jangan campur tangan kerana selama ini PAS tak campur dalam masalah dan rumah tangga UMNO.

Tetapi UMNO nak campur juga kerana perkara itu melibatkan Ba-

risan. Rupanya UMNO tak sedar yang Datuk Asri punya daun terup yang orang lain tak nampak.

Sekarang PAS menunggu masa saja untuk membentuk kerajaannya. Kalau UMNO mahu ikut, ikutlah. Dan kalau tak mahu ikut pun, tak apalah kerana kalau Sabah boleh buat Kerajaan Barisan satu parti, mengapa Kelantan tak boleh.

Tetapi bagaimana pula UMNO nak meminta supaya ia boleh serta sedang bila PAS mengemukakan undi tak percaya, ia tak ikut serta. Kata Datuk Asri, kalaupun tak sokong berkecuali pun cukuplah. Ini, UMNO mengambil sikap menentang. Datuk Asri terus bersuara bahawa yang susahnya untuk menerangkan tujuan dan matlamat Barisan ini ialah kerana beliau sajalah antara orang yang merancangnya yang masih ada lagi. Perancangan lain iaitu Tun Razak dan Tun Dr. Ismail semuanya sudah tidak ada.

Ertinya, orang-orang yang mewarisi pimpinan UMNO sekarang adalah orang-orang yang tidak bertanggungjawab dalam merancang perkara itu dulu. Datuk Hussein Onn, Dr. Mahathir dan Tengku Razaleigh adalah orang baru dan mereka tidak tahu apa yang pernah dibisikkan oleh Tun Razak dan Tun Dr. Ismail kepada Datuk Asri.

Oleh itu kalaualah Tun Razak dan Tun Dr. Ismail masih ada, tentulah UMNO tidak akan tergamak menentang PAS atau Datuk Nasir mungkin tidak akan berdepan dengan hal-hal yang boleh mendorongkannya terpe-

cat.

Bagaimanapun datuk Asri terus menepuk dada bahawa PAS dan dirinya tetap mahu kuan Barisan kerana dia tidak akan bimbang dengan nasib orang PAS di Kelantan, Trengganu dan Kedah.

Kalau berpecah sekarang, PAS tetap mendapat sokongan di tempat-tempat itu. Kalau PAS kalah misalnya, UMNO boleh naik, atau sebaliknya. Tetapi tetap orang Melayu akan memerintah. Tetapi lain-lain negeri yang DAP mulai bertapak bagaimana?

Datuk Asri pun bertanya, 'Mahu jadi macam Pulau Pinang dan Singapura? Macam mana nak menjawabnya? Dan tidak pula boleh disangkal saja keyakinan Datuk Asri itu.

Sekarang Datuk Mohamed Nasir menyembahkan kepada Pemangku Raja supaya dibubarkan Dewan Undangan Negeri bagi membolehkan satu pilihanraya baru.

Tetapi pilihanraya ini tidaklah semudah itu hendak diadakan. Selain dari tempohnya belum berakhir, ada kumpulan dalam Dewan Undangan yang mendapat sokongan majoriti. Sebuah Dewan seperti itu boleh dibubarkan walaupun tempohnya belum tiba dengan syarat tidak ada lagi mana-mana pihak yang boleh mendapat sokongan majoriti.

Pemangku Raja boleh membubar-kannya kiranya ia difikirkan menasabah. Tetapi apakah alasan yang hendak diberi nanti sudah cukup menasabah?

Mengikut perkembangan yang ada, tidak ada sebab Dewan itu hendak dibubarkan. Anggota PAS dalam Dewan Negeri masih 22 orang termasuk Datuk Nasir yang pemecatannya tidak sah itu. Oleh itu kumpulan ini boleh mendapat sokongan majoriti walaupun nama mereka sudah tercemar.

Bagaimanapun Datuk Mohamed Nasir tidaklah boleh menunggu lama sangat untuk meletakkan jawatan kerana beliau tidak lagi mendapat sokongan majoriti dari anggota Dewan. Mengikut sepatah kata Datuk Hussein Onn kepada ahli-ahli UMNO beberapa ketika dulu, seorang pemimpin yang sudah tidak popular, elok-lah mengundur diri secara terhormat.

Walaupun Datuk Mohamed Nasir itu orang baik tetapi teknik sudah tidak membenarkan lagi dia duduk lebih lama sebagai MB. Berundur saja lah dan fikirlah apa yang patut untuk menyambung khidmat.

Dan setakat ini nampaknya Datuk Asri berhadapan pula dengan penentang-penentangnya dalam PAS iaitu terdiri dari orang-orang yang ada dalam Jawatankuasa Agung yang tidak bersetuju dengannya dalam issue Datuk Mohamed Nasir itu.

Ada ramalan-ramalan yang merasakan mereka akan berpecah. Tetapi Datuk Asri hendak memanggil muktamar khas partinya. Dalam sidang itu nanti Datuk Asri mungkin tidak memerlukan masa untuk menghuraikan soal Datuk Nasir yang sudah berlalu. Tetapi mungkin memesongkan

hujah tentang UMNO yang tidak memberikan sokongan dan kerjasama.

Dan rasanya perhatian sedang diberikan apakah Datuk Asri akan berjaya mematikan imej Haji Hassan Adli, Baharuddin Latif, Ali Taib dan beberapa orang lagi yang sangat tidak senang dengan pimpinan Asri sekarang. Rasanya, berdasarkan arus

minggu ini, Asri mungkin beroleh kemenangan.

Setakat pusingan ini nampaknya dia menang. Minggu lalu dia kalah. Dan minggu depan belum tahu. Politik ada kalah menang dan macam air ada pasang surut. Yang nyata setakat ini Datuk Mohamed Nasir sudah rebah. Datuk Asri belum rebah.

---

*Nota: Moral politik Datuk Asri agak tinggi kerana beliau dapat menggulingkan Datuk Muhamad Nasir sebagai Menteri Besar Kelantan melalui cara-cara yang dibenarkan oleh demokrasi.*

*Tetapi kejayaan itu sesungguhnya mengakhiri kuasa PAS di Kelantan yang ditegakkannya sejak tahun 1959 duju.*

*Pemangku Raja Kelantan tidak berkenan mengangkat seorang dari ADUN PAS yang 20 orang itu bagi menjadi Menteri Besar. PAS menguasai majoriti tetapi hak itu tidak dihormati.*

*Berikutnya Parlimen meluluskan undang-undang darurat bagi Kelantan dan mengambil alih pentadbiran negeri itu. Datuk Mohamad Nasir dilantik menjadi Menteri Besar yang tak ada kuasa dalam kerajaan ala Mageran pula.*

## DATUK NASIR PULA BERMAIN POLITIK

WATAN, 28hb. Oktober, 1977

LANGKAH menguatkuasakan undang-undang berkurung dibeberapa kawasan di Kelantan adalah tindakan yang sangat baik bagi mencegah kejadian yang lebih buruk berlaku akibat perselisihan politik antara PAS dan Datuk Mohamed Nasir dan antara PAS dan UMNO di Kelantan.

Kejadian buruk — rusuhan dan menggempur rumah wakil rakyat PAS tentunya tidak akan berlaku kiranya Datuk Mohamed Nasir segera meletakkan jawatan dari Menteri Besar dan orang-orang UMNO dapat menerima segala sengketa itu adalah masalah PAS dan biar PAS menyelesaikannya.

Kisah penggulingan Datuk Mohamed Nasir sebenarnya sudah berakhir. Dia sudah menerima undi tidak percaya dari anggota Dewan Undangan Negeri Kelantan. Sepatutnya beliau hendaklah secara terhormat menyerah jawatan itu kepada orang lain sebagai menghormati semangat demokrasi berparlimen yang menjadi pegangan negara sekarang.

Sebenarnya kita harus punya sistem yang mesti dipatuhi oleh semua pihak. Dalam politik umpamanya ki-

ta berpegang kepada demokrasi berparlimen sesuai dengan semangat Rukun Negara. Sama ada suka atau tidak, hal ini hendaklah diikuti supaya kita tidak terkeluar dari amalan yang sepatutnya.

Dalam peraturan biasa kiranya seorang itu melakukan kesalahan jenayah, hadapkan dia ke mahkamah. Hukum dia mengikut undang-undang yang dijunjung.

Kalau seorang ahli politik menyeleweng, hukum dia mengikut hukuman yang ditentukan oleh politik itu sendiri.

Dan bila Datuk Mohamed Nasir sudah dihukum oleh anggota-anggota partinya, sepatutnya orang-orang dalam parti itu sendirilah yang harus berbalah, bukan orang dari luar parti itu yang patut campur tangan.

Merandangkan kepada perkembangan awal krisis ini, PAS boleh berpecah atas issue Datuk Mohamed Nasir ini. Sebagai bukti dapat kita lihat dari sindir menyindir antara pemimpin-pemimpin tertinggi PAS berhubung dengan pemecatan Datuk Mohamed Nasir dulu. Ali Taib keluar parti dan mencabar Datuk Asri,

Datuk Nasir tiba di Subang disambut oleh Haji Hassan Adli.

Ini semua bayangan bahawa PAS boleh berlaga sesama sendiri kiranya Datuk Asri hendak meneruskan juga rancangan pemecatan itu.

Itulah sebabnya beberapa rencana berhubung dengan krisis Kelantan itu saya banyak membuat rencana yang tidak menyenangkan Datuk Asri.

Tetapi apabila orang luar PAS seperti UMNO dan pemuda-pemuda yang belum berparti campur tangan, maka suasana krisis itu sudah berubah, dan dalam rencana saya yang lalu, saya terpaksa menegakkan kedudukan Datuk Asri.

Dalam keadaan sekarang PAS dan Datuk Asri berada pada pihak yang betul. PAS tidak betul ketika keputusan belum diambil, iaitu ia tidak memberi kuasa politik kepada Menteri Besarnya sendiri yang diterimanya atas dasar tolakansur dengan Allahyarham Tun Razak itu.

Tetapi setelah keputusan diambil, ia adalah masalah PAS dan lain-lain terpaksa terima melaikan sengaja menempah kekacauan.

PAS sekarang tentu tidak dapat lagi menimbangkan kedudukan Datuk Mohamed Nasir kerana akhir-akhir ini beliau mengeluarkan kenyataan-kenyataan terbuka yang memburukkan PAS, partinya sendiri.

Dalam masalah ini Datuk Nasir boleh menentang pemimpin parti seperti Datuk Asri, tetapi tidak boleh mencemarkan nama baik parti. Beliau sepatutnya menerima secara ter-

hormat segala yang telah diputuskan oleh partinya.

Ini bezanya beliau dengan Datuk Harun Idris yang dipecat dari UMNO setahun lalu. Datuk Harun tidak pernah menyelar UMNO dan dalam ucapan-ucapannya beliau menyeru ahli-ahli UMNO menyokong Tun Razak dan sekarang terus menyokong Datuk Hussein Onn.

Beliau tidak teragak-agak untuk menyatakan sokongan tidak berbelah baginya kepada UMNO dan pemimpin-pemimpinnya secara terbuka walaupun anasir-anasir itu telah mengancam kehidupan dan maruahnya.

Datuk Harun ketika digulingkan dari Menteri Besar Selangor tidak meminta supaya pilihanraya baru diadakan dan bila ada suara seperti itu orang-orang UMNO merasakan tidak perlu. Tunggu hingga tiba tempohnya. Secara terhormat beliau mengundurkan diri. Pada hal kecilkah pengaruhnya ketika itu.

Dan Datuk Asri sendiri yang tertarik dengan politik Datuk Harun itu tidak pula membawa PAS mencampuri krisis UMNO itu, PAS membiarkan UMNO menyelesaikan masalahnya sendiri.

PAS juga tidak campur dalam krisis-krisis UMNO yang lainnya kerana itu adalah masalah UMNO sendiri. PAS memainkan politik gentlemen dan mahu menghormati perasaan kerabatnya dalam Barisan.

Tetapi bila PAS menghadapi krisis di Kelantan, atas alasan apa Hussein Ahmad, Whip UMNO di Dewan Un-

dangan Negeri Kelantan mengeluarkan kenyataan yang mempertikaikan keputusan PAS dan sekarang tidak mahu pula menerima Menteri Besar lain selain dari Datuk Mohamed Nasir.

Kiranya amalan UMNO ini dibernarkan berlaku, apa nanti kalau PAS di Trengganu tidak menerima Datuk Wan Mokhtar menjadi Menteri Besar? Bagaimana kalau PAS Kedah tidak mahu Datuk Seri Syed Ahmad Shahbuddin terus menjadi Menteri Besar?

Kalau UMNO tidak gentleman, maka lain-lain pihak juga boleh tidak gentleman dalam soal ini.

UMNO sekarang terlibat dalam krisis ini. Kalau ia ikhlas ia mesti mengutuk langkah rusuhan dan segala perbuatan yang boleh mencemaskan keadaan di Kelantan sekarang.

Tunjuk perasaan yang ramai menyokong Datuk Nasir tidak dapat dijadikan ukuran bahawa beliau mendapat sokongan rakyat secara hakiki. Kalau tunjuk perasaan itu dijadikan ukuran, mengapa kita tidak melucutkan jawatan Datuk Seri Ahmad Shahbuddin sesudah melihat rakyat Baling dan beberapa tempat lagi di Kedah menunjuk perasaan dulu?

Tunjuk perasaan Baling, kemudian diikut ke Selama Perak, Pulau Pinang dan Kuala Lumpur dulu ditujukan kepada Barisan Nasional dan pemimpin-pemimpinnya. Ia menarik perhatian umum dan memang pada umumnya tunjuk perasaan itu mendapat

simpati. Tetapi apakah menasabah kerana itu saja maka Tun Razak mestinya meletakkan jawatan?

Kalau pilhanraya yang dikehendaki oleh penunjuk-penunjuk perasaan itu diadakan, maka tidaklah mungkin ini menjadi obligasi pula kepada Raja-raja Melayu untuk menunaikan lain-lain tunjuk perasaan yang berkehendakkan perkara yang sama?

Apakah yang menghalang pentingnya Barisan di Perak untuk meminta mansuhkan Dewan Undangan Negeri Perak? Dan apa pula yang menghalang PAS di Trengganu kalau ia mahu mansuhkan Dewan Undangan Negeri Trengganu?

Boleh jadi Datuk Mohamed Nasir begitu popular dan boleh memenangi pilhanraya yang dikehendaki itu. Tetapi selepas beliau menang, bagaimana kalau PAS yang menentangnya berjaya mengumpulkan 100,000 orang dan menunjuk perasaan minta Datuk Nasir berhenti. Apakah yang dapat kita lakukan?

Itulah sebabnya pendapat mob tidak boleh dijadikan ukuran untuk membuang dan menegakkan kerajaan.

Badan Bertindak Rakyat Kelantan boleh menimbulkan soal tanah dan beberapa penyelewengan lagi. Itu adalah issue popular. Tetapi apakah menasabah UMNO harus mengambil kesempatan untuk memburuk-burukkan kerajaan PAS Kelantan?

Memang menasabah perkara pinang itu dipertikaikan. Tetapi apa-

kah UMNO akan menyokong juga bila ada Badan Bertindak Rakyat Pahang mempertikaikan soal Rompin – Endau yang sangat menarik perhatian itu. Bagaimana kalau ia ditimbulkan untuk menggulingkan pula kerajaan Barisan diPahang?

Perkara macam ini banyak. Nanti UMNO tak terdaya untuk menghadapinya. Perkara macam ini bukan perlukan bukti. Asal ada angin beritiup, tunjuk perasaan pun boleh saja diadakan.

UMNO Kelantan pimpinan Tengku Razaleigh harus menjawab satu persatu atas segala persoalan ini dan tunjukkan dimana bijaknya ia bermain politik terhadap sekutunya PAS itu.

Dan apakah untung dan ruginya kalau PAS ada didalam Barisan dikaji pada keperluan seluruh negara?

Dan dalam masalah ini, saya sangat kagum dengan langkah PAS yang tidak mengambil apa-apa langkah liar untuk hadapi segala pancaroba sekarang.

Orang mengadakan tunjuk perasaan, ia diam. Orang membakar patung Datuk Asri, ia diam. Orang memballing batu ke rumah wakil-wakil rakyatnya ia diam.

Apakah untungnya penyokong Badan Bertindak Rakyat Kelantan bila hal serupa itu berlaku? Hussein Ahmad cuba jawab dan huraikan kepada umum.

Datuk Senu Abdul Rahman, Setiausaha Agung UMNO patut boleh jawab terhadap perkembangan ini. Sekretariat UMNO di Kuala Lumpur patut melupakan segala manfaat yang hendak didapatkan dari kejatuhan PAS di Kelantan sekarang.

Kalau PAS nak jatuh biarlah ia jatuh sendiri. Biar orang PAS berkelahi sesama sendiri untuk mempertahanan Datuk Asri dan Datuk Mohamed Nasir. Mereka memang sudah mula bergocoh.

Tetapi kerana UMNO tidak mahu menunjukkan keikhlasannya, walau-pun PAS sepanjang ini menelan saja segala perbuatan UMNO, maka PAS sekarang mulai bersatu.

Sekretariat UMNO di Kuala Lumpur sila jawab, yang mana lebih penting bagi Barisan Nasional antara Datuk Mohamed Nasir seorang atau PAS?

Datuk Musa Hitam yang tak terlibat dalam krisis ini tentulah tak perlu jawab. Tetapi Datuk Seri Dr. Mahathir dan Tengku Razaleigh terpaksalah jawab.

Kita patut mengajar rakyat menghormati demokrasi berparlimen yang ditegakkan oleh UMNO sejak 20 tahun ini. Iaitu menghormati suara majoriti dan gentleman. Kalau UMNO mengajar rakyat jangan patuh kepada keputusan Dewan, maka bagaimana nanti orang dapat menghormati parlimen kita?

*Nota:*

*Sokongan rakyat Kelantan terhadap Datuk Mohamad Nasir adalah bersifat sementara iaitu sepanjang tindak tanduknya boleh menguntungkan UMNO. Terbukti kemudiannya beliau sendiri terpencil. UMNO tidak mengekalkannya sebagai Menteri Besar.*

*Pada peringkat ini UMNO memilih Datuk Mohamad Nasir yang seorang itu dan menolak PAS yang ramai*

*pengikut. Hanya sesudah Datuk Seri Dr Mahathir menjadi Perdana Menteri baru beliau merasa perlu kepada PAS yang ramai penyokong, tetapi PAS ketika itu lain dari PAS tahun 1977.*

*Beberapa kali beliau membuat kenyataan terbuka mempelawa PAS bekerjasama, tetapi tidak ada sebarang komen dari PAS.*

## PAS TOLAK FORMULA MAHATHIR

WATAN, 4hb. November, 1977.

KALAULAH Kelantan yang krisis itu diibaratkan sebagai gelanggang tiri, maka minggu ini adalah pusingan untuk Datuk Asri lagi dan Datuk Asri pula nampaknya nak jadi macam Mohamad Alinya.

Orang tertanya-tanya adakah dia akan menang atau kalah? Dan kalau menang adakah menang dengan kiran mata atau pukulan KO atau TKO? Tetapi nampaknya Datuk Asri di depan lagi dalam perlawanan politik sepanjang dua tiga minggu terakhir ini.

Yang paling nekad sekali yang dilakukan oleh Datuk Asri dan orang-orangnya yang 20 di Kelantan ialah menolak 'Formula Mahathir'.

Sudahlah PAS selama ini mendengar saja, dan untuk memilih Menteri Besar pun tak boleh. Macamlah PAS itu tak pandai pada anggapan pemimpin Barisan Nasional.

Sekarang sesudah sekian lama krisis itu PAS menyatakan berterus-te-rang bahawa formula Timbalan Perdana Menteri yang mahukan semua EXCO Kelantan pimpinan Datuk Mohamed Nasir meletakkan jawatan, dan digantikan dengan orang-orang

baru dengan Menteri Besar seorang yang ditunjuk oleh UMNO.

Mengikut formula itu Datuk Mohamed Nasir sudah tidak dipertahankan lagi. Dan segala kekecohan selama ini adalah untuk mempertahankan kedudukan Datuk Mohamed Nasir yang bersih dan baik itu.

Kalau sudah beliau tidak nak dipertahankan, buat apalah susah-susah dan hampir nak beramuk sama sendiri?

Dan satu lagi kandungan formula itu ialah mahukan adanya kerajaan yang ditadbirkan oleh satu badan ala Mageran yang bererti menggantung perlombagaan.

Saya tidak tertarik langsung dengan hujah bahawa kerajaan ala Mageran itu baik sepanjang ia dibuat untuk tujuan pembangunan.

Inilah modal baru dalam politik moden ini bahawa puak-puak yang hendak mengekalkan kekuasaan memberikan alasan betapa pembangunan itu ditonjolkan ke muka walaupun ia terpaksa menggantung perlombagaan dan mengenepikan demokrasi.

Dalam masalah ini, walaupun yang ditonjolkan adalah pembangunan, tetapi yang utamanya, ini boleh mengekalkan kekuasaan puak tertentu. Dan dengan demikian demokrasi diketepikan. Tetapi apakah jaminan bahawa seorang yang hendak mengekalkan kekuasaan itu boleh pula mengembalikan demokrasi kemudian apabila pembangunannya gagal.

Dan apa pula jaminan yang pembangunan tadi boleh terlaksana dan rasuah tidak menjadi-jadi dalam keadaan perlombagaan digantung? Dan apakah jaminan yang pembangunan terlaksana dalam demokrasi diketepikan.

Bila perlombagaan dan demokrasi diketepikan, apakah peluang rakyat untuk mempertikaikan kerajaan itu bila pembangunannya gagal?

Kerajaan yang mengenepikan demokrasi untuk tujuan pembangunan ialah kerajaan yang berlaku di Soviet. Bukankah itu contoh yang baik?

Tetapi yang dipilih oleh rakyat ialah kerajaan yang mengutamakan pembangunan tetapi tidak mengenepikan demokrasi dan tidak menggantung perlombagaan.

Perkara ini boleh dibuat kiranya UMNO menghormati bahawa PAS Kelantan itu adalah saudaranya dalam Barisan Nasional dan bukan adik tirinya.

Saya terlalu tidak tertarik dengan Tengku Razaleigh Hamzah yang menyatakan bahawa sikap yang diambil oleh UMNO dalam krisis ini adalah sebagai menyatakan bahawa

UMNO ada perjuangannya sendiri.

Memang benar tiap-tiap parti politik ada perjuangannya sendiri. Tetapi adakah wajar bagi seorang pemimpin dalam Barisan Nasional bercakap demikian dalam kontek yang ada hubungannya dengan konsep kerjasama Barisan Nasional.

Dan bagaimana dalam pilihanraya kecil di Johor yang akan datang ini PAS Johor menyatakan bahawa PAS ada perjuangan sendiri lalu tidak menghiraukan calon Barisan Nasional?

Bagitu juga dalam soal bahasa yang ditimbulkan oleh Tunku Abdul Rahman sekarang yang sangat menarik DAP, dan dalam suara yang mahuhan supaya Dasar Pelajaran Kebangsaan dikaji semula yang tentunya tidak menarik perhatian Barisan Nasional.

Issue ini adalah sangat menarik hati MCA dan Gerakan. Apakah Barisan dapat buat kalau MCA dan Gerakan nantinya menyatakan yang mereka ada perjuangan sendiri lalu tidak menghiraukan apa yang Barisan mahu buat?

MCA dan Gerakan yang bersikap demikian adalah untuk mencontohi cara yang diungkapkan oleh Tengku Razaleigh dalam menghadapi krisis dengan PAS di Kelantan tadi.

Bukankah susah dibuatnya?

Dan antara yang saya paling tidak faham ialah dengan pandangan Setiausaha Agung UMNO yang dibuat atas sifat peribadinya menyatakan bahawa menasabah diadakan pilihanraya

di Kelantan bagi menyelesaikan keadaan yang ada.

Beliau mencadangkan supaya ahli-ahli UMNO dan PAS dalam Dewan Undangan Negeri meletakkan jawatan bagi membolehkan hal ini dibuat.

Pandangan itu baik, tetapi Setiausaha Agung UMNO itu tidak harus membuat pandangan begitu baik pun ia atas nama peribadi. Cadangan itu bererti mengenepikan beberapa hal kebiasaan seperti adanya golongan majoriti di Dewan dan masih adanya lagi tempoh penggal yang belum berakhir.

Kiranya ini dilakukan nanti sulit bagi UNO yang memerintah untuk tidak membuat beberapa pilihanraya lagi bila keadaan seperti ini timbul. Jangan cipta contoh.

Tetapi satu yang saya nak tanya Setiausaha Agung UMNO itu apakah beliau sangat arif dengan keadaan keselamatan pilihanraya itu nanti sedang kita tahu perasaan sensitif orang-orang Kelantan.

Kelantan baru saja lepas dari tunjuk perasaan. Baru saja dalam alam undang-undang berkurung. Rusuhan yang baru itu sudah cukup untuk mengancam keselamatan.

Dan kalau pilihanraya diadakan pada masa ini, adakah mudah bagi tiap-tiap pihak untuk mengadakan kempen dengan aman. Apakah yang menghalang orang dari membaling batu dan apakah yang menghalang orang berkelahi dan bertumbuk sana sendiri?

Hal macam ini boleh berlaku dalam bila-bila pilihanraya juga. Hal ini belum dapat dijamin tidak berlaku dilain masa. Tetapi masa ini panas. Apakah menasabah pilihanraya dia-dakan juga.

Kalau pilihanraya ini tidak mahu memberi PAS bertanding dan diam saja di rumah macam yang berlaku sepanjang tunjuk perasaan baru-baru ini, bolehlah pilihanraya diadakan. Tapi bukanlah itu maksud pilihanraya.

Saya tidak akan tegur kiranya jika itu dibuat oleh Hussein Ahmad, wakil UMNO di Dewan Undangan Negeri Kelantan. Tetapi pandangan ini mencerminkan pandangan pemimpin tertinggi UMNO, maka saya terpaksa tegur.

Sekarang Datuk Asri sudah menunjukkan keberanian untuk menghadapi apa saja kemungkinan meskipun menjajaskan perpaduan Barisan Nasional.

Datuk Asri masih mahukan Barisan Nasional kiranya UMNO dalam sehari dua ini tidak melanjutkan sikapnya yang tidak toleransi dalam menjaga hati sekutu-sekutunya dalam Barisan.

PAS sudah memainkan perang urat saraf dengan mengemukakan undi-undi tidak percaya kepada Menteri Besar Kedah, tidak percaya kepada Menteri Besar Negeri Sembilan, tidak percaya kepada Menteri Besar Pahang. Dan Menteri Besar Terengganu pun tentulah tidak boleh berdiam.

Bagaimana nak marah PAS, kalau

UNMO sendiri mempunyai banyak karinah?

Apa tujuan semua perbuatan ini? Ini adalah sebagai menyatakan bantahan terhadap sikap UMNO di Kelantan.

Segala perkembangan ini menyatakan yang PAS bersedia sekalipun terpaksa keluar dari Barisan Nasional dan sedia menghadapi pilihanarya sendirian.

Yang menjadi anehnya sekarang ialah sikap sepi Datuk Hussein Onn dalam menghadapi perkara ini.

Datuk Hussein tidak mahu campur mungkin kerana merasakan dia adalah bapa kepada Barisan dan kerana Datuk Asri duduk dalam kabinet yang beliau menjadi Perdana Menteri.

Dalam soal ini seorang Perdana Menteri adalah ketua kepada seorang Menteri. Menteri mestilah pergi kepada Perdana Menteri.

Oleh itu Perdana Menteri menyerahkan kepada Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir saja untuk menghadapi dan merundingkan hal itu dengan Datuk Asri. Taraf orang itu mungkin sama dari segi kabinet.

Tetapi kalau sebagai antara parti dengan parti, Datuk Hussein Onn dan Datuk Asri adalah sama dan Datuk Hussein Onn sepaututnya jangan menunggu-nunggu untuk menyelesaikan hal itu.

Cara berunding dengan Dr. Mahathir adalah keras. Dia mahu supaya fikirannya saja didengar.

Tetapi Datuk Hussein Onn percaya dengannya. Dan sekarang Datuk Asri seolah-olah sudah tidak boleh menerima fikiran dan formula Datuk Seri Mahathir itu.

Orang-orang yang dulunya duduk di bawah ketiak Tun Razak memang suka untuk melihat Barisan Nasional berpecah. Tujuannya ialah untuk menyatakan bahawa kalau Tun Razak masih ada, semua hal ini tak berlaku.

Ertinya mereka inginkan nama Datuk Hussein Onn terjejas. Kalau Barisan Nasional berpecah, ia pecah di bawah Datuk Hussein Onn. Ertinya Datuk Hussein Onnlah yang memecahkan perpaduan UMNO - PAS yang cuba dipupuk selama ini.

Dulu orang sudah melihat orang Melayu berpecah kerana perpecahan antara UMNO dan PAS. Orang Melayu mengambil masa bertahun-tahun untuk menyatukannya. Dan Tun Razak berjaya menyatukannya.

Dan sekarang bila tiba di bawah Datuk Hussein Onn, maka beliau yang sepaututnya menjaga dan menge-maskannya lagi. Tetapi apa yang berlaku, ialah Barisan tergugat.

Tergugatnya perpaduan orang Melayu, akan mencerminkan keadaan yang tidak stabil bagi negara pada pandangan orang luar. Apa akan jadi dengan usaha Datuk Hussein Onn ke Amerika, ke Jepun dan ke Mesir dan Timur Tengah yang hendak mencari pelaburan dulu? Orang nanti menyangka perpaduan sudah tidak ada, dan negara kurang stabil. Da-

tangkah pelaburan?

Orang-orang ini menunggu saja untuk meletakkan keburukan kepada Datuk Hussein Onn menjelang pemilihan Presiden tetap UMNO tahun 1978 ini. Datuk Hussein akan tercemar (pada anggapan orang kerana tidak pandai) menjaga perpaduan orang Melayu kalau PAS keluar dari Barisan.

Datuk Hussein Onn boleh diam

dan saspecken orang lain bila nak memilih Timbalan Perdana Menteri dulu. Dan kalau krisis dengan Asri ini beliau diam saja, akibatnya buruk. Nanti tak tahu pula nak buat keputusan.

Tetapi kalau pun nak buat keputusan, ikutlah amalan yang biasa. Dan jangan pecahkan amalan-amalan yang boleh memberi kestabilan dan kematangan rakyat.

---

Nota:

Tentangan Datuk Asri terhadap formula Timbalan Perdana Menteri tidak diberikan perhatian. Perkembangan selanjutnya ialah Datuk Hussein Onn tidak dapat memainkan peranan bapa. UMNO memaksakan undang-undang darurat bagi Kelantan dan diikuti dengan pilihanraya.

Kesimpulannya berulanglah sejarah buat kali kedua PAS berungkai ikatan dengan UMNO.

Oleh kerana kerajaan negeri ditadbirkan dari kerajaan pusat, dan kedudukan PAS sendiri dalam kekeliruan maka segala-galanya adalah menguntungkan UMNO.

## POLITIK "TIDAK BERMAIN POLITIK"

WATAN, 11 November, 1977

WALAU apa pun keadaan, Kelantan kini sudah sah diperintah oleh sebuah kerajaan darurat ala Mageran menggantikan kerajaan PAS yang berkuasa sejak tahun 1959.

Kerajaan itu dibentuk dibawah kuasa darurat yang baru diluluskan oleh Parlimen.

"Dengan nama Allah," Perdana Menteri Datuk Hussein Onn membenaritahu Parlimen, bahawa kerajaan itu adalah 'bersifat sementara.'

Ertinya, keadaan itu hanya diperlakukan sementara wujudnya suasana yang dikatakan tidak tenteram di Kelantan, dan tentulah ia akan dikembalikan kepada kerajaan majoriti pilihan rakyat bila-bila masa saja sesudah keadaan kembali normal.

Itulah niat Perdana Menteri yang dapat difahami melalui ucapan (siaran) langsungnya di Parlimen ketika membentangkan rang menge�ai hal itu malam Rabu lalu.

Melihat suasana sepanjang beliau berucap, mimik mukanya, nada suaranya dan perkataan-perkataan yang dilafazkannya, jelaslah atau sukarlah untuk mempertikai kelikhlasan dan ketulusannya.

Kebanyakan orang yang mendengar dan memerhatikannya melalui kaca TV mudah memihak kepada Perdana Menteri yang sangat yakin terhadap ketulusan langkah yang diambilnya itu.

Tetapi yang menjadi perhatian dan perlu diamati ialah betapakah tepatnya pula langkah itu. Itulah yang nantinya menjadikan kesannya buruk atau tidak.

Kiranya langkah itu tepat, maka ekorannya akan memberi serba manfaat tetapi kalau langkah itu tidak tepat maka pincang pula akibatnya. Kita bersyukur kiranya langkah itu tepat, dan bagaimana kalau ia nantinya tidak tepat.

Apakah mewujudkan kerajaan Kelantan ala Mageran itu buruk atau tidak? Ia adalah suatu yang sudah berlaku. Kita berdebat dan menghujahnya sebelum ia diluluskan untuk dikuatkuasakan. Ketika itulah kalau kita mahu menentang dan menolaknya.

Tetapi apabila ia sudah diterima sebagai keputusan, maka adalah menjadi tanggungjawab pula untuk melaksanakan sebaik-baik supaya ke-

bimbangan para pengkritik tadi tidak akan berlaku.

Kerajaan ala Mageran itu adalah suatu kerajaan yang bertanggungjawab atas keselamatan rakyat buat semestara waktu ini. Sokongan patutlah diberi supaya segala manfaat yang sepatutnya diperolehi oleh rakyat dan negara terjamin dan terlaksana.

Walaupun pada semangat ia bertentangan dengan prinsip-prinsip tertentu, menyentuh implikasi politik, menyentuh maruah politik pihak-pihak tertentu, tetapi kerana ia suatu yang sudah tidak dapat ditolak, maka segala usaha patut diberi supaya kerajaan yang dipaksakan itu berpeluang mengatasi kelemahannya dan kemudian memberi kebaikan kepada umum.

Oleh kerana Perdana Menteri, seorang ahli politik yang mengambil langkah itu bukan tujuan politik, maka adalah menjadi kewajipan kepadanya menghormati beberapa obligasi politik pula kemudian, sesudah keadaan tenang pada anggapan beliau.

Beliau akan dikira seorang yang paling tulus atas langkah-langkah kemudian kiranya dibuktikan pula ia tidak bersifat menekan PAS.

Untuk itu, perhatian akan tertumpu berapa lama kerajaan darurat itu berkuakuasa? Adakah ia akan diakhiri pada hari diisyaratkan pilihanraya umum yang baru? Atau kuasa pemerintahan diserahkan semula kepada puak majoriti sebelum satu pilihanraya diadakan?

Atau kuasa itu diserahkan kepada puak majoriti beberapa ketika sebelum pilihanraya sehingga puak majoriti tidak sempat untuk membuat apa-apa persiapan bagi menghadapinya?

Tetapi kalau Perdana Menteri tidak mengambil langkah-langkah sewajarnya untuk memberi peluang semula kepada puak majoriti, maka apapun sumpah dan ikaranya yang tindakannya sekarang tidak dibuat atas hitungan politik, maka siapalah yang nak setuju dengan cakap-cakap itu.

Bagaimanapun kerajaan Kelantan sekarang adalah satu kerajaan baru yang sepatutnya lain-lain negeri cuba hindarkan walaupun adanya contoh di depan mata.

Adalah tidak wajar bagi mana-mana pihak untuk membuat tindakan yang serupa di tempat lain berdasarkan adanya contoh yang di Kelantan itu. Jadikanlah kejadian di Kelantan itu khusus untuk Kelantan saja, dan kalau ia hendak dikira unik atau istimewa biarlah ia untuk Kelantan saja.

Yang menjadi perhatian sekarang ialah kedudukan Haji Hassan Adli yang menyingkirkan diri dari PAS kerana keengganannya mematuhi keputusan PAS meletakkan jawatan dari kerajaan untuk menjadi orang kerusi belakang Barisan Nasional.

Haji Hassan Adli yang lebih dua puluh tahun dalam PAS mengakhiri khidmatnya dalam parti itu pada petang Rang Undang-undang itu dibuat.

[melalui sikapnya menyokong rang itu]. Beliau yang terus menjadi menteri menyokong rang itu, sesungguhnya melakukan suatu yang bertentangan dengan beberapa kenyataannya sebelum itu.

Hassan Adli sebelumnya mengejarkan kenyataan yang dia tidak merasakan perlu kerajaan ala Mageran itu diwujudkan kerana ada lain jalan untuk penyelasaian.

Beliau menjadi menteri Barisan atas tiket parti mana? "Tanya Datuk Asri. Ini memerlukan penjelasan juga. Bebas? Barisan mana ada anggota bebas.

Waktu akan menentukan. Tentulah Haji Hassan akan mewakili mana satu parti yang berkerabat atau melalui parti baru yang kemudiannya menjadi kerabat baru Barisan.

Tetapi perhatian orang kini mulailah berbeda dengan Hassan Adli yang ada pendirian sendiri itu. Mengapa beliau tidak serta dengan ahli-ahli PAS yang lain? Soal pokoknya adakah atas perselisihannya dengan Datuk Asri yang banyak main politik itu.

Tetapi apakah memadai beliau mengingkari arahan partinya semata-mata kerana tidak bersetuju dengan Yang Dipertua? Apakah beliau sudah cukup ikhtiar untuk menghalang Yang Dipertua dari melakukan apa-apa yang tidak mencerminkan sesuatu yang baik bagi PAS?

Hassan Adli mempunyai kedudukan yang baik dan boleh mengenakan pengaruhnya untuk mengajak

PAS bertindak rasional. Dalam pemecatan Datuk Mohamed Nasir yang salah teknik pada 29 September lalu, beliau tidak hadir. Kalau beliau hadir tentulah tidak timbul Datuk Asri menggunakan undi pemutus.

Dalam mesyuarat hari pertama membincangkan pemecatan, 26 September, beliau tidak bersungguh-sungguh untuk menghalang pemecatan itu walaupun sebelumnya sudah mengeluarkan kenyataan yang bertubi-tubi.

Dan pada minggu lalu, ketika PAS mengadakan perbincangan untuk menentukan bersetuju atau tidak dengan kerajaan ala Mageran, beliau juga ke Telok Anson. Dan dengan itu beliau pun tidak mahu pula mematuhi keputusan partinya.

Tetapi apakah langkahnya itu wajar? Beliau boleh jadi tidak sekuat Datuk Asri. Buat apa pun, nanti bila diundi Datuk Asri akan menang. Oleh itu tidak guna melawannya?

Apapun keadaannya, cara Hassan Adli itu aneh memandangkan dia seorang yang sudah matang dalam perjuangan dan berorganisasi.

Dia tidak memberi amaran terlebih dahulu, kalau buat macam ini dia akan keluar parti. Datuk Asri sekurang-kurangnya pernah menyatakan kalau syornya tidak diterima beliau akan meletakkan jawatan kerana itu tanda dia tidak dapat kepercayaan. Tetapi Hassan Adli adakah sudah buat macam itu?

Dalam masalah ini, cara yang bersih boleh dilakukan dengan Hassan

Adli ikut keluar dulu. Kemudian pertikaikan hal ini dalam muktamar. Kalau di situ kalah juga, maka barulah boleh dia menyatakan dirinya keluar dan menubuhkan satu parti lain.

Sekurang-kurangnya orang berorganisasi boleh belajar dari Ustaz Ali Taib. Walaupun caranya tidak begitu politis, tetapi dia keluar parti kerana tidak setuju dengan pemecatan Datuk Mohamed Nssir. Dia nyatakan tentangannya dengan tenang.

Boleh jadi Ali Taib buat begitu kerana dia tidak akan rugi apa. Dia adalah seorang mahaguru dan dia boleh hidup terus dengan mahagurunya. Tetapi adakah Hassan Adli bimbang kalau dengan mengikut PAS meletakkan jawatan, walaupun tidak pernah berniat untuk mencari kekayaan adalah untuk mengekalkan kedudukan sebagai menteri? Kalau tidak, tentulah banyak kemudahan akan hilang. Dan dalam waktu yang singkat berpindah randah pula.

Itulah yang orang dapat kata tentang langkah Hassan Adli itu. Jadi apalah bezanya dengan Datuk Othman Abdullah yang keluar dari PAS dulu. Langkah Datuk Othman Abdullah dulu adalah satu langkah yang dilakukannya pada ketika yang tidak bergolak.

Tidak siapa menyuruh dan tidak siapa menyekat. Dia masuk UMNO dengan tiba-tiba. Itupun dia terpaksa berhadapan dengan berbagai-bagai kecaman dan pandangan yang kurang lunak untuk didengar.

Beliau terpaksa mengambil masa

yang lama untuk membolehkan orang lupa dan hingga ini pun orang UMNO belum begitu penuh hati untuk menerima keikhlasannya.

Keikhlasan Datuk Othman Abdullah tadi tentulah sukar untuk dipersoalkan. Tetapi manusia itu begitu. Kalau seseorang sepertinya boleh menentang PAS, partinya yang ditegakkan dengan peluh keringat, apalah yang boleh menghalangnya untuk berbuat begitu pula kepada UMNO. Itu saja pokoknya.

Dan itulah yang diselar oleh Hassan Adli dulu.

Adakah Hassan Adli boleh lepas dari serba "torture" yang pernah dihadapi oleh Datuk Othman Abdullah dulu?

Orang tahu bahawa Datuk Asri akhir-akhir ini memang kurang gairah dengan Hassan Adli kerana Hassan sudah kurang menyenangkan beliau.

Datuk Asri mempunyai sifat macam lain-lain pemimpin politik juga. Mana-mana anggota yang agak bertentangan dengannya, maka orang itu pun akan digerhanakannya dari politik. Dan mana-mana yang mengangguk saja macam Datuk Abu Bakar Omar itu, maka panjanglah nafasnya dalam PAS.

Tentulah itu juga cara yang dilakukan oleh Allahyarhan Tun Razak dulu, dan Tengku Razaleigh pun tentulah macam itu juga. Lim Kiat Siang pun macam itu juga.

Datuk Senu Abdul Rahman, Setiausaha Agung UMNO saja yang tidak macam itu. Dia tidak apa-apakan orang yang bertentangan dengannya walaupun orang itu cuba menyulitkannya.

Tetapi itu bukanlah alasan yang cukup bagi Hassan Adli untuk tidak mematuhi partinya. Dia sepatutnya boleh bertentangan dengan Datuk Asri dalam muktamar yang hendak dipanggil itu.

Kalau boleh, nyatakan mengapa langkah-langkah Datuk Asri itu harus ditentang. Kalau ini ditolak, beliau boleh mengisyiharkan keluar parti. Dia akan dianggap hero. Kemudian tubuh parti baru dan berunding un-

tuk masuk Barisan. Barulah gentleman dan ini memudahkan kawan-kawan untuk mengikutnya. Sekarang kawan-kawan pun serba salah. Yang tak senang dengan Datuk Asri bukan seorang berdua. Ramai. Tetapi Hassan Adli boleh berkumpul macam yang lazim dibuat orang dalam derokrasi.

Kesimpulannya, orang merasakan kalau Hassan Adli ikut PAS, maka lepas pilihanraya nanti belum pasti dapat kerusi, kerana Bagan Datoh adalah kubu UMNO. Perak juga tak kuat PAS. Kalau tidak serta dengan UMNO maka nantinya terbuang begitu saja. Itu yang orang dapat kata.

---

#### Nota.

Hassan Adli tidak menjadi mana-mana ahli parti politik, tetapi dia diterima menjadi calon Barisan untuk berlawan dengan PAS dalam Pilihanraya umum 1978.

Dia memainkan peranan yang lebih licin dan ini membezakan caranya dengan cara Datuk Othman Abdullah dan lain-lain ahli PAS yang melompat ke dalam UMNO.

Walaupun Hassan Adli berlawan dengan PAS, tetapi dia mengambil hak dan peluang ahli UMNO sedang dia tidak menjadi ahli UMNO. Hingga akhir beliau muncul sebagai orang yang mendapat manfaat dari perjuangan UMNO dengan tidak perlu mematuhi syarat-syarat yang orang UMNO terpaksa lalui.

# RISIKO MEMECAT MENTERI BESAR KELANTAN

WATAN, 25 November, 1977

KALAU dibaratkan krisis Kelantan itu gelanggang tinju, maka pusingan minggu ini adalah pusingan yang tidak baik bagi Datuk Asri. Pusingan ini, walaupun Datuk Asri membuat langkah-langkah dan tumbukan yang betul, tetapi tumbukan dari lawan agak lebih kencang sehingga teman seperlatihan dan orang-orang dari khemahnya boleh cemas dan mungkin memihak ke khemah lawan.

Dengan terlaksananya Kerajaan Darurat — yang menjadikan Kelantan semacam koloni Kerajaan Pusat — maka politik dan politiking yang diharapkan reda itu berkembang lain macam pula.

Anggota-anggota Dewan Undangan Negeri PAS yang 21 itu menghadapi masalah bagaimana hendak menemui rakyat. Rakyat yang pada iahirnya rata-rata menentang langkah ADUN PAS menggulingkan Menteri Besar Datuk Mohamed Nasir itu terus memeram rasa marah kepada PAS istimewa ADUNnya.

Dalam apa keadaan pun, atau apa jua yang mendorongkan mereka bersikap begitu, pendapat dan pendirian rakyat tetap benar, walaupun ahli-ahli politik dan pengamat-pengamat merasakan sikap itu tidak patut begitu.

Sesiapa saja boleh mengatakan sikap rakyat tidak patut atau tidak betul, tetapi sejarah tidak akan menerima yang langkah rakyat itu tidak wajar. Itulah arus yang lahir akibat dari tindakan PAS terhadap Menteri Besar Datuk Mohamed Nasir itu. Sikap itu bukan tidak boleh dibendung. Ia boleh dibendung kiranya PAS ada senjata politik. Tetapi kerana senjata politik itu tidak ada, maka keadaan tidak mungkin memihak kepadanya.

Atas apa juga perkembangan, dan atas dorongan apa juga, politik akan ditentukan oleh sokongan. Kejayaan PAS adalah atas sokongan rakyat. Sokongan rakyat itu diberikan kepada wakil rakyatnya, dan wakil rakyatnya pula yang menyokong partinya dan kerajaannya.

Dalam keadaan rakyat tidak memihak kepada sesiapa sementara menunggu waktu pilihan raya, kerajaan PAS dan PAS itu sendiri boleh meneruskan pengaruhnya kalau wakil rakyat terus menyokong parti itu walaupun rakyat ketika itu sudah tidak lagi menghormati wakil rakyat itu.

Tetapi kalau sudah wakil rakyat menarik sokongannya, betapa handal sekalipun parti dan ketokohan pemimpin, maka politik tidak akan memihak kepadanya.

Hassan Yaakub, seorang dari

ADUN PAS Kelantan mulai menarik sokongannya kepada Perhubungan PAS Kelantan. Dia meletakkan semua jawatan penting dalam parti kecuali masih kekal sebagai ahli parti dan wakil rakyat.

Dia mungkin diikuti oleh beberapa orang ADUN lagi. ADUN itu nantinya akan memberikan beberapa alasan dan menyatakan yang mereka dipaksa dan sebagainya.

Bila ini berlaku, maka dengan sendirinya kedudukan Perhubungan PAS goncang dan dengan sendirinya pula Datuk Asri tercabar. Apa yang mendorong ADUN itu jadi begitu tidak pernah menjadi perhitungan politik. Yang menjadi perhitungan politik cuma keputusan dan suara mereka saja.

Macam juga contohnya dengan langkah menggulingkan Datuk Harun Idris sebagai Menteri Besar Selangor dua tahun lalu. Mengapa ADUN-ADUN Selangor bersikap menentang Datuk Harun tidak pernah menjadi perhitungan. Pada hal semua yang rasional dan yang memihak kepada Datuk Harun memikirkan tidak wajarnya dorongan dibuat begitu.

Bermacam-macam dikatakan tentang skandal Bukit Fraser yang memungkinkan Datuk Harun terguling. Bermacam-macam pula yang diperolehi oleh ADUN-ADUN Selangor itu dari Datuk Harun sebelumnya, dan betapa pula kuatnya dan terhormatnya Datuk Harun di kalangan rakyat Selangor ketika itu dan ketika ini, tetapi itu semua tidak menjadi perhi-

tungan politik dalam membuat keputusan kalah menang.

Yang menjadi perhitungan ialah undi ADUN itu ketika undi tidak percaya dibuat terhadap Menteri Besar itu. Itu saja, dan itulah yang menentukan dan menjadikan Datuk Harun macam Datuk Harun hari ini.

Datuk Asri sekarang diancam oleh bayang-bayang seperti ini. Beberapa minggu lalu ternampak yang Datuk Asri menang beberapa pusingan dari tinjauan politik Kelantan itu. Tetapi sekarang mulai nampak pusingan tidak begitu menghairahkan pihaknya.

Datuk Asri sudah membuat keputusan dalam mesyuarat Jawatankuasa Agung PAS bahawa tidak seorang pun dari ADUN PAS Kelantan dibenarkan bekerjasama dengan kerajaan MAGERAN dalam bentuk menyertai apa-apa badan baik sebagai EXCO, pengarah atau apa-apa jawatankuasa. Kiranya ada pihak yang ingkar, maka dengan sendirinya orang itu terpecat dari PAS.

Yang hendak dilihat sekarang, ramai manakah orang PAS yang menyertai parti itu atas sebab ideologi Islam dapat mempertahankan kewibawaan PAS itu lagi?

Orang yang menyertai PAS dulunya, tidak atas dorongan wang dan mata benda. Mereka didorongkan oleh ideologi. Biar apa pun tawaran mata benda dari luar, mereka tetap berpegang kepada kehendak parti. Kekayuhan terhadap parti itu kini dalam ujian. Masih ramai lagikah orang PAS yang beriman begitu? Atau apakah

iman itu tadi binasa dengan sikap setengah pihak sudah memandang ringgit dan mata benda?

Hassan Yaakub mulai mencabar keputusan PAS yang tidak membennarkan ADUNnya menyertai mana-mana badan dalam Kerajaan Darurat Kelantan itu. Dan kiranya dia ditarwarkan dengan sesuatu dan dia menerima, apakah dia akan terpecat?

Logiknya dia akan terpecat. PAS Kelantan tidak akan jadi apa-apa dengannya. Tetapi kalau ada lagi ADUN lain yang begitu juga imannya terhadap PAS, maka bagaimana strategi baru PAS?

Ancaman ini akan menyulitkan keadaan PAS. PAS tidak boleh menyalahkan Hasaan Yaakub. Hassan bukanlah pada mulanya tidak tahu apa yang dibuatnya. Dia tahu. Kalau dia tidak tahu, masakan dia boleh bertahan begitu lama untuk turut menentang Datuk Mohamed Nasir dan turut mengundi menggulingkan Menteri Besar.

Kalau Hassan Yaakub bangun memihak kepada Datuk Mohamed Nasir pada 15 Oktober lalu, siapa yang melarangnya. PAS mungkin bertindak. Tetapi apakah PAS tidak bertindak sekarang? Kalau dulu PAS boleh bertindak, tentulah sekarang PAS juga boleh bertindak.

PAS tentu tidak akan mengapa-apakan Hassan Yaakub kalau dari awal dia menentang Perhubungan PAS. Lihat dengan sikap Hassan Adli dari awal tidak setuju dengan PAS Kelantan itu, dia terus lawan walau

pun cakapnya sekejap begitu dan sekejap begini. Dari perkembangan itu yang dapat difahami, ialah Hassan tahu apa yang dibuatnya selama ini. Ertinya dia patuh dan bersetuju dengan PAS dan langkah-langkah PAS itu.

Tetapi yang menyebabkan dia berubah ialah sekarang PAS sudah tidak banyak senjata politik. Rakyat Kelantan sudah marah kepada ADUN PAS. Hassan mahu balik ke rumahnya. Dia juga mahu berjumpa dengan pengundi-pengundinya.

Kiranya dia tidak mengubah sikap sekarang, Hassan tidak tahu masa depannya. Kalau bertanding atas nama PAS lagi, mungkin akan tewas. Demikian juga lain-lain ADUN.

Soalnya Hassan mahu hidup balik bersama pengundinya. Kalau terus dalam PAS, ia akan merasa susah. Arus Kelantan begitu sekarang.

Kalau dia boleh mengikut Datuk Mohamed Nasir, mudah baginya buat sementara waktu ini meneruskan khidmat sebagai wakil rakyat dan kalau arus Kelantan itu benar-benar berubah, maka nantinya dia boleh tegak sama dalam perubahan itu.

Datuk Asri sekarang perlu memerhatikan hal ini dan mencari langkah yang menasabah untuk menyekat lain-lain ADUN untuk berpegang kepada pendirian pada 15 Oktober itu.

Wakil rakyat itu duduk di merata-rata tempat. Mereka berhadapan dengan rakyat. Yang menghalang mereka dari terikut dengan langkah

Hassan Yaakub itu hanya pendirian yang terlalu tegas saja.

Kalau Hassan Adli pun boleh mengubah sikap dengan keadaan, maka apalah yang diharapkan dengan lain-lain wakil rakyat itu. Datuk Asri tentulah tidak lagi dapat membawa ADUN-ADUN itu duduk di Kuala Lumpur sementara menunggu tarikh pilihanraya atau tarikh kerajaan Kelantan diserahkan kembali kepada pihak majoriti Dewan Undangan.

Musuh-musuh politik PAS yang sudah bertambah itu akan menjalankan berbagai-bagai ikhtiar untuk mengambil langsung kuasa politik dari kerajaan MEGERAN itu nanti.

Apakah kerajaan itu akan jatuh ke tangan UMNO atau ke tangan puak yang menyokong Datuk Mohamed Nasir atau puak yang menyokong Cikgu Mohamad Fakaruddin adalah hal lain. Yang diperhatikan setakat ini bagaimana Datuk Asri dapat

mempertahankan kerajaannya dan kedudukan politiknya.

Semua pihak yang menentang PAS sekarang mahu melihat kerajaan Kelantan tidak terus lagi diperintah oleh PAS. Perkembangan-perkembangan yang ada nampaknya mulai menyulitkan PAS. Apakah hal itu cuma semangat? Kalau sekadar sementara, apakah PAS boleh bangun semula sesudah ia hilang kekuasaan walaupun ia masih ada moral?

Datuk Asri tentulah tidak boleh berpuasing ligat keseluruhan tanah air dengan keadaan yang ada di Kelantan itu. Memang diduga bahawa PAS menjalani hari muramnya di Kelantan, tetapi ia mengharapkan keadaan yang lebih baik di tempat-tempat lain. Kalau pun keadaan tidak baik di Kelantan, biarlah penentuannya ditentukan dalam pilihanraya nanti, bukan oleh ADUN-ADUN sendiri sebelum pilihanraya tiba.

---

*Nota: Benar kerajaan Mageran di Kelantan bersifat sementara, tetapi kerajaan darurat itu diakhiri dengan pilihanraya umum bagi Dewan Undangan Negeri dan keputusannya Barisan mencapai kerajaan gemilang. Mageran membantu Barisan mengakhiri kerajaan dan pengaruh PAS di Kelantan.*

*Hassan Adli membuktikan dirinya sebagai orang pertama tak berparti menjadi menteri kerajaan pusat hingga parlimen dibubarkan. Dalam pilihanraya umum 978 beliau menjadi*

*calun Barisan yang pertama tak berparti dan bertanding semula di Bagan Datoh. Beliau menang. Kemudianya terpilih menjadi Duta Besar ke Mesir.*

*Hingga dia bersara dia tak menyertai UMNO tetapi Barisan tetap menerimanya sebagai kerabat. Sahabat-sahabatnya masih orang PAS, tetapi ada tanda-tanda yang kerajaan Barisan masih sayang kepadanya hingga dalam sambutan hari keputeraan Sultan Perak yang ke 59 beliau telah direkomendkan menjadi seorang Dato'.*

## JAWAPAN BALAS TULISAN “SUARA BERSATU”

WATAN: 25 November, 1977

SAYA sebenarnya gembira dan puas hati kalau para pembaca dapat mengenali siapa saya sebenarnya melalui tulisan-tulisan saya seperti yang dipaparkan oleh seorang penulis yang tidak saya kenali dalam Suara Bersatu yang kemudian disiarkan semula oleh Watan (Isnin lalu).

Kiranya andaian dalam tulisan itu tepat, dan saya harap beliau tepat, berertihal apa yang saya cuba paparkan itu dapat difahami dan para pembaca dengan sendiri mengerti terhadap persoalan yang cuba saya huraikan.

Oleh kerana Suara Bersatu itu tidak rasmi UMNO, maka dapatlah saya kira tulisan dan pandangan yang tersiar adalah mencerminkan pandangan UMNO.

Jadi di sinilah saya hendak mempertikaikan kejituhan pandangan tadi, apakah sebenarnya kesimpulan bahawa siapa saya menurut Suara Bersatu itu sudah tepat atau masih meraba.

Segala kesimpulan tentang siapa saya, dan tidak pula diterangkannya siapa dan apa kiblat saya dan apa anutan politik saya, telah dibuat melalui dua rencana saya yang

mempertikaikan sikap UMNO dalam krisis politik Kelantan melalui Watan baru-baru ini.

Dari dua rencana mengenai issus krisis itu, logiknya tidak menyedapkan selera UMNO, maka UMNO sudah membuat satu kesimpulan yang mengenali saya — dan saya tidak tahu macam mana yang dia kenali itu.

Rencana itu memuji-muji saya kerana berpuluh-puluh rencana lain termasuk yang membidas Datuk Abdullah Ahmad dan tentunya juga yang mempersoal pendirian Allahyarham Tun Razak di akhir hayatnya dulu. Mungkin pujian itu kerana semua rencana itu memihak kepada UMNO dan menyedapkan selera UMNO.

Tetapi menasabahkan saya dituduh anti-Senu Abdul Rahman kalau sepuluh rencana saya memihak kepada beliau, dan satu rencana membidasnya.

Saya kira UMNO akan merasa malu dengan organnya yang membuat kesimpulan seperti itu. Kalau andaian itu dikira satu tuduhan, maka saya tidaklah begitu susah hati kerana terlalu banyak tuduhan yang disediakan oleh peguam bila

dikemukakan di mahkamah, didapati tidak bersalah pula oleh majistret.

Andaian Suara Bersatu tentang saya tidak dapat dibuat melalui dua rencana itu. Tentang krisis politik Kelantan itu sendiri harus dibuat melalui rencana-rencana sebelum yang dua itu dan selepas yang dua itu.

Satu perkara yang menarik hati saya ialah tentang yang menyentuh betapa saya tidak pernah mempertikaikan Datuk Musa Hitam. Lain-lain pemimpin UMNO habis saya cemarkan. Tanggapan saya tentang ini senlah-oleh saya orang Musa Hitam atau pro-Musa.

Adakah dengan ini agaknya Datuk Musa dapat memberi apa-apa kemudahan dari kementeriannya bagi membolehkan saya hidup lumentan? Kalau tidak mengapa saya bersikap demikian?

Tetapi, apa yang dapat saya katakan, bagaimana Suara Bersatu boleh tiba kepada had ini, seolah-olah ia tidak senang dengan Datuk Musa. Apa tujuan penulis menimbulkan kes Datuk Musa itu kalau tidak ada tujuan tertentu?

Ertinya, Suara Bersatu memilih siapa antara pemimpin UMNO yang patut dikenangkan dan siapa yang mesti digerhanakan. UMNO akan bercakaran semula kalau hal ini tidak dibaiki. Cukuplah zaman Datuk Abdullah Ahmad dulu, ada pemimpin boleh dapat publisiti dan ada yang tidak boleh.

Biarlah tidak saya jelaskan hubungan saya dengan Datuk Musa, kerana dengan ini memberi peluang lagi kepada Suara Bersatu untuk menambah andaianya.

Sesungguhnya saya mengangkat topi kepada penulis itu kerana memberikan banyak pandangan dan teguran atas tulisan-tulisan saya itu. Saya memberikan perhatian dan akan membaiki lagi taktik dan tekniknya di masa akan datang supaya tidak ramai keliru terhadap siapa saya seperti di masa-masa lalu.

Bagaimanapun saya kira penulis Suara Bersatu itu tentulah tidak akan berhadapan dengan apa-apa risiko dengan membuat rencana membidas saya kerana saya tidak mungkin memansuhkan apa-apa lesen atau meragut punca rezekinya dan jauh sekali dari menahannya.

Tetapi tentulah besar sekali risikonya menegur Datuk Abdullah Ahmad dan Khalil Akashah pada ketika mereka paling berpengaruh, mengkritik Allahyarham Tun Razak ketika menjadi Perdana Menteri, menegur Tan Sri Ghazali Shafie yang menentukan siapa patut ditahan atau dibebaskan, mengkritik Dr. Mahathir ketika sedang berkuasa dan seterusnya mengulas langkah-langkah Datuk Hussein Onn dalam saat-saat yang genting.

Bukankah mudah menulis seperti zaman silam memuji-muji keindahan puteri raja dan memaparkan segala yang lunak di sekitar mahligai dan istana?

## WALAUPUN MENULIS DARI JALAN TUANKU ABDUL RAHMAN

WATAN, 2 Desember, 1977

MINGGU lalu saya menyentuh beberapa aspek dari tulisan di Suara Bersatu yang menyentuh tulisan dan pendirian saya mengenai krisis politik Kelantan yang bermula dari krisis PAS itu.

Saya tidak menjawab beberapa tulisan yang menyindir saya betapa saya boleh menganalisa sesuatu tentang Kelantan sekadar meramandang dari tingkap dan berjalan-jalan di sepanjang Jalan Tuanku Abdul Rahman Kuala Lumpur saja. Maksudnya datanglah ke Kelantan dan duduklah bersama rakyatnya.

Tetapi bila Suara Bersatu pun macam itu juga sindirannya, maka terpaksa lah saya berikan jawapan kerana turut sama dalam redaksi Suara Bersatu itu orang-orang yang tinggi ilmiahnya dan kerana akhbar itu mewakili UMNO, maka tidaklah manasabah ia membuat ukuran yang demikian.

Sebabnya berapa ramaikah orang Amerika yang pergi ke bulan, tetapi rata-rata mereka tahu tentang bulan. Dan siapakah yang lebih tahu tentang bulan antara angkasawan dan saintis Amerika dan Soviet yang mengkaji tentang bulan?

Dan kalau dibandingkan pula tentang Rumah UMNO di Jalan Tuanku Abdul Rahman itu sendiri, walaupun Setiausaha Agungnya Datuk Senu Abdul Rahman hari-hari datang ke pejabat, adakah dia tahu semua yang berlaku. Ramai orang luar tahu apa yang Khalil Akashah dan Datuk Abdullah Ahmad – dan sekarang Adib Adam – buat di Rumah UMNO dulu, tetapi Datuk Senu tak tahu.

Tetapi sedaplah penulis di Suara Bersatu itu menyatakan apa yang dikehendakinya (dengan menggunakan nama samaran) kerana tidak ada orang yang kenal dengannya dan dia tidak terdedah dengan soal keselamatan dalam serba serbi termasuk rezeki.

Dia boleh menulis apa saja tentang saya kerana dia tidak dikenal orang dan orang tidak akan apa-apakan dia. Tentunya tikam macam in bukanlah suatu yang disukai oleh orang Kelantan yang biasa dengan berani berdepan.

Saya tidaklah berani sangat, tetapi saya adalah terdedah dengan sebarang kemungkinan apabila saya menggunakan nama – Subky Latif

— untuk menulis apa saja. Keselamatan terancam, fulus terancam dan segala-galanya terancam. Dalam Keadaan yang beginilah saya melibatkan diri menulis terus terang dengan krisis Kelantan yang sangat tidak disenangi oleh sebahagian rakyat Kelantan.

Ini yang Suara Bersatu patut faham. Apakah Suara Bersatu lebih senang dengan tulisan A. Samad Ismail yang memuji-muji pemimpin UMNO dan menulis tentang kebaikan UMNO, dan kemudiannya menjerumuskan UMNO kedalam satu kancang perpecahan, dari meneliti tulisan saya yang menegur dan mengkritik hal-hal tertentu dalam UMNO secara berterusan terang?

Suara Bersatu telah membuat satu kesilapan yang tidak diterangkan tentang pendirian saya. Kalau mengikut biasa kesimpulannya itu tentulah mengandungi maksud yang tidak enak seperti anti UMNO atau hal-hal seperti itu. Saya tidak takut dengan anggapan seperti itu, tetapi sekadar untuk memastikan apakah Suara Bersatu dapat membuat kesimpulan yang tepat.

Apakah saya ada guna atau tidak berguna kepada UMNO tidak menjadi hal, tetapi apakah yang saya lakukan itu lebih bahaya dari yang dilakukan oleh Datuk Abdullah Ahmad yang mananamkan bibit perpecahan dalam UMNO, bibit perpecahan dalam PAS dan bibit perpecahan antara UMNO dan PAS.

Tulisan dalam Suara Bersatu mem-

berikan banyak pandangan yang menyebutkan seolah-olah 'dua tulisan' saya tentang krisis Kelantan itu tidak relevan. Tetapi saya menyatakan bahawa krisis di Kelantan itu adalah krisis PAS yang kemudiannya UMNO turut mengeruhkan lagi.

Tetapi yang tidak disedari oleh Suara Bersatu ialah bahawa krisis Kelantan sekarang ini adalah dari tindak tanduk politik Datuk Abdullah Ahmad dan kuncu-kuncunya yang bertolak dari buku "Kelantan, politik dan dilemma pembangunan" yang diterbitkan tahun 1975.

Saya tidak bertujuan mengupas buku itu dan tidak pula untuk menyatakan apa-apa sikap tentang penulisannya yang cuba menyatakan pandangannya dalam persoalan Kelantan itu. Tetapi yang saya cuba pertikaikan di sini ialah adanya campur tangan Datuk Abdullah Ahmad sebagai tokoh UMNO Kelantan dalam mengeluarkan buku itu.

Buku itu menjadi kenyataan antara lain atas dayausaha Datuk Abdullah Ahmad sendiri. Buku itu sendiri sudah ada menyebutkan tentang kebaikan Datuk Mohamed Nasir dan ada juga menonjolkan tentang perbezaan antara Menteri Besar PAS pilih Tun Razak itu dengan pemimpin-pemimpin PAS seperti Datuk Asri.

Keterangan gambar mengenai Datuk Mohamed Nasir muka 149 sudah cukup untuk memahami niatnya. Apakah maksudnya menyatakan bahawa "Tidak sampai seminggu Datuk

Mohamed menjadi Menteri Besar Kelantan ia mengumumkan rancangan untuk membentera korupsi.....

Niat Menteri Besar itu baik. Tetapi apa pula niat Datuk Abdullah membiarkan ayat itu dicetak dalam buku yang dia membuat kata-kata pengantarnya?

Kalau Datuk Abdullah itu orang macam saya ini tidak ada kedudukan dalam mana-mana parti tidak mengapa, tetapi dia adalah Timbalan Menteri dan tokoh UMNO Kelantan.

Bukankah usaha ini yang meracuni usaha berbulan madu PAS dan UMNO yang ketika itu baru tiga bulan saja menubuhkan Kerajaan Barisan Nasional?

Kerajaan Barisan ditubuhkan hasil pilihanraya bulan Julai/Ogos 1974. Kata-kata 'Penghargaan' dari pengarangnya disiapkan pada 15 Oktober 1974. Entnya buku itu siap belum sempat tiga bulan usia Kerajaan Barisan.

Penulis buku ini tidak dapat diperlakukan bila dia menulis demikian. Tetapi apakah sikap UMNO tentang perbuatan yang menanamkan bibit perpecahan itu. Bukankah dari buku itu menimbulkan kemarahan Datuk Asri dan PAS dan baru sekarang memuncak?

Apakah yang dapat Suara Bersatu faham dari perbuatan seperti itu? Pemimpin-pemimpin UMNO baru saja selesai berunding dengan pemimpin-pemimpin PAS untuk mewujudkan suasana muafakat dan bekerjasama

untuk pembangunan. Dalam satu nada orang kepercayaan UMNO membuat satu usaha yang menaruh racun kepada muafakat itu dan menikam PAS dari belakang.

Sukakah UMNO dan Suara Bersatu dengan perbuatan Datuk Abdullah Ahmad itu? Dan kalau tidak suka nyatakan sesuatu sikap. Tetapi adakah bila tidak ada satu-satu kenyataan bererti ia suka?

Pemimpin-pemimpin UMNO termasuk Tengku Razaleigh akhir-akhir ini menyatakan yang UMNO tidak mahu melihat PAS keluar dari Barisan. Tetapi apa UMNO sudah buat untuk menyegukkan hati PAS dan Datuk Asri pada ketika buku itu diterbitkan dulu?

Dan apakah dapat kita katakan dari kata-kata pemimpin UMNO yang tidak mahukan PAS keluar dari Barisan sesudah melihat PAS hancur sekarang? Bukankah kata-kata itu lebih bersifat baling batu sembunyi tangan. UMNO dulu tidak berbuat apa-apa terhadap kegiatan Datuk Abdullah itu yang boleh menyenangkan PAS. Malah Datuk Abdullah bukan saja memperdayakan PAS. Orang-orang UMNO sendiri telah diperdayakannya.

Datuk Abdullah juga berusaha keras untuk menyingkirkan Datuk Senu dari menjadi Setiausaha Agung UMNO. Apakah ini hendak dinafikan. Dan ramai lagi aktivis-aktivis UMNO seperti Hassan Haji Muhamad, Ustaz Udin dan lain-lain yang berasal dari Kelantan telah tersingkir dari arena

politik UMNO yang giat akibat tindak tanduk Dolah Ahmad. Mereka bukan saja tersisih, naik ke serambi Rumah UMNO pun semacam tidak dikehendaki.

Barulah sekarang sesudah Datuk Abdullah Ahmad dipecat dari UMNO yang giat, mereka mula semula berjinnak-jinak dengan Ibupejabat UMNO. Sahabat-sahabat saya itu tentu boleh membuat analisa yang lebih arif tentang pengalaman dalam UMNO dan betapa tersiksanya batin bila Datuk Abdullah Ahmad berkuasa dalam UMNO dulu.

Dan apakah orang-orang UMNO tidak terfikir bahawa antara yang mendorongkan strategi tersingkirnya Datuk Abdullah Ahmad dari UMNO dan kerajaan adalah atas desakan dan tekanan Datuk Asri juga. Mungkin pengaruhnya tidak besar, tetapi satu atau dua peratus pun kenalah Datuk Senu, Hassan Haji Muhamad dan Usman Udin berterima kasih.

Sekarang perpaduan dan muhibah antara UMNO and PAS sudah tidak ada. PAS sudah hancur di Kelantan, tetapi ia tidak hancur seperti hancurnya abu dan arang. Ia boleh membangun semula.

Tetapi risiko yang hendak dihadapi oleh parti-parti politik Melayu yang sudah berpecah itu adalah boleh menjamin masa depan politiknya? Bagaimanapun kehancuran PAS itu tidaklah dapat disalahkan bulat-bulat kepada kuasa dari luar, PAS tidaklah boleh menyalahkan Datuk Abdullah Ahmad dan UMNO kerana menjadi-

kan nasibnya merabau seperti sekarang.

Dalam masalah politik PAS tadi, kerana PAS sendiri alpa dengan jerat-jerat yang perpasang, maka tepaksa lah ia menerima risikonya dan tidaklah akan membawa ia kemana-nana dengan meletakkan kesalahan itu kepada Datuk Abdullah Ahmad dan para pemimpin UMNO.

Mereka adalah kumpulan ahli-ahli politik yang memang kerja dan peranannya untuk menawan dan kalau boleh melumpuhkan semua musuh-musuh politik dengan apa cara.

Bertolak dari perkembangan terakhir di Kelantan itu maka keadaan dalam PAS tidaklah begitu reda. Sehingga peringkat ini PAS tidaklah cukup padu dalam menghadapi ancaman musuh-musuhnya dari luar.

Walaupun PAS telah dikecewakan oleh UMNO, tetapi ada pula sebilangan besar ahli-ahli PAS yang bersestuju dengan apa yang dibuat oleh UMNO itu. Bagi mereka, kiranya UMNO tidak bersikap demikian, maka PAS tidak akan dapat membebaskan diri dari cara-cara Datuk Asri. Datuk Asri akan mengutamakan pandangan-pandangan PAS dari Kelantan saja dan PAS Kelantan itu pula adalah berkisar daripada beberapa kerat orang yang hampir denganya saja.

Oleh yang demikian ada pula PAS di negeri-negeri yang merasakan bahwa patut ada langkah-langkah tersendiri untuk menghadapi ancaman DAP yang kian kuat itu.

Ada PAS di Selangor umpamanya

merasakan ia membuat muafakat sendiri dengan UMNO atau Barisan bagi memastikan kerajaan Selangor tidak jatuh ke tangan DAP. Kalau PAS Selangor mengikut langkah PAS Pusat, tidak bekerjasama dengan UMNO, maka pilihanraya nanti akan menyulitkan parti orang-orang Melayu.

Dan ada juga sebilangan besar ahli-ahli Jawatan kuasa Agung PAS, sekurang-kurangnya tujuh orang sekarang

mahu kan Datuk Asri mengundur diri bagi membolehkan PAS membangun semula.

Tetapi lain-lain fikiran pula memikirkan Datuk Asri sudah belajar dari krisis Kelantan dan boleh mengubah pimpinannya. Dia boleh kembali kepada jalan kolektif dengan menjadikan dirinya bapa kepada PAS, dan boleh memimpin PAS secara lebih gigih dan gagah.

---

*Nota: Suara Bersatu ialah lidah rasmi UMNO terbit semasa Adib Adam menjadi Setiausaha Kerjanya. Kemudian ia digantikan oleh 'Merdeka.'*

*Datuk Abdullah Ahmad dikira tenaga penting memecahkan muafakat PAS dan UMNO dalam Barisan Nasional. UMNO pimpinan Tun Hussein Onn mengenepikannya tetapi dia sudahpun dipulihkan apabila UMNO dipimpin oleh Datuk Seri Dr. Mahathir. Ada tanda-tanda beliau boleh mendapat tempat semula dalam UMNO Kelantan.*

*Hassan Haji Muhamad, bekas penolong Setiausaha Kerja UMNO menyertai PAS semasa krisis politik Kelantan 1977–1978 itu. Beliau menjadi orang kanan Datuk Asri malah kesetiaannya kepada Datuk Asri menyamai kesetiaannya kepada Tunku Abdul Rahman semasa menganggotai UMNO dulu. Bila Datuk Asri menubuhkan HAMIM, beliaulah Setiausaha Agungnya.*

*PAS membangun pesat selepas krisis Kelantan tetapi Datuk Asri tidak mengubah stail pimpinannya. Dia terus bersama-sama rakan-rakannya yang menggulingkan Datuk Muhammad Nasir. Peranannya sebagai pemimpin PAS akhirnya tidak berkesan. Dia berundur secara terpaksa. Pimpinan baru PAS kemudian menggantung keanggotaannya. Dia akhirnya keluar PAS.*

## TEKNIK BN MEMECAT PAS

WATAN, 9 Disember, 1977

SECARA teknik Barisan Nasional belum menendang PAS dari kumpulan parti-parti yang memerintah itu. Tetapi hakikatnya pertemuan ahli-ahli Dewan Tertinggi BN Isnin (5 Disember) lalu memang mengorak kearah menyingkirkan PAS dengan sendirinya sama macam teknik PAS menyingkirkan Haji Hassan Adli dari parti itu.

Perjumpaan itu membincangkan soal disiplin dan apa yang patut dilakukan keatas kerabat BN yang enggan mengikut perintah whip parti di Dewan-Dewan Undangan baik di peringkat negeri dan Parlimen.

Sebelum ini tidak ada peraturan dalam buku panduan BN yang boleh dikenakan terhadap kerabatnya yang mengundi menentang cadangan parti. Ketiadaan peraturan itu dulu meskipun memperlihatkan kelemahan peraturan atau disiplin BN, tetapi ia tidaklah memperlihatkan kelemahan pencipta-pencipta BN dulu.

Tun Razak, Tun Dr. Ismail dan Datuk Asri yang mempelopori Barisan dulu tidak meletakkan garis-garis yang tidak menyelamatkan Barisan kerana mahu memperpanjang

kerjasama kalaupun tidak sehingga hari kiamat tetapi biarlah selama yang mungkin.

Dan mereka mengadakan satu kelonggaran dengan tujuan perbalahan semasa kerabat Barisan tidak akan tiba kepada peringkat berkerat rotan berpatah arang.

Pembentukan Barisan adalah selari dengan hasrat mewujudkan sistem satu parti yang disuarakan oleh tokoh-tokoh UMNO menjelang pilihan raya 1974 dulu.

Antara hujah para pengajur itu dulu – Tun Razak tidak pernah menyuarakan hal ini – ialah walaupun sistem satu parti diwujudkan tetapi ahli-ahli Parlimen boleh membangkang terus di Parlimen dengan erti-kata yang sebenar-benarnya.

Penyokong-penyokong kerajaan boleh menyatakan tentang masing-masing terhadap apa masalah di Parlimen dan Whip parti tertentunya tidak boleh mengenakan apa-apa tindakan kerana demokrasi dalam satu parti tadi hendak ditegakkan pada peringkat itu.

Walaupun jaminannya tidak begitu menghairahkan, tetapi ada baik-

nya kalau perkara itu dapat dicuba. Bila ada contoh betapa kerajaan boleh dibangkang dan ditentang oleh anggota parti sendiri, maka barulah kita melihat ada satu jaminan bahawa sistem satu parti ala Malaysia tadi sebenarnya tidak membunuh terus semangat demokrasi.

Rancangan mewujudkan sistem satu parti belum terlaksana tetapi Barisan yang sepatutnya menjadi parti tunggal yang dimaksudkan itu, menyediakan peraturan yang membolehkan ahli-ahli Parlimen parti kerajaan mencuba apakah boleh cadangan partinya dibangkang macam yang pernah didakylahkan oleh penganjur-penganjurnya dulu.

Justeru itu terciptalah satu peraturan dalam Barisan yang tidak mengenakan apa-apa hukum terhadap kerabat yang cuba membangkangnya. Seperti yang disebut tadi bahawa ia mahu menyediakan tapak kerjasama yang panjang antara parti-parti yang berkeluarga itu kalaupun tidak hingga hari khamat, biarlah sepanjang-panjang yang boleh.

Ertinya, kerana muafakat dalam Barisan itu adalah muafakat antara parti-parti dan parti-parti itu sendiri mempunyai cara berjuang dan pendirian sendiri-sendiri, maka sudah tentulah tidak semua perkara dapat mereka persetujui.

Mereka tentulah boleh kerjasama atas soal-soal kepentingan bersama, tetapi tentulah tidak dapat bertolak ansur atas soal-soal yang menyentuh maruah dan perinsip.

Logiknya peraturan yang longgar itu dibuat ialah pencipta-pencipta Barisan dulu sedar bahawa perbezaan pendapat boleh berlaku bila-bila masa. Kalau peraturan sudah dibuat nanti orang-orang bermaruah terpaksa melaksanakan kehendak peraturan itu.

Dalam keadaan seperti itu muafakat Barisan boleh berpecah atas soal-soal remeh dan kecil. Soal pemilihan Menteri Besar Kelantan umpamanya, boleh dikira remeh, tetapi ternyata telah meretakkan Barisan.

Pencipta-pencipta Barisan mungkin memerlukan kewujudan Barisan itu atas soal-soal yang besar yang memerlukan semua parti bersatu. Tetapi kalau sudah parti-parti berpecah sama sendiri atas soal-soal yang kecil, nanti adalah terlalu sulit pula untuk menyatukan semula bila ada soal-soal besar mencabar di hari muka.

Memecahkan perpaduan Barisan adalah terlalu mudah. Ia boleh dilakukan dengan menimbulkan perbezaan pendapat termasuk soal-soal remeh tadi. Itulah sekurang-kurangnya yang pernah dialami bila PAS mengambil langkah berpecah dengan UMNO awal tahun 50an dulu.

Tetapi UMNO dan PAS mengambil masa lebih 20 tahun untuk bermuafakat dalam satu bentuk keluarga. Muafakat itu sendiri pun belum boleh membawa kepada muafakat sebatи sedarah sedaging.

Melihat dari perkembangan itu kita faham bahawa teori supaya membebaskan ahli-ahli Parlimen mem-

bangkang dan menegur di Parlimen dulu adalah satu khayalan dan ia cuma boleh dilaksanakan oleh masyarakat yang rata-rata berjiwa besar, sedang masyarakat Malaysia kini belum tiba ke peringkat berjiwa besar meskipun mereka sudah mencapai ke tahap kematangan.

Perjumpaan Dewan Tertinggi Barisan Isnin lalu memutuskan untuk mengadakan peruntukan yang memastikan parti-parti kerabat memecat anggota-anggotanya yang tidak mematuhi Whip parti.

Keputusan itu tidak menyebut mana-mana parti, tetapi siapa pun tahu bahawa peraturan itu ditujukan kepada PAS yang ketika mengundi untuk mewujudkan kerajaan darurat di Kelantan di Parlimen baru-baru ini adalah menentangnya.

Dewan Tertinggi Barisan tidak membuat keputusan untuk memecat PAS dari Barisan atas kesalahan yang lalu. Barisan sendiri tidak boleh memecat ahli-ahli parti anggota yang tidak patuh kepadanya. Ia cuma menghendaki parti-parti itu sendiri melakukan pemecatan keatas ahli parti masing-masing.

Kerana yang melanggar perintah Whip Barisan lalu adalah ahli PAS, maka PAS patutlah bertindak melaksanakan iaitu memecat ahli-ahlinya.

Lain kali, bila ada mesyuarat yang serupa sekali lagi, tentulah perkara ini timbul bila membincangkan perkara yang berbangkit. Orang lain akan bertanya apakah PAS sudah bertindak terhadap ahli-ahlinya yang

melanggar arahan Whip dulu. Kemudian PAS akan menjawab 'tidak'.

Maka nantinya PAS boleh jadi disingkirkan dari kumpulan itu bukan kerana menentang usul menjadikan Kelantan diletakkan dibawah pentadbiran Kerajaan Pusat tadi, tetapi kerana PAS engkar melaksanakan keputusan Dewan Tertinggi untuk mengambil tindakan disiplin kepada anggota-anggotanya.

PAS tentu tidak boleh berbuat apa-apa dan lain-lain parti pun tentu tidak akan boleh membantu PAS lagi. Dan dengan sendirinya PAS akan merosot macam PAS memecat Hassan Adli dulu.

PAS tidak pernah mengambil keputusan memecat Hassan Adli. Tetapi Hassan Adli terpecah dengan sendirinya kerana tidak mematuhi peraturan yang ditentukan oleh Jawatan kuasa Agungnya. Keputusan itu ialah sesiapa juga yang tidak mematuhi keputusan parti ia itu mengundurkan diri dari kerajaan, maka dengan sendirinya dia terpecah.

PAS memutuskan semua Menteri, Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimennya meletakkan jawatan kerana membantah langkah mewujudkan kerajaan ala Mageran di Kelantan. Hassan Adli tidak mengundurkan diri, maka dengan ini dia terpecah dengan sendirinya.

Menyentuh semula langkah melanggar arahan Whip tadi, Barisan mungkin dapat memikirkan semula tentang sikap PAS mengenai kerajaan darurat di Kelantan itu kerana sikap

itu dibuat ketika peraturan belum ada.

Oleh yang demikian, tidaklah begitu adil bagi Barisan untuk mengenaikan tekanan itu kepada PAS atas langkah lalunya. Adalah manasabah supaya tindakan dikenakan kepada yang engkar itu sesudah kesalahan dibuat selepas peraturan sudah dikuarzuaskan. Begitulah lazimnya proses undang-undang berjalan.

Kiranya cara ini dijadikan satu cara bertindak, maka ia sendiri pun belum pasti dapat mengekalkan PAS dalam muafakat itu kerana sekutu Barisan sekarang kalau boleh tidak mahu lagi melihat muka Datuk Asri ada dalam kumpulan itu.

Tindakan nantinya boleh berpuncaa dari langkah PAS untuk mengadakan undi tidak percaya kepada Datuk Seri Syed Ahmad Shahabuddin sebagai Menteri Besar Kelah. PAS bercadang untuk mengemukakan usul itu. Nantinya Whip parti Barisan akan mengarahkan kerabatnya menentang usul itu. Dan PAS yang membawanya akan menyokong usul itu. Dan apakah lepas itu PAS akan memecat ahli-ahlinya.

Rasanya, tidak.

Maka nantinya PAS akan terasing juga dari Barisan. Buat macam mana pun setakat ini pertemuan sudah tidak ada antara PAS dan UMNO. Buat macam mana pun PAS tentulah sudah tidak boleh lama lagi berada dalam Barisan dan Barisan pun semacam tidak mahu sangat melihat PAS bersama-sama.

Yang menjadi perhatian sekarang apakah caranya PAS boleh dipisahkan dengan Barisan. Sekarang PAS masih menjadikan dirinya sebagai ahli Barisan walaupun ia tidak setuju dengan langkah-langkah Barisan. Barisan pula tidak dapat hendak menyatakan sesuatu dengan pasti kerana PAS yang menentang langkahnya itu masih mengakui dirinya sebagai kerabatnya walaupun ia sudah berhadapan dengan bermacam penghinaan.

Apakah PAS akan bertindak keluar sebelum dipecat atau Barisan akan mengambil langkah memecatnya dari Barisan? Ini yang menjadi perhatian.

Sehingga ini ada tanda-tanda yang PAS mahu menunggu supaya ia dipecat. Tujuannya ialah ia tidak mahu orang melihatnya yang perpecahan datangnya dari PAS. Dia mahu perpecahan itu disebabkan oleh tindakan Barisan.

Bagaimana pun PAS akan memanggil satu muktamar dalam waktu yang singkat itu. Muktamar ini akan menentukan langkahnya yang keseluruhannya adalah untuk menentukan strateginya menghadapi hari depannya. PAS menunggu dalam Barisan lagi sebenarnya bukanlah hendak duduk lebih lama dalam kumpulan itu. Ia mahu mengetahui apakah langkah-langkah politik yang hendak dilakukan oleh Barisan dalam negara ini.

Satu perkara yang nyata ialah pilihanraya sudah hampir tiba. Bila? Barisan saja yang boleh menentukan

bila. Bila Asri ada didalam Barisan tentulah beliau tahu tarikhnya dan mengetahui pula taktik-taktiknya.

Tetapi kalau PAS sudah keluar dari awal-awal lagi, tentulah PAS tidak mengetahui segala cerita didalamnya. Dan kalau PAS tahu banyak cerita dalam, maka mulalah ia menyusun strategi dan bila menjelang pilihanra-

ya, maka ia akan mengumumkan yang ia akan berdikari.

Ketika itu Barisan tentulah tidak mempunyai peluang yang cukup lama untuk mendakwahkan kempen anti PASnya. Buat macam mana pun PAS yang masih didalam Barisan itu sudah macam Ugly Duckling saja.

---

#### Nota:

*Pas akhirnya dipecat oleh Dewan Tertinggi Barisan dari menjadi kerabat Barisan. Alasannya ialah ia tidak mematuhi arahan whip di Parlimen supaya menyokong usul kerajaan meletakkan Kelantan dibawah pentadbiran darurat.*

*Tindakan itu membuktikan betapa tidak mungkin ada kebebasan bagi anggota-anggota parlimen untuk bertindak bebas di parlimen. Sebelum*

*ini ada cadangan untuk mewujudkan sistem satu parti dengan anggota-anggota parliment parti itu sendiri boleh menjadi pembangkang di parliment. Kononnya demokrasi terus terpelihara.*

*Tetapi dengan berlakukan tin-dakan keatas PAS itu, maka dengan sendirinya niat itu tidak mungkin dapat dipercayai. Barisan tidak akan senang melihat anggota parlimennya menentang usul kerajaan.*

## SELAMAT JALAN PAS

WATAN, 16 Desember, 1977

Ketika fokus ini ditulis PAS belum ditendang secara rasmi dari Barisan. Tetapi dari perkembangan yang dihadapi sejak sidang khas UMNO pada 9 Disember lalu, maka rasanya PAS sudah pun terpecat bila rencana ini disiarkan.

Watan sendiri sudah pun menyebut dalam rencana pengarang khasnya pada pagi 10 Disember 'Selamat Jalan PAS'. Dan ini didasarkan nya dari rancangan memecatnya oleh Barisan Nasional yang dijadualkan pada 13 Disember.

13 Disember akan dikenang sebagai hari celaka oleh Barisan Nasional kerana hari bermulanya satu sejarah pahit baginya. Bagi PAS 13 Disember akan dikenang sebagai hari dia dicabar dan ia akan memulakan hidup sendiri sama seperti yang telah dilainnya sebelum 1 Januari 1973.

Yang kita tahu bahawa PAS dipecah kerana enggan mematuhi keputusan Dewan Tertinggi Barisan agar parti itu memecat anggota Parlimen-nya yang tidak mematuhi arahan Whip Barisan ketika Rang Undang-

undang meletakkan Kerajaan Kelantan dibawah 'pentadbiran darurat'!

Keputusan Dewan Tertinggi antaranya secara tidak langsung memecat sama Datuk Asri Haji Muda, Yang Dipertua Agung PAS.

Dari semua kesimpulan bahawa PAS terpecat kerana adanya peraturan baru mengenai disiplin seperti yang tercatit dalam Fasal 14 Perlembagaan Barisan. Dengan ini Fasal itu mendapat gambaran dan tafsiran baru. Maka tidak adalah kesalahan anggota-anggota yang tidak dipecah selepas ini.

Tetapi kalau dibaca ucapan Datuk Husein Onn dalam sidang khas UMNO itu, maka akan kita dapat kesalahan PAS itu bukanlah sekadar tidak mematuhi arahan Whip itu saja. Banyak benar konon kesalahannya. Pendek kata dari ucapan itu terdapat seolah-olah PAS adalah pihak yang paling tidak setia dan paling jahat, macam-macam karenah dibuatnya.

Apakah alasan-alasan 'nakal' PAS yang terlalu banyak itu merupakan sesuatu yang mencerminkan hakikat

PAS atau ia satu ucapan politik yang sengaja atau terpaksa dibuat begitu akan terus dibaca dalam sejarah UMNO nanti.

Tetapi dari segala-gala yang terhurai itu nyatalah bahawa UMNO sudah tidak terdaya lagi untuk menyimpan PAS dalam kumpulan keluarganya. Pendek kata tanpa perbuatan PAS mengengkari arahan Whip Barisan itu, adalah sudah cukup bagi UMNO dan Barisan menendang PAS dengan alasan-alasan yang disebut oleh Datuk Hussein Onn itu.

Sesungguhnya memang PAS mengambil kesempatan dari muafakat dengan Barisan itu untuk mempergiat usahanya menuju cawangan-cawangan PAS di tempat-tempat yang sebelum ini tidak dapat ditembusinya.

Banyak kawasan yang sebelum ini PAS tidak boleh masuk kerana dihalang oleh UMNO, lalu tidak diterima oleh rakyat setempat, tetapi sesudah Barisan tertubuh, PAS dapat membuka cawangan. Antara tempat-tempat itu cawangan PAS dipelopori oleh orang-orang UMNO sendiri. Bagaimanapun belumlah ada wakil-wakil rakyat UMNO yang telah diambil oleh PAS.

Tetapi antara cawangan PAS yang tertubuh dalam sejarah muafakat itu ialah di Seri Gading, kawasan pilihanraya Datuk Husein Onn sendiri.

Sebelum itu Seri Gading tidak pernah ditembusi oleh PAS. Tetapi sekarang sudah ada cawangan PAS.

Ada orang berkata bahawa tidak

patut PAS menuju cawangannya di kawasan Perdana Menteri.

Bagaimanapun perkara ini adalah satu perkara biasa dan tidak ada salahnya bagi mana-mana pihak untuk meluaskan pengaruhnya di mana-mana juga. Ini tidak bererti PAS tidak percaya kepada Datuk Husein Onn macam UMNO tidak percayakan Datuk Asri.

PAS membuka cawangannya kerana ada orang-orang di kawasan itu tertarik kepada PAS dan ada orang di kawasan itu yang tidak suka UMNO. Sebagai sifat PAS sekutu dalam Barisan, maka adalah manasabah orang-orang yang tidak suka UMNO di kawasan itu masuk PAS dari menyertai parti lain.

Kalau mereka tidak masuk PAS, nanti mereka mungkin masuk parti lain seperti PSRM atau DAP umpanya. Mereka tentu sekali tidak akan menyertai sekutu Barisan yang lain seperti MCA atau MIC atau PPP. Jalan yang terbuka kalau tidak PAS ialah PSRM atau DAP. Kalau mereka menyertai PSRM atau DAP, sudah tentu dalam pilihanraya atau bila-bila masa saja mereka akan menentang Datuk Husein Onn dan akan mencer-canya dengan berbagai alasan, sama ada direka atau benar.

Tetapi kalau mereka masuk PAS, sekurang-kurangnya dalam pilihanraya yang PAS masih bersekutu dengan Barisan, orang-orang PAS itu akan turut menampal potret atau ikut sama-sama berkempen. Bukankah itu yang dibuat oleh sekutu-sekutu Barisan di

mana-mana juga dalam pilhanraya yang lampau.

Bagaimanapun sebagai ahli sebuah parti lain, adalah hak mereka untuk mendengar dan mengkritik itu dan ini. Ada kritik itu melulu dan ada kritik itu baik. Buat apapun, apalah yang ditakutkan dan nak dibesar-besarkan sangat perkara macam itu. Rasanya banyak lagi perkara lebih besar yang patut ditimbulkan.

Lagipun menimbulkan soal PAS membuka cawangan di kawasan UMNO ini, akan memperlihatkan sikap tidak gentlemen kita. Biarlah orang membuka cawangan apa sekalipun, seorang yang benar-benar kuat macam Sir Winston Churchill di Britain dulu, dimanapun diletakkan dia bertanding dia akan menang. Yang hak itu akan tetap tegak.

Lagipun perkara macam itu sudah dijangka dan suatu yang harus dihadapi oleh mana-mana sekutu Barisan sendiri. Sebelum muafakat itu kedua PAS dan UMNO adalah saling bermusuhan. Dan apakah muafakat dulu benar-benar melenyapkan permusuhan itu?

Selagi politik itu bernama politik sebagai yang banyak kita fahami, maka muafakat macam yang UMNO dan PAS buat dulu adalah tidak seratus peratus ikhlas. UMNO sendiri ada muslihatnya dan PAS sendiri ada muslihatnya.

Kita tidak tahu apa yang difikirkan oleh Tun Razak dan Dr. Ismail dulu. Apakah mereka tidak ada apa-apa tujuan selain dari pembangunan?

Tentu mereka ada tujuan macam juga Datuk Asri yang menerima pelawaan Tun Razak itu.

Kalau UMNO tidak ada tujuan, mengapa UMNO tidak bertindak membersihkan keadaan bila Datuk Abdullah Ahmad menikam PAS dari belakang melalui buku Alias Muhammad: "Kelantan, Politik dan Dilemma Pembangunan?"

Adalah muslihatnya. Dan PAS juga ada muslihatnya. Antaranya ialah dengan ia memasuki Barisan maka lebih mudah ia membanyakkan cawangannya hatta ke tengah kubu UMNO sendiri.

Tetapi buat apa kita baca semua perkara serupa itu. Itu adalah sebahagian dari catur politik kerana UMNO dan PAS itu adalah parti-parti politik.

Yang paling diutamakan dalam soal ini, disamping tipu muslihat masing-masing itu ialah sejauh mana pemimpin-pemimpin yang saling 'bertentangan' itu dapat menunjukkan yang mereka adalah orang-orang berjiwa besar dan bersifat toleransi?

Jiwa besar dan tolenrasi seseorang itu akan memberi kesempatan kepada mereka mengenepikan segala soal remeh temeh dan akan mengelincikan peranan tipu muslihat yang ada dalam fikiran masing-masing.

Bagaimanapun yang bersebok dalam politik menghadapi PAS itu nam-paknya ialah para pemimpin Barisan dari UMNO sendiri. Mereka berjumpa dan mengadakan mesyuarat berkali-kali dalam masa dua minggu.

Dari 5 Disember hingga 13 Disember banyak perjumpaan diadakan dan dalam waktu itu dengan sendirinya PAS yang tidak sempat berbuat apa-apa itu mendapati dirinya sudah pun terkeluar dari keluarga Barisan.

Dan sikap PAS nampaknya tenang. Ia menunggu saja. Ia tidak memecat ahlinya yang disuruh pecat oleh Barisan. Ia tidak menarik cadangan undi tidak percaya terhadap pemimpin-pemimpin di negeri-negeri.

Ia dengan senyap-senyap mengumumkan meletak jawatan sebagai EXCO satu demi satu. Barisan menyuruh PAS memecat ahli-ahli yang engkar kepada Barisan, tetapi mereka mengemukakan surat meletakkan jawatan EXCO. Dan mereka pula bersedia meninggalkan kerusi yang seberis dengan kerajaan Barisan.

Tetapi yang latah dengan keadaan sekarang ialah pemimpin-pemimpin sekutu Barisan dari lain-lain parti. Datuk Patinggi Rahman Yaakub um-pamanya sekejap mahu mempertahankan PAS dan sekejap terpaksa menyokong UMNO. Datuk Dzulkifli Hamid dari USNO juga sekejap mahu mempertahankan PAS dan sekejap terpaksa bersetuju dengan langkah memecat PAS.

Dalam soal ini yang tegas cuma PPP dari Ipoh itu. Itupun mungkin ia tidak ada kerusi dan ia tidak ada kerajaan sendiri yang nak dipertahankan. Adapun kerajaan di Bandaran Ipoh sudah lama diambil oleh kerajaan Negeri.

Bagi PAS nampaknya semacam

pemecatan itu suatu yang sangat dikehendakinya. Tetapi ia sendiri tidak mahu keluar sendirian. Ia mahu ditendang. Apakah tujuannya sangat sukar difahami dan sangat menarik untuk diperhatikan.

Dengan ia keluar dari Barisan, seperti yang pernah saya tekan kan di ruangan ini akan memberi peluang kepada mereka untuk menentang UMNO bersendirian dan ini memungkinkan ia dapat menambah kerusi atau mengurangkan kerusi. Tidaklah seperti dalam Barisan. Kerusi yang ada tidak akan bertambah dan peranan pun tidak bertambah.

Dalam pilihanraya yang akan datang ini nampaknya sulitlah bagi PAS untuk mempertahankan keduukannya di Kelantan. Dan mungkin juga kalah banyak kerusi Parlimen di Kelantan. Tetapi ia mengharapkan akan dapat menambah di tempat lain. Apakah harapan Barisan PAS itu akan terkabul akan diperhatikan. Dakwaan macam itu selalu benar didengar. Tetapi pilihanraya tetap memberikan kemenangan kepada orang-orang yang pernah menjadi pengikut Tunku Abdul Rahman Putera itu.

Tetapi risikonya ialah kemungkinan ia bergabung dengan DAP. Perkara ini tidaklah terfikir kita sekarang. Tetapi tidak ada yang mustahil dalam politik. Kalau SUPP yang terlalu kiri dari segala yang kiri itu boleh bergabung dengan Barisan, maka tidak ada ganjilnya bagi PAS bergabung dengan DAP.

DAP sendiri sedang mencari partner. Dan PAS sendiri memang sudah membuktikan dirinya boleh bekerjasama dengan orang-orang bukan Melayu. Kalau mereka buat bodoh, lalu bercantum, maka sulit bagi Barisan. Sulit itu memang sulit. Mana politik yang tidak sulit. Tetapi

janganlah sulit itu dicari. Lainlah kalau sulit datang sendiri.

Yang menjadi perhatian dalam orang-orang PAS yang asyik mengundi tidak percaya itu, adakah mungkin mereka buat-buat gila lalu mengemukakan undi tak percaya pula kepada Perdana Menteri?

---

---

*Nota:*

*PAS kemudian terpisah dengan Barisan dan menghadapi pilihanraya bersendirian. Ia juga menolak kemungkinan bermuafakat dengan DAP walaupun perhatian umum mengingini PAS dan DAP mencari kata sepakat bagi menjadi alternatif kepada Barisan.*

*Ujian pertama PAS ialah pilihanraya Dewan Undangan Negeri Kelantan di mana ia cuma dapat dua dari 36 kerusi. Dalam pilihanraya umum 1978 ia cuma dapat lima kerusi Dewan Rakyat dan bilangan kerusinya di Kedah dan Perak merosot. Ia tidak beroleh sebuah kerusipun di Terengganu.*

*Tetapi PAS sudah kembali kepada peranannya yang asal seperti sebelum terbentuknya kerajaan campuran.*

## UJIAN BESAR BAGI HARRIS

WATAN, 23 Desember 1977

Selama seminggu dari 14 Disember hingga 20 Disember – perhatian umum banyak tertumpu ke Kota Kinabalu yang sentiasa hujan di waktu petang itu.

Politiknya mula dirasakan ribut dari luar Sabah, walaupun orang-orang di Kota Kinabalu tidak sedar apa yang berlaku di sekitar kota itu.

Hari Rabu 14 Disember wakil-wakil rakyat mulai berkumpul di Ibu-kota Sabah itu. Esoknya mereka memulakan sidang belanjawan. Yang menjadi perhatian apakah Kerajaan Berjaya Datuk Harris Salleh akan dihadapkan dengan undi tidak percaya.

USNO ingin benar melihat Datuk Harris jatuh. Tetapi USNO tidak bersedia untuk mengemukakan usul itu. Tetapi kalau ada usul serupa itu, tidak teragak-agak ia untuk menyokong.

Sebelumnya telah bersebar berita bahawa ada orang-orang Berjaya mungkin menyeberang ke kerusi pembangkang. Sebabnya mereka tidak tahan dengan Datuk Harris yang sering memarahi orang di hadapan orang ramai dan mereka terpaksa mendengar cakapnya saja.

Beberapa orang ADUN Berjaya dikhabarkan sedia menyokong kiranya ada usul undi tidak percaya kepada Ketua Menteri itu. Tetapi mereka masing-masing takut untuk berbuat demikian secara terang-terang kerana kalau hal itu didengar, maka masa depan mereka boleh terancam.

Dalam keadaan yang bertiup itu Datuk Harris sendiri pun sudah terdengar akan adanya ADUN Berjaya yang mulai tidak senang dengannya. Dia memanggil mereka untuk memastikan yang mereka menyokongnya.

Seorang yang sangat lantang yang sebelumnya sudah pernah tidak mematuhi Datuk Harris bernama Micheal Wong pernah memberitahu bahawa kalau cara Datuk Harris ini berterusan, sebelum USNO membawa usul tidak percaya, dia sendiri akan membawa usul itu.

Perbalahan itu memulakan timbulnya kisah Micheal Wong yang kemudian diberitakan bermuafakat dengan pemimpin-pemimpin USNO termasuk Tun Mustapha berusaha untuk menjatuhkan Datuk Harris.

Micheal Wong seorang Kadazan. Langkahnya itu mencerminkan seba-



Datuk Harris



Datuk Dzulkifli

hagian dari sikap orang-orang Kadazan terhadap Ketua Menteri Sabah itu. Dan kerana Micheal Wong kemu diannya sudah tidak mungkin berbaik lagi dengan Harris dan dia ada pula bertemu dengan Tun Mustapha. Berjaya mengambil langkah untuk bertindak keatasnya.

Micheal Wong belum bertanding dulu sudah menulis surat melatakan jawatan tanpa haribulan. Surat itu tersimpan di tangan Datuk Harris. Bila terpecat dan dipecat saja dari ahli Berjaya, maka surat letak jawatan tadi akan disampaikan kepada Speaker, dan terlucutlah keanggotaan ADUNnya.

Micheal Wong menyedari ini. Dia cepat-cepat menulis surat kepada Speaker supaya jangan menerima perletakan jawatannya berdasarkan surat yang diberi lama itu. Anggap saja su-

rat itu tidak sah. Dia juga mengemukakan kes itu ke mahkamah.

Tetapi Suruhanjaya Pilihanraya sudah pun menentukan tarikh penamaan calon dan tarikh mengundi. Sebabnya Speaker sudah lebih dulu menerima surat perletakan jawatan dari surat yang mahu membatalkan surat itu.

Dari apa yang berlaku kepada Micheal Wong itu, maka tidaklah ada kemungkinan ADUN Berjaya berani untunk menentang Datuk Harris. Tetapi kalaularah ada orang USNO mengemukakan undi tidak percaya, boleh jadi ada orang Berjaya yang ikut menyokong.

ADUN Berjaya jauh lebih besar dari ADUN USNO. Kiranya Harris berpengaruh, tidak ada jalan dia boleh ditumbangkan. Justeru itu dia tidak perlu membesarkan pertemuan

Tun Mustapha dan Micheal Wong itu dan dia tidak perlu menanggil ADUN-ADUN Berjaya itu untuk menandatangani sumpah menyokongnya seperti yang disiaran oleh akhbar Harian Express pada pagi 15 Disember 1977 lalu.

Seluruh ADUN Berjaya telah menurunkan tandatangan bahawa mereka berdiri teguh di belakang Datuk Harris dan sebaliknya mereka mengutuk usaha hendak menggulingkan beliau.

Tetapi Kerajaan Berjaya terus bimbang, kalau Datuk Dzulkifli Hamid terus ada dalam Dewan dan dalam politik Sabah. Datuk Dzulkifli pada anggapan setengah ahli USNO tidaklah merupakan tokoh yang diterima bulat oleh parti. Tetapi semuanya mengakui, kalau Datuk Dzul tidak ada, maka belumlah dapat dipastikan apakah nasib USNO.

Sehingga ini tidak adalah lagi kayu balak untuknya dan tidak ada lagi peluang baginya untuk mempertahankan kebahagian hidup sebagai orang lumayan. Semuanya sudah ditarik oleh kerajaan. Tetapi dia tidak peduli dan terus juga bergiat dalam USNO dengan gigih dan tidak mengenal pahit dan sengsara.

Kerana itu ahli-ahli USNO terus memberikan sokongan kepadanya. Dan kerana itu juga USNO boleh terus bergerak mencabar Berjaya dan pemimpin-pemimpinnya. Ramai yang beranggapan, USNO akan lumpuh terus kalau Datuk Dzul tidak ada.

Kerana itulah Berjaya mesti men-

jalankan segala ikhtiar untuk menghancurkan Datuk Dzul. Seorang ADUN USNO Salim Bachuk berkata, "Datuk Harris dan Haji Mohamad Nor Mansur lebih bencikan Datuk Dzul dari USNO."

Dan jalan bagi mereka untuk berbaik semula nampaknya tidak ada. Oleh itu politik akan bergelora terus selagi Berjaya dipimpin oleh Datuk Harris dan USNO dipimpin pula oleh Datuk Dzul.

Ada orang merasakan bahawa politik di Sabah sebenarnya diributkan oleh enam orang. Mereka ialah Datu Dzulkifli Hamid dan Karim Ghani dari USNO dengan Datuk Harris, Haji Mohamad Nor Mansur, Lim Guan Sing dan seorang tokoh Cina lagi dari Berjaya yang saya tidak ingat namanya.

Kalau enam orang ini tidak ada, maka Sabah akan aman dan Datuk Hussein Onn sendiri tidak akan pering kepala untuk menghadapi soal Sabah.

Seorang aktivis USNO yang separuh umur berkata, patutkah permusuhan antara enam orang ini seluruh rakyat Sabah hidup dalam ketakutan.

Tetapi politik memang begitu. Pertentangan pendapat dan peribadi antara beberapa kerat manusia menyebabkan negara dan rakyat satu-satu negara itu gempar dan bergelora.

Datuk Dzul, Karim Ghani, Datuk Harris, Mohamad Nor, Lim Guan Sing dan seorang lagi tadi tidak boleh diasingkan ke sebuah pulau kerana mereka ada pengikut. Dan kerana

orang-orang inilah yang menjadikan Sabah ada politik.

Harris bunyinya banyak mendengar nasihat Lim Guan Sing. Dan ada yang berpendapat Lim Guan Sing yang mentadbirkan Sabah sekarang. Tetapi orang Cina sendiri pun mulai tidak senang dengan Harris. Kiranya ada satu parti Cina seperti DAP umumnya datang bercabang di Sabah, maka undi Cina akan lari dari Berjaya. Contohnya baru-baru ini Dewan Perniagaan Cina Sabah menilih pemimpin. Politik berlaku dalam hal ini. Saudara Lim Guan Sing kalah dan lain-lain tokoh Berjaya kalah.

Orang mulai merasakan bahawa pengundi Cina mulai kurang minat dengan Berjaya. Dan antara sebab Cina bersikap begitu bunyinya kerana sikap Harris yang selalu marah-marah.

Orang yang dimarah oleh Harris sudah tidak pilih bulu lagi. James Ongkili dan Mohamad Nor Mansur pun pernah kena marah. Sebagai contoh, bila Allahyarham Tun Hamdan Abdullah meninggal, Harris bercadang supaya abang James Ongkili dipilih menjadi Yang Di-pertua Negeri yang baru.

James tidak begitu setuju kerana ini boleh menyulitkan kerjaya politiknya. James dan Mohamad Nor cuba mendapatkan seorang sahabat datuk Harris bagi menyatakan hal ini. Mereka tidak merasa senang untuk menceritakannya sendiri kerana nanti boleh dimarah oleh Harris.

Kawan Datuk Harris yang ikhlas itupun menyatakan kepada Datuk

Harris apa yang dirasakan oleh James Ongkili dan Mohamad Nor itu. Datuk Harris tiba-tiba marah-marah mengapa mereka menggunakan orang lain untuk menyatakan hal itu. Mengapa mereka sendiri tidak mahu menyatakaninya sendiri?

Harris mahu jumpa James dan Mohamad Nor untuk memarahi mereka tentang hal itu.

Di Dewan Undangan Negeri beberapa orang ADUN Berjaya sempat pula berbisik dengan saya tentang tidak seronoknya mereka kerana Datuk Dzul digantung dari menyertai sidang yang menyebabkan USNO memulaukan sidang.

Mereka berhenti berbisik bila ada orang lalu. Cakap ADUN Berjaya berubah ke topik lain bila ada orang yang lalu singgah untuk turut bersempang. Dia bersungut lagi bila orang-orang itu berlalu. Nampaknya mereka kurang senang dengan Datuk Harris. Mereka mengharapkan Berjaya cepat bertukar tangan kepada James Ongkili atau Haji Mohamad Nor.

"Mohamad Nor orang baik," katanya. "Dia ada otak. Berjaya akan selamat kalau dia jadi pemimpin."

"Kami sudah sediakan ucapan untuk membahas ucapan belanjawan. Tapi tak dikasi. Mereka suruh kami cakap ucapan yang sudah disediakan," ADUN itu bersungut lagi. Dia seolah-olah kecewa kerana Tun Musapha tidak datang ke Dewan itu. Nampaknya dia suka melihat Datuk Harris dibidas oleh ADUN-ADUN USNO.

Di dalam Dewan Lim Guan Sing cuba memberi ucapan kepada seorang ADUN Cina Berjaya. Dia tidak mahu bercakap dengan ucapan yang disediakan. Lim memberi semula teks itu kepada Haji Mohamad Nor. Haji Mohamad Nor terpaksa mencari orang lain. Tetapi mengapa arahan seperti itu tidak dibuat dulu dalam pre council? Kalau ia diarahkan dalam pre council seperti yang lazim dilakukan oleh mana-mana parti politik, tidaklah nampak oleh orang luar tentang pertentangan mereka.

Ribut politik Sabah tadi tiba pada kemuncak bila pada 15 Disember Speaker mengumumkan penggantungan semula keanggotaan Datuk Dzulkifli. Bila ini diumumkan sebelah pagi Datuk Dzul tidak ada. Speaker mengarahkan Setiausaha Dewan untuk menulis surat menyatakan sebab-sebab mengapa keanggotaannya digantung dan minta jawapan mengapa dia tidak boleh digantung.

Datuk Dzul datang kemudian dalam keadaan dia tidak tahu apa yang

berlaku. Dia duduk di kerusinya. Bila ucapan belanjawan Mohamad Nor selesai, Datuk Harris meminta Speaker mengumumkan sekali lagi hal itu. Speaker berbuat demikian. Kemudian Datuk Harris minta Datuk Dzul keluar. Datuk Dzul cuba hendak memberi penjelasan. Datuk Harris dengan suara yang tidak dikawal terus mencari Ketua Polis Negeri minta mengusir Datuk Dzul. Dalam keadaan kelam kabut itu Speaker pula tidak membenarkan Datuk Dzul bercakap. Dalam berbalas-balas cakap itu ADUN USNO semuanya keluar dan memulaukan sidang.

Langkah ini adalah satu cara untuk menghalang Datuk Dzul dari bercakap. Banyak perkara nanti boleh dicakapnya. Walaupun berbagai tuduhan dibuat kepada Datuk Dzul seperti rasuah dan sebagainya, tetapi orang-orang USNO merasakan segalagalanya adalah usaha untuk menjatuhkan Datuk Dzul dari politik. USNO menolak tuduhan itu dan menyokong Datuk Dzul juga.

---

Nota:

Peristiwa Micheal Wong pernah menggongangkan kedudukan Datuk Harris, tetapi berakhir dengan kemenangan bagi Ketua Menteri Sabah itu.

Micheal Wong lenyap dari politik setelah tertolaknya kertas pencalonannya pada hari penamaan calun dalam pilihanraya kecil untuk mengisi kerusinya yang dikosongkan. Micheal membuat bantahan ke mahka-

mah.

Perkembangan itu menyebabkan ADUN-ADUN Berjaya yang tidak senang menikus kepada Datuk Harris.

Langkah selanjutnya Datuk Harris memusnahkan kerjaya politik Datuk Dzul dengan mengemukakan aduan rasuah dan mahkamah mendapati Datuk Dzul bersalah. Maka Datuk Dzul tidak boleh berpolitik untuk semestara waktu.

## MASALAH ASRI DAN MASALAH HUSSEIN ONN

WATAN, 30 Desember, 1977

WALAUPUN PAS ditendang dari Barisan Nasional, tetapi ternyata kedua-dua badan itu berdepan dengan krisis pimpinan. Pemimpin kedua-dua pertubuhan itu Datuk Asri dan Datuk Hussein Onn sama-sama menghadapi cabaran dan krisis kepercayaan dari pengikut masing-masing.

Datuk Asri, walaupun terbukti gagah kerana ucapan dasarnya dalam Muktamar Khas PAS hari Natal 1977 diterima oleh 99.999 peratus perwakilan tetapi retak-retak masih terdapat di sana sini dalam Jawatankuasa Agung parti Islam itu.

Bagaimanapun suara itu adalah jawapan kepada pimpinannya. Terbukti 'Asri kuat'. Tetapi apakah kuatnya Asri itu bererti kuat juga PAS. Orang tidak gentar kalau Asri kuat tetapi PAS tidak kuat. Sebaliknya orang gentar kalau Asri tidak begitu kuat, tetapi yang kuat ialah PAS.

Tertendangnya PAS dan Datuk Asri dari Barisan Nasional, sebenarnya tidak menyelesaikan masalah kepimpinan Datuk Huseein Onn. Datuk Asri kini boleh memulakan daerah pengaruhnya yang tersendiri melalui mandat baru yang diterimanya Ahad lalu.

Datuk Hussein Onn sekarang berdepan dengan krisis baru iaitu kepimpinan beliau seolah-olah tidak lagi mendapat kepercayaan USNO.

Sebelum ini USNO telah menjadi pengikut yang setia kepada Datuk Hussein Onn. Belum ada peraturan yang dikeluarkan oleh Barisan Pusat dilanggar oleh USNO. USNO mengikut apa saja yang diarahkan walaupun dalam banyak hal ternampak ia terhinai dan dihina serta maruahnya tercabar dan dicabar.

Tetapi dengan spontan, setelah berlaku peristiwa keanggotaan Datuk Dzulkifli Abd Hamid sebagai wakil Rakyat Bongawan di Dewan Undangan Negeri Sabah digantung lagi, dan Barisan Nasional Pusat tidak berbuat apa-apa untuk menyelesaikannya, dan kemudian USNO tidak pula dirundingi dalam penamaan calon pilihanraya kecil Matunggong bagi mengantikan kerusi Micheal Wong, maka USNO pun menyarankan untuk menggesa Tunku Abdul Rahman Putera kembali ke dalam politik.

Cadangan ini nampaknya serius dan perhatian sekarang tertumpu kepada Majlis Tertinggi USNO yang dilapurkan akan mengadakan sidang

bagi memutuskan perkara mengajak semula Tunku berpolitik itu. Dan kemudian USNO akan menghantar rombongan untuk mengadap Tunku untuk menyatakan hal itu.

Apakah benar hal ini akan dilakukan oleh USNO? Sehingga ini hal ini belum dinafikan oleh USNO. Ertinya USNO bercadang begitu. Yang menjadi perhatian lagi, apakah benar ini hendak dilakukan dan terdayakah USNO untuk mengambil keputusan demikian?

Rasanya tidak ada apa-apa yang dapat menghalang USNO untuk berbuat demikian kecuali Datuk Hussein Onn menunjukkan sikap yang agak terbuka sedikit kepada USNO. Sikap itu tidak bererti Datuk Hussein Onn mesti memihak kepada USNO, tetapi beliau haruslah boleh menunjukkan sifat sebagai bapa kepada USNO.

USNO walaupun tidak menyatakan apa-apa tentang Datuk Hussein Onn dalam cadangannya hendak membawa Tunku berpolitik semula itu, tetapi dengan menimbulkan perkara itu jelaslah ia sudah hilang kepercayaan kepada pimpinan Datuk Hussein Onn.

Apa perlunya Tunku kembali ke dalam politik kalau pimpinan yang ada boleh diterima menjadi pemimpin?

Kenyataan itu tidak menyebut USNO mengemukakan undi tidak percaya kepada Datuk Hussein Onn. Tetapi apakah ertinya langkah mencadangkan Tunku berpolitik semula kalau tidak untuk mengambil alih

pimpinan dari Datuk Hussein secara demokrasi dan mengikut perlembagaan?.

Tunku, bila berpolitik kembali nanti, tentulah tidak boleh jadi seorang maklum. Dia tidak boleh jadi macam Datuk Senu sebagai Setiausaha atau tidak boleh jadi anggota Majlis Tertinggi saja. Dia mesti menjadi ketuanya.

UMNO akan serba salah kalau Tunku nanti buat-buat gila lalu bersetuju dengan kemahuan USNO. Hendak kemana orang UMNO nanti kalau ini berlaku?.

Kita dulu telah melihat betapa berjayanya Tunku mengambil alih pimpinan UMNO dari tangan Allahyarham Datuk Sir Onn. Dan apakah kali ini beliau berjaya lagi mengambil alih dari tangan anak Datuk Sir Onn.

Belum tahu!

Krisis pimpinan ini hanya selesai kalau USNO membatalkan rancahangannya, dan Tunku pula sama sekali menolak dengan tidak menimbangkan apa nak jadi kepada negara dengan sikapnya itu.

Bagaimanapun yang ditimbulkan oleh USNO itu tidak akan melelapkan mata pemimpin yang ada selagi Perhimpunan Agung UMNO yang memilih Presidennya tidak berlalu. Tidak siapa dapat meneka dengan sikap Tunku. Dia boleh menolak sekarang dan menerima pula menjelang perhimpunan itu nanti. Atau menerima sekarang dan menolaknya kemudian. Ini satu dari masalah

UMNO menjelang perhimpunan agungnya dan menjelang pilihanraya umum yang boleh berlaku bila-bila masa sekarang.

Dalam pilihanraya kali ini UMNO yang memiliki saham terbesar dalam Barisan akan berhadapan dengan dua penentang handal iaitu PAS dan DAP. Di Kelantan, Terengganu, Kedah dan Perlis ia berhadapan dengan PAS. Di Pulau Pinang, Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Melaka ia berhadapan dengan DAP. Cuma di Johor sahaja Barisan berkubu bersih. Dan Pahang tidak mudah diketahui. Dan kalau PAS dan DAP bersekutu di negeri jin bertendang ini, maka sulit juga bagi Barisan untuk menghindarkan neracanya dari senget sebelah.

UMNO akan beruntung kiranya cerita yang dibawa dari Muktamar PAS hari Natal itu cuma Datuk Asri yang kuat. Cerita ini memang benar. Dia tidak dicabar dan tidak dibidas terus. Wakil Beruas, Harith Abu Bakar yang membawa suara tidak percaya kepada Datuk Asri telah tenggelam dalam api semangat yang menyokong Datuk Asri. Harith Abu Bakar akan menjadi kambing hitam yang terbakar dan abunya habis dibawa angin. Itulah kuatnya Asri.

Tetapi kuat Asri itu belum bererti kuat pula PAS. Kuat Asri kerana perwakilan yang datang adalah orang-orang yang pro Asri. Banyak dari kawasan-kawasan PAS itu dulu ditubuhkan oleh Ustaz Abu Bakar Hamzah sebagai tektik untuk membo-

lehkan rancangannya menyertai Barisan Nasional diterima oleh Muktar Khas PAS tahun 1972.

Orang-orang itu boleh didatangkan dari berbagai-bagai tempat. Tetapi apakah mereka bergerak atau tidak, adalah satu hal lain pula. Untuk menubuhkan kawasan dan menghantar orang datang mesyuarat senang. Tetapi untuk memastikan yang mereka itu berjuang dan boleh pula melawan UMNO, itulah yang susah.

Dan satu lagi yang menjadikan Asri kuat ialah adanya orang cerdik pandai PAS yang tak licin berjuang seperti Ali Talib dan Sufian Mohamad. Satu lagi Hassan Adli.

Mereka pandai mengaji dan mengajar. Tetapi tak pandai berpolitik. Mereka adalah antara orang-orang yang tahu bahawa ada benda-benda tak betul dalam PAS dan tak kena pada Datuk Asri. Tetapi bila Datuk Asri yang menubuhkan cawangan dan banyak juga membawa ahli-ahli baru berjaya menyakinkan pengikut-pengikut PAS dengan pidato dan bahasa yang menarik, mereka pun mengundurkan diri.

Mereka tidak setuju dengan Datuk Asri dengan hujah-hujah ilmiah. Politik juga perlukan ilmiah. Tetapi ilmiah itu mestilah dipolitikkan. Politik pensyarah-pensyarah ini ialah politik cepat lari. Bila merka dikritik oleh ahli-ahli PAS dari kampung sebagai intelek yang tak pandai berpolitik, lalu mereka melatakan jawatan. Itulah jerangkap yang dipa-

sang oleh anasir pro Asri. Jerangkap itu mengena. Mereka berhenti. Ertinya kuranglah bilangan pengkritik Asri dalam PAS dan dalam Jawatankuasa Agung PAS.

Dari apa yang didengar sekarang ada sekurang-kurangnya tujuh Ahli Jawatankuasa Agung setuju Datuk Asri berundur. Kalau Hassan Adli ada, bilangan itu jadi lapan. Kalau Ali Taib tak berhenti, suara itu jadi sembilan. Dan kalau Datuk Mohamed Nasir ada, sudah sepuluh.

10 pengkritik Asri dalam Jawatankuasa Agung bukan bilangan kecil. Ini bererti Datuk Asri tak boleh buat apa-apa. Datuk Asri boleh dicuri dari mulut 'naga' yang mengancam puak interlek. Suara pengkritik yang dikatakan ada tujuh itu kini tinggal enam kerana Sufian berhenti. Esok lusa ada lagi yang berhenti. Ia jadi lima. Kemudian jadi empat. Dan akhirnya habis. Bila habis apa untung Hassan Adli? Apa untung Ali Talib? Dan apa untung Sofian Mohamad? Untunglah puak yang pro Asri.

PAS adalah sebuah parti politik yang hakikatnya sama dengan manapun parti politik dalam dunia yang ada dua sayap. Satu kiri dan satu kanan. Atau satu sederhana dan satu pelampau. Atau satu berhaluan tua dan satu muda. Dua sayap ini selalu mengimbangi suasana.

PAS ada dua sayap. Satu akor kepada Asri. Satu lagi jadi pengkritiknya. Wujudnya pengkritik ini boleh menghindarkan Asri dan PAS dari terjerumus kesatu jurang yang terlalu

kekalan atau terlalu kekiri. Dan ini membolehkan Asri sentiasa hati-hati dan kolektif.

Kalau semua main politik cabut lari, bukan saja PAS hilang pengikut yang cerdik lagi pandai, tetapi masyarakat akan mempertebal kepercayaan bahawa orang-orang universiti memang tak tahu politik, mereka tahu mengata itu dan ini saja.

Dan PAS pula akan kerugian pengaruh bila orang-orang ini satu demi satu berhenti atas sebab berbalah pendapat dengan Datuk Asri. Ali Taib berhenti akan diikuti oleh isteri dan anak-anaknya. Dia juga ada pengikut. Demikian juga Hassan Adli. Disamping dia dan isteri dan anak-anaknya, ramai lagi orang macam dia ikut serta.

Mungkin bilangannya tak ramai, tapi dalam masa PAS berhadapan dengan UMNO dan BERJASA ini, keadaan ini tidak baik. Memang keadaan ini akan menguatkan kedudukan Asri dan gengnya, tetapi PAS nanti yang susah.

Datuk Asri haruslah memerhatikan perkara ini. Memang benar dia diberi sokongan dan sorak surai perwakilan muktamar. Dia diberi mandat baru.

Tetapi dengan mandat itu tidak bererti dia boleh bertindak semudah-mudahnya untuk menghancurkan saki baki pengikut Hassan Adli dan Datuk Mohamed Nasir.

Dalam PAS sekarang pun memang ada orang-orang yang masih simpati dengan Hassan Adli dan Datuk Moha-

med Nasir. Mereka mengira kedua-dua tokoh itu mangsa korban keadaan. Dan mereka merasa jiwa tokoh-tokoh itu masih bersama PAS.

Orang-orang ini tidak begitu tertarik dengan cara Datuk Asri. Tetapi mereka lebih sayang kepada PAS dan dengan itu mereka masih kekal dalam PAS. Mereka boleh ikut macam Hassan Adli yang 24 tahun berjuang dalam PAS dulu. Tetapi dengan berbuat demikian semata-mata menunai-kan apa yang dikehendaki oleh UMNO. Memang itulah yang UMNO mahu.

Langkah Datuk Mohamed Nasir, Hassan Adli, Ali Taib dan Sofian itu adalah satu langkah yang dipuji oleh

UMNO. Tetapi apalah kata hati mereka yang selama ini merasakan UMNO itu musuh.

Oleh itu masa berjinak-jinak dengan orang Kelantan saja sudah berlalu. Asri tidak dijadikan pemimpin PAS Kelantan. Dia pemimpin PAS Malaysia. Dia terpaksa memerhatikan setiap nadi PAS di tempat-tempat lain padu di saat menghadapi UMNO menjelang Pilihanraya. Dan orang PAS pula tidak datang untuk menggulingkan Asri, tetapi datang untuk mengikut Asri menjadi ketua yang kolektif. Asri itu adalah laksana mutiara yang sekarang dikelilingi oleh pagar berduri. Kalau dia dicuri, tentulah dia berguna.

---

Nota: Berikutnya dengan pengunduran tenaga-tenaga cendiakawan dari pimpinan PAS, Datuk Asri dikelilingi pula oleh muka baru juga intelektual yang pernah giat dalam ABIM seperti Fadzil Noor, Nakhaie Ahmad, Syed Ibrahim Abdul Rahman. Pimpinan Datuk Asri semacam kembali gagah, segala-galanya berbentuk sementara. Mereka tak sehaluan dan berkesudahan dengan giliran Asri pula berundur dan meninggalkan PAS awal 1983.

PAS bagaimanapun membangun semula selepas krisis dengan Barisan tahun 1977 itu dan krisis pimpinan awal 80an tidak menjelaskan peranan PAS dan kedudukannya.

Manakala pimpinan Datuk Hussein Onn dalam Barisan tidak jelas dengan sikap USNO. Tunku Abdul Rahman tidak bersedia kembali dalam politik yang cergas, dan dengan demikian USNO kian hari kian hilang pengaruh.